

REKAYASA
PEMERKAYAAN
KHAZANAH ILMU DAN
PERSURATAN
MELAYU

Awang Sariyan

**REKAYASA PEMERKAYAAN KHAZANAH ILMU
DAN PERSURATAN MELAYU**

Awang Sariyan

Cetakan Pertama/First Published in 2024

© Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) & Universiti
Kebangsaan Malaysia (UKM)

Editor:

Awang Sariyan

Diterbitkan di Malaysia oleh / Published in Malaysia by Akademi
Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) Lebuhr Enstek, 71760
Bandar Enstek, Negeri Sembilan Phone: +606-7979 400
<http://akept.mohe.gov.my/> akeptmalaysia@mohe.gov.my

© Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) &
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada AKEPT dan UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from AKEPT and UKM.



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

eISBN 978-967-2177-58-6

Isi Kandungan

M/S

Senarai Jadual & Rajah	4
Prakata	5
BAB 1	7
Rekayasa Pemerdayaan Khazanah Ilmu dan Persuratan Melayu Awang Sariyan	
BAB 2	23
MINDA MELAYU	
Pendorong Pembentukan Tamadun Tinggi Rais Yatim	
BAB 3	37
Bahasa Melayu dalam Meniti Era Revolusi Industri Ke-4 Mohd Yusof Hj Othman	
BAB 4	51
Falsafah Pendidikan Melayu Rosnani Hashim	
BAB 5	71
Epistemologi Linguistik dalam Konteks Falsafah Islam dan Falsafah Alam dan Tamadun Melayu Awang Sariyan	
BAB 6	106
Bitaranya Teori Kepemimpinan Malayonesia dalam Bahasa Melayu Berbanding dengan Bahasa Inggeris Shaharir Mat Zain	
BAB 7	138
Penolakan Teori Melayu Berasal dari Yunnan, Selatan China Wan Hashim Wan Teh	
BAB 8	150
Sumbangan Tokoh Falak dalam Penentuan Waktu Solat di Alam Melayu Kassim Bahali	
BAB 9	162
Karya Agung / Adi Karya Noriah Mohamed	
BAB 10	171
Tiang Seri Adat Perpatih Melalui Tambo Alam Minangkabau Mohd Rosli Saludin	
Rujukan	190
Senarai Penyumbang	213

Senarai Jadual & Rajah

JADUAL 2.1	(a) Ciri fizikal dan saintifik antara manusia dengan humanoid. (b) Ciri kerohanian antara manusia dengan humanoid.
JADUAL 5.1	Pertalian antara Pendekatan dengan Kaedah dan Teknik Pengajaran
JADUAL 8.1	Penggunaan Sudut Waktu Subuh Dalam Karya Falak Alam Melayu
JADUAL 8.2	Penggunaan Sudut Waktu Subuh oleh Tokoh Falak Kelantan
RAJAH 3.1	Evolusi Revolusi Industri sepanjang zaman.
RAJAH 3.2	Sumbangan dan pencapaian sains dan teknologi dalam era 4IR.
RAJAH 5.1	Tatabahasa Sejagat dalam Bahasa Manusia
RAJAH 6.1	Peta lama Melaka
RAJAH 6.2	Peta abad ke-16/ke-17 M
RAJAH 6.3	Peta <i>Malacca</i> bertarikh 1770 M.
RAJAH 8.1	Sudut zenit bagi waktu solat fardhu
GAMBAR 10.1	Manuskrip Encik Khairuddin Haji Khudri
GAMBAR 10.2	Butiran Dalam Tambo Dikaji
GAMBAR 10.3	Empat Jenis Penghulu
GAMBAR 10.4	Wujudnya Jawatan Penghulu

Prakata



Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya, buku suntingan bertajuk Rekayasa Pemerdayaan Khazanah Ilmu dan Persuratan Melayu dapat diterbitkan oleh Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi. Himpunan bab dalam buku yang berkisar bahasa, pemikiran dan ilmu ketamadunan Alam Melayu ini menjadi sumber dasar dalam mengembangkan konsep tamadun alam Melayu yang menjadi tonggak utama pembentukan semangat kenegaraan Malaysia beracuan jati diri kebangsaan.

Garapan dan kupasan para tokoh ilmuwan bidang bahasa dan tamadun alam Melayu menerusi buku ini akan memberi impak dalam menyuntik semangat kenegaraan dalam kalangan para pembaca. Penulisan yang mendalam tentang corak pemikiran, ketersediaan jati diri masyarakat menghadapi revolusi perindustrian serta era globalisasi sekali gus mengukuhkan iltizam bersama dalam membugar potensi serta memainkan peranan memperkasa bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi sekali gus mengangkat ilmu tamadun alam Melayu sebagai nilai ketamadunan tinggi dalam jangkauan era digitalisasi hari ini.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua penyumbang dan penulis buku serta semua pihak yang terlibat atas usaha keras menghasilkan buku yang amat bermakna ini. Syabas dan tahniah diucapkan.

Profesor Dr. Harshita Aini Haroon

Pengarah

Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT)

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)

Prakata



Alhamdulillah, sekalung kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t atas perkenannya, buku Rekayasa Pemerdayaan Khazanah Ilmu dan Persuratan Melayu ini dapat diterbitkan secara dalam talian. Dunia Melayu mempunyai sebuah tamadun yang hebat dan sejarah yang gemilang. Bahan bacaan umum dan ilmiah berhubung ruang lingkup ilmu bahasa dan budaya adalah penting untuk diperbanyakkan untuk rujukan Masyarakat dan para pengkaji. Sejajar tajuk buku ini, tema-tema yang dibincangkan merancakkan lagi perbincangan tentang ketinggian tamadun dunia ini.

Buku ini adalah kompilasi kupasan oleh tokoh-tokoh ilmuwan Malaysia dalam bidang kepakaran masing-masing sebagai pedoman memperkasa alam dan tamadun Melayu. Bahan bacaan yang menyeluruh seperti yang dipaparkan dalam buku ini amat baik untuk dikongsikan kepada generasi kini sebagai asas pembinaan jati diri bangsa yang akan mewarisi perjuangan bangsa di masa hadapan. Penghargaan dirakamkan kepada pihak Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) di atas peluang dan kerjasama yang diberikan kepada pihak Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sepanjang penghasilan buku ini.

Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Asyaari Muhamad
Pengarah
Institut Alam dan Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia

Bab 1

Rekayasa Pemerdayaan Khazanah Persuratan Untuk Pemeriksaan Tamadun Alam Melayu

Awang Sariyan

Pengenalan

Globalisasi sebagai fenomena sejagat memberikan kesan kepada tamadun sedunia dalam semua aspek kehidupan, baik politik, ekonomi, pendidikan, kebudayaan, teknologi mahupun bahasa dan sastera. Pola globalisasi yang berlaku sejak ratusan tahun lalu bersifat sehalu (dari Barat ke Timur), sehingga wujud keadaan hegemoni tamadun Barat kepada tamadun sedunia, termasuk tamadun di alam Melayu. Pola globalisasi sehalu itu menyebabkan masyarakat di dunia ketiga atau di negara sedang membangun lebih menjadi masyarakat pengguna daripada masyarakat pengeluar atau masyarakat pencetus inovasi dan kreativiti, daripada aspek keperluan hidup sehari-hari hingga aspek pemikiran, ilmu, pendidikan, kebudayaan dan aspek yang lain. Daripada sudut ilmu, pemikiran dan pendidikan, hampir seluruh dunia didapati amat bergantung pada lunas-lunas yang datangnya dari dunia Barat, misalnya dalam soal kerangka epistemologi atau teori ilmu dan sistem pendidikan yang berasaskan sekularisme dan dualisme, meskipun ada usaha membina kerangka epistemologi yang berasaskan pendekatan lain, seperti sudut pandangan Islam.

Pola globalisasi sehalu dari Barat ke Timur itu perlu diubah dengan mewujudkan pola globalisasi dua arah (Barat ke Timur dan Timur ke Barat), dengan salah satu strateginya melalui sumbangan persuratan tamadun Timur. Dengan demikian, segala teori, pendekatan dan kaedah pelaksanaan pendidikan dan kaedah menangani segala isu politik, ekonomi, kebudayaan, bahasa, teknologi dan yang lain tidak sewajarnya bergantung kepada yang diilhamkan dari Barat tetapi berdasarkan teori, pendekatan dan kaedah yang dilahirkan berdasarkan penyelidikan, pemikiran dan rumusan yang lunasnya ialah epistemologi dan acuan pemikiran serta kreativiti bangsa sendiri, termasuk dalam soal pengembangan ilmu dan karya kreatif, yang dapat dihubungkan dengan cita-cita dan usaha mengangkat kearifan watan (*local wisdom*).

Dalam hal ini, perlu dicatat bahawa wawasan kita bukan untuk sepenuhnya bergantung pada kekuatan sendiri dan menolak unsur baik daripada tamadun Barat, tetapi untuk menjadi umat peneroka yang pada saat yang sama tetap memanfaatkan sumber daripada mana-mana tamadun. Hal ini selaras dengan tujuan Allah menciptakan manusia daripada lelaki dan perempuan dan pelbagai bangsa dan puak untuk manusia melakukan *lita'arafu* (berkenalan-kenalan) sebagaimana yang diisyaratkan dalam ayat 13 surah al-Hujurat. Konsep *lita'arafu* itu, pada hemat saya, bukan sekadar mengenal sesuatu bangsa berdasarkan ciri-ciri fizikal seperti warna kulit, saiz jasad, bentuk khusus jasad, bahasa dan tingkah lakunya. Yang jauh lebih penting ialah bahawa manusia yang berbagai-bagai bangsa dan puak itu perlu mengenal kekuatan sesuatu bangsa atau tamadun lain untuk mengambil kekuatan itu bagi peningkatan tamadun bangsanya, baik dalam bidang pemikiran, sains dan teknologi dan bidang lain. Sehubungan dengan itu, sumbangan umat Melayu dalam bidang ilmu dan kreatif mudah-mudahan dapat memberikan sumbangan kepada umat sedunia di sisi untuk manfaat bangsa sendiri.

Keterbelakangan dalam bidang ilmu dan karya kreatif menjadi salah sebab yang menjejaskan daya hidup tamadun sesuatu umat. Umat tetap hidup tetapi tamadunnya mungkin lesu dan tidak menimbulkan kegiatan yang mengangkat martabat bangsa pendukungnya. Umat terus-menerus menjadi masyarakat pengguna atau masyarakat konsumer dalam segala bidang kehidupan dan tidak menyumbangkan sesuatu kepada tamadun dunia. Maka itu usaha pemerikayaan khazanah persuratan amat penting untuk daya hidup dan penakatan tamadun Melayu, termasuk sebagai penyumbang globalisasi seimbang yang saya bincangkan tadi.

Hubungan antara Ilmu dengan Tamadun

Ilmu menjadi dasar kemunculan dan penakatan tamadun umat manusia, berdasarkan bukti daripada sejarah tamadun Yunani, Rumawi, Islam, Cina, India, Parsi dan yang lain, termasuk tamadun Melayu. Tamadun Yunani yang tumbuh dan berkembang pada sekitar lima abad sebelum Masihi ditandai oleh kesuburan tamadun ilmu yang didukung oleh ahli-ahli falsafah terkenal seperti Thales, Socrates, Plato, Aristotle, Heraclitus dan banyak yang lain lagi. Cakupan ilmu yang digarap oleh ahli-ahli falsafah dan ilmuwan pada zaman itu cukup meluas, iaitu meliputi ilmu yang berkaitan dengan realiti alam dan kejadian alam (metafizik), kosmologi, etika, politik, undang-undang, psikologi, tatabahasa (gramatikos), retorik dan sains. Besarnya pengaruh tamadun Yunani kepada tamadun Barat (dan kepada tamadun sedunia juga) dicatat oleh Leonard Bloomfield dengan kata-kata bahawa hampir dalam semua bidang tamadun Barat berhutang budi kepada tamadun Yunani (Awang Sariyan, 2016). Demikianlah apabila tamadun Rumawi mengambil peranan sebagai tamadun Barat dalam fasa

seterusnya, ilmu dalam pelbagai cabang terus menjadi inti sari tamadun itu. Berkembang pelbagai ilmu dalam sains tabii dan sains kemanusiaan.

Tamadun manusia yang dicetuskan dengan kedatangan agama Islam lebih-lebih lagi jelas memperlihatkan peranan ilmu dalam kehidupan duniawi dan ukhrawi manusia. Wahyu Allah S.W.T. yang diutus kepada Nabi Muhammad S.A.W. melalui malaikat Jibril itu sendiri sarat dengan ilmu, baik ilmu yang berkaitan dengan ketuhanan dan keagamaan mahupun ilmu yang berkaitan dengan kehidupan di dunia, seperti ilmu kekeluargaan (munakahat), ilmu perniagaan dan hubungan sosial (muamalah), ilmu adab, siasah atau politik, peperangan dan perdamaian, ekonomi, dan sains. Kegemilangan tamadun Islam pada zaman Abasiah merupakan antara mercu tanda tamadun Islam apabila segala bidang ilmu yang dirintis dan dikembangkan oleh para ilmuwan Islam kemudian menjadi sumber ilmu tamadun Barat melalui proses terjemahan ilmu-ilmu dalam bahasa Arab ke dalam bahasa-bahasa orang Barat.

Tamadun Cina, India, Parsi dan yang lain pun ditandai oleh kesuburan ilmu dan budaya ilmu, tidak terkecuali tamadun Melayu. Tamadun Melayu pra-Islam, menurut kajian sarjana seperti Prof. Shaharir Md. Zain dan beberapa orang yang lain telah mula meneroka ilmu pengurusan, matematik dan teknologi. Konsep sifar, menurut kajian Prof. Shaharir telah diperkenalkan dalam tamadun Melayu pada abad ketujuh. Demikian juga konsep-konsep pengurusan menurut keadaan pada waktu itu. Perkembangan ilmu dengan lebih jelas berlaku sesudah kedatangan Islam di alam Melayu. Ilmu utama yang berkembang di alam Melayu pada zaman sesudah Islam ialah ilmu tiga serangkai yang penting sebagai asas kehidupan penganut agama Islam, iaitu ilmu akidah, ilmu syariat dan ilmu adab (berasaskan tiga teras Islam, iaitu iman, Islam dan ihsan). Di sisi itu berkembang juga ilmu yang membantu pengembangan tiga ilmu teras itu, antaranya termasuklah ilmu pengajian Quran (qiraah dan tafsir), ilmu hadis, sejarah, nahu dan saraf (bagi bahasa Arab), dan kemuncaknya ialah ilmu metafizik yang diwakili oleh tasawuf. Ilmu duniawi turut berkembang seperti ilmu ketatanegaraan (*statemanship*), ekonomi, historiografi, undang-undang, perubatan, persenjataan dan yang lain, yang terakam dalam manuskrip Melayu lama yang jumlahnya menjangkau puluhan ribu. Dalam zaman moden, tamadun Melayu memerlukan pelbagai ilmu untuk terus menjadi tamadun yang utuh dan inilah asas kertas ucap utama ini.

Jelas bahawa suburnya ilmu sesuatu bangsa menjadi salah satu faktor utama daya hidup tamadun, tidak kira tamadun Islam mahupun tamadun bukan Islam. Allah sendiri melalui firmanya dalam Quran dengan tegas menegaskan pentingnya ilmu pada manusia. Antaranya termasuklah firman “Katakanlah adakah sama orang yang berilmu dengan orang yang tidak berilmu? Sesungguhnya mereka yang mendapat peringatan dan petunjuk hanyalah dalam

kalangan hambanya yang berilmu dan bijaksana” (al-Zumar: 9). Firman lain yang berkaitan ialah “Allah meninggikan orang yang beriman dalam kalanganmu dan orang yang diberi ilmu beberapa darjat dan Allah maha mengetahui apa-apa yang kamu kerjakan” (al-Mujadilah: 11). Selain itu, peri pentingnya ilmu untuk kehidupan manusia banyak dinukilkan dalam hadis Rasulullah S.A.W. seperti “Barangsiapa meniti jalan untuk menuntut ilmu, maka Allah mempermudahnya jalan ke syurga dan para malaikat merendahkan sayapnya sebagai tanda keredaan kepada penuntut ilmu, serta penghuni langit dan bumi turut mendoakan kemapuan kepada si penuntut ilmu.” (riwayat Abu Darda). Hadis yang sering disebut di mana-mana ialah “Tuntutlah ilmu dari buaian hingga liang lahad” dan “Sesiapa yang menghendaki kejayaan di dunia hendaklah menuntut ilmu; sesiapa yang menghendaki kejayaan di akhirat hendaklah menuntut ilmu dan sesiapa yang menghendaki kejayaan hidup di dunia dan di akhirat hendaklah menuntut ilmu”. Diperlukan agenda pembentukan zaman keemasan tamadun Melayu yang kaya ilmu seperti pada zaman klasik (ilmu keagamaan, ketatanegaraan, undang-undang, pensejarahan, perubatan, persenjataan dll).

Asas Upaya Pemerdayaan Ilmu

Menuntut ilmu dan mengembangkan ilmu menjadi taklif atau tanggungjawab semua manusia, lebih-lebih lagi orang yang diberi keupayaan sebagai ilmuwan. Tiga asas pentingnya upaya pemerdayaan ilmu dalam kaitannya dengan martabat manusia sebagai makhluk terpilih dan juga khusus bagi pendukung tamadun Melayu ialah:

1. Sifat asasi manusia yang memerlukan ilmu dan bertanggung mengembangkan ilmu (sebagai khalifah Tuhan di muka bumi)
2. Tanggungjawab umat Melayu mengangkat martabat tamadunnya agar menjadi penyumbang kepada tamadun umat manusia sejagat (globalisasi dua hala)
3. Tanggungjawab menulis dan menerbitkan ilmu dalam bahasa watan kita, iaitu bahasa Melayu, selaras dengan firman Allah dalam surah al-Rum, ayat 22 tentang pengurniaan bahasa kepada setiap bangsa.

Berkaitan dengan asas yang pertama, Allah telah melantik manusia (dengan Nabi Adam a.s. sebagai manusia pertama) menjadi wakil-Nya di muka bumi. Hal itu disebut dalam ayat 30 surah al-Baqarah. Sebagai wakil Allah yang bertanggungjawab mengurus alam, maka manusia memerlukan ilmu yang dapat memenuhi amanah itu. Sebagai contoh, untuk memastikan kelestarian alam, manusia perlu memiliki ilmu yang berkaitan dengan sains sekitaran. Untuk pembangunan, diperlukan ilmu perancangan bandar dan kawasan, landskap, kejuruteraan, arkeologi dan juga ilmu kemasyarakatan. Untuk memenuhi keperluan kesihatan, diperlukan ilmu perubatan, farmasi, sains kesihatan dan

yang lain. Untuk menjaga keharmonian hubungan di peringkat masyarakat, negara dan antarabangsa, diperlukan ilmu kepemimpinan, pengurusan, psikologi, sejarah, bahasa, budaya, polisi dan ilmu hubungan antarabangsa.

Dalam konteks keperluan menyeimbangkan proses globalisasi sebagaimana yang saya kemukakan pada bahagian awal wacana, ilmuwan alam Melayu perlu menggali warisan ilmu yang dikenal sebagai etnosains, baik dalam bidang sains, teknologi, perubatan dan aspek yang lain. Temuan daripada kajian etnosains dapat menjadi asas untuk pengembangannya sebagai ilmu yang sesuai dengan keperluan semasa dan akan datang, apabila dipadukan dengan ilmu sains moden. Kejayaan pendukung tamadun China mengangkat perubatan dan rawatan tradisional patut menjadi dorongan untuk ilmuwan di alam Melayu berusaha mengangkat perubatan tradisional ke tahap yang dapat diterima dan dimanfaatkan oleh bukan sahaja warganegara dan warga serantau bahkan warga dunia. Banyak ilmu yang dapat dikaji dan diolah semula menjadi ilmu yang bertaraf kearifan watan. Ilmu-ilmu watan itu dapat menjadi sumber sumbangan kepada dunia melalui proses globalisasi, baik melalui persidangan mahupun melalui pengeluaran produk yang berasaskan ilmu watan itu.

Asas yang ketiga penting dalam konteks untuk memperkaya khazanah ilmu dalam bahasa watan kita, iaitu bahasa Melayu. Sebagaimana bangsa Yunani mengembangkan ilmu dalam bahasa Yunani, orang Rumawi menggunakan Bahasa Latin (dan kemudian setiap bangsa Barat seperti Jerman, Perancis, Belanda dll. Mengembangkan ilmu dalam bahasa mereka), orang Cina mengembangkan ilmu dalam bahasa Mandarin, orang Jepun dalam bahasa Jepun, orang Korea dalam bahasa Korea, orang Rusia dalam bahasa Rusia, maka menjadi tanggungjawab ilmuwan dan pihak berkuasa di alam Melayu mengusahakan pengembangan ilmu dalam bahasa Melayu. Surah al-Rum, ayat 22 menyebut bahawa “Antara tanda kebesaran dan kekuasaan Allah termasuklah penciptaan langit dan bumi, pengurniaan pelbagai bahasa untuk manusia dan pelbagai warna kulit.” Dalam surat Ibrahim, ayat 4 pula Allah mengisytiharkan pentingnya bahasa sesuatu bangsa dengan firman-Nya yang mafhumnya “Tidak Kuutus para rasul melainkan dalam bahasa yang difahami oleh kaumnya.” UNESCO dalam piagamnya pun mencatat keberkesanan bahasa sendiri dalam bidang Pendidikan. Bahasa Melayu sebagai Bahasa yang telah kirta-kira seribu tahun menjadi Bahasa ilmu dalam pelbagai bidang perlu diangkat menjadi bahasa ilmu (hingga peringkat ilmu tinggi, sebagaimana dalam tamadun lain).

Tiga taklif atau tanggungjawab itu patut dijadikan asas oleh semua ilmuwan dan institusi yang berkaitan dengan penerbitan karya ilmu di negara ini dan di seluruh alam Melayu. Maka itu, diperlukan sinergi atau perkongsian pintar antara negara-negara berbahasa Melayu untuk melakukan **penilaian, pemetaan,**

pelaksanaan, promosi dan peneguhan prasarana, iaitu lima bidang dan langkah yang disarankan dalam bab ini.

Ilmu dan Fitrah Manusia

Sebagai lanjutan perbincangan dalam bahagian-bahagian di atas, saya bincangkan secara ringkas hakikat ilmu dan fitrah manusia, iaitu bahawa ilmu merupakan bahagian penting bagi makhluk manusia. Tanpa ilmu, manusia mungkin setaraf dengan makhluk lain, bertentangan dengan hakikat kejadian manusia sebagai makhluk yang terbaik yang diciptakan Tuhan.

Ilmu sebagai salah satu ciri fitrah manusia telah saya bincangkan sebelum ini, iaitu untuk memenuhi amanah manusia sebagai khalifah atau wakil Allah di muka bumi. Hal itu disebut dalam ayat 30 surah al-Baqarah dan peri pentingnya ilmu dalam pengisian amanah itu disebut pula dalam ayat 31 surah al-Baqarah, iaitu kisah Allah mengurniai Nabi Adam a.s. bahasa sebagai alat menguasai dan mengembangkan ilmu.

Fakta lain yang menjadi asas perlunya manusia memenuhi tanggungjawab dalam bidang ilmu ialah bahawa Allah telah mengurniai manusia bahasa dan ilmu semasa manusia di alam roh lagi, sebelum dizahirkan di mayapada. Dalam surah al-A`raf, ayat 172, diperlihatkan komunikasi antara Allah dengan manusia yang membuktikan bahawa bahasa sebagai alat pemerolehan ilmu telah dikurniakan secara fitrah di alam roh lagi, sebagai potensi untuk manusia memperoleh dan mengembangkan ilmu.

Keperluan akan dua jenis ilmu secara bersepadu dalam kaitannya dengan pemenuhan tuntutan *fardu `ain* dan *fardu kifayah* memerlukan upaya pengayaan ilmu dalam dua bidang utama, iaitu:

- (i) Ilmu tanzil (ilmu yang diwahyukan)
- (ii) Ilmu akal/sains (ilmu yang dicari)

Ilmu tanzil meliputi perihal ilmu tentang ketuhanan dan segala yang berkaitan dengan agama yang terangkum dalam Rukun Iman dan Rukun Islam. Bidang akidah, syariah dan tasawuf secara kasar mewakili kategori ilmu tanzil atau ilmu wahyu yang memerlukan rincian subbidang lain seperti dalam lampiran. Ilmu akal atau ilmu yang dicari meliputi ilmu sains tulen, sains sosial dan sains kemanusiaan yang memerlukan kajian berterusan, khasnya kajian lapangan selain pemantapan asepek teori dan konsep. Bidang ilmu akal itu pun memerlukan rincian subbidang sebagaimana dalam lampiran. Paduan ilmu tanzil dan ilmu akal itulah yang menjamin kesimbangan khazanah ilmu sebagai asas tamadun sesuatu bangsa. Maka itu diperlukan perancangan yang rapi.

Kerangka Perancangan Kerja

Untuk mengatur dan melaksanakan strategi yang praktis bagi mengisi cita-cita pemerdayaan khazanah ilmu dalam bahasa Melayu, saya menyarankan lima tahap utama yang perlu diupayakan.

Lima tahap utama itu ialah:

1. Penilaian kritis
2. Pemetaan
3. Pelaksanaan
4. Promosi
5. Peneguhan prasarana

Tahap 1: Penilaian Kritis

Tahap penilaian kritis perlu ditumpukan pada tiga aspek penting, iaitu:

- ***Bidang*** - Menilai kekuatan dan kekurangan tamadun kita dalam pelbagai bidang ilmu sebagai asas perancangan selanjutnya (menyusun pemetaan bidang yang tuntas).
- ***Keahlian*** - Menilai kekuatan dan kekurangan ahli ilmu kita dalam bidang ilmu tertentu untuk dijadikan asas perancangan latihan dan pengagihan tanggungjawab (diperlukan direktori dan profil penulis ilmu dan susastera).
- ***Institusi/Badan*** - Dikenal pasti dan diinventorisasikan institusi/badan yang sedia bergerak dan yang berpotensi untuk ikut serta dalam gerak kerja pengayaan khazanah ilmu di bawah badan penyelaras seperti Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tahap 2: Pemetaan

Tahap pemetaan bidang ilmu untuk dikerjakan meliputi dua aspek penting, berdasarkan klasifikasi ilmu yang disarankan oleh Ibnu Sina dan sarjana lain pada zaman klasik Islam dan sarjana semasa seperti Syed Muhmammad Naquib Al-Attas, iaitu:

- ***Bidang ilmu yang ditanzulkan (the revealed knowledge)*** - Penyenaraian ilmu-ilmu yang tercakup di dalam kategori ini (aqidah, fiqah, tafsir, hadith, tasawuf, sirah, jinayah, muamalah, adab, qiraah dll. untuk dilengkapi judul-judul dan karyanya, sebagai asas pemerdayaan tamadun di alam Melayu. Untuk tujuan kesalingfahaman antara agama, perlu diupayakan juga penyusunan karya umum tentang ajaran agama-agama lain yang mewakili sejumlah umat di alam Melayu.

- ***Bidang ilmu yang dicari (the acquired knowledge)*** – Penyenaraian dan penulisan ilmu yang tercakup dalam dua bidang utama di bawah kategori ini, iaitu (1) ilmu-ilmu sains sosial dan kemanusiaan dan (2) ilmu-ilmu sains tabii yang diperlukan untuk kepentingan negara dalam rangka memakmurkan alam (Daftar bidang ilmu yang digarap oleh MABBIM dapat dijadikan titik tolak)

Tahap 3: Pelaksanaan

Tahap pelaksanaan program meliputi tiga aspek utama, iaitu:

- **Pembentukan pasukan kerja** – berasaskan bidang dan subbidang ilmu untuk menjayakan gagasan “penerbitan berpakej” (berdasarkan hasil penyelidikan, terjemahan dan pengubsuaian tesis menjadi buku).
- **Penghasilan dan penerbitan karya ilmu dalam kerangka dua jenis pakej:** pakej dalam konteks pelbagai bidang ilmu dan pelbagai lapisan masyarakat pengguna.
- **Pemanfaatan pelbagai media** - dengan penekanan pada teknologi maklumat dan komunikasi serta penerbitan digital dan multimedia, selain penerbitan bercetak untuk mengimbangi globalisasi Barat melalui alam maya)
- **Penyelidikan/penelitian** - dalam rangka eksplorasi bidang, temuan dan dapatan baharu penting dilakukan melalui program penyelidikan yang terancang dan pesat agar bangsa kita tidak semata-mata menjadi bangsa pengguna tetapi menjadi bangsa penyumbang. Dalam konteks ini, usaha mengkaji dan mengetengahkan ilmu watan dan kearifan setempat amat relevan dan aila.

Tahap 4: Promosi

Tahap promosi melibatkan tiga gerak kerja, iaitu:

- **Persidangan ilmiah antarabangsa secara terancang** - untuk mengetengahkan hasil yang berorientasikan teori, pendekatan dan kerja pengolahan beracuan tamadun alam Melayu (dalam hal ini Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM) yang urus setianya di Dewan Bahasa dan Pustaka dapat dijadikan wahananya).
- **Rangkaian dengan badan dan forum antarabangsa** - termasuk penerbit dan akademi ilmu, untuk mengetengahkan temuan dan dapatan daripada hasil penelitian dan penulisan ahli ilmu dari alam Melayu.
- **Penerjemahan karya ilmu dan sastera Melayu yang bermutu tinggi ke dalam bahasa-bahasa utama dunia** - untuk terbitan dan pasaran

antarabangsa, baik oleh penerbit di rantau ini mahupun penerbit antarabangsa.

Tahap 5: Peneguhan Prasarana

Tahap peneguhan prasarana melibatkan empat pihak, iaitu:

- **Sektor pendidikan** – pencapaian nisbah 0.01% judul buku berdasarkan jumlah penduduk negara (ketetapan UNESCO bagi ukuran negara yang maju tahap ilmu dan pendidikannya) melibatkan dana yang besar dan tenaga manusia yang cemerlang. Penanggungjawab dalam sektor pendidikan negara perlu melakukan perancangan latihan untuk penyediaan tenaga ilmu, penulis, penerjemah dan penggerak industri penerbitan (bercetak dan elektronik).
- **Sinergi dan kolaborasi institusi/IPT setempat dan serantau** – untuk meningkatkan keberkesanan kerjasama serantau di peringkat negara dan di peringkat rantau alam Melayu dalam penyelidikan dan penerbitan, termasuk pembinaan pangkalan data serantau yang dapat menginventorikan tajuk dan abstrak tesis dalam pelbagai bidang ilmu tentang tamadun alam Melayu.
- **Peranan pemerintah negara-negara berbahasa Melayu melalui ASEAN** – ASEAN perlu memberikan perhatian kepada kerjasama ilmu dan pendidikan. Langkah awal Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia membentuk Jawatankuasa Pengembangan Bahasa Melayu di IPT Negara-negara ASEAN pada 7 Mac 2022 dengan Institut Alam dan Tamadun Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai urus setianya perlu digerakkan dengan perancangan dan dana yang cukup.
- **Perkongsian pintar** - antara badan pemerintah dengan badan swasta, untuk pendanaan penyelidikan dan penerbitan. Syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat swasta perlu menunaikan tanggungjawab sosial dalam bidang ilmu dan pendidikan, termasuk dalam pemerdayaan khazanah ilmu dalam bahasa Melayu.

Lampiran

Sebagai asas untuk menggerakkan perancangan yang dibincangkan sebelum ini, cadangan Dewan Bahasa yang berikut dapat dijadikan titik mula gerakan:

Cadangan Projek Penerbitan Digital DBP

- Sesuai dengan tuntutan semasa, bermula pada tahun 2015 – 2020, Dewan Bahasa dan Pustaka telah membangunkan aplikasi digital interaktif bagi peranti mudah alih, iaitu telefon pintar dan komputer tablet. Sebanyak 210

aplikasi yang merangkumi bidang sains sosial dan kemanusiaan, dan sains dan teknologi telah dibangunkan. Bermula pada tahun 2020, DBP telah memulakan projek rintis penerbitan buku audio sebanyak 11 judul.

- Berdasarkan Sasaran Kerja Utama (SKU) DBP 2021 – 2025, penerbitan digital DBP telah diperluas, selain bentuk buku aplikasi digital interaktif dan buku audio kepada dua bentuk baharu, iaitu penerbitan rancangan TV Web dan radio digital. Sebanyak 1980 kandungan bahan digital dirancang untuk diterbitkan dalam tempoh lima tahun.

Cadangan Pemetaan Bidang/Subbidang Ilmu Projek Penerbitan Digital

Bidang 1. Sains dan Teknologi

1. Sains Komputer
2. Sains Nuklear
3. Sains Biologi
4. Matematik
5. Bioteknologi
6. Sains Fizik
7. Sains Kimia
8. Kejuruteraan dan Inovasi
9. Sains Akuatik
10. Astronomi
11. Perubatan dan Kesihatan
12. Sains Sekitaran
13. Teknologi Makanan
14. Sains Perhutanan dan Pertanian
15. Bioinformatik
16. Geologi
17. Pergigian
18. Sains Pertanian
19. Sains Farmasi
20. Kejuruteraan Perubatan
21. Sains Farmasi
22. Multimedia

Bidang 2. Sains Sosial dan Kemanusiaan

1. Kesenian dan Kebudayaan
2. Psikologi dan Kaunseling
3. Sosiologi dan Antropologi

4. Ekonomi dan Pengurusan
5. Sejarah
6. Undang-undang dan Syariah
7. Pendidikan
8. Sains Politik dan Dasar Awam
9. Komunikasi
10. Seni Bina dan Landskap
11. Sukan dan Rekreasi
12. Geografi
13. Arkeologi
14. Hubungan Antarabangsa
15. Seni Reka Fesyen dan Busana
16. Pelancongan, Pengurusan Hotel dan Kulinari
17. Pengurusan dan Kepimpinan
18. Pengajaran dan Pembelajaran

Bidang 3. Agama, Falsafah dan Tamadun Islam

1. Falsafah dan Pemikiran Islam
2. Dakwah
3. Akidah dan Tasawuf
4. Fiqh
5. Sejarah dan Tamadun Islam
6. Al-Quran
7. Hadith
8. Muamalat dan Ekonomi Islam
9. Undang-undang Islam dan Siyasah Syari'iyah
10. Perbandingan dan Dialog Antara Agama
11. Pendidikan Islam
12. Sains dan Teknologi Islam

Bidang 4. Bahasa Melayu

1. Analisis Wacana
2. Leksikologi dan Leksikografi
3. Terjemahan dan Interpretasi
4. Fonetik dan Fonologi
5. Perancangan Bahasa
6. Linguistik Klinikal
7. Morfologi
8. Semantik
9. Neurolinguistik
10. Psikolinguistik

11. Dialektologi
12. Bahasa Peribumi
13. Data Korpus
14. Pragmatik
15. Sintaksis
16. Sociolinguistik
17. Penyelidikan Bahasa
18. Stilistik dan Retorik
19. Peristilahan
20. Pendidikan Bahasa
21. Pengajaran Bahasa
22. Linguistik Sejarah
23. Tulisan Jawi
24. Pengajaran Bahasa untuk Penutur Asing

Bidang 5. Sastera dan Persuratan Melayu

1. Cereka Moden
2. Puisi Moden
3. Drama Moden
4. Puisi Tradisional
5. Prosa Tradisional
6. Kajian Sejarah (Sastera Bukan Kreatif Moden)
7. Kajian Teks (Sastera Bukan Kreatif Moden)
8. Kajian Tokoh/ Biografi/ Autobiografi/ Memoir (Sastera Bukan Kreatif Moden)
9. Kajian Teori/Kritikan (Sastera Bukan Kreatif Moden)
10. Kajian Sejarah (Sastera Bukan Kreatif Tradisional)
11. Kajian Teks (Sastera Bukan Kreatif Tradisional)
12. Kajian Tokoh/ Biografi/ Autobiografi/ Memoir (Sastera Bukan Kreatif Tradisional)
13. Kajian Teori/Kritikan (Sastera Bukan Kreatif Tradisional)
14. Filologi/Trasliterasi (Sastera Bukan Kreatif Tradisional).

Bidang 6. Kanak-kanak dan Remaja

1. Buku Kanak-kanak
2. Buku Remaja
3. Buku Sokongan Pendidikan (Kandungannya berdasarkan lima bidang utama di atas)

Sorotan Buku

Seperti yang telah diuraikan, bab pertama buku ini membincangkan daya hidup tamadun melalui usaha penyuburan karya persuratan yang merangkum persuratan ilmu dan persuratan kreatif. Daya hidup tamadun sesuatu bangsa banyak bergantung pada perkembangan ilmu dalam pelbagai bidang dan karya kreatif. Beberapa asas falsafah dan kesejarahan dibincangkan, disusuli dengan beberapa cadangan operasional untuk merealisasikan daya hidup tamadun melalui usaha penyuburan ilmu dan karya kreatif, dalam kaitannya dengan pemeraksanaan tamadun alam Melayu.

Seterusnya, bab kedua buku ini akan meneliti dan mengutarakan tiga perkara pokok, iaitu; Pertama minda yang secara amnya mengandungi pemikiran dan idea merupakan pelunas dan pemangkin budaya dan cara hidup bertamadun manusia. Kedua, cara hidup orang Melayu pada hari ini adalah lunas pengalaman terkumpul zaman demi zaman semenjak kehidupan evolusi pra-sejarah, animisme yang merentas kehidupan zaman Hinduisme, Bhuddisme dan Islam justeru membentuk keMelayuannya yang ada pada hari ini. Ketiga, pendidikan dan bimbingan sosiopolitik serta alam sekitar berupa antara faktor-faktor yang mampu membentuk minda bangsa Melayu dari sudut evolusi sosio-budaya dan capaian kehidupan mereka dalam wilayah Gugusan Kepulauan Melayu yang sering disebut sebagai Nusantara. Bab 2 menyarankan pada akhirnya hala tuju pendidikan ilmu dan budaya tinggi yang perlu dipilih oleh masyarakat Malaysia, khasnya orang Melayu harus jenis yang tidak terlalu bergantung kepada Barat.

Menerusi bab 3, banyak isu yang ditimbulkan berhubung dengan kedudukan bahasa Melayu di era Revolusi Industri ke 4 (4IR). Antaranya adalah mampukah bahasa Melayu menjadi bahasa ilmu di era ini? Bolehkah bahasa Melayu mengungkap dan menjelaskan fenomena saintifik di era teknologi nano? Akan mundurkan mereka yang mengungkap sains dan teknologi dalam bahasa Melayu? Sejarah telah menunjukkan kepada kita sistem ekonomi berubah dari satu zaman ke zaman yang lain, dari sistem feudal ke sistem sosialis, kemudian ke sistem kapitalis, dan kini ke sistem pasaran bebas dan terbuka. Teknologi nano dan digital merencanakan lagi aktiviti ekonomi ini. Sepanjang zaman perubahan sistem ekonomi ini dipacu oleh perkembangan sains dan teknologi yang bersesuaian dengan bekalan dan permintaan yang diperlukan. Rencana ini dimulakan dengan melakukan tinjauan secara sepintas lalu tentang peranan bahasa Melayu dalam membina sistem nilai dalam membangun peradaban. Era Revolusi Industri ke-4 atau 4IR (Schwab, 2017) adalah era pembangunan sistem ekonomi pasaran bebas dan terbuka dengan bantuan pesat oleh pembangunan dalam bidang sains angkasa, teknologi maklumat dan komunikasi serta pembangunan teknologi nano yang disebut juga sebagai sistem fizikal siber. Era

ini adalah era dunia tanpa sempadan (Ohmae, 1999) yang menonjolkan era maklumat dan produk bergerak.

Bab 4 pula meneliti dan membincangkan tentang falsafah pendidikan Melayu, iaitu pemikiran pendidikan para ahli falsafah Melayu dari zaman Islamisasi dunia Melayu pada abad ke-13 hingga ke saat ini. Sebagai orang Melayu, Melayunya benar-benar terpadu dengan unsur-unsur Islam. Ciri terkuat ideantiti Melayu yang kekal konsisten tanpa terikat kepada lokasi tempat tinggal adalah ketaatan mereka terhadap agama Islam. Orang Melayu di seluruh dunia mengiktiraf perlembagaan Malaysia yang mentakrifkan seseorang Melayu sebagai "seseorang yang termasuk dalam ras Melayu mana pun yang biasanya bertutur dalam bahasa Melayu (atau sebarang dialek bahasa Melayu) dan menganut agama Islam" (Joshua Project, 2019). Justeru, secara umumnya pemahaman orang Melayu tentang Islam menentukan tujuan pendidikannya. Bab ini memberi fokus kepada orang Melayu dan tafsiran dan terjemahan tentang falsafah pendidikan, yang sangat dipengaruhi oleh pandangan dunia dan konstruksi Islam.

Seterusnya dalam bab 5 buku ini akan membincangkan tentang epistemologi linguistik dalam konteks falsafah Islam dan falsafah Alam dan Tamadun Melayu. Sama ada disadari atau tidak, bidang ilmu dan pendidikan umat Melayu dan umat Islam menghadapi krisis besar yang berkaitan dengan falsafah ilmu dan pendidikan itu sendiri, khususnya aspek epistemologi atau teori ilmu. Hingga kini, sebahagian besar sarjana sedunia dalam pelbagai bidang, termasuk di negara kita, masih terbelenggu oleh epistemologi Barat, meskipun sekali sekala bergema suara untuk membebaskan pemikiran kita daripada neokolonialisme yang berlangsung dalam bidang pemikiran, pendidikan dan kebudayaan. Pemahaman tentang kerangka falsafah dan pemikiran Barat yang berpengaruh ini penting dalam konteks membebaskan falsafah dan pemikiran umat Islam daripada kerangka falsafah Barat yang tidak cocok dengan pandangan sarwa atau *weltaanschauung* Islam. Justeru itulah, pelbagai kupasan, cadangan dan usaha untuk membebaskan pemikiran Barat ini dalam konteks falsafah Islam dan falsafah Alam dan Tamadun Melayu dihuraikan dengan lebih lanjut serta terperinci buat pembaca.

Melalui bab 6 buku ini akan menyoroti aspek bitaranya teori kepemimpinan Malayonesia iaitu rantau yang menggunakan bahasa Austronesia, yang terletak pada sejarah mulanya, bahasanya, dan matan teorinya. Teori kepemimpinan Malayonesia dalam bahasa Melayu yang mula tersirat dalam prasasti abad ke-7 Masihi ketika Inggeris belum pun ada tulisannya akan dikupas dengan lebih lanjut dalam bab ini. Pada keseluruhannya, berasaskan sumber-sumber karya yang disebut dalam bab ini, dan peribahasa dalam bahasa Melayu klasik, serta dua buah lagi karya agung Malayonesia Hikayat Raja Pasai abad ke-

15 M, dan Sejarah Melayu 1612 M yang tersirat adanya teori kepemimpinan, ditonjolkan bahawa teori kepemimpinan dalam bahasa Melayu itu sarat dengan nilai keagamaan. Keseluruhannya teori kepemimpinan dalam bahasa Melayu itu dapat dikontemporerkan menjadi intipati teorinya yang boleh disenaraikan sebagai 13 aksiom kepemimpinan Malayonesia dan dibuktikan intipati ini dapat menandingi, bahkan mengatasi, aksiom kepemimpinan dalam bahasa Inggeris kini.

Bab 7 buku ini akan menyoroti tentang penolakan teori Melayu yang berasal dari Yunnan, iaitu sebuah kawasan di selatan China. Penolakan teori migrasi ini adalah berdasarkan bukti arkeologi yang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji arkeologi. Bab ini juga membentangkan secara ringkas fakta mengenai kehadiran manusia kuno atau 'ape-man' yang diistilahkan sebagai 'makhluk menyerupai manusia' dan manusia moden atau homo-sapiens di zaman prasejarah di Alam Melayu sejak lebih ribuan tahun yang lalu. Bab ini juga mengambil pandangan beberapa orang sarjana yang mempelopori dan mengetengahkan Teori Migrasi ras Melayu Polinesia dari benua Asia ke Alam Melayu melalui dua gelombang, Melayu Proto dan Melayu Deutro. Kemudian dikemukakan pula fakta dan pandangan yang menolak teori itu berasaskan kepada kajian dan penemuan arkeologi terdahulu.

Kemudian, melalui bab 8 buku ini penulis berkongsi tentang ilmu falak atau hari ini yang lebih dikenali sebagai astronomi yang juga merupakan antara sumbangan tamadun Islam kepada dunia. Astronomi merupakan suatu bidang ilmu yang mencakupi kajian tentang jasad cakerawala, ruang angkasa dan alam semesta secara pencerapan dan secara teori. Kini, ilmu ini telah berkembang dan membentuk beberapa cabang ilmu yang lain seperti astrometri, mekanik samawi, astrofizik, kosmologi, radioastronomi dan beberapa cabang lain lagi. Cabang ilmu ini sangat bermanfaat dan istimewa sehingga falak dapat menghasilkan penentuan atau ketepatan waktu bagi ibadat solat fardu yang lima serta arah kiblat. Di alam Melayu, perkembangan ilmu falak mempunyai hubungan dengan sumber karya tokoh falak dalam era kegemilangan tamadun Islam. Antara sumbangan utama tokoh falak alam Melayu ialah penentuan waktu solat yang telah memudahkan umat Islam melaksanakan ibadat solat tanpa perlu bergantung kepada pencerapan tanda alam. Justeru, sumbangan tokoh falak alam Melayu yang menunjukkan betapa banyaknya sumbangan sarjana Islam yang boleh diwarisi oleh generasi akan datang dapat dilihat melalui bab dalam buku ini.

Melalui bab 9 pula, pembaca akan didedahkan tentang kupasan menarik berkaitan karya agung atau adi karya. Pengungkapan agung pastinya membawa konotasi besar, rasa hebat dan apabila dikaitkan dengan karya pula akan memberi suatu semangat kepada bangsa yang memilikinya sehingga menjadi pegangan untuk membangun bangsa. Melalui karya agung juga dapat dikenal pemikir-

pemikir atau seniman-seniman yang menghasilkannya, keindahan bahasa yang digubah dan jalinan fikiran yang diungkap. Karya agung Melayu adalah karya besar berupa warisan budaya bangsa Melayu. Pengertian lebih lanjut tentang karya agung Melayu termasuklah sumber karya agung Melayu, ciri-ciri, lambang dan pesanan yang hendak disampaikan, nilai budaya dan pandangan hidup, nilai ilmu, teknik kepengarangan dan seni bahasa akan diperoleh melalui bab ini.

Bab 10 pula memperihalkan tentang tiang seri Adat Perpatih melalui tambo alam Minangkabau dan yang dilihat ialah sejarah munculnya Adat Perpatih di Minangkabau dan dikaitkan dengan Negeri Sembilan. Penulis telah menganalisis teks tambo dan kemudian dibandingkan dengan Adat Perpatih yang sudah lama diamalkan di Negeri Sembilan. Penulis juga telah menggunakan kaedah mengalami dan juga menghayati dan didapati Adat Perpatih di Negeri Sembilan memang mempunyai kaitan dengan adat yang ada di Minangkabau terutama di Kawasan 50 Koto dan juga Tanah Datar iaitu tempat datangnya mereka dan mengadakan suku di Negeri Sembilan mengikut nama asal tempat masing-masing. Keakraban Dato' Perpatih dengan Dato' Ketemenggungan dalam perlaksanaan adat telah menjadi panduan dalam menjalankan Adat Perpatih dan Adat Temenggung dan banyak nasihat mereka yang boleh dijadikan sebagai nilai pendidikan dalam membentuk masyarakat. Kajian bukti amalan Adat Perpatih melalui tambo alam Minangkabau telah dijadikan panduan yang terbaik kepada pengamal Adat Perpatih dan Adat Temenggung untuk dibudayakan dengan baik.

Kesimpulan

Gabungan sembilan bab dalam buku ini diharapkan dapat memberikan kesan kepada pembaca tentang tamadun sedunia melibatkan semua aspek kehidupan termasuklah pendidikan, bahasa dan sastera, kebudayaan, ekonomi dan teknologi. Tidak lain dan tidak bukan, buku ini mengajak pembaca memahami tentang usaha mengangkat khazanah ilmu Bahasa Melayu dan akal budi yang terkait dengan alam Melayu dalam memastikan bangsa dan ketamadunan alam Melayu tetap dipelihara oleh semua generasi.

Bab 2

Minda Melayu: Pendorong Pembentukan Tamadun Tinggi

Rais Yatim

Pendahuluan

Bab ini cuba meneliti dan mengutarakan 3 perkara pokok iaitu, Pertama, minda yang secara amnya mengandungi pemikiran dan idea merupakan pelunas dan pemangkin budaya dan cara hidup bertamadun manusia. Kedua, cara hidup orang Melayu pada hari ini adalah lunas pengalaman terkumpul zaman demi zaman semenjak kehidupan evolusi pra-sejarah, animisme yang merentas kehidupan zaman Hinduisme, Bhuddisme dan Islam justeru membentuk keMelayuannya yang ada pada hari ini. Ketiga, pendidikan dan bimbingan sosiopolitik serta alam sekitar berupa antara faktor-faktor yang mampu membentuk minda bangsa Melayu dari sudut evolusi sosio-budaya dan capaian kehidupan mereka dalam wilayah Gugusan Kepulauan Melayu yang sering disebut sebagai Nusantara. Bab ini menyarankan pada akhirnya hala tuju pendidikan ilmu dan budaya tinggi yang perlu dipilih oleh masyarakat Malaysia, khasnya orang Melayu harus jenis yang tidak terlalu bergantung kepada Barat.

Minda Manusia

Dari sudut evolusi kemanusiaan, sebelum tamadun wujud dalam kehidupan manusia, yang sedia wujud ialah pemikiran yang dalam kertas ini dinamakan minda, mengambil kira lingkungan pemikiran dan perlakuan sesuatu bangsa dalam sesuatu zaman adalah cetusan minda yang pada hakikatnya punya kecenderungan dan ciri-cirinya tersendiri. Dalam minda manusia terkandung idea atau buah fikiran tentang sesuatu yang penting kepada hidup dan kualiti hidup itu sendiri. Baik di China mahupun di benua India sebagai dua kumpulan tamadun ras yang besar di dunia selain Mesopotamia, Sumeria, Greece dan Mesir pada satu pihak di Barat dan Timur Tengah dan China, Jepun dan Korea pada pihak yang lain. Ketamadunan di dua larasan dunia ini membiakkan aliran bersejarah masing-masing. Dan aliran tamadun masing-masing pula adalah bergantung kepada minda kolektif atau menyeluruh bagi sesuatu bangsa atau masyarakat. Jenis mindanya yang dihitungkan di sini ialah yang berupaya mempengaruhi dan melandaskan kehidupan berkualiti. Ini meliputi hal-hal pentadbiran agama, ciptaan atau rekaan alatan kehidupan.

Nas utama bab ini ialah bagi menyatakan dan membuktikan bahawa minda perseorangan dan minda kolektif sesuatu masyarakat atau bangsa merupakan pencetus cara hidup atau tamadun yang menyumbang kepada budaya tinggi bangsa atau masyarakat berkenaan. Dan minda pencetus idea ini pula tampaknya tidak berasas kepada sistem keagamaan sesuatu bangsa. Entiti yang terkait mindanya sedia mempunyai percikan ilham, yang menelurkan produk kebaikan melalui bahasa, budaya dan warisan. Minda seseorang berbeda daripada minda kolektif tetapi minda kolektif itulah yang berupaya menelurkan produk kehidupan berbudaya tinggi dan ini melibatkan sosio-politik yang bermatlamat tinggi pula. Secara sebenar, minda yang kuat terhadap kebolehan melukis, misalnya, akan melahirkan lukisan yang bermutu; minda yang kuat menelusuri sains, perubatan, pentadbiran akan menelurkan produk setimpal dalam bidang-bidangnya yang akhirnya membantu kehidupan dari segi pelbagai kegunaan.

Di kalangan generasi kini ramai yang suka menyamakan istilah minda itu dengan *mind* yakni perkataan Inggeris yang mereka sudah dengar dan fahami sebagai *pemikiran*, *idea* atau *hayatan jiwa* sedangkan kata asal *fikr* berpunca dari Bahasa Arab yang kini diMelayukan. Ada satu lagi istilah yang terkait dengan fikiran iaitu *idea* – juga kata asal bahasa Inggeris yang tersemat sama ertinya dengan *buah fikiran*. Namun minda sebagai kata induk yang mengandungi makna fikiran, buah fikiran, natijah dan lain-lain katanama layak dan boleh belaka digunapakai sebagai penyumbang kepada carahidup bertamadun. Perkataan *mental* juga pernah digunapakai oleh orang Melayu bagi menaubkan pelbagai erti dan makna fikiran zahiran otak, *pemikiran* dan buah fikiran untuk dijadikan petua dalaman *minda* manusia. Sebuah buku bernama Revolusi Mental terbitan Datuk Senu Abdul Rahman¹, salah seorang Menteri Kabinet Tunku Abdul Rahman, awal tahun 1970-han cukup gemar menggunakan istilah *mental* bagi buah fikiran (*idea*) yang menjurus kepada perubahan cara berfikir dan cara bertindak bagi pemimpin dan rakyat dalam negara yang baru membangun dari serkup penjajahan.

Tidaklah pula kita gelabah atau rasa apologetik lagi lantaran penggunaan *minda* sebagai himpunan dalaman jiwa bagi menjuruskan pemikirean kolektif bangsa Melayu itu sendiri. Sudah terbukti zaman berzaman bangsa yang punya set minda tinggi akhirnya mempunyai pendidikan yang bertaraf tinggi. Mereka yang tidak punya pemikiran tinggi dalam minda tinggi tidak melahirkan tamadun tinggi. Justeru kita harus memilih pendidikan yang mampu membawa kepada kehidupan yang berpaksikan carahidup kekitaan. Untuk mencapai ini bahasa kita, bahasa Melayu mesti diterap dengan kemampuan ilmu. Subjek sains, matematik dan kemanusiaan, misalnya, harus ditampakkan sebagai bergandingan untuk mewujudkan tamadun tinggi satu-satunya yang semestinya mengandungi budaya tinggi. Ini bererti jika hendak mewujudkan masyarakat civil dan berbudaya tinggi, kualiti hidup mesti tinggi dan kewajipan kemanusiaan terkandung di

dalam sistem pendidikannya. Untuk capaian sedemikian bukan bahasa dan universiti Barat sahaja yang mampu dan boleh mencetuskan pelajaran atau pendidikan ilmu sejagat yang tinggi mutu dan kualitinya, malah kita di Malaysia atau di Indonesia mesti mampu mewujudkan pendidikan berpotensi tinggi pula. Trend yang ada kini menampakkan kemungkinan budaya kita di timur akan ditenggelami oleh ilmu dan carahidup Barat melalui asuhan bahasa, invensi canggih, fesyen, hiburan, seni digital sambil lantas melupai siapa kita dan apa sebenarnya kita boleh cetuskan sebagai ilmu. Dalam proses ini jati diri Melayu akan terumbang-ambing kerana tidak nampak lagi bahtera sejahtera di lautan sendiri.

Untuk menelusuri minda manusia bagi sesuatu zaman itu memerlukan penelitian terhadap komunikasinya melalui bahasa, kepercayaannya, ciptaan-ciptaannya dan kualiti kehiupannya. Bermula dari pemikiran atau proses minda tadi maka akan lahir sesuatu hasil dalam bentuk produk, samada yang bersifat seni, atau keperluan kehidupan seperti ciptaan penyukat waktu atau masa (dulu pasir dalam gelas yang diberi nama *hourglass*, kini dalam bentuk jam), kenderaan, tenaga letrik, hubungan tanpa wayar (*wireless*), perubatan, rawatan terhadap penyakit dan ratusan hasil lain – semuanya berpunca dari olahan atau cetusan minda. Dalam konteks sama, untuk memahami evolusi atau perjalanan dayafikir Melayu zaman demi zaman semenjak sebelum tahun Masehi hingga sekarang tentu merupakan kerja gergasi atau penyelidikan yang bukan kepalang sukarnya. Namun pernyataan yang harus diketengahkan ialah bagi bangsa Melayu untuk mewujudkan tamadun mereka prosesnya sudahpun bermula tersohor sekitar 800 tahun sebelum Masehi. Bererti semenjak 800 tahun sebelum Masehi orang Melayu sudah punya minda melahirkan pemikiran bernas, ciptaan-ciptaan keperluan hidup serta falsafah survival mereka sendiri.

Apa kaitan minda Melayu 800 tahun lalu atau 9,000 tahun lalu dengan minda Melayu kini? Soalan ini pasti dijawab dengan 'sejarah lama' sesuatu bangsa itu memang ada kaitannya dengan capaian hidup terdahulu kerana pengalaman manusia sedia terterap di dalam penjiwaannya. Seseorang pemusik barang sudah tentu salah seorang atau beberapa orang anaknya, misalnya, akan menurut sifat bapanya itu. Pepatah Melayu ada menyebut jika *bapa borek, anak rintek*. Itu cara lampau masyarakat mengamalkan kejituan DNA zaman dahulu.

Proses mengenali aliran pemikiran atau *thought process* ini berlangsung selari dengan perkembangan dan perubahan iklim, keadaan geografi dan alam semulajadi; minda mereka juga dipengaruhi oleh jenis dan sistem kepercayaan. Misalnya sebelum Hinduisme, Bhudisme dan Islam cara hidup yang tersua ialah animisme – kepercayaan bahawa setiap benda, pokok dan tumbuh-tumbuhan, tempat atau kawasan semua punya *semangat* dalaman yang daripadanya boleh mempengaruhi pemikiran dan perbuatan. Seru, mantra, puja, jampi, tiup angin

tiup beringin – semua ini mengandung semangat yang dipercayai punya sifat-sifat tertentu yang sebahagiannya mengandung ciri-ciri mistik. Bangsa Melayu sepertimana juga bangsa-bangsa besar seperti Cina, India, Yunani, Inca, Rome antara lain-lain, memang mempunyai keyakinan tebal dalam dunia animisme yang secara mudah pula dibelai dan dipromosi bila agama seperti Hinduisme dan Budhisme bertapak dalam diri sanubari Melayu lama. Dalam dunia Melayu lama atau Malayu antikuity perkataan *seperti sorga, naraka, pahala, bumi* tidak ada. Bila bergandingan Sanskrit dan Palava baru menjadi kandungan minda yang terkait dengan konsep *heaven and hell*. Perihal ini membawa kita kepada proses osmosis budaya yang pada hakikatnya bergantung kepada survival sesuatu kaum atau masyarakat itu sendiri. Di atas realiti inilah letaknya keadaan di mana beberapa nilai hidup pada hari ini harus difahami melalui kenyataan sejarah dan kejadian evolusi sesuatu bangsa justeru harus dihindarkan beberapa nisbah ketaksuban dalam kehidupan supaya biar fakta yang bercakap, bukan prejudis atau prasangka. Harus tidak dilupai, prejudis agama, prejudis sejarah dan lain-lain keterampilan minda pernah mencatat keadaan bantut minda yang dalam budaya Melayu tersohor melalui bidalan “seperti katak bawah tempurung”.

Dalam, hitungan ini Islam memagut jiwa dan jasad orang Melayu semenjak abad ke 15 manakala Melaka dibuka Parameswara 1400. Semenjak 1400 hingga 1957 definisi Melayu di sisi perundangan tidak ditimbulkan justeru dahulunya orang China Nyonya dan Baba, Chitty di Melaka, orang Siam di Kelantan dan Selatan Thailand amat rapat dengan budaya Melayu sehingga hilang prejudis sosial. Orang Melau begitu ramai yang ambil anak angkat Cina dan anak angkat India di Melaka, Johor, Singapura dan di beberapa negeri di Semenanjung. Selepas 1957 taraf Melayu seseorang itu hilang jika dia tidak beragama Islam, tidak bertutur bahasa Melayu secara lazim dan tidak mengamalkan adat istiadat Melayu/budaya Melayu.

Finomena animisme yang kemudian dihembus oleh Hinduisme dan Budhisme lantas menjadi benak pemikiran Melayu yang bukan sedikit tebal pengaruhnya hingga ke hari ini. Dalam hal ini penggunaan bahasa Melayu kuno hingga ke bahasa Sanskrit dan Pallava bersebat dengan bahasa Melayu akibat transaksi dagangan dan pengembaraan dari selatan India ke seluruh Tenggara Asia. Hal ini jelas dalam lipatan sejarah zaman batu bersurat dalam abad ke 7 di Kedukan Bukit², Sumatra Selatan di wilayah Melayu Sri Vijaya; juga batu bersurat Gandasuli³ di Jawa Tengah abad ke 8. Batu Bersurat Karang Berahi yang dijumpai pada tahun 1904 oleh Kontrolis Belanda, LM Berkhout di Batang Merangin⁴ yang menukilkan sumpahan orang yang tidak tunduk atau setia kepada raja dan memberi amaran agar jangan durhaka.

Minda Melayu zaman berzaman adalah seiring dengan kelahiran, penubuhan negeri, negara dan empayar mereka semenjak 788 SM/BC hingga kini. Di sekitar muara Sg. Merbok Kedah telah didapati tamadun Melayu Tua: kawasan kependudukan mereka dianggarkan lebih 1000km panjang menurut pesisiran utara Perak, Kedah hingga ke tanah Siam. Kota Sungai Batu merupakan peninggalan tamadun Melayu tua yang masyhur mewujudkan Langkasuka, heroisme Merong Mahawangsa, Kedah Tua dan tamadun Lembah Bujang – pusat semarak budaya Melayu-Hindu. Pemikiran dan minda Melayu cetusan tamadun Sungai Batu atau Lembah Bujang ini menampilkan ilmu logam berasaskan emas, tembaga, perak; industri logam termasuk sepuhan besi, relau, ingot, kajian cuaca dan astronomi serta peradaban yang menjadikan Golden Chersonese tanah Melayu sebagai semenanjung emas. Benar, zaman itu ialah zaman Melayu Hinduisme namun jirim, pemikiran dan minda mereka ialah Melayu. Memang perlu diakui juga bahawa minda Melayu pada zaman itu ialah minda yang berpaksikan cara hidup tamadun campuran pantai Coromandel India dengan Melayu Kedah dan selatan Thai. Oleh kerana vista pemikiran dunia Melayu ketika itu semacam diselubungi unsur Dravidian atau unsur benua India, namun cara dan objektif berfikir adalah asas Melayu.

Sebelum I-Tsing pengembara Cina mengkaji dan belajar bahasa Melayu Sanskrit pada tahun 671 di Palembang dan menembusi Zaman Sri Vijaya (650-1300) apa yang disebut sebagai minda Melayu sudah menjadi nadi dan pencetus pemikiran demi survival dan kelangsungan tamadun bangsa Melayu itu sendiri. Sebutan tamadun Sungai Batu di Kedah, khasnya di muara Sungai Merbok, minda Melayu purba telah sedia mempunyai dayafikir yang berpaksikan tamadun tinggi. Minda mereka sudah mula mampu mencipta konsep dan peralatan hidup yang canggih.

Istilah Nusantara yang mengandungi konsep antara kepulauan melahirkan tanggapan kewilayahan atau *Kepulauan Melayu*, satu nama yang kurang disenangi oleh beberapa pihak di tanah Jawa lantaran Semenanjung Tanah Melayu itu bukan sebuah pulau. Pandangan sempit ini tentu sahaja dapat dipatahkan kini jika konsep Melayu Raya itu dimengertikan sebagai satu gagasan masyarakat yang jauh lebih usang daripada Nusantara. Namun sejarawan utama Tenggara Asia yang banyak menyelidik dagangan pesisir di alam Melayu seperti GDE Hall dan George Coerdes tetap mengiktiraf bahawa Nusantara itu ialah *the Malay World* yang pada kajian jitu mereka dan lain-lain penyelidik tetap bersifat dunia Melayu. Ini disebabkan ciri-ciri dan aspek kajian ras menjurus kepada satu entiti seperti yang di utarakan Prof Leonard Andaya⁵ bahawa semua kelompok etnik Melayu di Tenggara Asia ibarat daun dari pohon yang sama.⁶ Penjurusan kepada asal usul yang sama dalam kajian sosiolinguistik, kajian bandingan DNA (deoxyrbonucleic acid), kisah-kisah mitos antara benua seperti yang dilakukan pakar-pakar taraf dunia menimbulkan bukti bahawa Melayu dan minda mereka

sudah wujud dan berselerak seawal 9,000 tahun dahulu lagi sebelum Benua Sunda ditenggelami air laut.

Jika teori *Eden in the East* oleh Dr. Stephen Oppenheimer⁷ diterima maka jelas sekali dari sampel kajian DNA, mitologi bandingan, linguistik bandingan, suaan dan analisis fosil serta jumpaan flora-fauna yang dilakukannya, Benua Sunda yang lebih 6 juta kilometer persegi luasnya (dua kali ganda benua India) ditenggelamkan air laut melalui 3 *ice age* atau bah airbatu. Walaupun akibat 3 gelombang bah besar itu penduduk benua Sunda itu bertebaran lari meninggalkan kampung halaman mereka, benak minda Melayu itu masih ada dalam gumpalan DNA kita. Melayu Raya masih ada di mana bahasa Melayu antikuiti menyatukan kelompok Melayu utama. Perlu diingati, walaupun sebahagian Benua Sunda tenggelam selepas 3 gelombang bah besar air batu atau *ice age* dan memecahkan benua itu kepada pecahan negara dan wilayah yang ada pada masa ini bahasanya masih hidup, sifat-sifat asas bangsa itu masih jelas, ada dan berfungsi. Minda mereka masih kepada tanah air angin dan api empat elemen kehidupan manusia sejagat. Bermakna minda Melayu itu bersekali bahasa Melayu masih utuh selerakannya semenjak sekitar 9,000 ke 11,000 tahun dahulu lagi, yakni jika diambil anggaran berlakunya bah besar yang mutakhir, yang dari sudut keagamaan seakan-akan menepati bah besar di zaman Nabi Nuh⁸.

The International Commission on Stratigraphy menganggarkan *The Great Ice Age* atau era Pleistocene berlaku 2.4 juta tahun lalu dan berakhir sekitar 9,000 tahun lampau. Lantaran era airbatu ini menyebabkan paras laut tinggi maka sebahagian besar tanah benua ditenggelami air. Sundaland atau Benua Sunda dipercayai merentas dari Phuket ke sebahagian Australia. Lantaran itu pengkaji Barat menamakan bahasa Melayu sebagai salah satu dan sebahagian dari bahasa Polonesia-Austronesia. Dan dengan penemuan kesan-kesan tamadun tua di Gunung Padang di Jawa Tengah 10 tahun lampau yang berupa kependudukan pyramid terbesar di dunia, dunia Melayu itu cukup penuh misteri di samping mengutarakan fakta bahawa *Moloyu* atau *Malayu* atau *Melayu* adalah penduduk asal yang pertama dengan tuturan bahasa asasnya bahasa Melayu. Kita tak perlu apologetik lagi memperjuangkan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan dan bahasa Ilmu. Dengan ucapan bahasa Melayu Perdana Menteri Dato Sri Ismail Sabri Yaakub di PBB amat mungkin dilakukan *revival* besar terhadap tamadun Melayu. Diharap azam politik beliau tidak menumpul di tengah jalan.

Sebutan dan erti *Nusantara* dipercayai diwujudkan dalam zaman pemerintahan Tarumanagara⁹ sekitar abad ke 5, kuasa sebelum Majapahit Majapahit mengalahkan saki-baki dinasti Singhasari dan hegemoni Sri Vijaya yang berpusat di Palembang. Pendahuluan yang nyata sebelum kemunculan Majapahit di abad ke-13 ialah keperkasaan Sri Vijaya yang merupakan kuasa darat dan maritim terulung di Sumatra, Semenanjung Tanah Melayu, Selatan

Thailand langsung ke Kemboja. Bahasa Melayu-Sanskrit yang dikaji oleh I-Tsing itu menjadi asas komunikasi. Bahasa Sanskrit yang memang berpengaruh selain Palava yang dapat menjalinkan berbandarharaan kata komunikasi, urusan perniagaan maritim dari pelabuhan ke pelabuhan yang ada dari Sunda ke Pasai, Sungai Merbuk dan lain-lain. Bahasa Palava dan Sanskrit boleh dianggap sebagai hasil pengembaraan dan perniagaan yang dicetuskan oleh angkatan pelayar-peniaga dari India.

Abad Tumpuan penelitian tentang minda Melayu wajib difahami dalam konteks sejarah bangsa Melayu itu sendiri melalui evolusi sosial dan fisikal dalam wilayah Kepulauan Melayu termasuk Semenanjung. Bagaimana pemikiran Melayu-Hindu-Bhudisme itu membentuk beberapa empayar antikuiti seperti Tamadun Sungai Merbuk (889SM), Langkasuka¹⁰ (Kurun ke-2 Masehi), Lembah Bujang, Patani Tua berpusat di Sanggora (Songkhla); bagaimana Tarumanagara (Sunda, Jawa Barat), Sri Vijaya (Sumatra Selatan), Dharmasraya (1275 Minangkabau), Empayar Singhasari (1222-1292), Majapahit (1293-1478), Aditiavarman-Minangkabau (1347), Ali Mughayat Shah-Aceh (1514), Kesultanan Melayu Melaka dan di negeri-negeri Semenanjung. Pendekatan ini cuba memahami perlakuan, kejadian kolektif bangsa Melayu samada dalam konteks negara Malaysia mahupun wilayah keMelayuan Nusantara yang beberapa kali pernah dimajukan sebagai wilayah Malayu Raya. Penelitian dalam menghadapi cabaran hidup – sejarah, pendidikan, politik, budaya, ekonomi dan dayahidup (survival). Falsafah, idea pengamatan, perjuangan malah sebutlah apa jua tindakan – itu semua berasal dan berpunca dari cetusan minda atau impian dalam kepala pemerintah dan rakyat bagi kuasa politik dan kehidupan yang dicita., rancangan dalam pemikiran, intipati denyut minda seseorang atau beberapa orang atau kumpulan manusia dalam petak atau mukim atau wilayah hidupnya.

Rumusan ringkasnya ialah dalam zaman Melayu Hinduisme dan Bhuddisme capaian minda Melayu itu amat panjang dan meluas dari zaman 800 tahun sebelum Masehi hingga ke 1403 manakala Melaka wujud di bawah Raja Parameswara. Walaupun tamadun kesultanan Melaka dipatahkan penjajahan Portugis dan Belanda, kezuriatan Sultan Mahmud itu masih ada di Riau, Pahang dan Perak. Rahsia Demang Lebar Daun berpiagam dengan Sang Sapurba masih menjalar di Perak. Kebijaksanaan Datuek Paraptieh Nan Sabatang dan Datuek Tamaggueng di Negeri Sembilan. Sementara cerdik orang laut Bugis ada di Selangor dan Johor. Kebijaksanaan zaman Muara Sg Merbuk, Merong Mahawangsa ada di Kedah dan Patani. Ini semua tidak salah jika dirumus sebagai *Malay polity of old*.

Tajuk seperti *minda Melayu* dalam konteks sejarah dan pembentukan kerajaan serta empayar amat luas dan tentu tidak akan berjaya disingkap serta difahami dalam satu sesi syarahan. Jadi moleknnya dirumuskan 'minda Melayu' itu dalam erti pemikiran kolektif bangsa yang menelurkan hasil perjuangan dan kehidupan mereka. Dalam satu pengertian, ini adalah satu usaha yang tentunya tertumpu kepada jenis fikiran yang menjurus kepada sifat-sifat dalaman diri orang Melayu secara kolektif sebagai bangsa bermasyarakat dan juga sebagai kumpulan dan individu yang menelurkan keadaan yang sedia ada pada hari ini. Sebagaimana Inggeris United Kingdom dan Amerika satu hati dalam banyak hal kebudayaan, misalnya bahasa Inggeris, budaya Inggeris, industri dan perdagangan – tidak ada sebab kenapa konsep Melayu Raya atau Kenusantaraan Benua Sunda tidak dapat dialami semula dengan tenaga kebudayaan. Bermakna dengan tenaga fikir melalui bahasa Melayu, DNA Benua Sunda yang diselidiki dan dijitukan Oppenheimer itu kita di Malaysia dan Indonesia khasnya dan di beberapa kalangan negara Asean amnya boleh mengumpul tenaga DNA kebudayaan kembali. Perkasakan Bahasa Melayu terus dengan talian budayanya.

Pendekatan yang wajar diteliti sebagai media lisan utama dalam kehidupan Melayu lama ialah melalui bahasa lisan seperti perumpamaan, peribahasa, tamthil, seloka, gurindam, syaer dan pantun. Walaupun gurindam dan seloka dikatakan berasal dari lisan Sanskrit dan Palava dari benua India, pantun tetap dianggap sebagai sastera lisan agung Melayu yang dicetuskan oleh minda Melayu yang hebat. Dalam pantun 4, 6 dan 8 kerat, misalnya, terdapat unsur asahan minda yang tajam. Ini dikeranakan kekuatan ingatan, irama selain matlamat dan rima. Lantaran itu pada zaman sebelum tulisan Malayu kuno atau tulisan jawi, Palava dan Sanskrit keupayaan berpantun bagi melahirkan kebernasan fikiran, tujuan dengan gaya dan bahasa indah menjadi unsur kemuliaan bagi seseorang. Di Minangkabau melalui *Kaba Cindue Mato*, misalnya, pantun, ibarat, pepatah-petitih semuanya dalam kepala tukang kaba masing-masing yang ingat akan semua pantun, pepatahpetitih, bidalan dan sebagainya. Salah satu pantun terkenal dunia Melayu di Nusantara ialah menurut rangkap berikut:

*Penakik pisau raut
Tongkat batang lintabung
Selodang jadikan nyiru
Setitik jadikan laut
Sekepal jadikan gunung
Dunia terbentang jadikan guru.*

Sebahagian besar hadirin pernah mendengar pantun ini dari punca-punca lain barangkali. Pantun tua ini mengajar kita menikmati alam sebagai guru sebab alam telah sedia ada sebelum dan selepas kita zahir ke dunia. Walaupun setitik

air yang ada, dengan sifat Pencipta sayangkan makhluknya, air setitik itu berupaya jadi laut; nasi sekepal boleh dijadikan sumber tenaga, bekerja keras; dan alam terbentang – bumi, air, angin dan api menjadi pengajar hidup yang paling hebat lantaran unsur-unsur itulah yang menjadi guru terhebat kepada makhluk Tuhan. Tanpa banyak helah rumusan yang patut diberi kepada peneroka kehidupan zaman animisme Hinduisme dan Bhudisme ialah apresiasi mereka terhadap dunia semula jadi. Kekuatan kepercayaan minda mereka terhadap Kala Dewata yakni Pencipta sebelum Islam kekal tebal dan mendalam.

Arena sastra lisan Melayu lahiran minda yang tajam pengamatannya amat menarik dan bernilai dari sudut kaitannya dengan pembentukan konsep dan pemvokalan suara. Tetapi perlu dirumus iaitu daya mengingat zaman sastra lisan amat hebat kerana pengucap tiada pilihan selain mengingat dalam persekitaran ketiadaan tulisan bagi amalan rakyat biasa. Bagi raja atau aristokrat mereka punya kuasa mengarahkan penulisan penting kenegaraan dibuat atas batu.

Salah satu cetusan minda alam Melayu yang amat ketara ialah hormat mereka kepada perkara yang 4: tanah (bumi), air, angin dan api. Ada beberapa penganalisis di India yang mengatakan dan ini di huraikan juga oleh George Coedes, pengkaji simbolisme dunia Melayu dan pengaruh benua India ke atas kehidupan di Tenggara Asia bahawa perkara 4 itu juga menjadi beberapa tema dalam Mahabarata dan hikayat-hikayat klasik India purba. Selain itu pembudayaan melalui institusi Raja, makanan, pentadbiran dan hirarki sosial juga mempengaruhi dayafikir atau minda klasik Melayu. Sebenarnya aspek ini tidak banyak perlu dihurai lagi kerana sudah menjadi pengetahuan umum. Seperti kata Coedes, pengaruh India melalui agama Hindu dan Bhudisme sebelum Masehi dan sehingga abad ke 16 memang realiti sejarah. Semua kerajaan purba dan selepas Masehi di Jawa berasas kedua-dua agama itu; begitu juga Dharmasraya, Sri Vijaya dan Kerajaan Aditiavarman di Minangkabau; kerajaan Langkasuka serta tamadun Muara Sg Merbut dan Lembah Bujang juga sedemikian.

Terkandung sebagai suatu asas budaya utama yang mengisi minda masyarakat Melayu tua ialah konsep **budi** yang jelas dari perkataan **bhodi** yang bererti semua yang baik, benar dan ikhlas. Manusia berbudi menjadi Budiman sepertimana yang berbudaya menjadi budayawan. Semua masyarakat Melayu dari Kalimantan ke Jawa, Sunda membawa ke Sumatera, dan Semenanjung Tanah Melayu malah di seluruh Kepulauan Melayu /Nusantara budi merupakan suatu isian teras kehidupan yang wajib diamalkan. Masyarakat Minangkabau lantas mewujudkan suatu gandingan sukunya bernama **Bodhi-Caniago** – dua suku berpasangan yang dipimpin oleh Datuek Parapatieh Nan Sabatang (Perpatih), adinda kepada Datuek Tamanggueng (Temenggung).

Kini masih terpacak budi sebagai sebahagian adab yang dikelaskan oleh Islam sebagai keutamaan dalam kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat. Pokok Budi pun ada. Cuma setelah Islam bertapak meluas, pohon ini tidak dibiasakan berteduh di bawahnya lagi konon itu dahulu kala adalah amalan Gautama Bhuddha. Minda Melayunya masih banyak terkandung dalam bidalan, pantun, seloka dan perumpamaan.

*Laksamana suka berseloka
Semasa balek ke Gunung Daik
Bagaimana nak dilupa
Parasnya molek budinya baik*

Minda Melayu di zaman Kesultanan Melayu Melaka cukup universal dengan kedudukan Melaka sebagai pelabuhan entrepo.

*Kapal dagang sarat muatan,
Muatan dari kota seberang,
Kita datang bukan nak makan
Nak sama berdiri dan berjuang*

Pelawat dan pedagang dihiburkan dengan dondang sayang; pancak silat dari pahlawan. Laksamana Cheng Ho dari Cina mencetuskan minda antarabangsa pemimpin Melayu lantas menyerlahkan budi sebagai pelengkap dan hiasan hidup berinteraksi. Pedagang dari Gujerat atau Pantai Koromondel India Cheng Ho yang datang ke Melaka tidak kurang 5 kali mengenakan lawatannya dengan membawa budaya Cina dan untuk Sultan Mansor Shah diperkenalkan Hang Li Poh, puteri dinasti Ming. Budaya dan pemikiran antarabangsa dengan Cina, India, Timur Tengah menyebabkan minda hidup di lautan, perniagaan antarabangsa serta kaedah-kaedah kebersamaan menyelinap dalam kehidupan di Melaka dan dengan itu skop minda orang Melayu juga seiring dengan kaedah dan tekad luaran yang mempengaruhi kehidupan kosmopolitan Melaka. Sultan dan pembesar Melayu tidak mengamalkan perkauman. Orang Cina lantas berkelompok di Bukit Cina; orang India, khasnya golongan *sepoy* di Tg. Keling. Kumpulan etnik Nyonya Baba adalah satu-satunya lahiran sosial yang menebalkan citarasa dan nilai antara kaum. Ini juga melahirkan sikap dan minda kemasyarakatan yang amat berguna kepada pewujudan nilai pelbagai kaum atau multi-ras.

Samudera Melayu seperti Selat Melaka dan Selat Sunda melahirkan falsafah kehidupan di laut dan kegiatan perniagaan pesisir. Hanya minda Melayu yang menyebut “Tanah air tumpah darahku” yang memberi makna biasa hidup di darat dan di laut membuktikan Melayu merupakan kaum pelayar samudera. Inggeris mengatakan” my motherland”. Tiada bangsa lain yang merujuk kepada tanah dan air sebagai tempat lahir. Ini sebenarnya ialah petanda bahawa Melayu

itu pelayar-pelaut di samping penghuni bumi. Panglima Awang atau yang disebut-sebut sebagai Enrique of Melaka beroleh minda pelayar keliling dunia semasa Ferdinand Magellan mengelilingi dunia. Panglima Awang dianak angkatkan oleh Magellan sebagai pembantu pelayar (navigator's assistant) kerana anak muda itu pandai membaca arah tanda bintang di langit. Awang walaupun di Kristiankan oleh Magellan tetap Melayu yang kecekapan minda orang lautnya terkenal hingga ke Sepanyol, Portugal, Cebu Filipina dan terus menjadi obor penggalak kepada generasi kini.

Semasa hayat Padeta Za'ba (1895-1973) begitu banyak menzahirkan buah fikiran tentang bahasa Melayu¹¹, ekonomi Melayu, pembentukan awalan siasah bangsa Melayu seperti Kongres Melayu Se-Malaya sebelum kelahiran PEKEMBAR atau UMNO pada tahun 1946. Mindanya banyak menumpu kepada kelemahan bangsanya dan mencadangkan banyak jalan keluar. Misalnya Za'ba dalam bukunya *Perangai Bergantung Pada Diri Sendiri* menyatakan sifat perangai boleh diubah asalkan usaha ada untuk memperbaiki diri. Mindanya seakan-akan sama dengan olahan Abdullah Munshi (1796-1854) penulis ulung bukan-fiction Melaka. Buku popular Abdullah, *Kisah Pelayaran Abdullah ke Kelantan* (1839) mengandungi beberapa pandangan kritis terhadap kerajaan (di bawah Raja). Abdullah merumuskan tentang Raja sebagai ketua Kerajaan yang tidak memberi perhatian belas atau belaan terhadap orang Melayu, rakyatnya sendiri. Minda kritis Abdullah Munshi dianggap sebagai jernalisme contoh kepada penulis zaman susulannya. Kedua-dua tokoh penulis sebelum Merdeka dan selepas Merdeka ini menitipkan kuasa minda mereka dalam mengolah matlamat dan aspek-aspek tamadun Melayu moden.

Dunia Timur, termasuk Malaysia dan Indonesia mesti mewujudkan pusat-pusat pengajian tinggi cemerlang sendiri dengan kerjasama Cina, Rusia, Jepun, Korea dan lain-lain supaya jalan satu hala pengajian yang ada di Barat kini dapat diimbangi dari pelbagai sudut dan aspek. Pemerintah benua Cina dahulu dari dinasti Shih Wang Ti (Shihwangdi 221-210 BCE) hingga ke dinasti Ming (1368-1644) dihargai tinggi oleh manusia. Semua kuasa politik sejarah di Tenggara Asia termasuk kesultanan Melaka hormat kepada Cina. Jasa Laksamana Cheng Ho menjalinkan Melaka dengan Tiongkok tak perlu diulang lagi sebab sudah jadi pengetahuan umum. Tetapi lantaran beberapa detik sejarah hitam seperti komunisme dan Bintang Tiga lepas perang Dunia ke-2 penghargaan terhadap negara Cina masih agak negatif.

Kini Cina sudah bangkit semula di bawah rejim politik baru. Segala macam keupayaan sudah tersohor susulan pengajian tempatan mereka. Ekonomi, sains, teknologi, disiplin sosial, invensi suria, angkasa lepas, genetik, ilmu marin dan ratusan subjek lain sudah dijelmakan untuk membuktikan tamadun Cina akan mengalahkan Amerika dan Barat. Bagi generasi mendatang Malaysia, tidak harus

berpeluk tubuh dan terus berderet mengambil keserjanaan dari Oxford Cambridge, London, Yale dan Boston. Ilmu dari sebelah sana harus diadunkan dengan yang di Cina, Jepun dan Korea. Dari sudut pembudayaan Timur akan beroleh perimbangan setimpal dengan yang ada di Barat. Dalam pada itu Universiti dan pusat pengajian Islam harus menerima hakikat bahawa mereka sentiasa mengekori pengajian tinggi Barat dengan penggredan yang tidak kunjung naik dari hitungan dunia Barat sedangkan dalam segmen pengajian Islam masih berbaki dengan banyak sektor pengajian yang belum terhurai dan diketahui.

Dari sekitar 400 ke 500 orang graduan pengajian tinggi yang pulang saban tahun dari pusat-pusat pengajian tinggi Barat kini boleh sahaja di nilai berapa orang yang masih tebal pegangan budaya dan bahasa Melayunya? Kita tidak pernah membuat penelitian ini. Tahun demi tahun dalam zaman mendatang banyak sifat-sifat asas masyarakat Malaysia akan berubah pengamatan dan amalan budayanya, bahasanya, anggapannya terhadap *world view* atau tanggapan dunia. Amat mudah difahami senario sesebuah negara yang begitu taksud dengan kemampuan universiti Barat sehingga 500 orang setahun yang pulang ke Malaysia dari Amerika, United Kingdom, Eropah akan sentiasa punya kecenderungan mengagungkan *alma mater* dan ilmu yang mereka masing-masing ceduk sehingga jati diri asal mereka tertinggal. Mereka lulusan Oxford, London, MIT, Harvard, UCLA, Boston dan lain-lain tentunya akan meneruskan bahasa Inggerisnya dengan cara *alma mater* nya ke tahap *lingua franca* dan perhubungan sesama sendiri. Bercakap separuh Melayu dan separuh Inggeris akan berterusan. Dalam pada itu ilmu cambahan dalam negara kita tidak menokok sebab kita sentiasa meniru orang.

Oleh kerana pengaruh bahasa Inggeris itu dari segi subjek sains dan matematik serta teknologi berterusan, sepatutnya para tenaga pengajar yang turut pulang dari Barat itu harus diolah langkah menerbitkan asuhan pendidikan dalam bahasa dan budaya Melayu. Budaya Melayunya tentu menipis justeru jati dirinya akan lebih cenderung kepada pendidikan Baratnya. Jika mengaji di Mesir atau Cina trend ini juga akan bersamaan. Namun hasilnya ialah dari segi sebenar budaya Amerika, Britain, Qaherah, Shanghai, Jepun dan Korea berosmosis dengan ilmu masing-masing. Yang penting Malaysia beroleh kepakaran dan bancuhan jati diri baru. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia harus berdepan dengan dilema ini.

Sementara kecenderungan ini tidak dapat diubah secara paksaan lantaran adanya kebebasan memilih institusi pengajian masing-masing, suatu usaha perimbangan amat perlu dilakukan. Langkah pertama ialah memperkasa bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di samping kebolehan berbahasa Inggeris dan Mandarin atau Tamil. Minda ke arah ini mesti menebal dan beroperasi menerusi

Kementerian Pendidikan jika mahukan zaman hadapan berteraskan jati diri, ilmu berteraskan bahasa Melayu dan meningkatkan tamadun berasaskan bahasa.

Di peringkat ini hakikat bahawa tamadun tinggi akan hanya dicapai jika bahasa sesuatu bangsa itu terus maju dan beroleh taraf bahasa ilmu. Memperkasakan bahasa kebangsaan sesuatu negara ke tahap bahasa ilmu amat sukar dalam jangka pendek dan memerlukan pengorbanan efikasi politik – satu-satunya jentera sosial yang berupaya merobah fabrik tamadun negarabangsa.

Paradigma Minda Melayu kini

Masalah paling besar dan berat kini ialah segala-galanya tampak seolah-olah politik mempengaruhi semua aspek kehidupan. Dan politik didapati tidak mengamalkan nilai-nilai jati diri bersih sahsiah, bersih rasuah, nilai-nilai murni yang dijenterakan budi bahasa dan adab Islam. Prinsip-prinsip akhlak Islam tidak dihormati lagi. Senario kepimpinan politik Melayu khasnya sudah menonjolkan beberapa realiti teruk: Nak jadi pemimpin hebat mesti main rasuah; nak kaya cepat gunakan falsafa jenayah tak salah, bila ditangkap baru salah. Dalam rumah mesti simpan berjuta-juta wang tunai. Kesetiaan mesti beli dengan rasuah; *cash is king* jadi piagam dan tiupan semboyan.

Nilai perjuangan kita sudah rosak, sudahpun sampai di tengah lautan malangnya kain layar sudah bolos, pendayung sudah patah. Berkerajaan politik mesti diperbaiki semula; nak memperjuangkan bahasa Melayu, nak mengisi kemerdekaan, nak mempopularkan tulisan jawi, nak mengatasi inflasi dan harga barang melambung tinggi – semuanya dikaitkan dengan politik. Tetapi politik Melayu itu sudah berkecai. Pemimpin tertinggi negara yang pegang kuasa tertinggi politik juga terkait, kejatuhan imej bangsa lantaran rasuah juga dicekik politik.

Politik Westminster yang diajar Inggeris mesti kita salut dengan kemurnian hidup lampau orang Melayu. Frank Swettenham Gubenur General Negeri-negeri Bersekutu Tanah Melayu 1905 pernah mengatakan bahawa orang Melayu adalah “gentlemen of the East”. Tapi kini kita sudah jadi “crooks of the East”. Ke mana nak disorok muka? Apa jadi kepada ajaran Islam? Apa jadi kepada minda dan ajaran nenek moyang kita dari Benua Sunda sejak 10,000 tahun lampau? Indonesia dan Malaysia harus bersama mengharung soal dan masalah perubahan sistem nilai ini yang kebanyakannya dipengaruhi oleh pendidikan yang diterima. Apakah Malaysia dan Indonesia mampu bersama mengolah sistem nilai masing-masing secara United Kingdom dan Amerika lakukan? Ini harus diselesaikan melalui politik wilayah antara kedua-dua negara. Seharusnya kedua-dua negara yang sebelum 1945 bersatu dalam banyak hal sosio-budaya termasuk bahasa amat

wajar menyambung kembali benang pencono yang sudah genting dan putus-putus.¹²

Kesimpulan

Banyak jawapan yang ditimbulkan di atas terletak kepada sistem politik tanah air kini dan zaman mendatang. Kepada orang Melayu dan Bumiputera nilai-nilai positif yang ada dalam Islam dan DNA sosio-budaya masing-masing mesti dijadikan penggalak dan pemangkin. Namun mereka mesti menuju kepada dalam pengajian ilmu tinggi dan olahan budaya tinggi; kepada masyarakat Tionghua dan India mereka akan menimba dari sistem yang mereka nilai menguntungkan kelompok mereka. Ikut manapun orang Melayu tak dapat lari dari pengaruh luaran dunia. Jika larutan yang ada dalam jiwa dan pendidikan Melayu lemah, proses osmosis budaya akan menyedut larutan mereka dan merobah mereka kepada masyarakat yang akan mudah dipeletoleh oleh pihak-pihak lain sebab mereka tidak lagi nampak akan kekuatan tamadun mereka 10,000 tahun dahulu.

Bab 3

Bahasa Melayu dalam Meniti Era Revolusi Industri Ke-4

Mohd Yusof Hj Othman

Pendahuluan

Allah SWT berfirman dalam surah Ibrahim (14), ayat 4 yang bermaksud (Abdullah Basmeih 2010),

‘dan Kami tidak mengutuskan seorang Rasul, melainkan dengan bahasa kaumnya, supaya ia menjelaskan (hukum-hukum Allah) kepada mereka.’

Dalam ayat ini Allah SWT menegaskan yang setiap Rasul itu diutuskan untuk menyampaikan risalah yang dibawa oleh mereka kepada kaum mereka dalam bahasa yang kaum mereka fahami. Tujuannya agar segala maklumat, risalah, perintah Allah SWT dan sistem pendidikan yang ingin disampaikan oleh para Rasul mudah difahami dari segi penyampaian maklumat, arahan, suruhan, larangan dan falsafah maknawi dalam bahasa tersebut serta segala perintah Allah SWT dapat diamalkan oleh pengikut mereka dengan penuh sedar. Ini membolehkan risalah yang disampaikan oleh para Rasul berada dalam acuan rabbani atau ketuhanan yang tinggi.

Dengan kata lain, daya ungkap seseorang bukan sekadar menyampaikan maklumat dan pengetahuan, tetapi juga wahana kepada pembangunan nilai budaya, sastera, peradaban dan nilai keinsanan. Daya ungkap yang dilakukan akan ‘menyentuh’ akal, emosi dan hati naluri seseorang. Penyampaian risalah nabi ini merupakan usaha untuk merubah budaya hidup manusia ke tahap yang lebih baik dan diterapkan oleh para nabi kepada umat mereka agar dapat merubah sistem nilai kaum mereka dari yang bersifat negatif ke positif, dari jahil kepada bijaksana, dari mungkar dan batil kepada yang benar dan betul, dari gelap kepada cerah dan terang benderang dan dari tindakan yang berdasarkan nafsu kepada tindakan yang berdasarkan kepada pemikiran yang waras, sedar dan matang.

Dalam salah satu madah seorang negarawan terkenal, Nelson Mandela (2014) pernah menyebut,

'If you talk to a man in a language he understands, that goes to his head.

If you talk to him in his language, that goes to his heart.'

Yang bermaksud,

'Jika kamu bercakap kepada seseorang dalam bahasa yang difahaminya, ia akan sampai ke kepalanya (akalnya).

Jika kamu bercakap dalam bahasa (ibunda)nya, ia akan (meresap) ke dalam hati nuraninya'

Madah daripada negarawan tersohor ini menunjukkan betapa pentingnya ungkapan bahasa dalam menyampaikan maklumat dan ilmu apa sahaja kepada seseorang dalam bahasa yang difahami oleh mereka. Malah sekiranya maklumat tersebut diungkap dalam bahasa ibunda seseorang, ianya bukan sekadar menyampaikan maklumat, malah akan menyentuh hati nurani, sanubari dan kalbu pendengarnya.

Begitulah juga betapa pentingnya bahasa ibunda dalam sistem pendidikan. Bahasa yang diungkap dalam sistem pendidikan memainkan peranan yang penting, bukan hanya dalam proses untuk mendapatkan maklumat, tetapi juga bagaimana bahasa tersebut dapat membina persepsi, membangun sikap, mengembang potensi berfikir, memberi makna, membina sistem nilai dan budaya, membangun citra dan sahsiah diri. Proses mendidik, bukan sekadar proses untuk menyampaikan maklumat, tetapi ianya juga adalah proses membangun adab, membina akhlak, memupuk watak, dan membangun peribadi yang utuh sehingga dapat bertanggungjawab kepada tuhaninya, sesama manusia dan alam di sekitarnya.

Di Malaysia, Bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan negara sebagaimana yang termaktub dalam Perkara 152 (Perlembagaan Persekutuan, 2010). Apa gunanya bahasa ini diletakkan dalam perlembagaan negara sekiranya tidak diamal, ditutur dan dijadikan wahana berkarya oleh para ilmuwan dan rakyatnya? Ia bukan sekadar alat dalam usaha untuk membangunkan pengetahuan sains, teknologi, alam sekitar, matematik, sejarah, geografi, ekonomi dan sebagainya, tetapi lebih dari itu ia juga merupakan wahana terpenting dalam membangunkan jati diri, sistem nilai, dan budaya masyarakat. Menggunakan bahasa asing (dalam kes di Malaysia menggunakan bahasa Inggeris) dalam sistem pendidikan anak watan merupakan suatu musibah besar yang bukan sahaja menjejaskan sistem pendidikan negara, malah akan merencat proses pembinaan

jati diri, pembangunan sahsiah, dan nilai patriotik dan proses pembangunan negara dalam acuannya sendiri. Ini bukan berarti kita menolak kepentingan bahasa Inggeris yang perlu dikuasai seseorang.

Bahasa dan Jati Diri Bangsa

Nilai teras bahasa Melayu kini terabadi dalam ajaran Islam yang dihayati oleh umat di rantau Melayu. Malah bahasa Melayu dan orang Melayu itu sendiri berkembang dengan pesat seiring dengan kepesatan ajaran Islam. Kenyataan ini dapat buktikan dengan merujuk kembali kepada sejarah Melayu bagaimana Islam telah merubah daya ungkapan berbahasa, sastera, budaya, tasawur, nilai dan keperibadian orang Melayu di rantau ini. Keupayaan mengungkap bahasa Melayu di rantau Melayu dapat kategorikan seperti berikut,

1. Ungkapan nama objek, nama orang atau nama tempat.

Istilah yang digunakan untuk mengungkap nama orang, nama objek atau nama sesuatu tempat. Kebanyakan nama asal orang Melayu sebelum kedatangan Islam berasaskan kepada nama objek seperti Bulat, Buyong, Kundur, Melor, Mawar, Cempaka, Melati dan yang seumpama dengannya. Nama objek ini pula diungkap berdasarkan kepada rupa bentuk atau ciri objek berkenaan, atau dipinjam dari bahasa asing seperti durian, rambutan, epal, oren, anggur, korma, almari, kerusi, rotan dan sebagainya. Begitu juga dengan nama tempat yang didasarkan kepada sifat dan ciri tempat berkenaan seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Melaka, Kota Bahru dan sebagainya. Tetapi setelah kedatangan Islam nama orang Melayu bertukar daripada Bulat kepada Muhammad, Buyong kepada Abu Bakar, Kundur kepada Umar, Melor kepada Khadijah, Mawar kepada Aisyah, Cempaka kepada Fatimah, Melati kepada Aminah dan sebagainya yang diinspirasikan oleh tokoh-tokoh utama yang membangun peradaban Islam. Nama objek dan nama tempat tidak ditukar, malah diperkukuhkan.

2. Ungkapan nama hari.

Tidak dapat dipastikan apakah orang di rantau Melayu mengenali hari-hari tertentu dalam hidup mereka sebelum kedatangan Islam. Namun nama hari seperti Ahad, Isnin, Selasa, Rabu, Khamis, Jumaat dan Sabtu yang dikenali hari ini semuanya diambil dari kalimah Arab/Islam. Tidak juga diketahui sejauh mana pentingnya nama hari ini bagi umat di rantau ini sebelum kedatangan Islam, dan tidak pula diketahui bentuk perayaan yang disambut sempena dengan hari-hari tersebut. Tetapi setelah kedatangan Islam orang Melayu menamakan hari berdasarkan kepada bahasa Arab/Islam, dan mera'ikan hari-hari yang dira'ikan oleh umat Islam seperti hari raya, bulan puasa, bulan haji, sambutan maal hijrah, sambutan israq-mikraj dan sebagainya.

3. Istilah berbentuk proses.

Dalam perbincangan tentang istilah, terdapat istilah yang dikategorikan dalam bentuk proses. Contohnya adalah seperti istilah makan, minum, berjalan, berlari dan sebagainya. Istilah ini tidak dapat digambarkan seperti istilah nama objek di atas, tetapi perlu diterangkan prosesnya. Untuk memahami istilah dalam kategori ini perlu difahami proses yang dinyatakan dalam istilah tersebut. Dalam bidang sains dan teknologi, terdapat pelbagai istilah yang perlu difahami prosesnya untuk memajukan ilmu sains dan teknologi tersebut. Contohnya istilah tenaga, daya, kilas, momentum, osmosis, fotosintesis, mitosis, elektrolisis dan sebagainya. Istilah-istilah ini memerlukan kepada pemahaman proses saintifiknya. Oleh kerana ilmu sains dan teknologi terus berkembang, maka istilah tersebut perlu juga dikembangkan sewajarnya seiring dengan kemajuan sains dan teknologi itu sendiri. Sarjana sains yang berkarya dalam bahasa Melayu perlu mengembangkan istilah saintifik ini dalam bahasa yang mudah difahami oleh pelajarnya. Jawatankuasa istilah yang terdiri daripada golongan pakar dalam bidang sains dan teknologi diperlukan untuk mengembangkan istilah tersebut dalam bahasa Melayu.

4. Tatacara istilah dalam berbahasa.

Setelah kedatangan Islam ke Rantau Melayu, bahasa Melayu dibangunkan sehingga memberi ruang kepada istilah yang mempunyai makna dalam konsep dan falsafah Islam itu sendiri seperti adil, zalim, halal, haram, sunat, harus, ikhlas, amanah, sabar, syukur, azab, azam, mesyuarat, masyarakat, reza, kuat, dan ratusan lagi istilah-istilah yang mempunyai konsep dan falsafah sebagaimana yang difahami dalam ajaran Islam. Semua kalimah ini telah dijadikan sebagai ungkapan dan istilah dalam bahasa Melayu, walaupun sepenuhnya ia diambil daripada bahasa Arab yang memahaminya dalam tasawur Islami dengan sebahagiannya diubah suai dengan loghat bahasa tempatan.

5. Kaedah ungkapan dan tatacara bertutur.

Ungkapan dan tatacara bertutur orang-orang Melayu adalah lebih mirip kepada ungkapan dan tatacara bertutur orang-orang Arab, tidak seperti pertuturan orang-orang Inggeris, India atau China. Contohnya kalimah *Allahuakbar*, *masyaallah*, *syubhanallah* dan sebagainya. Pertuturan merupakan sebahagian daripada budaya dan sastera dalam persuratan Melayu. Istilah ini juga ditutur atau diungkap mengikut nahu bahasa Arab, tidak Inggeris. Contohnya kita menyebut “buku merah”, yakni didahulukan dengan objek (buku) dan diikuti dengan sifat buku tersebut (merah), sedangkan dalam bahasa Inggeris disebut “red book”, yakni didahulukan kata sifat yang diikuti dengan kata objeknya. Ini memberi implikasi

kepada bagaimana bahasa Melayu mengungkap sesuatu istilah, yang juga menggambarkan corak berfikir penutur bahasa Melayu.

6. Ungkapan dalam penulisan.

Masyarakat di rantau ini mungkin telah mempunyai tulisan serantau yang mirip kepada bahasa sanskrit seperti tulisan Jawa Kuno. Namun setelah kedatangan Islam, tulisan jawi telah diperkenal dan digunakan dengan meluas sehingga membentuk budaya dan citra orang Melayu. Tulisan jawi yang amat dikenali oleh umat di rantau Melayu ini adalah bersifat jawi '*Baghdadi*' sebagaimana yang digunakan oleh orang Arab, tidak bersifat jawi '*Urdu*' sebagaimana yang diperkenalkan oleh orang-orang India, Pakistan, Afghanistan atau Parsi. Ini juga menunjukkan bahawa pengaruh ilmuwan '*Baghdadi*' amat ketara dalam mengembangkan ilmu dalam bahasa Melayu.

7. Mazhab anutan umat Melayu.

Masyarakat Melayu/Islam di rantau ini adalah masyarakat Melayu golongan ahli sunnah wal jamaah yang bermazhab Shafi'i. Hampir tidak ada langsung orang Melayu yang bermazhab lain, melainkan semuanya bermazhab Shafi'i sehingga Mazhab Shafi'i dijadikan mazhab bagi negara ini. Ini membuktikan bahawa persuratan, sastera dan budaya masyarakat Melayu banyak didominasi oleh aliran mazhab ini.

Bahasa Dan Nilai Budaya Dan Sastera Melayu

Daripada penerangan di atas, nyatalah bahasa bukanlah sekadar alat untuk menuturkan sesuatu perkataan, atau alat bagi menyampaikan maklumat dari seseorang kepada orang lain. Bahasa mengandungi citra, budaya dan nilai diri yang terkandung dalam pengungkap bahasa tersebut; budaya dan nilai masyarakat yang menutur bahasa tersebut. Kalimah-kalimah yang dituturkan pula mengandungi nilai-nilai yang dipinjamkan dari bangsa yang mempunyai tata bahasa dan budaya yang lebih tinggi dari bangsa tersebut. Sekiranya umat di rantau ini meninggalkan ungkapan dalam bahasa Melayu dan mengambil bahasa asing (Inggeris misalnya) sebagai bahasa persuratan mereka, ini bererti mereka juga akan meninggalkan segala nilai persuratan, sastera dan budaya bangsa mereka dan menggantikannya dengan nilai persuratan, sastera dan budaya bangsa asing tersebut. Kalau ini yang berlaku, amat malanglah bagi umat Melayu kerana mereka hanya mempunyai bangsa yang berkulit sawo matang dan memakan tempeh, tempoyak, sambal belacan, satay, ketupat dan rendang dari rantau ini, tetapi mempunyai hati budi, citra dan tasawur bangsa yang pernah menjajah mereka.

Bahasa Inggeris juga mengandungi nilai sekularisme yang amat tinggi. Sekiranya bahasa Melayu yang berteraskan nilai Islam digantikan dengan istilah asas Inggeris, nilai bahasa Melayu juga akan bersifat sekular. Contohnya dalam bahasa Melayu disebut '*adil*', dan dalam bahasa Inggeris disebut sebagai '*justice*'. '*Adil*' adalah istilah yang diambil daripada al-Qur'an surah al-Maaidah (5) ayat 8 yang bermaksud "*Berlaku adillah, kerana adil itu lebih dekat kepada taqwa.*" Maknanya, dalam istilah '*adil*' ada Tuhan, manakala istilah '*justice*' bermaksud '*fairness*' sebagaimana yang dinyatakan oleh Oxford English Dictionary (Fowler and Fowler, 1978). Ini bermaksud dalam perhitungan '*justice*' tidak ada Tuhan.

Begitu juga dengan istilah masyarakat, mesyuarat, amanah, ikhlas, adab, akhlak, sabar, iltizam dan sebagainya yang dijadikan istilah dalam bahasa Melayu yang diambil daripada bahasa al-Qur'an. Semuanya mengandungi makna yang bersifat ketuhanan atau 'rabbani'. Manakala istilah '*society*', '*meeting*', '*faith*', '*sincerity*', '*ethics*', '*manner*', '*patient*', '*commitment*' dan sebagainya adalah bersifat sekular. Sekiranya bangsa Melayu meninggalkan segala istilah yang bersifat rabbani ini dan digantikan dengan nilai sekular, maka masyarakat Melayu juga, sedikit demi sedikit, akan menjadi sekular.

Malangnya hari ini, selepas lebih 60 tahun kita merdeka istilah-istilah dalam bahasa Melayu yang bersifat rabbani ini sedikit demi sedikit ditukar kepada istilah yang diambil daripada bahasa penjajah (Inggeris). Lihat sahaja bagaimana pengamal media dengan sewenang-wenangnya mengubah istilah bahasa Melayu dari bahasa Inggeris tanpa merujuk kepada mereka yang berwibawa dan berautoriti. Contoh yang jelas adalah seperti istilah '*informasi*', '*solusi*', '*momen*', '*durasi*', '*suspek*', '*efektif*', '*fasiliti*', '*efisiensi*' dan pelbagai istilah lagi yang sering kita dengar dan lihat di media massa, walhal kita mempunyai istilah yang lebih tepat dan sudah terkenal seperti '*maklumat*', '*penyelesaian*', '*saat itu*', '*tempoh*', '*tertuduh*', '*berkesan*', '*kemudahan*', '*kecekapan*' dan sebagainya. Kita tidak menolak kepentingan seseorang itu menguasai dan bertutur dalam banyak bahasa (terutamanya bahasa Inggeris) untuk mendapatkan ilmu daripada pelbagai sumber ilmu pengetahuan. Tetapi jangan sampai bahasa ibunda mereka yang telah kukuh, gagah, tekal dan mantap citra, budaya dan nilai sasteranya selama ini di kesampingkan.

Terkadang kita terasa terkilan di hati kecil kita apabila nama-nama tempat di negara kita hari ini tidak menggambarkan citra tanah air kita. Nama-nama seperti Gateway, Sentral, Mall, Southville City, Islamic School, Precint, Lake House, dan sebagainya mengambilalih nama-nama lazim yang menggambarkan citra dan nilai bangsa Malaysia. Kita tidak tahu apakah di negara ini terdapat pihak yang berwajib dan penguatkuasa untuk memastikan nama-nama untuk mendaulatkan bahasa kebangsaan kita? Kalau tidak ada pihak berkuasa perlu

melaksanakan segera penguatkuasaan ini supaya keadaan yang lebih parah berlaku di masa-masa hadapan.

Apabila Islam datang ke Nusantara, persuratan Melayu yang pada peringkat awalnya bersifat tempatan mula menjadi persuratan antarabangsa. Segala nilai Islam yang bersifat sejagat yang terdapat dalam ajaran Islam mula diresapkan ke dalam bahasa Melayu. Ianya juga sekali gus menggambarkan kepada kita bahawa asas yang membina bahasa Melayu adalah prinsip, falsafah dan nilai yang terkandung dalam ajaran Islam itu sendiri, sehingga agama Islam menjadi jati diri orang Melayu. Malah takrif orang Melayu dalam Perlembagaan Malaysia Perkara 160 (2) menyebut “*Melayu ertinya seseorang yang menganuti agama Islam, lazim bercakap bahasa Melayu, menurut adat Melayu dan zuriat seseorang yang sedemikian*” (Perlembagaan Malaysia 2010; hlm 238). Ini menjadikan tatacara dan juga tingkah laku umat Melayu dibatasi oleh syariat Islam, yang sebelumnya hanya dibatasi oleh adat dan tradisi Melayu semata-mata.

Di atas semangat inilah agenda membangun bahasa Melayu untuk menjadi bahasa ilmu dalam pelbagai bidang ilmu dan pengislaman berbagai sistem negara seperti perundangan Islam, ekonomi dan pengurusan Islam dan pendidikan Islam menjadi agenda utama apabila negara merdeka dari penjajahan British. Umat Melayu juga rela menjadikan kedua-dua bidang ini (agama dan bahasa) sebagai percaturan dalam berpolitik. Di atas semangat untuk memartabatkan bahasa Melayu, negara juga telah menubuhkan Universiti Kebangsaan Malaysia pada 1970 sebagai puncak kepada pendidikan negara dalam bahasa Melayu dalam semua bidang ilmu. Graduan yang dilahirkan telahpun memberikan khidmat bakti mereka dengan jayanya menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Tetapi malangnya, pembangunan bahasa Melayu terencat dengan pengenalan program Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) pada tahun 2003. Atas desakan masyarakat PPSMI telah ditamatkan pada 2011. Tiba-tiba kita dikejutkan semula apabila Kementerian Pendidikan Malaysia memperkenalkan pula *Dual-Language Program (DLP)* dan *Highly Immersive Programme (HIP)* pada tahun 2016 (Isahak Haron 2016). Semuanya ini merencatkan usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM), sedangkan pendidikan STEM amat penting dalam pembangunan negara. Malah prestasi petunjuk utama kemajuan sesebuah negara adalah terletak kepada bagaimana negara tersebut bersedia untuk melabur dalam bidang STEM ini.

Era Revolusi Industri Ke-4 (4IR)

Sains dan teknologi telah membantu kita memahami tabii alam dan mengambil manfaat dari sumber alam yang berada di sekitar kita. Sejak revolusi industri pertama sehinggalah ke hari ini, tidak dinafikan yang setiap penemuan baru dalam bidang sains dan teknologi telah memberikan kesan kepada sistem ekonomi, sosial, budaya dan citra hidup kita. Tetapi sejak manusia memahami alam nano, alam kuantum, alam atom dan molekul, serta alam zarah asas yang lain, pembangunan sains dan teknologi berkembang dengan begitu pesat sekali. Klauss Schwab (2017), Ketua Pegawai Eksekutif dan pengasas World Economic Forum (WEC) yang memerhati perkembangan sains dan teknologi serta kesannya terhadap manusia telah meramalkan bahawa dunia akan memasuki Era Revolusi Industri ke 4 (4IR) yang bermula pada 2018.

Sebelum Revolusi Industri, manusia menggunakan tenaga otot, sama ada otot manusia atau binatang untuk membantu mereka dalam pembangunan negara. Revolusi Industri Pertama (1IR) bermula dengan kejayaan ahli sains memperkenalkan tenaga mekanik dari kuasa stim, akhirnya tenaga otot telah digantikan sepenuhnya oleh tenaga mekanik. Ianya diikuti dengan Revolusi Industri Ke-2 (2IR) dengan terbangunnya tenaga elektrik yang berasaskan kepada gerakan cas. Dalam 2IR, tenaga elektrik telah digunakan sepenuhnya untuk menghasilkan produk secara besar-besaran dengan menggunakan sistem ‘assembly line’ atau sistem pemasangan berbaris. Pembangunan sains dan teknologi seterusnya berlaku dalam teknologi bahan semikonduktor. Bahan ini dapat menghasilkan peranti yang mempunyai saiz yang kecil seperti komputer. Apabila komputer bersaiz kecil dihasilkan berserta dengan ledakan teknologi maklumat dan komunikasi, maka teknologi komputer dan teknologi maklumat dan komunikasi digunakan secara meluas dalam era Revolusi Industri ke-3 (3IR).


Sekarang ini kita berada di ambang era Revolusi Industri ke-4 (4IR). 4IR dipacu oleh sistem fizikal siber yang memungkinkan manusia dijangkau dengan sistem maklumat dan komunikasi yang meluas di peringkat global. Teknologi ini dibantu pula dengan teknologi gelombang elektromagnet. Hari ini, teknologi ini digunakan secara meluas di peringkat global. Ianya bukan sekadar produk yang dihasilkan dalam pembangunan sains dan teknologi, malah ia merubah sistem ekonomi, gaya dan kaedah pengurusan sosial, budaya dan persekitaran manusia. Menurut Garbee (2016), Schwab menyebut,

“We must develop a comprehensive and globally shared view of how technology is affecting our lives and reshaping our economic, social, cultural, and human environments. There has never been a time of greater promise, or greater peril.”

Yang dapat diterjemahkan sebagai,

“Kita mesti membangun suatu pandangan global yang komprehensif dan dikongsi bersama bagaimana teknologi akan memberi kesan kepada kehidupan kita, membentuk semula ekonomi, sosial, budaya dan persekitaran manusia. Tidak pernah suatu ketika dahulu kita dijanjikan dengan janji sehebat ini atau kemusnahan sebesar ini.”

Ringkasan evolusi industri sepanjang zaman dapat digambarkan seperti dalam Rajah 3.1.



RAJAH 3.1 Evolusi Revolusi Industri sepanjang zaman.

Hari ini kita berada diambang Revolusi Industri ke-4 yang memulakan sistem fizikal siber. Schweb (2017) menjangkakan dalam 4IR, teknologi berikut akan dibangunkan sebelum menjelang tahun 2030:

- ‘*Big Data*’ atau rangkaian data raya yang menjadi asas kepada sistem fizikal siber akan dapat diakses sepenuhnya.
- Cetakan 3D yang membolehkan manusia menghantar arca objek dalam 3 dimensi dalam masa yang singkat ke tempat yang jauh.
- Teknologi kenderaan udara tanpa manusia (*Unman Air Vehicle UAV*) yang telah berkembang dengan pesat hari ini dan dimajukan lagi dalam bidang teknologi ‘*drone*’.
- Teknologi kenderaan pandu sendiri dengan menggunakan sistem kawalan jarak jauh.
- *BRAINnet*; singkatan daripada *Brain Research And Integrative Neuroscience Network*, yakni suatu jaringan bersepadu neurosains.
- *Humanoid* atau robot yang dapat berfungsi sebagai manusia.

- *Bitcoin* atau matawang kripto (*cryptocurrency*) yang dapat diguna secara meluas di serata dunia.

Rajah 3.2 menggambarkan perubahan yang akan berlaku menjelang tahun 2030 yang akan menjelmakan 4IR sepenuhnya. Kemuncak kepada era 4IR adalah usaha untuk menggantikan manusia dengan robot yang boleh berfungsi sebagai manusia.



RAJAH 3.2 Sumbangan dan pencapaian sains dan teknologi dalam era 4IR.

Bahasa Melayu Dalam Meniti Era Revolusi Industri Ke-4

Persoalannya apakah kedudukan bahasa Melayu di era 4IR? Kalau tanggungjawab manusia sudah diambil alih oleh humanoid (robot yang boleh berfungsi sebagai manusia), apa pula peranan bahasa Melayu ketika itu, sedang kita tahu robot beroperasi dalam bahasa berkod? Untuk itu kita perlu lihat perbezaan di antara manusia dengan humanoid dari segi fizikal dan dari segi kerohanian seperti pengaruh nilai agama, budaya dan sastera kepada orang Melayu.

Secara ringkasnya ciri fizikal atau saintifik dan kerohanian antara manusia dan humanoid dapat dilihat seperti dalam Jadual 1.

CIRI FIZIKAL MANUSIA & HUMANOID		CIRI KEROHANIAN MANUSIA & HUMANOID	
<u>MANUSIA</u>	<u>HUMANOID</u>	<u>MANUSIA</u>	<u>HUMANOID</u>
• Tiada 2 manusia yang sama. • Akan tua. • Ada perasaan atau emosi. • Semakin lemah. • Lapar dan dahaga. • Terdedah kepada kesilapan. • Memahami 'makna'.	• Semua humanoid adalah sama. • Sentiasa muda. • Tiada perasaan atau emosi. • Sentiasa bermaya. • Tidak perlukan makan minum. • Bergantung kepada arahan. • Tidak memahami 'makna'.	• Khalifah Allah – mampu mengurus alam. • Mempunyai <i>Roh, Qalb, Nafs, Aql & Jasad</i>. • Memahami 'makna' alam ciptaan Tuhan. • Mempunyai kecerdasan 'kerohanian'.	• Diciptakan manusia – membantu mengurus alam. • Tidak mempunyai <i>Roh, Qalb, Nafs</i>. • Tidak memahami 'makna' alam. • Tidak mempunyai kecerdasan 'kerohanian'.

(a)

(b)

JADUAL 2.1 (a) Ciri fizikal dan saintifik antara manusia dengan humanoid.
(b) Ciri kerohanian antara manusia dengan humanoid.

Terdapat perbezaan yang amat ketara di antara manusia dengan humanoid secara fizikal (a) dan secara kerohaniannya (b). Tidak ada dua manusia yang mempunyai sifat fizikal yang sama, tetapi manusia dapat membangunkan sebilangan humanoid yang mereka mahu yang mempunyai sama sifat fizikalnya. Semua humanoid dapat menerima arahan yang sama daripada pengendalinya.

Semua manusia akan melalui proses menuaan; semakin lama mereka semakin tua dan lemah. Mereka juga terdedah kepada lapar dan dahaga, mereka perlu qada' hajad dan mereka perlu kepada makan dan minum secara berterusan. Kehendak mereka juga sering berubah apabila persekitarannya berubah. Mereka boleh memahami makna kepada setiap fenomena dan perubahan yang berlaku di persekitarannya. Semua perkara ini tidak berlaku kepada humanoid. Humanoid tidak melalui proses penuaan, tidak lapar dan dahaga, tidak perlu ke bilik air, tidak perlu kepada makan dan minum, tidak berubah apabila persekitaran berubah. Sekiranya humanoid diarahkan untuk membersihkan rumah, pastinya mereka tidak pernah menolak. Sekiranya diarah untuk masak makanan, pastinya mereka akan masak mengikut prosedur yang diarahkan kepada mereka – makanan yang mereka masak pastinya lebih enak sebab mengikut prosedur masak yang ketat.

Dalam Islam, manusia adalah khalifah Allah SWT yang mempunyai keupayaan untuk mentadbir dan mengurus alam ini (al-Baqarah (2); 30), manakala humanoid tidak mampu. Manusia juga mempunyai roh (as-Sajdah (32); 9), qalb (al-A'raf (7); 179), naf (al-Fajr (89); 27), aql (ar-Ruum (30); 24) dan jasad untuk mengenali, memahami dan memberi makna tentang objek atau perkara yang didengar dan dilihatnya (al-A'raf (7); 179), sedangkan humanoid hanya mempunyai jasad dan '*akal*' (kemampuan untuk rasional) yang terhad secara rasional sahaja. Manusia adalah makhluk yang dimuliakan Allah dan diberikan segala kelebihan mengatasi makhluk yang lain (al-Iraq (17); 70), tetapi

tidak humanoid. Pastinya humanoid bukanlah khalifah Allah SWT yang tidak dapat memberikan makna secara kerohanian tentang apa sahaja yang dicerap. Humanoid hanyalah sekadar alat yang diciptakan oleh manusia untuk membantu urusan mereka di dunia ini. Mana mungkin kita membenarkan humanoid mengambil alih tugas dan fungsi manusia secara keseluruhannya di dunia ini.

Bahasa yang digunakan oleh humanoid adalah bahasa yang berasaskan kod, sedangkan manusia menggunakan bahasa berdasarkan kepada budaya, sastera, nahu, citra dan sistem nilai yang dimiliki oleh manusia. Bahasa Melayu adalah bahasa yang penuh dengan nilai sastera, budaya dan kerohanian yang tinggi bagi penduduk di nusantara. Meninggalkan bahasa Melayu bererti kita meninggalkan semua aspek nilai keinsanan (agama, budaya dan sastera) yang sepatutnya menjadi '*jiwa*' umat Melayu dalam pembangunan negara kita. Lihat sahajalah kepada semua penyelewengan, salah guna kuasa, rasuah, pengagihan kekayaan yang tidak adil dan pembangunan yang tidak lestari yang ada pada hari ini. Ia berlaku akibat daripada ketidakseimbangan di antara pembangunan nilai insan manusia dengan pembangunan sains dan teknologi. Sekiranya kita menjiwai makna '*adab*' dan '*akhlak*' (bukan *ethics*) yang terkandung dalam bahasa Melayu pastinya rasuah, penyalahgunaan kuasa dan isu pencemaran alam sekitar tidak akan berlaku. Sekiranya kita menjiwai makna '*adil*' (bukan *justice*) yang terungkap dalam bahasa Melayu, tentulah pengagihan kekayaan negara akan berlaku secara sebaik mungkin. Begitulah dengan istilah-istilah maknawi yang lain yang terdapat dalam bahasa Melayu yang sekiranya diamalkan pastinya mendatangkan segala kebaikan yang akan mensejahterakan negara.

Dalam masa yang sama kita tidak menolak segala kemajuan yang dibawa oleh sains dan teknologi. Negara yang maju adalah negara yang bersedia untuk melabur dalam pembangunan sains dan teknologi dalam pelbagai bidang. Namun, sains dan teknologi adalah semata-mata '*alat*' untuk pembangunan. Dengan demikian, ciptaan sains dan teknologi seperti teknologi maklumat dan komunikasi, '*drone*', humanoid, dan sebagainya adalah juga alat semata-mata. Ia perlu dipandu oleh insan yang mempunyai jiwa, dengan nilai kerohanian yang tinggi.

Sudah sampainya masanya kita bukan sekadar berusaha untuk melahirkan insan yang berfikir dalam aras berfikir yang tinggi (yang dalam bahasa Inggerisnya disebut sebagai High Order Thinking (HOT)) yang tidak mengambil kira faktor nilai keinsanan, tetapi kita juga perlu berfikir dalam Kerangka Nilai Kerohanian (Tauhid) Yang Tinggi yang melahirkan insan yang tinggi literasi sains dan teknologi dan dalam masa yang sama mempunyai nilai keinsanan yang terpuji yang dapat menikmati erti kebahagiaan sebenarnya. Dalam bahasa, terutamanya bahasa Melayu, nilai keinsanan ini terserlah dalam kategori keempat berbahasa yang dibincangkan di atas.

Kita perlu kembali mengajar dan belajar subjek sains dan teknologi dalam bahasa Melayu di negara ini sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 152, kerana bahasa Melayu mempunyai nilai budaya, sastera dan persuratan yang semangat dan rohnya diambil dari al-Qur'an. Belajar dan mengajar sains dan teknologi dalam bahasa Inggeris bererti kita membangunkan sains dan teknologi dalam acuan sekular yang mengkesampingkan nilai agama.

Kesimpulan

Sains dan teknologi adalah wahana terpenting dalam pembangunan sesebuah negara dan tamadun. Tetapi sains dan teknologi tidak memberi hala tuju tertentu ke arah manakah pembangunan itu perlu dibangunkan. Apakah pendidikan itu sekadar untuk meningkatkan literasi sains seseorang?

Benarlah sekalilah analisis Harry R. Lewis (2007) yang membicarakan isu pendidikan ini dengan panjang lebar dalam bukunya *'Excellance without a Soul'* ('Kecemerlangan tanpa roh'), *'Does Liberal Education Have a Future?'* ('Apakah pendidikan liberal mempunyai masa depan'), *'How a Great University Forgot Education'* ('Bagaimana universiti tersohor mengabaikan pendidikan'). Perkara yang sama telah dinyatakan oleh Steve Mullar (Ulin, 1980) dengan menyebut *'The failure to rally around a set of values means that universities are turning out potentially highly skilled barbarians'* ('Kegagalan dalam membangunkan set nilai (kemanusiaan) bererti universiti bertukar menjadi tempat untuk melahirkan para penyangak yang mahir'). Begitu juga dengan pandangan Fritjoh Capra (1982) tentang pembangunan yang membawa kepada kerosakan alam sekitar dan sistem sosial masyarakat; Buncker Roy (1990) menyebut sistem pendidikan kini hanya melahirkan insan yang *'literate uneducated'* ('berliterasi tetapi tidak terdidik') sekiranya sistem nilai budaya dan agama yang terdapat dalam sesebuah masyarakat itu tidak diperkasakan.

Mengajar dan mengungkapkan ilmu dalam bahasa asing hanya mengesahkan bahawa bahasa Melayu tidak mampu menjadi bahasa ilmu, setidaknya bahasa Melayu tidak mampu menjadi bahasa persuratan dan ungkapan untuk ilmu berkenaan. Ini bertentangan dengan sejarah nusantara yang mengesahkan bahawa bahasa Melayu itu berkembang seiring dengan pembangunan peradaban mereka di abad ke 5 dan 6 serta abad ke 17 dan 18. Ini juga bertentangan sekali dengan hasrat negara untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Negara Perkara 152. Siapa yang bertanggungjawab untuk membangunkan bahasa Melayu seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia? Sekiranya bahasa Melayu adalah bahasa yang boleh mengungkapkan apa sahaja ilmu yang ada pada hari ini, sudah pastilah bahasa Melayu mampu untuk mendidik semua warganya dalam membangunkan apa saja ilmu termasuk

sains dan teknologi untuk berhadapan dengan era Revolusi Industri ke-4. Kalau bahasa Melayu tidak mampu menjadi bahasa ilmu, apa peranan negara, khususnya Kementerian Pendidikan dan para ilmuwan negara dalam memastikan bahasa Melayu menjadi bahasa ilmu dan bahasa persuratan dalam apa sahaja bidang ilmu.

Usaha mestilah dilakukan oleh semua pihak dengan bersungguh-sungguh dan tekal untuk memastikan bahasa Melayu dimartabatkan, diberi nilai, diutamakan, dihormati, diangkat darjat, disanjung, diperkasakan, diagungkan dan dicemerlangkan. Ini perlu dilakukan dengan membangunkan semua bidang ilmu dalam bahasa tersebut, disamping galakan yang sungguh-sungguh diberikan untuk menghasilkan karya besar dalam bahasa Melayu. Mereka yang berkarya dalam bahasa tersebut perlu diberi pengiktirafan sewajarnya. Apabila ilmu dibangunkan dalam sesuatu bahasa, maka pastinya bahasa tersebut akan bernilai tinggi.

Bab 4

Falsafah Pendidikan Melayu

Rosnani Hashim

Pendahuluan

Bab ini meneliti dan membincangkan tentang falsafah pendidikan Melayu, iaitu pemikiran pendidikan para ahli falsafah Melayu dari zaman Islamisasi dunia Melayu pada abad ke-13 hingga ke saat ini. Melayu merujuk pada kelompok etnik yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa utama, beragama Islam dan menggunakan aksara Jawi (Arab) yang umum untuk penulisan. Dunia atau alam Melayu merujuk kepada kepulauan Melayu-Riau, yang terdiri dari Indonesia moden, Malaysia, Singapura, Brunei, selatan Thailand, bahagian-bahagian Indo-Cina (Kemboja, Vietnam, dan Laos), dan selatan Filipina (lihat peta rajah 1).

Tulisan ini tidak mencakup semua falsafah pendidikan Asia, yang akan mencakup falsafah Cina, India, Korea, dan Jepun. Ia juga tidak membahas falsafah pendidikan di Cina dan India, yang akan mencakup falsafah Buddha dan Konfusianisme di Cina serta falsafah Hindu, Tagore, dan Ghandi. Ketika berbicara tentang kepulauan Melayu, orang Melayu merujuk kepada orang-orang yang berbeza di rantau tersebut yang bertutur dalam bahasa Melayu dan pelbagai dialeknya. Mereka dipengaruhi oleh agama Hindu sebelum memeluk Islam. Kehidupan mereka dipengaruhi oleh pandangan dunia Islam lebih daripada selainnya, sama ada mereka orang Melayu di Malaysia, Thailand, Kemboja, Singapura, Brunei, atau Mindanao. Sebagai orang Melayu, Melayunya benar-benar terpadu dengan unsur-unsur Islam. "Ciri terkuat identiti Melayu yang kekal konsisten tanpa terikat kepada lokasi tempat tinggal adalah ketaatan mereka terhadap agama Islam. Orang Melayu di seluruh dunia mengiktiraf perlembagaan Malaysia yang mentakrifkan seseorang Melayu sebagai "seseorang yang termasuk dalam ras Melayu mana pun yang biasanya bertutur dalam bahasa Melayu (atau sebarang dialek bahasa Melayu) dan menganut agama Islam" (Joshua Project, 2019). Justeru, secara umumnya pemahaman orang Melayu tentang Islam menentukan tujuan pendidikannya.

Lama kemudian, iaitu semasa zaman kolonisasi Barat pada abad ke-17, rantau atau wilayah ini menjadi lebih majmuk dengan kedatangan kaum Cina dan India yang tidak berasimilasi seperti yang dilakukan oleh para penghijrah sebelumnya pada abad ke-15 tetapi sebaliknya melestarikan budaya mereka

sendiri. Bagaimana pun mereka tetap menjadi golongan minoriti kerana mempertahankan budaya mereka sendiri. Mereka dibimbing oleh falsafah Cina atau Hindu. Bab ini memberi fokus kepada orang Melayu dan tafsiran dan terjemahan mereka tentang falsafah pendidikan, yang sangat dipengaruhi oleh pandangan dunia dan konstruksi Islam.

Sejarah Islam di Kepulauan Melayu

Penyebaran pengetahuan ilmu Islam membawa transformasi budaya yang dramatis di kepulauan tersebut. Menurut al-Attas (1969, hlm. 29–30), proses Islamisasi di Kepulauan Melayu berlaku dalam tiga fasa. Fasa pertama (1200–1400 M) adalah perubahan minimal atau perubahan tubuh. Fasa kedua (1400–1700 M) adalah zaman perubahan "roh," yang melihat munculnya ketenangan dan penyebaran mistisisme falsafah (tasawuf) dan teologi rasional (kalam). Fasa ketiga (1700 M) adalah lanjutan daripada fasa kedua, yang bertepatan dengan kedatangan Barat. Al-Attas (1969, hlm. 5) menegaskan bahawa karya kesusasteraan teologi dan metafizik Islam "menggerakkan proses revolusi pandangan dunia Melayu-Indonesia, memalingkannya dari dunia mitologi yang semakin runtuh ... ke dunia kecerdasan, akal dan ketertiban." Dia menegaskan lebih lanjut bahawa monoteisme Islam tidak hanya membawa ontologi, kosmologi, dan psikologi baharu ke kepulauan Melayu-Indonesia, tetapi juga merevolusi bahasa Melayu, yang menjadi bahasa sastera dan agama Islam pada abad ke-16. Abad ke-16 dan ke-17, adalah abad yang menandai munculnya rasionalisme dan intelektualisme, yang sebelumnya tidak terdapat di mana pun di kepulauan Melayu, melihat munculnya tulisan, terjemahan, dan komentar Melayu yang produktif berkaitan dengan falsafah, mistisisme, dan teologi rasional.

Karya-karya "aliran baharu" kesusasteraan Melayu ini mengungkapkan "bahasa penaakulan logik dan analisis saintifik" (al-Attas, 1969, hlm. 29). Beliau menambah bahawa "revolusi budaya abad ke-15 hingga ke-17 mencerminkan permulaan zaman moden di Nusantara" (al-Attas, 1969, hlm. 30). Abad ke-17 menghasilkan tiga orang cendekiawan—Hamzah Fansuri, Syams al-Din al-Sumatrani (w. 1630), dan Nur al-Din al-Raniri (w. 1666); yang mana al-Raniri telah membayangi Hamzah Fansuri dan Syams al-Din al-Sumatrani,

atas peranan terbesarnya dalam mengukuhkan agama di antara orang Melayu, dan memberikan sumbangan abadi bagi kualiti kehidupan rohaniah dan intelektual mereka ... Karyanya *Bustan al-Salat* adalah buku terbesar dalam bahasa Melayu yang pernah ditulis ... Bahkan beliau adalah penulis pertama dalam bahasa Melayu yang menyajikan sejarah dari perspektif universal dan merintis penulisan sejarah Melayu moden yang saintifik. (al-Attas, 1986, hlm. 48)

Menurut Hassan, M.K. (1996, hlm. 4) terdapat lima pusat utama pengajian Islam di Kepulauan Melayu sebelum abad ke-20, iaitu Samudra-Pasai (1280–1400M), Melaka (1400–1511M), Aceh (1511–1650M), Johore Riau (1650–1800M), dan Patani (1800–1900M).

Namun, kepulauan Melayu telah ditakluki oleh kuasa Barat—Portugis, Belanda, Inggeris, dan Perancis—melalui penjajahan, dimulai pada awal abad ke-16 dan pada era modenisasi selanjutnya pada separuh pertengahan abad ke-20. Rantau ini menghadapi banyak cabaran sosial, terutama setelah penjajahannya oleh Barat. Penyerapan nilai-nilai dan budaya Barat ke dalam kepulauan atau dunia Melayu menyebabkan banyak perubahan dan gangguan pada masyarakat setempat, institusi keagamaan, dan tradisi mereka. Pertemuan atau perhubungan pertama dengan Barat terbukti menghancurkan, seperti yang disaksikan pada pendudukan Portugis di Melaka dan dalam kekalahan kepada Belanda sekitar abad ke-16 di Batavia, dan kemudian di Aceh.

Tetapi hubungan umat Islam kemudiannya dengan Barat, khususnya Inggeris, setelah abad ke-18 nampaknya lebih berpengaruh, kerana bukan sahaja mengubah kehidupan sosial, masyarakat setempat, institusi keagamaan, dan tradisi, tetapi juga nampaknya memerangkap pemikiran dan intelek orang ramai. Transformasi dari monarki ke negara-bangsa, dari ekonomi bazaar ke sistem kapitalis, dan dari halaqah ke metode pendidikan kelas formal, semuanya menggambarkan pengaruh besar Barat terhadap alam Melayu.

Modenisasi membawa gagasan sekularisasi, yang juga mengubah konsepsi Melayu tentang akidah dan kehidupan sehari-hari. Dari sudut pandang muslim, Islam adalah agama yang syumul yang mencakup seluruh hidup mereka. Islam memberikan bimbingan hidup dalam segala aspek untuk dunia ini dan untuk akhirat. Ia memiliki bimbingan untuk dimensi moral, agama, spiritual, sosial, politik, ekonomi, dan sains. Modenisasi sebagai fakta sejarah menghasilkan cabaran baharu bagi umat Islam, terutama dalam mengadaptasi atau mereformasi budaya mereka untuk menghadapinya.

Beberapa aliran pemikiran boleh dilihat di dalam dunia Melayu, tetapi demi tujuan diskusi, penulis membahaginya kepada dua: kaum modenis, yang meliputi kaum revivalis, dan kaum tradisional. Kaum modenis dan revivalis Islam percaya bahwa sebahagian besar umat Melayu beragama Islam tidak memahami ajaran Islam yang sebenarnya seperti yang ditemukan dalam Al-Qur'an dan Sunnah Nabi Muhammad (s.a.w). Mereka cenderung mencampurkan nilai-nilai Islam dengan nilai-nilai dan kepercayaan tradisional yang telah wujud sebelum munculnya Islam, yang mengakibatkan bid'ah (inovasi) dan khurafat (penyimpangan). Di sisi lain, aliran lain, kaum tradisional, adalah kaum konservatif dan lebih berpegang teguh pada tradisi Islam yang telah

diwariskan dari generasi sebelumnya. Inti pembelajaran mereka tetap sama: Al-Qur'an, Hadith, akidah (kepercayaan), fikah, ibadah, dan akhlak. Pedagogi pembelajaran mereka juga tradisional, menghafal Al-Qur'an dan Hadith dan syarah-syarahnya. Ini memang membebani fikiran, tetapi tidak ada banyak usaha ijtihad untuk menyelesaikan masalah semasa. Ijtihad melibatkan pengambilan keputusan tentang masalah yang mempengaruhi umat Islam berdasarkan penggunaan Al-Qur'an, Sunnah, kias (analogi), dan ijma' (konsensus), menjaga kepentingan umum (mursalah al mursalih), budi-bicara juristik, dan adat istiadat setempat ('urf). Ini memerlukan banyak analisis sebelum sintesis dapat diperoleh. Namun, ulama tradisional lebih disibukkan dengan komentar (sharah j. shuruh) dan komentar atas komentar (sharah 'ala al-sharah) daripada memeriksa sumber-sumber utama untuk penyelesaian masalah.

Oleh demikian, sejarah Islam di kepulauan Melayu pada abad ke-19 dan ke-20 ditandai dengan perjuangan antara kaum tradisional dan kaum moden. Kaum moden berusaha mereformasi agama tidak hanya dalam hal akidah tetapi juga dalam pendidikan Islam dengan mendukung rasionaliti dan membuka pintu ijtihad. Sebahagian besar penyelidikan tertumpu kepada perbezaan antara para reformis ini dalam praktik keagamaan dan dalam dimensi sosial-politik, tetapi hanya sedikit yang fokus pada reformasi sistem pendidikan sebagai kesan daripada kemajuan dalam ilmu pengetahuan dan bidang sains. Mempelajari falsafah pendidikan para reformis ini dan perubahan-perubahan pendidikan yang diusahakan adalah sangat penting kerana ini akan memberi penjelasan tentang lanskap pendidikan masa kini dan penilaian tentang keberhasilannya untuk menghidupkan kembali cara hidup Islam dalam kalangan golongan massa Melayu bagi menghadapi cabaran sosial dan politik.

Dengan latar belakang inilah para elit atau ulama Islam yang lebih berilmu pengetahuan dan kreatif muncul dalam kalangan masyarakat Melayu yang berbeza-beza untuk menganalisis dan mendiagnosis cabaran sosial secara jitu pada zaman mereka dan memikirkan cara-cara untuk menggerakkan golongan massa supaya menerapkan alternatif yang telah mereka pilih dan rancang. Fikiran atau gagasan baru tidak tumbuh dalam ruang vakum. Pasti ada faktor-faktor yang menjadi pemangkin. Faktor sosial, politik, dan ekonomi amat signifikan dan berpengaruh dalam pertumbuhan idea-idea baharu. Ketika membahas falsafah pendidikan Melayu, seseorang tidak dapat mengabaikan latar belakang yang membentuk dan membangun falsafah itu dan bagaimana ia pula membentuk masyarakat.

Makalah ini memberi fokus kepada usaha para elit dan ulama membangun pendidikan umat Islam dengan mereformasi institusinya. Kebanyakan daripada mereka adalah guru agama yang memaparkan keperibadian Muslim yang bersepadu, iaitu, mereka berasal dari dunia ini dan juga dari "yang lain." Mereka

mengajarkan kepada masyarakat umum teori Islam, akidahnya dan juga syari'ah (cara hidup) nya. Mereka juga mencerminkan ajaran-ajaran ini dalam kehidupan mereka sebagai teladan bagi para penganut Islam di komuniti mereka. Penulis mengkaji falsafah pendidikan Melayu berdasarkan pemikiran dan tindakan pendidikan para reformis di Kepulauan Melayu ini dengan tumpuan kepada Malaysia dan Indonesia yang mempunyai penduduk Islam majoriti.

Zaman Tradisional dan Keprihatinan terhadap Pendidikan

Zaman tradisional dianggap mencakup fasa pertama dan kedua Islamisasi. Konteks sosial, pendidikan, dan falsafah pendidikan untuk masa ini dapat diperoleh dari kehidupan dan karya para ulama Syeikh Abdus Samad Palembani dan Syeikh Daud al-Fatani pada abad ke-18. Syeikh Abdus Samad adalah seorang ulama yang berasal dari Palembang, Sumatra, dan belajar di Mekah pada separuh kedua abad ke-18. Bidang pengajiannya adalah teologi skolastik Islam (Usul al-Din), hukum Islam (Fikah), dan tasawuf. Karya-karyanya, terutama Siyar dan Hidayah, yang merupakan petikan daripada *Ihya' 'Ulum ad-Din*, karya agung Imam al-Ghazali dan karya-karyanya yang lain, dapat dianggap sebagai agen yang membawa pengaruh al-Ghazali ke dunia Melayu. Kedua buku itu masih digunakan sebagai buku pelajaran bagi mahasiswa tasawuf.

Seorang lagi cendekiawan Islam yang terkenal adalah Syeikh Daud al-Fatani, dari Patani di selatan Thailand. Syeikh Daud adalah salah seorang penulis paling produktif di abad ke-18. Beliau meninggalkan tanah airnya untuk ke Mekah, di mana dia tinggal hampir sepanjang hayatnya kerana ketidakstabilan dan peperangan antara Patani dan Siam. Beliau bukan hanya dikenali dalam kalangan ulama Patani tetapi juga dalam kalangan ulama-ulama dunia Melayu. Dia mengabdikan usaha ilmiahnya untuk menulis dan menerjemahkan banyak karya Arab dalam berbagai-bagai bidang dan disiplin ilmu, terutama bidang Fikah, ke dalam bahasa Melayu yang ditulis menggunakan tulisan Jawi. Hal ini membantu meningkatkan pengajian Islam di pondok tradisional (pondok atau pesantren merupakan pusat pendidikan Islam tradisional yang mempunyai empat ciri iaitu, kehadiran seorang guru yang dipanggil Kyai atau Tok guru; pondok kecil atau asrama untuk pelajar, selalu didirikan di sekitar rumah Tok guru atau Kyai; pengajaran pengajian Islam; dan masjid sebagai pusat kegiatan pendidikan) serta bahasa Melayu sebagai bahasa pembelajaran dan keilmuan di alam Melayu. Karya-karyanya cenderung kepada membentuk kurikulum pondok tradisional. Syeikh Abdus Samad dan Syeikh Daud al-Fatani menepati fasa kedua Islamisasi Al-Attas, yang merupakan era perubahan "nafs atau jiwa," ketika ada peningkatan penyebaran mistisisme falsafah dan teologi rasional.

Pemikiran tentang Pendidikan—Matlamat Pendidikan

Oleh kerana konteks sosial dan penerimaan Islam, yang sudah memiliki epistemologi yang berserpihan, tidak menghairankan bahawa para ulama pada masa itu disibukkan dengan pendidikan kerohanian, ritual ibadah Islam, dan juga pembacaan Al-Qur'an yang betul dalam bahasa Arab. Misalnya, konsep pendidikan Syeikh Abdus Samad berkaitan dengan keperibadian holistik manusia bukan sebaliknya hanya menarik kepada fikiran dan jasad. Konsep pendidikannya berasaskan kepada gagasan bahawa tugas tertinggi manusia dalam hidupnya adalah untuk menjaga rohnya, dan isu-isu serta masalah lain dilihat dari perspektif ini. "matlamatnya adalah untuk Ilahi; subjeknya adalah insan dalam keadaan aslinya; caranya adalah untuk mengikuti laluan yang sudah ada 'di sana' dan 'di sini' dengan pertama, menerima doktrin ini secara mental, dan kemudian menyedari dalam kedalaman jiwa. Di penghujung 'perjalanan', subjek 'tahu' siapa dia sebenarnya, 'siapa' Tuhan dan apakah realiti kosmos ini. Kemudian barulah subjek diintegrasikan sepenuhnya" (dipetik dalam el-Muhammady, 2021, hlm. 17). Syeikh Abdus Samad melihat perkembangan pendidikan sebagai proses pemurnian "keburukan-keburukan pada jiwa manusia sehingga menjadi jiwa keemasan yang suci dan bersepadu yang berseri-seri kerana kemuliaan kerohanian itu." Dapat dikatakan bahawa tujuan pendidikan kerohanian dalam Islam adalah untuk "mengubati insan daripada kemunafikan, untuk membina keseluruhan dirinya, dan apabila beliau memperoleh kesepaduan, maka beliau akan mencapai kesucian" (hlm. 21). Dia berhujah bahawa "ramai orang menganut kepercayaan kepada Tuhan yang satu, tetapi kehidupan mereka berjalan seolah-olah terdapat banyak Tuhan. Oleh itu mereka akan melakukan dosa besar "politeisme" (syirik) dalam Islam; atau mereka melakukan kemunafikan (nifaq), mengakui mempercayai sesuatu tetapi bertindak menurut sesuatu kepercayaan yang lain" (dipetik dalam el-Muhammady, 2021, hlm.22).

Dari segi keselamatan individu dan keperibadian terpadu, ilmu-ilmu Islam yang sangat diperlukan adalah 'akidah, fikah, dan tasawuf. Ini adalah tiga serangkai yang sangat diperlukan, menurut Syeikh Abdus Samad. Tujuan akhir dari proses sebegini adalah kesedaran akan ilmu yang benar, ma'rifah pengetahuan tentang sesuatu melalui Tuhan. Oleh demikian, tujuan pendidikan spiritual Islam adalah untuk menyembuhkan jiwa manusia dan untuk memungkinkan manusia mencapai kesepaduan dalam semua kedalaman dan keluasan kewujudan dan kehidupannya.

Dalam karyanya *al-Dur al-Thamin*, Syeikh Daud al-Fatani (n.d.a, hlm. 4) menekankan keutamaan mencari dan memiliki ilmu pengetahuan. Namun, seperti Syeikh Abdus Samad, ia sangat percaya bahawa mencari ilmu pengetahuan tidak boleh semata-mata untuk tujuan duniawi. Dia percaya bahawa mereka yang mencari ilmu pengetahuan hanya demi dunia ini dan bukan untuk akhirat tidak

dapat dianggap sebagai penuntut yang sejati. Pandangan ini konsisten dengan Hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim bahawa tindakan hanyalah dengan niat dan setiap orang akan memiliki apa yang diniatkannya. Hadith ini berkaitan dengan maksud hijrah ke Madinah di mana ramai sahabat berhijrah kerana perintah Allah untuk menjaga agama daripada penganiayaan oleh orang-orang Mekah. Tetapi ada sahabat yang berhijrah kerana alasan duniawi seperti niat pernikahan. Dengan demikian, mereka mendapatkan apa yang mereka inginkan juga. Dalam konteks mencari ilmu pengetahuan, keutamaannya adalah mengenal Allah dan perintah-perintahNya dan hidup sesuai dengannya. Tujuan lain adalah sekunder. Untuk menggarisbawahi maksudnya, Syeikh Daud (n.d., hlm. 324) merujuk kepada Hadith, yang menyatakan bahawa kepemilikan ilmu pengetahuan saja tidak akan memadai untuk disebut 'Alim (sarjana) kerana pemilik pengetahuan haruslah takut dan hormat kepada Tuhan. Allah berfirman dalam Alquran S. Fatir (35) ayat 28: "Mereka yang benar-benar takut akan Allah di antara hamba-hambaNya adalah mereka yang memiliki pengetahuan." Mungkin kerana inilah Umar al-Khattab berpendapat bahwa pengetahuan tidak akan ada artinya bagi para sarjana yang sombong dan tidak bermoral (Dalip, 1990, hlm. 74).

Kurikulum Pendidikan dan Kaedah Pengajaran Era Tradisional

Untuk mencapai tujuan pendidikan spiritual, Syeikh Abdus Samad mengesyorkan jalan sufi, iaitu jalan untuk mewujudkan "siapa" seseorang itu, sesuai dengan sabda Nabi s.a.w "Dia yang mengenal dirinya sendiri, mengenal Tuhannya." Menurut (al-Palembani, 1953), jiwa manusia dalam perjalanannya menuju Yang Mutlak dan menuju pencapaian kesempurnaan harus menempuhi tujuh "peringkat." Peringkat terendah jiwa dari segi kecemerlangan rohani disebut roh yang menarik kepada kejahatan (*nafs al-ammarah*). Seseorang yang jiwanya secara rohani berada pada tahap ini dinyatakan berada di dunia yang waras ('alam ash-shahadah) dan terdedah kepada kejahatan. Pada tahap ini, seseorang itu harus mengikuti perintah Syari'ah. Di antara sifat kerohanian buruk yang terkait dengan jiwa pada tahap ini adalah kejahilan rohaniah, kebakhilan, kerakusan, kebanggaan diri, terlalu banyak bercakap dalam hal-hal yang secara rohani boleh mencederakannya, cepat marah, tamak, hasad dengki, dan mencetuskan perselisihan dalam hubungannya dengan orang lain. Tahap jiwa selanjutnya disebut *nafs al-lawwamah*. Pada tahap ini jiwa bertaubat atas perbuatan jahat yang dilakukan. Pada tahap ini, ia suka melakukan peperangan rohani (al-mujahadah) dan menyesuaikan diri dengan syari'ah. Dia melaksanakan solat wajib dan sunnat, seperti solat malam (tahajjud). Jiwa pada tahap ini tidak dapat sepenuhnya membasmi "keburukan-keburukan" rohani, sehingga ia sampai pada tahap berikutnya dalam perjalanannya, iaitu tahap *nafs al-mulhamah*. Pada tahap ini, jiwa "melihat" sesuatu hanya dalam kaitannya dengan Kehendak Ilahi; kerana pada tahap ini realiti iman dan yakin menjadi nyata di dalam hatinya, dan

jiwa menyadari bahwa semua tindakan berasal dari Allah dan KuasaNya dan apa sahaja selain Allah tidak memiliki realiti dalam erti sebenarnya. Tahap keempat *nafs* dalam perjalanannya menuju Hadirat Ilahi disebut *nafs al mutma'innah*. Pada tahap ini jiwa dikatakan "bersama dengan Allah." Tahap kelima dicapai ketika jiwa berkenan dengan Tuhan (*nafs ar-radiyah*).

Perjalanan spiritual jiwa pada tahap tinggi ini dikatakan sebagai dalam Allah (*fi'Llah*). Jiwa berada dalam keadaan takjub (kepada Allah), yang diterima oleh Allah, dan tahap ini dikatakan telah ditunjukkan dalam Hadith, yang berisi doa Nabi, "Ya Allah tambahkanlah ketakjubanku padaMu" (Ibnu Arabi, 1946). Tahap ketujuh ialah "peningkatan rohani: tahap *nafs al-kamilah*—Jiwa yang Sempurna. Pendakian rohani pada tahap ini dikatakan sebagai *'bi'Llah*, iaitu dengan Kuasa Allah dan Kehendak dan Kekuatan-Nya. Tahap ketujuh realisasi spiritual ini dimiliki oleh para wali Allah yang sempurna (*awliya Allah al-kamil*) dan golongan yang dapat membantu orang lain mencapai tahap kesempurnaan spiritual.

Berbeza dengan Syeikh Abdus Samad, Syeikh Daud memberikan penekanan pada pencarian ilmu pengetahuan, penulisan, dan pengajaran. Akibatnya, ia memiliki pengaruh besar terhadap perkembangan pendidikan dan bahasa Melayu di alam Melayu. Pertama, ia berhasil menjadikan Kitab Jawi (buku-buku Melayu yang ditulis dalam tulisan Jawi) sebagai rujukan utama untuk ilmu pengetahuan agama di kalangan pelajar Melayu. Dengan demikian, ia bertanggung jawab memperkaya penggunaan bahasa Melayu dan Jawi untuk tujuan Islam, akademik, dan sastera di dunia Melayu, di mana bahasa Melayu menjadi *lingua franca*. Bahasa Melayu klasik yang digunakan dalam tulisannya selama ini menjadi bahasa untuk belajar mengajar di pondok-pondok tradisional dan masih digunakan pada masa kini. Dia bertanggung jawab atas metode pembelajaran yang disebut “menadah kitab” di mana guru sekolah (Tok Guru) membaca Kitab Jawi dalam bahasa Melayu klasik dan menghuraikan kata-kata, istilah, dan tata bahasa Arab. Ini diikuti oleh penjelasannya dalam bahasa Melayu masa itu atau setempat. Gaya ini bukan hanya digunakan di pondok tetapi diterapkan secara meluas dalam pengajaran agama di banyak tempat lain, seperti masjid dan malahan di universiti hari ini.

Kedua, Syeikh menyumbang pada pendidikan ulama yang kemudian memainkan peranan utama dalam pendidikan, terutama dalam mendirikan institusi pendidikan. Murid-muridnya antara lain adalah Haji Wan Ishak dari Pondok Pulau Pisang, Kedah dan Wan Hasan bin Ishak, Pondok Besut, Terengganu (Abdullah, 1979, hlm. 45). Ketiga, wacana dan tulisan Syeikh Daud membantu membentuk kurikulum pendidikan institusi pendidikan Islam tradisional. Selain itu, lulusan pondok juga mengembangkan keilmuan Islam di dunia Melayu.

Kaum Modernis dan Pandangan Terhadap Pendidikan

Ada beberapa faktor yang bertanggung jawab atas kebangkitan kaum modernis dan reformis di Kepulauan Melayu. Salah satu faktornya adalah penjajahan oleh pihak Inggeris di Malaya, Singapura, Sarawak, dan Brunei, oleh pihak Belanda di Indonesia, dan oleh orang Siam di Patani. Kedua, pada waktu yang sama muncul gelombang baharu pembaharuan agama di Timur Tengah yang dipelopori oleh Jamaluddin al-Afghani dan Muhammad Abduh. Afghani mendorong semangat pan-Islamisme dan mendesak negara-negara Muslim yang dijajah untuk bersatu di bawah naungan Khalifah Uthmaniyah bagi membebaskan tanah mereka dan melabuhkannya dalam Islam. Api nasionalisme juga mulai menyala. Baik Afghani maupun Abduh menyeru pembukaan pintu ijtihad dan menekankan Al-Qur'an dan Sunnah dan bukan hanya sekadar meniru (taqlid) dari para ulama konservatif. Mereka percaya ini dapat mengarah pada munculnya idea dan produk baharu dan juga pembangunan ekonomi. Mereka berpendapat bahawa Islam adalah serasi dengan penggunaan akal dan ilmu pengetahuan moden. Abduh mendesak agar kajian falsafah dan ilmu alam dihidupkan kembali. Mereka berpendapat bahawa sistem pendidikan harus diperbaharui dan bahawa itu harus menjadi sarana untuk perubahan intelektual pemikiran umat Islam. Mereka melakukan usaha besar untuk meyakinkan masyarakat Islam bahawa pendidikan moden tidak akan mengkristiankan anak-anak mereka. Di Malaya dan Indonesia, para reformis ini disebut Kaum Muda untuk membezakan mereka daripada Kaum Tua, iaitu kelompok yang berpuas hati dengan status quo. Ketiga, dalam kes Syeikh al-Hadi, adalah faktor kekejaman Belanda yang menghapuskan Kesultanan Riau yang telah banyak menyumbang pada pertumbuhan intelektualnya. Penjajahan, keperluan untuk memikirkan semula dan membuka kembali pintu ijtihad, keunggulan ilmu pengetahuan moden dan kekejaman para penguasa kolonial membuat para intelektual Muslim menyadari bahawa struktur ekonomi dan sosial Melayu sangat lemah dan kuno dan tidak mampu menghadapi kekuatan Barat. Oleh kerana itu, mereka memerlukan perubahan radikal.

Ada ramai sarjana modernis terkenal yang mulai menyadari bahawa pengenalan sekolah-sekolah Inggeris dan Belanda masing-masing di Malaya dan Indonesia mengungkapkan kekurangan kurikulum pondok atau pesantren tradisional kerana hanya difokuskan pada akhirat dan ilmu-ilmu agama. Dengan demikian, beberapa usaha telah dilakukan untuk mereformasinya. Salah satu pendekatan adalah dengan memodernisasi pondok atau pesantren yang ada; yang lain adalah mendirikan sekolah moden dengan kurikulum yang terpadu; dan yang ketiga adalah Islamisasi ilmu pengetahuan kontemporari. Di antara para reformis yang bersungguh-sungguh untuk mereformasi pendidikan melalui modernisasi pondok atau pesantren yang ada dan melalui kurikulum yang bersepadu adalah Sayid Syeikh al-Hadi, Mahmud Yunus dan Imam Zarkasyi. Sementara itu Za'ba dan Hamka menerapkan pena mereka untuk melakukan perubahan secara

memperluaskan pemikiran Melayu mengenai pandangan dunia mereka seperti menyeimbangkan dunia dan akhirat, dan akal fikiran dan rohani.

Pemikiran dan Matlamat Pendidikan

Sayid Syeikh al-Hadi (1867–1934) adalah seorang aktivis dan cendekiawan Islam asli yang menginginkan kemajuan bagi umat Muslim. Ia yakin bahawa Islam adalah agama yang mencapai keseimbangan antara dunia ini dan akhirat. Dia percaya bahawa Islam tidak ingin penganutnya mengabaikan dunia ini atau melupakan akhirat. Dia tidak ingin umat Islam direndahkan dan dipermalukan seperti yang telah mereka lakukan di era kolonial. Dia percaya ini dapat dicapai melalui falsafah pendidikan berdasarkan Al-Qur'an, yang mementingkan dunia ini dan akhirat. Dengan demikian, sistem pendidikan yang paling sesuai adalah sistem pendidikan yang seimbang dan bersepadu, yang mempersiapkan generasi muda untuk kedua-dua dunia. Dia juga yakin bahawa falsafah pendidikan Islam mementingkan keseimbangan antara intelek dan wahyu. Dengan demikian, ia menginginkan sistem pendidikan Islam yang mengajarkan tugas wajib individu Muslim (*fard 'ayn*) dan tugas wajib komuniti Muslim (*fard kifayah*). Dia mengabdikan seluruh hidupnya untuk merealisasikan tujuan ini. Konsep pendidikan Islam al-Hadi terlihat jelas dan wujud dalam konsep ilmu pengetahuannya serta dalam kritiknya terhadap pendidikan Islam tradisional yang ditawarkan oleh pondok dan orde-orde tarekat sufi di Malaya. Sikap negatif dan kritisnya terhadap sistem pondok diterbitkan dalam jurnal, *al-Ikhwan* pada tahun 1928 (Al-Hadi, 1928). Meskipun al-Hadi tidak memaafkan penjajahan negara dan ras lain oleh orang Eropah, ia percaya bahawa ilmu pengetahuan adalah kunci untuk memperoleh kuasa dan mencapai kemajuan. Disebabkan keyakinannya akan pentingnya ilmu pengetahuan dan keperluan untuk menyebarkannya dalam kalangan orang Melayu, al-Hadi mendesak mereka untuk mengutamakan perolehan ilmu pengetahuan daripada perolehan sebidang tanah tempat membangun gubuk kecil dan menanam sayuran. Dia juga percaya bahawa hanya melalui kekuatan ilmu pengetahuan, bangsa dan ras yang terjajah dapat menyingkirkan penjajah mereka yang kuat. Jika orang Melayu secara serius beriltizam untuk menyelamatkan masyarakat mereka, mereka berkewajiban untuk memperoleh dan menyebarkan ilmu pengetahuan yang sesuai dengan yang dimiliki oleh tuan kolonial mereka. Oleh kerana itu orang Melayu harus saling mendidik (Ibrahim, 1994, hlm. 125).

Semasa hayatnya al-Hadi menyaksikan dua sistem pendidikan yang berlawanan, yang moden dan tradisional. Sistem pendidikan moden, terutama sekolah-sekolah Inggeris, mengajarkan mata pelajaran dan bahasa sekular. Mubaligh Kristian dan pemerintah kolonial Inggeris memperkenalkan sekolah Inggeris dan mempromosikan sekolah-sekolah vernakular untuk orang India, Cina, dan Melayu. Umat Islam secara individu atau berkumpulan

memperkenalkan, membiayai, dan memelihara lembaga-lembaga keagamaan Islam tradisional, iaitu masjid, surau, rumah-rumah guru agama Islam, pondok-pondok, tarekat sufi, dan sekolah-sekolah Islam atau Arab. Oleh kerana itu, ia merasa penting untuk mereformasi sistem pendidikan Islam kerana hal ini juga akan membantu menghasilkan orang Melayu yang mempunyai pandangan yang seimbang dan sepadu tentang ilmu pengetahuan Islam dan pandangan dunia Islam. Dia percaya bahwa pendidikan Islam moden adalah kunci untuk memecahkan banyak, jika tidak semua masalah yang dihadapi umat Islam saat itu (Farish, 2000).

Sebagai seorang reformis, al-Hadi sangat dipengaruhi oleh Muhammad Abduh (w. 1905), pembaharu dan modenis besar Mesir yang melakukan usaha besar untuk mereformasi dan memodenisasi Universiti al-Azhar dan kurikulumnya. Pertemuan pemikiran Al-Hadi dengan Abduh menghasilkan kesedaran dan perubahan besar dalam dirinya. Seolah-olah dia mengambil tanggungjawab sendiri untuk membangunkan umat Islam di tanah kelahirannya. Al-Hadi menekankan pentingnya pendidikan bagi laki-laki dan perempuan Muslim dalam rangka memperbaiki diri dan keluarganya dalam pemahaman agama Islam dan amalan mereka di samping keadaan sosial dan ekonomi. Beliau meyakini betapa sangat pentingnya bagi umat Islam untuk berfikir sendiri daripada hanya melakukan tindakan berdasarkan taqlid. Dia tidak senang dengan pondok kerana fokusnya terlalu banyak pada pembacaan Qur'an penuh berlagu dan menghafal tetapi tidak memiliki kebebasan untuk berfikir dan berbeza pendapat.

Dengan memperluas kurikulum untuk memasukkan mata pelajaran moden seperti sains, bahasa Arab, bahasa Inggeris, geografi, dan matematik, beliau yakin dapat menghasilkan generasi baru Muslim yang lebih bersedia dan lebih mempunyai keyakinan diri untuk menghadapi cabaran sosial, ekonomi, dan politik pada masanya berdasarkan prinsip-prinsip Islam. Al-Hadi berusaha meningkatkan kesedaran dan mendidik kepercayaan dan pemikiran orang Melayu tentang agama melalui jurnal, makalah, dan buku. Beliau menulis sebuah buku berjudul *Ugama Islam dan Akal* sebagai usaha untuk menunjukkan kesepadanan intelek dan pegangan Islam (al-Hadi, 1965). Dia berusaha keras untuk meyakinkan umat Islam bahawa Islam menghormati aqal (intelek) dan mendorong manusia untuk memperoleh pengetahuan tentang dunia ini. Dia mengungkapkan bagaimana Al-Qur'an mengkritik mereka yang tidak menggunakan akal untuk penaaakulan. Berdasarkan hujah dari Al-Qur'an dan dari akal, dia menegaskan bahawa Islam mendukung kesetaraan di antara manusia dan pentingnya raja atau pemerintah melestarikannya, sehingga rakyat harus tetap setia kepada raja atau penguasa selama mereka menerapkannya. Dia berpendapat bahawa Islam mendukung kebebasan beragama dan peraturan bagi hubungan antara umat Islam dengan penganut agama lain. Dia berpendapat bahawa Islam

mengumpulkan semua kebaikan-kebaikan daripada dunia ini dan akhirat, melarang pelanggaran batasan dalam agama, dan penggalakan penghematan, kerajinan, dan pekerjaan. Dengan menggunakan hujah akliyah dan ayat-ayat Al-Qur'an, al-Hadi berhujah bahawa Islam harus menjadi agama bagi semua ras dan untuk semua waktu. Ia juga membahas keutamaan solat, ibadat puasa, dan menunaikan haji.

Al-Hadi memberikan sumbangan penting untuk mereformasi pendidikan di Malaya melalui upayanya dalam mendirikan madrasah, sejenis lembaga pendidikan baru yang lebih formal dan menawarkan kedua-dua bahasa Melayu dan Inggeris, pengajian Islam, serta mata pelajaran yang ditawarkan di sekolah-sekolah Inggeris. Beliau membuka Madrasah al-Iqbal di Singapura pada tahun 1907, Madrasah al-Hadi di Melaka pada tahun 1917, dan menjadi pengetua pertama bagi Madrasah al-Mashhoor di Pulau Pinang pada tahun 1918. Beliau juga memberikan sumbangan besar dalam mengubah pola berfikir masyarakat untuk menghargai pendidikan melalui tulisan-tulisannya di jurnal yang ia terbitkan dan tentang hak-hak perempuan melalui novelnya, *Farida Hanum*. Semasa hidupnya, Syeikh al-Hadi digelar "Khalifah" Kaum Muda (atau Wahabi) oleh kelompok pengkritik tradisional yang konservatif.

Mahmud Yunus (1899–1982), seorang cendekiawan unggul dari Sumatera Barat, pula memberikan sumbangan yang signifikan terhadap reformasi pendidikan Islam di Indonesia. Beliau berbeza dari reformis Islam lainnya di Indonesia kerana yang lain menaruh perhatian besar pada fikah dan tauhid sementara dia fokus pada pendidikan. Sementara para reformis Islam yang hebat, khususnya Empat Sahabat, iaitu M. Thaib Umar, M. Jamil Jambek, Abdullah Ahmad, dan Abdul Karim Amrullah, telah mendirikan sekolah-sekolah agama dengan sistem, metode, dan kurikulum yang dimodenisasi, Mahmud bertanggung jawab untuk meningkatkan dan memajukan mereka lebih jauh. Seperti al-Hadi, beliau sangat dipengaruhi oleh idea-idea Abduh.

Dorongan reformasi pendidikan Mahmud menekankan dua aspek utama: (a) mereformasi sekolah agama dengan memperkenalkan dan memperluas mata pelajaran ilmu pengetahuan umum dan dengan memberi roh baru bagi metode pengajaran ilmu agama, khususnya bahasa Arab; dan (b) melembagakan mata pelajaran agama Islam di sekolah negeri dan swasta dari sekolah dasar hingga menengah atas. Integrasi ilmu-ilmu umum dan ilmu-ilmu agama secara proporsional di antara lulusan sekolah agama menghasilkan nilai tambah, membuat mereka kompeten dalam pengetahuan agama dan umum. Reformasi baru ini secara signifikan mempengaruhi status dan posisi sekolah Islam dalam pembangunan nasional, iaitu, mereka menjadi penting untuk kemajuan dan kemakmuran nasional. Perlembagaan mata pelajaran agama Islam di sekolah negeri dan swasta dari sekolah dasar hingga sekolah menengah atas menunjukkan

bahawa Islam sebagai agama dapat berkembang dan memainkan peranan penting secara strategis dalam pengembangan sumber daya manusia untuk kelebihan yang sama bagi kehidupan duniawi dan syurgawi.

Mahmud Yunus mengubah pengajaran bahasa Arab melalui keprihatinannya atas metode pengajaran. Beliau lebih suka metode aktif daripada pasif dan dengan demikian memperkenalkan metode pengajaran langsung. Beliau juga memperkenalkan kontekstualisasi bahasa Arab, "membumikannya" dalam kehidupan sehari-hari di Indonesia. Beliau menghidupkan kembali pendidikan Islam tidak hanya melalui sistem formal tetapi juga melalui karya-karyanya, yang paling penting adalah Tafsir al-Qur'an-nya yang memungkinkan banyak orang Indonesia dan bahkan Malaysia untuk memahami mesej Al-Qur'an dan bertindak untuk mengamalnya, daripada hanya membacanya seperti burung kakak tua. Berkenaan dengan sistem pendidikan, Mahmud menerapkan model madrasah di mana proses pengajaran terjadi di ruang kelas dan metode pengajaran klasik dimodifikasi dengan metode halaqah, di mana guru membaca dan menjelaskan pelajaran sementara pelajar mendengarkan dan fokus pada buku teks mereka sendiri.

Kekurangan pesantren lama juga menarik perhatian Imam Zarkasyi (1910–1985), yang bersama kedua saudaranya mendapat ilham untuk mencipta model pesantren baru, yang mengintegrasikan sistem madrasah dan pesantren di Pondok Modern Gontor. Beliau mendapati bahawa walaupun pesantren inginkan pendidikan yang ideal, namun pesantren tradisional mempertahankan metode dan proses kegiatan belajar mengajarnya dengan sangat ketat sehingga reformasi sukar dilakukan. Metode pengajarannya juga sangat tidak produktif. Menurut Imam Zarkasyi, kurikulum bukan hanya merupakan penyusunan sejumlah mata pelajaran yang akan diajarkan di kelas, tetapi juga seluruh kegiatan siswa dalam domain pendidikan informal dan nonformal. Pemahaman tentang kurikulum seperti itu tidak dapat ditemukan di madrasah mahu pun dalam sistem pesantren, tetapi dalam integrasi kedua sistem tersebut. Hal ini dimungkinkan kerana semua siswa tinggal di asrama yang terletak di madrasah. Dalam sistem terpadu ini, mahasiswa tidak hanya memiliki kegiatan kelas, tetapi juga kegiatan di luar kelas dengan sistem pesantren yang tersusun.

Menurut Hamid Fahmi (dipetik dalam Hashim, 2010 hlm. 206) empat ciri yang menonjol dari pesantren sebagai lembaga pendidikan keagamaan adalah kehadiran seorang Kyai atau Tok Guru yang terpelajar, ketersediaan asrama bagi siswa yang dibangun di sekitar rumah Kyai, keberadaan masjid sebagai pusat kegiatan, dan pengajaran agama. Diasaskan atas tunggak-tunggak itulah beserta prinsip-prinsipnya membuat pendidikan pesantren sangat efektif dalam mengembangkan moraliti dan mental siswa. Oleh kerana itu, setidaknya ada tiga perkara penting yang relevan dalam sistem pendidikan pesantren: pertama,

semangat pesantren; kedua, pendidikan akademik; dan ketiga, pendidikan moral. Namun, kerana keterbatasan ruang hanya yang pertama akan dibahas.

Semangat Pesantren

Menurut Imam Zarkasyi, semua kegiatan sistem pendidikan Pondok moden ini dibimbing oleh roh atau semangat pesantren, yang jumlahnya ada lima iaitu: kesederhanaan, keikhlasan, kemandirian, persaudaraan Islam, dan kebebasan. Kesederhanaan bermaksud bahawa seseorang harus hidup berdasarkan keperluan asasnya; dengan kata lain, seseorang seharusnya tidak menjalani kehidupan mewah, tetapi yang sederhana. Keikhlasan adalah prinsip bekerja berdasarkan Al-Qur'an (36: 21) yang menyarankan seseorang harus mengikuti mereka yang tidak meminta gaji atau upah dan tergolong dalam kalangan orang-orang yang mendapat hidayah atau bimbingan. Kemandirian adalah semangat penting yang boleh diaplikasi pada individu mahu pun institusi, yang bermakna bahawa pelajar pesantren tidak bergantung pada orang lain. Oleh yang demikian, dalam sistem baru Zarkasyi, setiap pelajar mengelola kegiatan di luar sekolahnya secara mandiri, sementara para pelajar secara keseluruhan diberi tanggung jawab penuh untuk mengelola semua kegiatan mereka dalam sistem asrama. Pesantren sendiri sebagai lembaga pendidikan dikelola untuk mandiri. Orang mungkin memberikan sokongan kewangan tetapi pesantren berkembang bukan kerana sokongan kewangan daripada orang lain itu. Cogan kata pesantren adalah pesantren diberikan sokongan kerana mengalami kemajuan, bukan sebaliknya, kemajuannya kerana sokongan orang lain.

Persaudaraan Islam merupakan prinsip yang dilaksanakan oleh Imam Zarkasyi dalam sistem pendidikan pesantren moden. Untuk menanamkan semangat tersebut, pelajar yang berasal dari seluruh wilayah Indonesia dan luar negeri wajib belajar bagaimana saling hormat-menghormati. Argumen, perkelahian, pertengkaran, atau jenis perselisihan lainnya dalam kalangan pelajar dianggap sebagai keburukan dan boleh mengakibatkan pengusiran dari pesantren. Langkah lain dalam menggalakkan semangat persaudaraan adalah mengurangkan penggunaan bahasa daerah dan mendorong penggunaan Bahasa Indonesia pada tahun pertama pembelajaran. Ringkasnya, semua kegiatan harus mendukung penanaman semangat persaudaraan Islam. Semangat terakhir yang ditanamkan dalam sistem pesantren moden adalah kebebasan. Bagi individu, ini adalah sikap mental di mana seseorang harus bebas dari fanatisme kelompok, dan bagi pesantren sebagai lembaga swasta itu menyiratkan kebebasan dari kolonialisme atau penindasan oleh kelompok atau organisasi keagamaan dan sejenisnya. Malahan terdapat lebih dari lima roh atau semangat yang diajarkan kepada pelajar di pesantren. Ini diulangi pada pelbagai kesempatan di luar kelas, ditampal di dinding kampus, dan ditulis dalam buku, brosur, dan buku panduan pesantren. Peribahasa Arab *man jadda wajada* (siapa pun yang bekerja keras maka akan

memperoleh), misalnya, adalah semangat kerja terkenal yang tidak akan pernah dilupakan oleh pelajar Gontor. Peribahasa lain seperti "kamu hanya hidup sekali, jadi hiduplah dengan penuh erti" dan "setiap kali kamu turun di negeri mana pun, kamu bertanggung jawab atas Islamnya" dipelajari dengan sepenuh hati. Dengan demikian, dalam sistem pesantren penegakan semangat-semangat Islam, seperti pekerjaan, moraliti, pelayanan sosial, persaudaraan, kehidupan, dan belajar, dapat dengan mudah dilakukan.

Ringkasnya, tujuan pendidikan Syeikh al-Hadi, Mahmud Yunus, dan Zarkasyi adalah untuk menghasilkan manusia yang seimbang dan holistik yang mampu menjalani kehidupan yang baik di dunia ini dan di akhirat. Mereka semua menyadari kelemahan pondok dan pesantren terutama dalam menghadapi cabaran penjajahan Barat. Pendidikan pada waktu itu difokuskan pada akhirat dan seolah-olah mengabaikan kehidupan di dunia sekarang. Ketiga-tiga sarjana berusaha memodenisasi kurikulum dan mencapai keseimbangan antara ilmu-ilmu tradisional yang terungkap dan ilmu-ilmu intelektual yang diperoleh. Baik Mahmud mahu pun Zarkasyi menubuhkan bahagian keguruan untuk pelatihan guru di institusi masing-masing. Al-Hadi menggunakan jurnal, majalah, dan buku untuk menjangkau khalayak yang lebih luas. Sementara itu, Mahmud dan Zarkasyi tertarik untuk memberikan metode pengajaran terbaik dan juga lima nilai utama kepada siswa mereka.

Dua lagi cendekiawan terkemuka pada waktu ini yang menggunakan pena mereka untuk menyampaikan risalah mereka tentang Islam dan prinsip-prinsipnya kepada massa adalah Za'ba dan Hamka. Keduanya dipengaruhi oleh karya-karya Abduh dan Afghani di Mesir. Za'ba, atau Zainal Abidin bin Ahmad (1895–1973), mengakui masalah sosial yang ditimbulkan oleh suasana kemajmukan Malaya sebagai akibat daripada dasar Inggeris untuk mengimport pekerja kontrak, meninggalkan orang Melayu di belakang dalam banyak aspek kehidupan. Dia mengabdikan hidupnya untuk menganalisis sifat dan keadaan orang Melayu, keagamaan mereka, dan pendidikan mereka. Beliau mengingatkan mereka akan pentingnya ilmu pengetahuan bagi kemajuan mereka dan pendidikan yang seimbang dan terpadu antara ilmu agama Islam dan ilmu-ilmu moden. Dia menyoal kepercayaan orang Melayu yang mundur dan meratapi akhlak mereka yang buruk. Dia mengkritik ulama pemikiran lama kerana menghalangi dan bukan sebaliknya membantu memajukan komuniti Melayu. Dia termasuk di antara mereka yang berjuang untuk memastikan kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan alat pengantar pengajaran bagi Malaya yang merdeka. Menyedari kelemahan dan kemunduran rakyatnya, Za'ba ingin mereka diberikan pendidikan yang selayaknya dan memadai yang memberikan perhatian kepada dunia dan akhirat. Oleh kerana itu, beliau menyeru penubuhan universiti Islam yang menggabungkan yang terbaik dari Oxford dan al-Azhar untuk orang Melayu sebagai puncak dari sistem pendidikan yang

dibayangkannya pada tahun 1917. Dari sudut ekonomi, beliau menulis tentang kemiskinan orang Melayu untuk meningkatkan kesedaran mereka dan pemerintah, dan juga menyarankan cadangan-cadangan untuk keselamatan orang Melayu. Dari aspek keagamaan, Za'ba membawa idea-idea segar tentang reformasi Islam ke dalam masyarakat Melayu yang menentang konsepsi lama sehingga dinamisme agama dapat dihidupkan kembali. Dia menghabiskan seluruh hidupnya meletakkan dasar tata bahasa Melayu.

Hamka, atau Haji Abdul Malik Karim Amrullah (1908–1981), adalah seorang sarjana dari Sumatra yang terkenal bagi sastra Melayu dan Islam, penulisan kreatif, budaya, politik, dan falsafah yang dampaknya dirasakan tidak hanya di Indonesia tetapi di seluruh kepulauan Melayu. Dia hidup waktu era kolonialisme dan perjuangan untuk kemerdekaan. Itu juga merupakan era Pembaratan. Orang Melayu menghadapi krisis ideantiti, kemiskinan, kejahilan intelektual, dan penaklukan politik. Hamka mengabdikan dirinya pada isu-isu ini dan berusaha mendefinisikan masalah mereka dalam hubungannya dengan Islam dan Melayu. Dari pemikirannya seperti yang diungkapkan melalui karya-karya dan pidato-pidatonya, kita dapat melihat perikatan yang rumit antara Melayu dan keislamannya. Kombinasi kedua elemen ini menjadi asas yang membentuk karakter dan keperibadiannya. Melayunya benar-benar terpadu dengan unsur-unsur Islam. Meskipun dunia Melayu secara fizikal dipisahkan menjadi negara yang berbeza, perbatasan ini hanya bersifat fizikal baginya. Tidak ada batas spiritual atau budaya di antara mereka. Beliau melihat bahasa Melayu sangat penting bagi ideantiti orang Indonesia dan Islam sebagai sumber kekuatan dan perpaduan orang Melayu. Romanisasi bahasa Indonesia dianggap oleh Hamka sebagai kesan sekularisasinya.

Hamka berpendapat bahawa Islam adalah agama yang dapat membantu manusia kerana fokusnya terhadap dunia masa kini dan akhirat. Umat Islam telah tercicir kerana ketidakseimbangan mereka dalam penuntutan ilmu pengetahuan — hanya berfokus pada ilmu-ilmu akhirat dan mengabaikan ilmu-ilmu material. Hamka berpendapat pentingnya kehidupan yang seimbang, antara materi dan spiritual, untuk kebahagiaan manusia yang sejati.

Hamka memiliki konsep falsafah yang positif. Dia menegaskan bahawa agama bukanlah falsafah! Tetapi dengan berfalsafah, seseorang dapat meningkatkan iman dan agamanya. Para ahli falsafah telah membahas sejak dahulu kala rahasia alam semesta dan menemukan kekuatan seperti *nous*, *logos*, eter, dan atom untuk menggambarkannya, meskipun mereka masih belum puas. Pada akhirnya, itu bermuara pada rahasia manusia, yang terletak pada perasaan bahagia dan sakit atau penderitaan. Di mana letak kebahagiaan dan penderitaan bagi manusia? Hamka berpendapat bahawa di sini orang melihat titik penumpuan antara agama dan falsafah. Dari sudut pandang agama seseorang yang berbuat

baik dijanjikan kebahagiaan kekal, iaitu syurga, dan orang yang melakukan kejahatan terancam dengan rasa sakit, iaitu neraka. Ini berarti bahwa kebahagiaan dan rasa sakit diakui sebagai akhir kehidupan yang akan dihadapi manusia baik dalam agama maupun falsafah. Ada beberapa langkah untuk mencapai kebahagiaan abadi, satu daripadanya adalah kebaikan atau keunggulan (budi).

Dalam membahas pemikiran pendidikan, tujuan manusia dan ilmu pengetahuan merupakan bahagian terasnya. Hamka (1995, hlm. 55) berpendapat bahawa Islam telah mengajarkan manusia untuk menghormati fikiran ('aql), kerana tanpa fikiran manusia tidak akan dapat mencapai pengetahuan. Islam adalah kepercayaan yang didasarkan pada pengetahuan dan fikiran. Dia mendefinisikan tujuan utama fikiran berdasarkan Hadith Nabi, iaitu "makrifat Allah, untuk mengenal Allah, untuk mentaati perintahNya, untuk mengendalikan diri dari melakukan apa yang Dia larang" (Hamka, 1995, hlm. 61).

Hamka percaya bahawa iman adalah asas untuk ilmu pengetahuan yang didasarkan pada argumen bahawa para Nabi pertama-tama menanamkan iman kepada manusia sebelum mereka berusaha untuk mengajar orang-orang dalam pengetahuan. Pengetahuan yang didasarkan pada iman harus disertai dengan tindakan, perbuatan, dan usaha. Baginya, pengetahuan harus memanifestasikan dirinya dalam tindakan para pemiliknya dan pada orang lain. Hamka menekankan pendidikan untuk kesederhanaan. Harus ada kesederhanaan dalam kata-kata, dalam pekerjaan, dalam pengeluaran, dalam kebebasan, dan dalam segala hal lainnya. Pendidikan yang baik memungkinkan anak kebebasan untuk berfikir dan membimbingnya menuju kemandirian. Bagi Hamka, nilai seseorang tersebut ada pada keperibadiannya. Pengetahuan saja tidak cukup untuk memperoleh kejayaan di dunia ini, terutama jika seseorang tidak memiliki kebaikan dan perilaku moral yang baik. Hamka sependapat dengan lembaga yang mempersiapkan mahasiswa baik untuk dunia ini mahu pun akhirat. Dengan demikian, harus ada pendidikan agama tradisional untuk memberikan landasan bagi keyakinan, keperibadian, dan arah hidup anak. Pada saat yang sama, lembaga ini juga perlu mempersiapkan pelajar untuk kehidupan — tidak hanya dalam ilmu sains tabi'i dan gunaan tetapi juga dalam ilmu sains kemanusiaan dan ilmu sains sosial. Pendekatan Hamka terhadap ilmu-ilmu agama tradisional sangat berbeza dengan pendekatan lama dari segi pembelajaran hafalan belaka, kerana ia memberi ruang pada rasionaliti walaupun dalam pengajaran ilmu-ilmu ini.

Sumbangan terbesar Hamka adalah dalam mengusahakan transformasi sosial orang Melayu melalui kumpulan karya sastra yang luas yang meliputi falsafah, tasawuf, Islam, tafsir, dan novel sastra. Meskipun Hamka tidak mendirikan atau menjalankan lembaga pendidikan apa pun, ia pernah mengajar di sekolah Muhammadiyah.

Pemikiran Pendidikan Kontemporari

Setelah mencapai kemerdekaan pada pertengahan abad ke-20, negara-bangsa diciptakan dan dunia Melayu berkembang menjadi entiti yang terpisah. Sekolah-sekolah umum yang diwarisi dari masa kolonial adalah berbudaya Barat, liberal, dan sekular. Sementara itu, madrasah dan pondok tradisional menyediakan jalan alternatif untuk pendidikan agama. Ini adalah keadaan paling sempurna bagi model sistem pendidikan dualistik — liberal, sekular dan tradisional, agama — yang menyebabkan konflik di antara lulusannya dalam bidang politik, perundangan, ekonomi, pendidikan, dan banyak bidang lainnya.

Mulai akhir 1970-an, usaha untuk mengintegrasikan kurikulum menjadi lebih bersungguh-sungguh. Para sarjana seperti al-Attas (1990, hlm. 21) mengkonseptualisasikan kembali pendidikan untuk menekankan semula *ta'dib* mengatasi *tarbiyyah* dan *ta'lim* dan mendefinisikan pendidikan sebagai "pengakuan dan pengiktirafan yang ditanamkan kepada manusia secara beransur-ansur tentang tempat-tempat yang tepat dari hal-hal dalam urutan penciptaan sedemikian rupa sehingga mengarah kepada pengakuan dan pengiktirafan akan tempat Tuhan yang tepat dalam susunan kewujudan dan keberadaan [terjemahan penulis]." Hassan, M.K. (1996) menekankan pendidikan terpadu dan holistik dalam karya-karyanya—keseimbangan antara ilmu aqliyah dan ilmu naqliyah, teori dan praktik, ilmu pengetahuan dan pengembangan karakter. Kedua cendekiawan ini juga mengemukakan gagasan Islamisasi ilmu pengetahuan kontemporari sebagai program untuk mengembalikan kesucian ilmu pengetahuan, yang merupakan bahagian integral dari pandangan dunia Islam. Lebih khusus lagi, al-Attas (1993, hlm. 156) mendefinisikan Islamisasi ilmu pengetahuan masa kini seperti berikut: "setelah proses pengasingan yang dimaksudkan, pengetahuan yang bebas dari unsur-unsur [Barat] dan konsep-konsep kunci yang telah terasing kemudian diresapkan dengan unsur-unsur Islam dan konsep-konsep kuncinya." Konsep-konsep tersebut antara lain dualisme tubuh dan pemikiran, intelek dan rasio, tragedi, dan humanisme, seharusnya digantikan dengan konsep-konsep Islam seperti manusia (insan), agama (din), pengetahuan ('ilm dan ma'rifah), kebijaksanaan (hikmah), keadilan ('adl), tindakan yang benar ('amal-adab), dan universalisme (kulliyah-jami'ah). Maksud dan tujuan Islamisasi ilmu pengetahuan kontemporari adalah untuk melindungi umat Islam dari pengetahuan yang rusak, yang menyesatkan dan menyebabkan kebingungan dan skeptisisme pemikiran Muslim. Ini untuk menghasilkan pengetahuan sejati yang dapat mengembangkan dan membentuk pemikiran Muslim dan membawa mereka pada pengakuan dan pengiktirafan yang tepat akan Tuhan. Pengetahuan, yang sesuai dengan tujuan sebenarnya, fitrah dan pandangan dunia Islam akan membawa keselamatan bagi manusia di dunia ini dan akhirat [terjemahan penulis] (1993, hlm. 56).

Kesan dari hilangnya kesucian dalam pengetahuan dapat dilihat dalam krisis alam sekitar saat ini kerana kemajuan ilmu pengetahuan yang benar-benar mengabaikan aspek spiritual alam dan tujuan alam semesta, yang sekarang telah menyebabkan seruan untuk memberi perhatian kepada pembangunan lestari. Dengan demikian, melalui Islamisasi ilmu pengetahuan kontemporari, kesatuan ilmu pengetahuan dalam sumber penciptaannya dan sebagai tanda-tanda Tuhan pada alam penciptaannya dapat dicapai. Bahkan, gagasan mendasar ini, ditambah gagasan tentang manusia sebagai khalifah Allah, dapat membantu dalam pembangunan lestari jika diletakkan pada perspektif yang tepat. Kedua-dua tokoh ini telah berusaha mewujudkan falsafah pendidikannya dalam kurikulum institusi pendidikan, al-Attas melalui Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC) dan Mohd Kamal Hassan melalui International Islamic University Malaysia (IIUM). Dalam konteks Malaysia, Kementerian Pendidikan melaksanakan reformasi pendidikan dengan perumusan Falsafah Pendidikan Negara pada tahun 1988 dalam semangat menyahsekularisasi. Hasilnya, pendidikan moral dan pendidikan Agama Islam telah diberi tambahan waktu dalam kurikulum sekolah. Pada masa yang sama, kurikulum sekolah agama tradisional telah disemak supaya menyediakan lebih banyak waktu untuk ilmu-ilmu rasional seperti yang ditawarkan dalam kurikulum sekolah kebangsaan sehingga diwujudkan juga aliran sains dan keusahawanan di samping aliran agama dan sastera. Sejak itu, pelajar dari sekolah agama juga dapat mengambil pengkhususan dalam bidang ilmu-ilmu rasional untuk memungkinkan mereka memperoleh pendidikan tinggi dalam bidang ini. Jelas bahwa penerapan falsafah pendidikan Melayu tidak menghalang atau mencegah orang bukan Islam, iaitu dari kalangan orang Cina dan India, untuk berjaya dalam ilmu-ilmu rasional dan memenuhi aspirasi mereka, sementara pada saat yang sama memungkinkan semua orang Malaysia untuk hidup sebagai warga negara yang toleran dengan nilai-nilai universal yang murni.

Kesimpulan

Makalah ini telah menunjukkan perkembangan falsafah pendidikan Melayu dari zaman dunia Melayu mula menerima akidah dan nilai-nilai Islam melalui proses Islamisasi yang telah merevolusi pandangan dunia Melayu dengan ontologi, kosmologi, dan monoteisme baharu. Selain daripada itu, bahasa Melayu diangkat sebagai bahasa ilmiah dan sastera dan menjadi lingua franca yang banyak digunakan untuk komunikasi dalam kalangan penduduk yang semakin majmuk bahasa dan budaya, sehingga wilayah tersebut dikenal sebagai dunia Melayu. Sama seperti falsafah pendidikan yang terkait dengan metafizik berdasarkan sifat manusia, epistemologi berdasarkan sifat ilmu pengetahuan, dan aksiologi berdasarkan nilai-nilai yang dihargai, falsafah pendidikan Melayu sangat terkait erat dengan falsafah Islam dan pandangan dunia Islam. Seperti yang dinyatakan oleh Hamka, Melayunya benar-benar terpadu dengan unsur-unsur Islam. Dengan

demikian, pemahaman orang Melayu tentang Islam akan menentukan tujuan pendidikannya. Dari sudut sejarah, tujuan pendidikan Melayu telah berkembang dari fokus pada akhirat, khususnya pada tiga cabang pengetahuan agama Islam-tasawuf, ilmu fiqah (hukum), dan teologi rasional. Kita dapat memahami fokus pada cabang-cabang ini kerana Islam yang diterima orang Melayu pada waktu khusus ini telah disisihkan dari dinamismenya dalam bidang ilmu-ilmu intelektual, dengan merenung bahawa Baghdad telah jatuh ke tangan bangsa Mongol pada tahun 1258, dan juga mula fokus pada tasawuf sejak itu. Namun, falsafah pendidikan Melayu berubah akibat dari pertemuan dan konfrontasi dengan peradaban Barat melalui perdagangan rempah dan penjajahan dan juga perhubungan dengan para reformis Muslim di Mesir, khususnya dengan idea-idea Jamaluddin al-Afghani, Muhammad Abduh, dan Rashid Rida. Di sini, ada perubahan besar untuk fokus pada akal, falsafah, dan ilmu pengetahuan dengan kajian terhadap al-Qur'an dan Sunnah yang lebih dalam. Dengan demikian, tujuan pendidikan menekankan kajian tentang ilmu-ilmu aqliyah dan penggunaan akal. Kesannya, ada banyak usaha untuk mengubah institusi pendidikan yang ada pondok, pesantren, dan madrasah dalam hal kurikulum dan juga untuk memasukkan kegiatan ko-kurikulum. Akhirnya, setelah kemerdekaan usaha dilakukan untuk mengintegrasikan sistem pendidikan dualistik sekolah kebangsaan liberal, sekular dan sekolah agama tradisional melalui falsafah pendidikan yang holistik, bersepadu, dan seimbang dan kurikulum bersepadu juga berasaskan kepada agama. Tidaklah memadai untuk memiliki ilmu-ilmu aqliyah dan naqliyah dalam kurikulum secara bersama tetapi masih terpisah dalam kotak-kotak yang terasing, kerana nilai-nilainya mungkin masih bertentangan. Oleh demikian, konsep Islamisasi ilmu pengetahuan kontemporari sangatlah diperlukan, dan dengan itu telah dirintis dan dicuba. Inilah kemuncak dari kesatuan ilmu pengetahuan yang diabadikan dalam pandangan dunia Islam. Perubahan ini telah dilaksanakan melalui kesungguhan beberapa ulama terpilih di dunia Melayu yang telah mempengaruhi pola pemikiran umat Islam di Kepulauan Melayu dan juga membantu membentuk lanskap pendidikan mereka.

Bab 5

Epistemologi Linguistik dalam Konteks Falsafah Islam dan Falsafah Alam dan Tamadun Melayu

Awang Sariyan

Pengenalan

Sama ada diiakui dan disedari atau tidak, bidang ilmu dan pendidikan umat Melayu dan umat Islam seluruhnya menghadapi krisis besar yang berkaitan dengan falsafah ilmu dan pendidikan itu sendiri, khususnya aspek epistemologi atau teori ilmu. Krisis itu berpunca daripada pengaruh awal dan berpanjangan daripada falsafah Barat yang memang dominan di seluruh dunia. Isu itu menjadi perbincangan dalam siri wacana sepanjang sekurang-kurangnya lima dekad, iaitu sejak tahun 1970-an hingga kini oleh sarjana seperti Al-Attas (1972, 1976, 1977, 1993, 1995, 1996), Syed Hossein Nasr (1976, 1993), Ismail al-Faruqi (1991), Syed Ali Ashraff (1994), Sayyid Muhammad Syeed (1989), Siddiq Fadhil (1990), Taha Jabir al-Alwani (1989), Mahmud Hamdi Zaquq (1989), Osman Bakar (1992, 1995), Wan Mohd. Nor Wan Daud (1994), Awang Sariyan (1997) dan Muhammad Zainy Uthman (1998). Hingga kini, sebahagian besar sarjana sedunia dalam pelbagai bidang, termasuk di negara kita, masih terbelenggu oleh epistemologi Barat dan patuh menjadi makmum kepada imam-imam Barat, meskipun sekali sekala bergema suara untuk membebaskan pemikiran kita daripada neokolonialisme (penjajahan bentuk baharu tanpa kehadiran penjajah), yang berlangsung dalam bidang pemikiran, pendidikan dan kebudayaan (Awang Sariyan, 2020).

Kesedaran sejumlah ilmuwan dan ahli pendidikan Islam untuk menyemak dampak penerapan falsafah Barat dalam bidang pendidikan umat Islam menimbulkan gerakan dan upaya untuk membina kerangka falsafah yang serasi dengan tuntutan syariat Islam, bersandarkan sumber agama yang primer, khususnya al-Qur'an dan hadis, dan sumber pemikiran sarjana Islam dari zaman awal hingga zaman mutakhir. Oleh itu, penilaian akan makna ilmu dan pendidikan dalam rangka pembinaan pemikiran Melayu merupakan salah satu tema atau isu yang perlu dibincangkan dengan mendalam dan melibatkan seluruh ilmuwan, perancang dan pelaksana dalam sektor pendidikan. Memanfaatkan sumber falsafah Barat seperlunya yang tidak bertentangan dengan syariat dan menerapkan falsafah Islam dalam pemaknaan ilmu dan pendidikan menjadi dua

tugas besar ilmuwan, perancang dan pelaksana yang berada dalam lingkungan ilmu dan pendidikan.

Sebagai asas perbandingan, amat mustahak diulang kaji asas falsafah Barat yang memberikan dampak kepada makna ilmu dan pendidikan, sebelum kita bincangkan alternatif penerapan falsafah Islam. Perbincangan tentang inti sari falsafah Barat yang jauh lebih bererti daripada perbincangan tentang perkembangan evolusi falsafah Barat ialah yang berkaitan dengan hasil kegiatan berfalsafah orang Barat dalam pengutaraan asas pemikiran tertentu yang berpengaruh sebagai kerangka falsafah dan pemikiran umat sedunia, tidak terkecuali umat di dunia Islam. Pemahaman akan kerangka falsafah dan pemikiran Barat yang berpengaruh ini penting dalam konteks membebaskan falsafah dan pemikiran umat Islam daripada kerangka falsafah Barat yang tidak cocok dengan pandangan sarwa atau *weltaanschauung* Islam.

Disiplin linguistik tidak terkecuali dalam isu yang berkaitan dengan pengaruh dan kesan epistemologi Barat. Dalam rangka membentuk landasan falsafah dan pemikiran alam Melayu, disarankan agar epistemologi Islam dijadikan sandaran atas asas bahawa tamadun alam Melayu telah menerima Islam sebagai unsur teras paling lewat pada abad ke-13 dalam semua bidang tamadun, seperti kehidupan beragama, undang-undang dan ketatanegaraan. (Awang Sariyan, 2016, 2018a). Dalam konteks Universiti Kebangsaan Malaysia yang ditubuhkan pada tahun 1970 dengan berasaskan falsafah paduan antara iman kepada Allah dan ilmu yang bermanfaat (Universiti Kebangsaan Malaysia, 2021), perbincangan isu menjejaki epistemologi yang berlunaskan Islam sangat relevan.

Dikotomi dan Keterhadan Epistemologi dalam Falsafah Barat

Hasil langsung kegiatan berfalsafah orang Barat dalam konteks pembinaan kerangka falsafah dan pemikiran yang mendasari segala kegiatan intelektual dan ilmiah sehingga kini ialah munculnya fahaman **rasionalisme**, **empirisisme**, dan **positivisme**. Rasionalisme dan empirisisme menjadi dua paksi asas ilmu yang berada pada dua ekstrem dalam tradisi ilmiah Barat, sehingga tidak ada ilmu yang dibincangkan dengan tidak berasas atau bersandar pada dikotomi salah satu fahaman itu. Sementara itu, positivisme merupakan suatu bentuk empirisisme tulen (*pure empiricism*) yang bermula dengan pengalaman sebagai asas ilmu tetapi sesudah memperoleh teori dan kaedah tertentu, persoalan metafizik tidak dianggap penting lagi (Alparslan, 1994: 8).

Rasionalisme ialah fahaman bahawa sekurang-kurangnya sebahagian ilmu manusia bersumber daripada akal tanpa bantuan deria, dan oleh itu manusia dapat mengetahui sesuatu yang tidak dapat dinyatakan oleh deria (Wolff, 1992: 29). Bibit fahaman ini telah bermula pada zaman Plato sehingga beliau disebut sebagai

orang yang pertama dalam sejarah yang berusaha memberikan penerangan yang sistematis tentang struktur akal atau mental (Hase, 1992: 91). Beliaulah yang mempelopori doktrin bahawa "...tidak ada apa-apa yang wajar disebut 'pengetahuan' yang dapat diperoleh daripada deria, dan bahawa pengetahuan yang sebenarnya berkaitan dengan konsep" (Russell, 1993: 182).

Dalam teori ideanya, Plato membedakan pengetahuan daripada pendapat, dengan menegaskan bahawa pengetahuan tidak mungkin salah, sedang pendapat mungkin sahaja salah. Satu lagi aspek penting teori idea Plato ialah bahawa sesuatu yang ketara hanya merupakan tanggapan yang berasaskan idea atau bentuk unggul. Dengan perkataan lain, Plato mendasarkan tanggapan tentang sesuatu pada konsep. White (1991: 337-341) merumuskan rasionalisme Plato sebagai yang berikut:

- a. Terdapat persamaan dan pertalian antara falsafah dengan matematik dalam mencapai kebenaran;
- b. Selain alam fizikal yang dapat ditanggap oleh indera, ada dimensi lain tentang hakikat yang dapat ditanggap hanya oleh akal;
- c. Alam tampak penuh dengan objek-objek matematik yang disebut Plato sebagai *bentuk-bentuk*. *Bentuk* sukar dinyatakan dengan beberapa patah kata kerana sifatnya yang bukan benda, model unggul sesuatu yang wujud, dan abstrak. *Bentuk* mewakili bukan saja benda konkrit bahkan juga sifat seperti keadilan, kecantikan, dan kebaikan;
- d. Ilmu tentang *bentuk* merupakan sebenar-benarnya ilmu dan ilmu ini hanya dapat diperoleh oleh akal. Maklumat yang diperoleh oleh deria rendah martabatnya kerana bersifat sementara dan berubah terus, sedang ilmu daripada akal memenuhi ciri kebenaran (*truth*), kekekalan (*permanence*), kemantapan (*stability*), ketahanan (*duration*), dan kepastian (*certainty*).

Rasionalisme mendapat garapan yang lebih mendalam, sistematis, dan utuh di tangan Rene Descartes (1596-1650 M.) pemuka falsafah moden Barat, khususnya yang berkaitan dengan konsep ilmu, sehingga epistemologi atau teori ilmu terangkat menjadi tumpuan kajian falsafah (White, 1991: 341). Pendekatan Descartes menjadi ikutan sejumlah ahli falsafah ternama dalam pemecahan soal bagaimana akal manusia bekerja sebagai alat yang menghasilkan ilmu. Pendekatan Descartes yang mempengaruhi sebilangan ahli falsafah Barat dikenal sebagai "Kesangsian Radikal" (*Radical Doubt*). Kata *radikal* merujuk kepada kesangsian yang asas dan juga yang ekstrem, kerana bagi Descartes, kebenaran mestilah pasti dan tidak goyah. Tidak boleh ada sama sekali kesangsian, walaupun sedikit, dalam akal; sesuatu idea perlu ditolak jika timbul kesangsian (White, 1991: 342). Dalam falsafah, perhatian Descartes tertumpu kepada diri individu dan peranan akal, yang diungkapkannya sebagai "*Cogito, ergo sum*"

("Saya berfikir kerana itulah diri saya"). Dalam hal pengasasan epistemologi Barat moden, Descartes mengemukakan kaedah kesangsian (kesangsian Cartesian) yang ternyata menjadi asas falsafah ilmu dan perkembangan ilmu orang Barat sehingga kini yang menjelma dalam bentuk fahaman subjektivisme, relativisme, dan bahawa tidak ada kebenaran yang mutlak dan muktamad.

Sebagai lawan rasionalisme yang berteraskan akal, empirisisme ialah fahaman yang menegaskan bahawa semua pengetahuan manusia bersumber daripada bukti atau pengalaman deria yang lima, dan bukan hasil operasi akal (Wolff, 1992: 29 dan White, 1991: 348). Kalau bibit rasionalisme telah tersemai sejak Plato, maka bibit empirisisme telah bermula lima abad sebelum Masihi juga, iaitu pada zaman Aristotle apabila timbul ungkapan "Tidak ada yang dapat difahami kalau tidak terlebih dahulu kita tangkap dengan pancaindera" (Scruton, 1989: 18). Gagasan Aristotle kemudian mempengaruhi falsafah pada Zaman Paderi selama dua abad (abad ke-11 dan 12 M) dengan tokohnya yang terkenal ialah Saint Thomas Aquinas. Dalam zaman falsafah moden Barat, fahaman itu digarap dengan lebih mendalam dan sistematis oleh John Locke (1632-1704 M) dan ahli-ahli falsafah yang sehaluan dengannya.

Dua rukun empirisisme ialah:

- a. Ilmu datang melalui deria;
- b. Fakta mesti dapat diperhatikan dan diuji (*observable and testable*).
Pemerhatian yang tidak memenuhi dua ciri ini dianggap palsu dan bukan ilmu yang tulen.

(White, 1991: 348)

Golongan empiris menolak pegangan golongan rasionalis atas dasar bahawa ilmu yang berasaskan pendekatan rasional tidak memberikan sesuatu yang baharu, sebaliknya ilmu empiris percaya bahawa mereka menghasilkan sesuatu yang belum diketahui sebelumnya.

Asas yang membedakan kedua-dua pendekatan itu ialah bahawa golongan rasionalis menghasilkan pernyataan analitis (*analytic statements*) sementara golongan empiris menghasilkan pernyataan sintesis (*synthetic statements*) (White, 1991: 348-350). Yang dimaksudkan pernyataan analitis ialah pernyataan yang memberikan sifat kepada sesuatu dan bahawa sifat itu sedia implisit dalam takrif objek atau konsep itu, misalnya "satu segi sama mempunyai empat sisi" atau "Orang bujang ialah orang yang belum kahwin". Pernyataan sintesis pula memberikan sifat kepada sesuatu, tetapi sifat itu di luar takrif benda atau konsep yang berkenaan, misalnya "Kertas ini putih", dengan sifat *putih* bukan sifat yang sedia terkandung dalam takrif kertas (kerana kertas dapat berbagai-bagai warnanya).

John Locke, ahli falsafah Inggeris yang terkenal dengan Teori Perjanjian Masyarakat (*Social Contract*), menolak gagasan bahawa akal dapat menangkap pati semesta yang tidak nyata dan bahawa akal telah dilengkapi idea nurani (*innate ideas*), kerana menurutnya akal tidak lain daripada sehelai kertas kosong yang kemudian menerima tulisan ilmu dari dunia di luarnya. Setiap sesuatu yang ada dalam akal ialah hasil pengamatan (dengan deria) atau refleksi (pemikiran tentang pengamatan). Pandangan Locke ini diperkukuh oleh seorang lagi ahli empirisme David Hume yang percaya bahawa objek-objek di dunia menghasilkan kesan (*impressions*) dalam akal yang jika berkekalan menjadi idea (White, 1991: 351).

Falsafah Islam Sumber Falsafah Melayu

Islam membuka babak baharu dalam penakrifan *Melayu*, termasuk dalam hal menjadi sumber falsafah dan pemikiran Melayu. Islam telah mengalihkan paksi pandangan sarwa orang Melayu yang asalnya berlandaskan animisme, iaitu fahaman yang berlandaskan kepercayaan akan kuasa benda-benda di alam. Meskipun bangsa Melayu telah lebih awal didatangi agama dan kebudayaan lain, iaitu Hindu-Buddha, namun tamadun tersebut tidak memberikan bekas atau kesan yang jelas dan mendalam dalam hal falsafah orang Melayu. Sejumlah adat istiadat dan amalan kehidupan bermasyarakat orang Melayu ada yang dikaitkan sesetengah pihak dengan Hindu, misalnya adat perkahwinan. Meskipun tentu ada falsafah di baliknya, namun kita berhadapan dengan kekaburan untuk membuat tafsiran yang tepat oleh sebab sukar dijejaki aspek falsafah Hindu yang masuk ke dalam kehidupan orang Melayu (Awang Sariyan, 2016).

Syed Muhammad Naquib al-Attas (1969, 1972 dll.) menegaskan bahawa Islam telah mengalihkan paksi tamadun Melayu daripada pengaruh Hindu-Buddha kepada Islam, yang merupakan agama antarabangsa, berbanding dengan Hindu-Buddha yang regional sifatnya. Islam telah meletakkan asas-asas falsafah yang jelas bagi bangsa Melayu, daripada aspek ketuhanan kepada aspek-aspek kehidupan seluruhnya. Oleh itu, pembicaraan tentang falsafah Melayu tidak mungkin dapat dipisahkan daripada falsafah Islam. Gagasan untuk membina Kerangka Teori Alam Melayu bagi aspek-aspek peradaban Melayu tidak harus mengabaikan pemukanya daripada hakikat itu.

Kontroversi tentang Istilah ‘Falsafah Islam’

Istilah *falsafah Islam* membangkitkan kontroversi dalam kalangan sarjana Islam, khususnya yang bersangkutan dengan etimologi kata *falsafah* itu sendiri dan juga kandungan bidang itu. Kedua-dua isu yang menimbulkan kontroversi itu saling berkaitan. Kata *falsafah* dalam bahasa Arab merupakan kata serapan daripada bahasa Yunani *philosophia* yang bererti ‘cinta akan hikmah atau kebijaksanaan’.

Tradisi falsafah Yunani yang menjadi tunjang falsafah Barat memancarkan pandangan hidup orang Yunani dalam aspek teologi, kosmologi, dan etika atau aksiologi yang menurut pandangan Islam meraba-raba dan senantiasa dalam pencarian yang tidak berkesudahan. Ketidakterkaitan konsep falsafah Yunani yang lebih disebabkan oleh kandungannya yang bertentangan dengan asas-asas aqidah Islam dalam beberapa hal (seperti yang akan diuraikan kelak) menyebabkan timbul keberatan pada sebilangan sarjana Islam untuk menerima istilah *falsafah Islam*.

M. Saeed Sheikh (lihat Zakaria Stapa dalam Ibrahim Abu Bakar, 1994: 7), misalnya, dengan tegas membedakan istilah *falsafah muslim* daripada *falsafah Islam*. Falsafah muslim mungkin sahaja bersifat tidak Islam apabila, misalnya, ahli-ahli falsafah yang beragama Islam berusaha menyesuaikan falsafah mereka dengan falsafah yang berakar umbi dalam kebudayaan Barat. Demikianlah, citra falsafah yang disebut falsafah Islam pada peringkat awalnya memang ditandai oleh upaya menerapkan falsafah Yunani, khususnya Platonisme, Neo-Platonisme, dan Aristotelisme. Inilah yang diusahakan oleh tokoh-tokoh yang dikenal dalam sejarah sebagai *falasifah*, iaitu ahli falsafah Islam, misalnya al-Kindi, al-Farabi, Ibn Sina, dan Ibn Rushd (Zakaria Stapa dalam Ibrahim Abu Bakar, 1994: 1-2; Mahmud Hamdi Zaqzuq, 1993: 3-6; Shariff, M.M. 1992), sedang falsafah yang dikembangkan dengan berasaskan falsafah Yunani itu dipertikaikan, ditolak, atau malah dikafirkan oleh setengah-setengah sarjana Islam. Tokoh yang paling keras menganggap falsafah yang berasaskan falsafah Yunani itu sebagai sesat ialah al-Ghazali (1058-1110 M) yang melalui karya seperti *Tahafut al-Falasifah (Kekacauan Ahli Falsafah)* dan *Al-Munqidh Min al-Dalal (Pembendung Kesesatan)* memperlihatkan asas-asas kesesatan aliran falsafah itu (lihat Mahmud Hamdi Zaqzuq, 1993: Pendahuluan dan 3-6). Dalam *Tahafut al-Falasifah* Al-Ghazali mengemukakan 20 kesalahan aqidah dalam falsafah yang dianut oleh al-Farabi dan Ibn Sina, serta ahli-ahli falsafah yang lain, dan tiga yang paling besar ialah:

- a. Alam ini qadim dan azali;
- b. Allah hanya mengetahui perkara-perkara yang umum atau universal (*al-kulliyat*) dan tidak mengetahui perkara-perkara yang khusus (*al-juz'iyat*);
- c. Jasad manusia tidak dibangkitkan semula pada hari Kiamat; hanya roh yang akan menerima pembalasan.

(Mahmud Hamdi Zaqzuq, 1993: 17 dan Zakaria Stapa dalam Ibrahim Abu Bakar, 1994: 2)

Jelas bahawa yang menjadi keberatan sarjana-sarjana Islam yang berusaha menjaga kemurniaan aqidah dan syariah Islam ialah aliran falsafah yang bernaftaskan falsafah Yunani, sehingga falsafah sedemikian menurut M. Saeed Sheikh hanya layak disebut *falsafah muslim* kerana kebetulan dikembangkan oleh ahli-ahli falsafah yang menganut agama Islam, tetapi belum mencapai konsep falsafah Islam.

Apakah falsafah Islam?

Menurut M. Saeed Sheikh, falsafah Islam mesti ditakrifkan sebagai upaya menerjemahkan dan membina semula pelbagai wawasan metafizik yang terdapat dalam al-Qur'an dengan menggunakan bahasa dan gaya falsafah yang tidak terdapat di dalamnya sebarang unsur muhibah terhadap sesuatu yang tidak Islam (Zakaria Stapa dalam Ibrahim Abu Bakar, 1994: 7-8).

Dengan lebih mendalam, Alparslan (1994) menakrifkan konsep falsafah Islam sebagai "konsep saintifik yang muncul daripada pandangan hidup Islam, tetapi sebagai unjuran daripadanya, secara langsung melalui skema konsep saintifik Islam". Berasaskan takrif tersebut, beliau menggariskan tiga faktor yang mencirikan konsep falsafah Islam, iaitu:

- a. pandangan sarwa Islam sebagai perspektif yang seluas-luasnya dan sebagai asas falsafah;
- b. skema konseptual saintifik sebagai asas yang bersifat langsung dan rapat, yang dengannya ahli falsafah melaksanakan kegiatan-kegiatan;
- c. kegiatan falsafah itu sendiri yang dilaksanakan melalui istilah-istilah khusus yang disebut *skema konsep saintifik yang khusus*.

Faktor pertama, iaitu pandangan sarwa merupakan suasana latar (*environment*) bagi kewujudan falsafah Islam. Pandangan sarwa Islam yang melatari falsafah Islam dirumuskan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas (1978: 41-42), sebagai hasil pembebasan manusia daripada kekangan tahayul, dongeng, animisme, tradisi budaya pribumi, dan sekularisme terhadap akal dan bahasanya. Oleh itu, segala kegiatan saintifik falsafah terlaksana dalam lingkungan suasana latar yang berasaskan pandangan sarwa tersebut.

Faktor kedua, iaitu skema konsep saintifik dikenal sebagai "konteks" falsafah Islam. Tatanama (*nomenclature*) yang dihasilkan oleh sarjana Islam dengan berlandaskan pandangan hidup Islam melahirkan skema konsep saintifik Islam yang berbeza daripada skema konsep saintifik Barat. Mana-mana kegiatan falsafah yang tidak berasaskan skema konsep saintifik Islam tidak dapat diterima sebagai hasil falsafah Islam. Antara skema konsep saintifik Islam yang penting

termasuklah konsep ilmu, kebenaran, sains, pernyataan saintifik, teori, dan kaedah (Alparslan, 1994: 27).

Akhirnya, faktor ketiga, iaitu skema konsep saintifik yang khusus ialah hasil penyelidikan sarjana dalam bidang masing-masing yang bersifat khusus untuk bidang ilmu yang tertentu, tetapi kesemuanya tetap dalam kerangka pandangan hidup dan skema konsep saintifik Islam tadi. Sebagai contoh, konsep-konsep dalam disiplin sains tabii mungkin berlainan daripada konsep-konsep dalam sains sosial; namun kelainan itu semata-mata bersebab daripada kelainan bidang tetapi tetap berasaskan skema konsep saintifik yang sama dalam hal ilmu, kebenaran, keadilan, teori, kaedah dan sebagainya.

Sejajar dengan kenyataan bahawa pandangan sarwa Islam melatari falsafah Islam, Seyyed Hossein Nasr (1989) menegaskan ciri falsafah Islam sebagai suatu ilmu tabii yang merujuk serta berdasar pada tauhid sebagai doktrin induknya. Dengan sendirinya falsafah yang berlandaskan skeptisisme atau kesangsian yang menjadi kegiatan ego diri manusia untuk melampaui ilmu Tuhan tidak dapat diterima sebagai falsafah Islam. Bahkan tafsiran "keislaman" ahli falsafah muslim yang jelas terjerat oleh falsafah Barat seperti yang dilakukan oleh Iqbal, menurut S.H. Nasr masih tetap di luar konsep falsafah Islam (Nasr, 1989: 4). Senario falsafah menurut perspektif Islam tidak sesuai lagi disempitkan kepada konsep falsafah yang diamalkan oleh orang Yunani atau ahli-ahli falsafah Barat moden seperti Descartes, Leibnitz, Locke, Hume, Kant, dan Hegel, ataupun falsafah yang melahirkan aliran pemikiran eksistensialisme, positivisme, dan mekanisme.

Bahkan falsafah Islam yang sering dikaitkan dengan Ibn Sina dan al-Farabi itu pun dianggap belum sesungguhnya memenuhi konsep falsafah Islam sejati. Seperti kata Mahsin Mahdi (lihat Zakaria Stapa dalam Ibrahim Bakar, 1994: 9-10), falsafah Islam yang berasal usul daripada tradisi Yunani sudah berupa suatu persoalan sampingan sahaja; pelbagai gantian telah dikemukakan sebagai pilihan yang lebih baik untuk mengisi falsafah Islam, iaitu teologi Islam, perundangan Islam, tasawuf Islam, dan sebagainya sehingga sekalian mutakallimin (ahli ilmu kalam atau teologi), ahli sufi, fuqaha, muhadithun (ahli hadith) merupakan pemikir yang sah untuk digelar sebagai ahli falsafah Islam.

Seyyed Hoesein Nasr (1987: 3-4 dan 21-25) memperkukuh pandangan itu dengan mengungkapkan bahawa yang difahami sebagai falsafah itu bukan semata-mata *falsafah* menurut perspektif Barat, bahkan wujud juga dalam segala ilmu Islam yang lain seperti tafsir, hadith, kalam, usul fiqh, tasawuf, sains tabii, matematik, kosmologi, kesenian, psikologi, sains sosial, dan sains politik. Sesungguhnya konsep falsafah yang difahami umum, iaitu falsafah menurut kerangka atau skema pemikiran Barat itu merupakan kesan gerakan orientalisme

yang menyemaikan kepercayaan melalui bidang ilmiah dengan teori kebangsaan bahawa Islam tidak mampu melahirkan ilmu falsafahnya sendiri melainkan mencedok falsafah tradisi Yunani (Mahmud Hamdi Zaqzuq, 1989: 84-89).

Daripada sudut penggunaan akal sebagai asas berfalsafah, tidak ada agama mana pun yang meletakkan akal manusia begitu tinggi kecuali agama Islam (Mahmud Hamdi Zaqzuq, 1989: 86). Allah memuliakan manusia dan melebihkannya daripada makhluk-makhluk-Nya yang lain dengan mengurniakan akal. Hakikat manusia yang digelar *haiwan natiq* atau *haiwan rasional* itu sendiri merujuk kepada akal dan kemampuan berfikir sebagai ciri asas manusia. Agama Islam meletakkan akal sebagai asas aqidah dan pertanggungjawaban manusia. Perbuatan mengabaikan penggunaan akal dianggap sebagai satu kesalahan atau satu dosa. Hal ini ditegaskan dalam al-Quran Surah al-Mulk, ayat 10-11. Jelas bahawa al-Quran menyeru manusia supaya menggunakan akal fikirannya dan hal ini akan dihisab kelak, sesuai dengan penegasan al-Quran dalam Surah al-Isra', ayat 36.

Secara tegas Islam menolak taklid secara melulu dan sebaliknya mewajibkan penggunaan akal fikiran dalam segala hal yang bersangkutan dengan aqidah dan syariah. Rasulullah S.A.W. menurut riwayat al-Tarmizi bersabda "Jangan kamu menjadi pengikut buta." Dalam konteks inilah Taha Jabir al-Alwani (1993) menegaskan ijtihad sebagai keperluan mutlak dalam memastikan kelangsungan hidup syiar Islam. Di samping itu, Islam menolak segala bentuk khurafat, sihir, tilik-menilik, dan segala perbuatan yang tidak bersandar pada akal yang dipimpin. Inilah asas yang memungkinkan terbentuknya tamadun dan pemikiran Islam yang menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas berasaskan intelektualisme dan rasionalisme (1972 dll.)

Dalam konteks pengembangan falsafah sebagai suatu disiplin ilmu, al-Quran menyeru manusia menyelidik sekalian yang ada di langit dan di bumi serta yang ada pada diri manusia sendiri untuk mengenal hakikat kebenaran. Salah satu ayat al-Quran yang berkaitan dengan hal ini terdapat dalam Surah Fussilat ayat 53. Jika kita pertalikan persoalan pokok yang digarap oleh ahli-ahli falsafah sejak zaman awal, iaitu yang berfokus pada hakikat alam dan hakikat diri, jelas bahawa Islam memang menganjurkan penelitian yang sedemikian. Dalam hubungannya dengan Za'ba sebagai pemikir Melayu yang ulung dalam zaman baharu, isu taqlid dan amalan yang di luar kerangka Islam yang sebenarnya menjadi antara asas kritikan Za'ba kepada orang Melayu dan sejumlah ulama yang seakan-akan berpegang pada kepercayaan bahawa pintu ijtihad telah tertutup. Za'ba mengemukakan ijtihad, dengan bersandarkan al-Qur'an dan hadis, sebagai jalan penting untuk kemajuan umat Melayu. Antara inti sari pendapatnya termasuklah yang ternukil dalam bukunya *Perangai Bergantung pada Diri Sendiri* (Za'ba, 2009):

“Segala tafsir Qur’an dan kitab kumpulan hadith serta kitab-kitab syarah hadith itu yang telah diperbuat oleh orang dahulu hendaklah digunakan sebagai pemandu, pembantu dan penerang jalan...segala perselisihan pandangan dan pendapat yang berbeda-beda antara masing-masing ahli tafsir dan ahli hadith...hendaklah menguatkan sifat kesendirian pada penyelidik-penyelidik kemudian itu pula.”

Tentulah bagi sesiapa yang berhajat melakukan ijtihad, diperlukan ilmu kerana ijtihad tanpa ilmu menjadikan pembuat ijtihad itu si buta yang lebih parah daripada si buta yang berilmu tetapi tidak berusaha melakukan ijtihad.

Berkaitan dengan doktrin falsafah, al-Quran menyajikan aspek-aspek yang sempurna, iaitu meliputi hal ehwal duniawi dan hal ehwal ukhrawi. M.M. Shariff (1994) dalam kupasannya tentang doktrin falsafah dalam al-Quran mengariskan aspek-aspek yang berikut:

- a. Hakikat muktamad (Allah dan sifat-sifat-Nya).
- b. Tuhan dan alam.
- c. Hubungan Tuhan dengan manusia.
- d. Hakikat ruh.
- e. Teori ilmu (epistemologi)
- f. Kuasa manusia.
- g. Perihal mati.
- h. Hidup sesudah mati.

Jelas bahawa cakupan falsafah Islam tidak terkeluar daripada perkara-perkara dasar yang berkaitan dengan aqidah. Cakupannya pula menyepadukan ehwal duniawi dengan ehwal ukhrawi sehingga tidak ada pemisahan antara “alam di sini dan kini” dengan “alam di sana dan nanti”. Inilah yang membedakan falsafah Islam daripada falsafah Barat (yang terbelenggu oleh sekularisasi).

Persoalan Epistemologi dalam Disiplin Linguistik Alam dan Tamadun Melayu

Secara kasarnya, ada dua aspek yang selama ini mendapat perhatian peneliti linguistik. Yang pertama ialah aspek teori dan konsep, sementara yang kedua ialah aspek penerapan teori dalam pelbagai subdisiplin linguistik seperti dialektologi, fonetik dan fonologi, semantik, pragmatik, tatabahasa, wacana, sosiolinguistik dan psikolinguistik. Dengan tidak bermaksud meremehkan dan mengurangkan sumbangan penelitian yang bersifat penerapan teori, penulis berpendapat bahawa penelitian dan pembicaraan yang berkaitan dengan teori dan konsep perlu diberi perhatian yang lebih serius. Hal ini demikian kerana

sebahagian masalah dan isu yang timbul dalam upaya penerapan teori berakar daripada masalah teori dan konsep. Salah satu aspek teori dan konsep yang asas dalam disiplin ilmu, termasuk linguistik, iaitu aspek epistemologi, yang telah dibincangkan dalam bahagian awal tulisan ini. Antara aspek yang diberi perhatian termasuklah hakikat bahasa, teori kelahiran bahasa, sumbangan bahasa dalam pembinaan konsep serta realisasi diri insan dan isu-isu yang berkaitan dengan perkembangan disiplin linguistik di alam Melayu (Awang Sariyan, 2007, 2006, 2018b).

Dari waktu ke waktu dalam sejarah tamadun manusia, banyak timbul isu dan polemik dalam kalangan ilmuwan tentang hal ehwal yang berkaitan dengan ilmu, baik yang bersifat teoritis mahupun yang bersifat penerapan. Sering berlaku perdebatan tentang teori mana dalam sesuatu bidang ilmu, termasuk dalam bidang linguistik, yang lebih benar atau lebih tepat – adakah teori linguistik tradisional, teori linguistik struktural, teori linguistik generatif atau pun teori linguistik fungsional? Sering juga timbul polemik tentang asas penentuan kesahihan data analisis, sehingga wujud garis pemisah antara data primer dan data sekunder dan wujud pula istilah *data sebenar* dan *data buatan*. Biasa juga kita dengar atau kita baca pembicaraan sesetengah ilmuwan tentang hasil analisis yang objektif dan hasil analisis yang subjektif, yang intuitif atau impresionistik dan yang empiris. Demikian juga, sering sekali timbul polemik tentang preskriptifisme dan deskriptifisme sebagai asas penentuan dapatan dan rumusan penelitian dalam sesuatu bidang ilmu. Kecenderungan yang berlaku dalam kebanyakan polemik ilmiah itu ialah terbinanya dikotomi antara dua konsep atau fahaman yang seolah-olah atau diperlihatkan bertentangan antara satu dengan yang lain.

Pada hemat penulis, terjadinya hal yang sedemikian itu sebenarnya disebabkan ada isu yang lebih asas yang membentuk pola pemikiran dan sikap yang ditandai oleh ciri, antara lainnya:

1. lebih cenderung untuk berkonflik daripada untuk mengusahakan pemaduan antara fahaman (seperti antara preskriptisme dengan dekskriptifisme);
2. terpengaruh oleh pengasingan atau pemetakan unsur-unsur tertentu yang pada hakikatnya merupakan suatu kesatuan (seperti sumber ilmu yang disandarkan mutlak pada pancaindera dan sumber lain seperti intuisi dianggap tidak ilmiah)
3. lebih cenderung menghormati dan meraikan sesuatu yang lebih baharu (teori, konsep dsb.) daripada yang sedia ada, sehingga pada peringkat yang ekstrem bidang ilmu diperlakukan seolah-olah sebagai fesyen;
4. kehilangan matlamat yang jelas dan hakiki dalam keasyikan dan zauq melaksanakan kerja ilmiah yang mekanis.
5. kepercayaan bahawa ilmu berubah terus-menerus dan tiada kebenaran yang pasti.

Isu asas yang menimbulkan fenomena tersebut, pada hemat penulis, berkaitan rapat dengan epistemologi, iaitu cabang dalam falsafah yang berkaitan dengan teori ilmu. Antara yang tercakup dalam epistemologi termasuklah asal atau sumber ilmu, sifat ilmu, kaedah dan had-had ilmu (J. Dancy dan Ernest Sosa, 1993 dan Muhammad Zainy Uthman, 1998). Memahami epistemologi, yang bersumber daripada tamadun Barat (yang berakar pada zaman Yunani pada abad ke-5 S.M lagi) dan juga yang bersumber daripada agama Islam cukup penting supaya para ilmuwan dapat membuat pertimbangan yang jelas asasnya dalam semua kegiatan ilmiahnya.

Isu yang lebih penting daripada sekadar memahami epistemologi ialah isu mencari arah untuk perkembangan linguistik Melayu yang semestinya perlu memiliki citranya sendiri, meskipun tidak semestinya berlainan sama sekali dengan mana-mana tradisi linguistik di bahagian lain di dunia ini. Yang saya maksudkan bukan pembinaan teori linguistik Melayu yang asal sahaja berbeda daripada teori yang sedia ada atau yang datang dari bahagian lain, Barat khususnya, dan bukan pula suatu angan-angan atau impian untuk bersikap parokial dan taksub wilayah. Yang dimaksudkan ialah perlunya pembinaan suatu kerangka falsafah dan pandangan sarwa yang cocok dengan keperibadian kita di alam Melayu, yang bersumberkan Islam. Kerangka falsafah dan pandangan sarwa itu amat rapat kaitannya dengan epistemologi yang kita jadikan asas dalam mengembangkan ilmu, termasuk dalam disiplin linguistik.

Implikasi Epistemologi Barat Terhadap Linguistik

Implikasi epistemologi Barat terhadap teori, konsep-konsep, kaedah dan matlamat linguistik dan bahasa memang cukup ketara. Linguistik Melayu yang pada dasarnya bersumberkan linguistik Barat tidak terlepas daripada mendukung dan mengembangkannya, sama ada dalam bentuk kuliah, tulisan mahupun kajian. Secara kasar, implikasi epistemologi Barat terhadap linguistik dan bahasa dapat dilihat dalam bentuk peralihan daripada suatu kerangka pemikiran dan teori bahasa kepada suatu kerangka dan teori bahasa yang lain, sehingga terlihat suatu siri peralihan yang secara langsung mewujudkan paradigma-paradigma yang berbeda dan sekali gus bertentangan antara satu dengan yang lain. Siri peralihan kerangka pemikiran dan teori bahasa yang mengakibatkan berlakunya peralihan paradigma dalam pendidikan bahasa dapat dirumuskan sebagai yang berikut:

- a. Tahap pertama - peralihan daripada kerangka pemikiran dan teori linguistik tradisional kepada teori linguistik struktur;
- b. Tahap kedua - peralihan daripada kerangka pemikiran dan teori linguistik struktur kepada kerangka pemikiran dan teori linguistik rasionalis atau mentalis;
- c. Tahap ketiga - peralihan daripada kerangka pemikiran dan teori

linguistik rasionalis kepada kerangka pemikiran dan teori linguistik fungsional.

Ketiga-tiga tahap itu digariskan dengan berasaskan faktor kronologi, dengan tidak pula menafikan bahawa peralihan paradigma itu dapat juga berupa kontroversi yang berlaku sepanjang zaman. Dengan perkataan lain, pada tahap pertentangan pendapat memuncak antara golongan rasionalis dengan golongan fungsionalis, kontroversi antara golongan tradisional dengan golongan strukturalis-behavioris dan kontroversi antara golongan strukturalis-behavioris dengan golongan mentalis-nativis berlaku terus.

Kontroversi antara golongan tradisional dengan golongan strukturalis berpaksi pada perbedaan asas atau premis yang digunakan. Sementara golongan tradisional berpegang pada orientasi humanistik, golongan strukturalis berpegang pada orientasi empiris (Dineen, 1967:166). Enam ciri perbedaan antara kedua-dua golongan itu sebagaimana yang dirumuskan oleh F.P Dineen ialah:

- a. Tradisional menggunakan dasar makna untuk menakrifkan kelas-kelas dan untuk menentukan rumus-rumus tata bahasa, dan dengan demikian uraiannya dianggap bersifat subjektif. Strukturalis menumpukan perhatian pada analisis struktur fonologi, morfologi, dan sintaksis yang dianggap bersifat objektif.
- b. Tradisional menekankan aspek logika bahasa dengan berusaha menentukan sebab-musabab fitur-fitur tata bahasa yang tertentu terjadi dan bagaimana fitur-fitur itu patut berperanan. Strukturalis pula hanya memaparkan fakta-fakta bahasa yang dapat diperlihatkan tanpa membuat penjelasan tentang sesuatu yang mungkin ada di balik fakta-fakta itu.
- c. Tradisional tidak mempunyai hierarki yang jelas dalam menangani kes kelas kata yang bertindan lalu menganggapnya sebagai kekecualian atau 'difahami sebagai...', atau 'digunakan pada tempat...', sedang strukturalis menangani kes tersebut berdasarkan peringkat analisis, iaitu peringkat morfologi atau sintaksis.
- d. Tradisional terikat oleh sejarah dan kebudayaan asal yang memulakan tradisinya, iaitu sejarah kebudayaan Yunani yang kemudian disambung oleh Rumawi, tradisi Zaman Pertengahan, dan pemikir-pemikir abad ke - 18, yang kesemuanya melihat bahasa dalam konteks falsafah, logika, psikologi, dan metafizika. Strukturalis pula berusaha membebaskan diri mereka daripada faktor-faktor tersebut dan melihat bahasa sebagaimana adanya.
- e. Golongan tradisional menggunakan ayat penyata sebagai asas untuk menakrifkan kelas kata dan ayat, dan ayat-ayat lain dianggap bentuk yang lahir daripada ayat tersebut melalui proses psikologi.

Sebaliknya strukturalis mengkaji semua ujaran untuk menghuraikan ciri-ciri yang berbeda bagi bentuk-bentuk yang berlainan dan tidak menganggap adanya proses psikologi yang menerbitkan ayat-ayat lain daripada ayat-ayat nyata.

- f. Golongan tradisionalis mendakwa bahawa golongan strukturalis tidak memberikan penjelasan tentang bahasa, tidak menghasilkan tata bahasa, menghilangkan ciri kemanusiaan dalam pengkajian bahasa, tidak membedakan penggunaan bahasa manusia daripada komunikasi haiwan, dan terlalu menekankan perbezaan-perbezaan antara bahasa-bahasa untuk sengaja melindungi persamaan-persamaan yang lebih banyak. Golongan strukturalis menyerang balas golongan tradisionalis dengan mendakwa bahawa mereka memberikan penjelasan semu tentang ujaran-ujaran terpilih untuk membenarkan rumus-rumus tertentu, menyebut bahawa ujaran yang tidak sesuai dengan rumus sebagai ungkapan, kekecualian, atau tidak gramatis, membuat andaian-andaian awal untuk menghuraikan bahasa, menghasilkan tata bahasa yang tidak pernah sempurna kerana tidak memeriksa andaian-andaian awal tadi, mencampurkan kriteria semantik, morfologi, dan sintaksis tanpa kaedah yang tekal, memulakan pemerhatian pada makna dan bukan pada isyarat-isyarat atau lambang-lambang makna (bentuk), dan tidak menerima hakikat kelainan sistem antara pelbagai bahasa.

Jelas bahawa sanggahan golongan strukturalis terhadap golongan tradisionalis berasas pada beberapa hal pokok, iaitu huraian bahasa yang berdasar pada falsafah (terutama logika), semantik (yang menimbulkan istilah *tatabahasa nosional*), dan kerangka bahasa sejagat, serta sikap preskriptif mereka. Kontroversi tradisionalis-strukturalis ini bererti juga pertentangan antara rasionalis atau mentalisme awal dengan empirisme atau mekanisme, iaitu dua paksi yang menandai pertembungan pemikiran Barat.

Sesudah berlangsung tahap pertama kontroversi tradisionalis-strukturalis itu (walaupun tahap tersebut tidak boleh dikatakan telah berakhir), muncul pula kontroversi tahap kedua, iaitu antara golongan rasionalis-mentalis angkatan baharu dengan golongan strukturalis-empiris. Yang dimaksudkan golongan rasionalis-mentalis angkatan baharu itu ialah golongan yang memperlihatkan adanya pengaruh linguistik tradisional pada gagasan-gagasan tertentu (seperti gagasan kesejagatan dan pendekatan falsafah) tetapi lebih menjuruskan perhatian pada hakikat bahasa sebagai proses akal, pengembangan keupayaan yang ternurani, kreativiti, dan keupayaan berbahasa yang hakiki (sebagai lawan pelaksanaan bahasa). Bagi K.C. Diller (1978), kontroversi ini merupakan kontroversi yang paling hebat dan utama dalam konteks teori pemerolehan bahasa.

Perbedaan-perbedaan asas antara kedua-dua golongan ini berasas pada perspektif yang berbeda tentang hakikat bahasa dan bagaimana bahasa diperoleh. William Moulton (1961), dalam pembicaraannya tentang pembaharuan yang dilakukan oleh ahli-ahli bahasa struktur Amerika pada tahun 1940-an dan 1950-an terhadap bidang pendidikan bahasa, merumuskan prinsip-prinsip pokok golongan strukturalis dalam bentuk lima slogan yang berikut:

- a. “Bahasa ialah pertuturan, bukan tulisan.”
- b. “Bahasa merupakan suatu himpunan kebiasaan.”
- c. “Ajarkanlah bahasa, bukan tentang bahasa.”
- d. “Bahasa ialah apa-apa yang dituturkan oleh penutur jatinya, bukan apa-apa yang sepatutnya dituturkan.”
- e. “Bahasa berbeda-beda.”

Kelima-lima slogan itu menjadi premis kerja strukturalis sebagaimana yang ditegaskan oleh tokoh-tokoh utamanya seperti Jespersen (1904), Palmer (1917 dan 1921), Bloomfield (1942), O’Connor dan Twaddell (1960), Anthony (1963), Bolinger et al. (1963), Lado (1964), Rivers (1964), Brooks (1964), dan H.B. Allen (1965).

Slogan pertama yang menekankan hakikat bahasa sebagai pertuturan bertitik tolak daripada pembahagian *langue* dan *parole* oleh de Saussure yang menjadi pemuka linguistik struktur, walaupun de Saussure tidak menyarankan pembatasan kajian bahasa pada *parole* atau pertuturan yang merupakan bentuk konkrit bahasa. Ahli-ahli linguistik struktur yang menumpukan perhatian pada *parole* sebagai “tanda-tanda tampak yang konkrit” (pertuturan) ini menamai gejala bahasa tersebut sebagai *neo-Saussurean axiom*, dengan prinsip bahawa “teks menandai strukturnya sendiri” dan tidak ada sesuatu yang tersembunyi di balik teks itu (Joos, 1961:17). Dengan perkataan lain, bahasa ditanggap sebagai sehimpunan tanda-tanda tampak konkrit dalam bentuk bunyi-bunyi yang disusun menjadi pertuturan. Inilah asas yang menyebabkan tumpuan perhatian pendidikan bahasa yang disarankan oleh golongan ini berpusat pada bahasa lisan dan fonologi sebagai komponen yang utama (Diller, 1978:13).

Daripada segi pengajaran bahasa, pertuturan menjadi asas untuk memungkinkan peniruan dalam proses membentuk kebiasaan berbahasa kerana pertuturan dapat ditangkap dengan cepat dan langsung melalui pendengaran. Pentingnya pertuturan untuk membentuk kebiasaan berbahasa ini diungkapkan oleh Hockett (1958:425) dengan kata-kata “setiap masa seseorang bertutur, ia sebenarnya meniru atau beranalogi.”

Diller (1978:11) dalam sanggahannya terhadap slogan yang menyempitkan hakikat bahasa hanya sebagai pertuturan menggunakan penemuan Lenneberg (1967) yang menunjukkan bagaimana budak lelaki bisu mampu mempelajari bahasa Inggeris. Ia mampu mengambil pesanan daripada alat perakam dan kemudian belajar membaca. Kes yang dikemukakan oleh Lenneberg ini dijadikan hujah oleh golongan rasionalis-mentalis bahawa bahasa pada asasnya ialah persoalan akal dan aktiviti akal, bukan peniruan dan pembentukan kebiasaan semata-mata.

Slogan kedua, selaras dengan penolakan strukturalis-empiris terhadap soal ilmu dan akal dalam pembicaraan mereka tentang bahasa, mengandaikan bahasa sebagai sehimpunan kebiasaan yang diperoleh atau dikuasai oleh manusia melalui proses pelaziman. B.F. Skinner merupakan tokoh behaviorisme yang ekstrem kerana menyamakan pemerolehan tingkah laku kebahasaan dengan pemerolehan tingkah laku haiwan. Bloomfield (1914:14) pun pernah membuat kesimpulan bahawa bahasa manusia tidak terlalu berbeda daripada bahasa haiwan. Implikasinya terhadap pendidikan bahasa ialah bahawa manusia tidak perlu mempelajari sistem abstrak dalam bentuk rumus-rumus bahasa yang mempertalikan pertuturan dengan struktur dalaman (makna). Manusia diandaikan dapat berbahasa dengan mengajuk dan beranalogi. Inilah asas yang menimbulkan kaedah mim-mem (*mimicry and memorization*) dan latih tubi pola (*pattern drill*) (Diller, 1978:15).

Slogan ini bertentangan sama sekali dengan pegangan golongan rasionalis yang mempercayai bahawa setiap manusia yang normal memiliki alat pemerolehan bahasa (APB / LAD) yang ternurani dan oleh itu mempelajari bahasa dengan bantuan alat ini, bukan dengan peniruan dan hafalan. Dengan demikian, sementara golongan strukturalis-empiris mengajukan pemerolehan bahasa yang mekanis sifatnya, golongan rasionalis menimbulkan inspirasi kelahiran kaedah kod kognitif dalam pendidikan bahasa.

Slogan ketiga menegaskan pandangan strukturalis-empiris bahawa pengajaran bahasa hendaklah bermatlamatkan “keupayaan bercakap dalam sesuatu bahasa”, bukan “keupayaan bercakap tentang bahasa itu”. Dengan perkataan lain, yang penting ialah penguasaan pertuturan, bukan penguasaan rumus di balik pertuturan itu. Twaddell (1948:77-78), misalnya, menegaskan bahawa rumus bahasa hanya rumusan atau ringkasan tentang kebiasaan bahasa dan kebiasaan (pertuturan) itulah yang merupakan hakikat bahasa. Slogan ini bertentangan dengan matlamat kajian golongan rasionalis yang bukan sekadar melihat pelaksanaan bahasa bahkan juga keupayaan bahasa yang diwakili oleh wujudnya sehimpunan rumus-rumus yang memungkinkan terbentuknya bentuk-bentuk bahasa yang tidak terbatas jumlahnya.

Slogan keempat membayangkan pendapat golongan strukturalis-empirisis bahawa soal salah betul tidak timbul kerana penutur jati dianggap tidak mungkin melakukan kesalahan. Sebagaimana kata Moulton (1961:89), penutur jati sentiasa betul dan untuk pengajaran bahasa asing ia menyarankan agar pelajar meniru bahasa penutur jati. Dengan demikian gagasan keupayaan bahasa sebagai lawan pelaksanaan bahasa yang dikemukakan oleh Chomsky dianggap tidak wujud. Demikian juga pembahagian adanya bentuk bahasa yang gramatis dan yang tidak gramatis dianggap tidak relevan. Soal ini nyata sekali bertentangan dengan soal pemilihan dan penekanan terhadap ragam bahasa baku sebagai ragam bahasa yang diutamakan dalam pendidikan formal yang diistilahkan *Za'ba bahasa sekolah*.

Slogan yang terakhir tercetus daripada penolakan strukturalis terhadap gagasan kesejagatan bahasa. Golongan strukturalis percaya bahawa setiap bahasa berbeda daripada segi bunyi, binaan, dan maknanya daripada bahasa lain (Bloomfield, 1942). Implikasi yang paling nyata daripada slogan ini ialah bahawa pelajar asing perlu meniru dan mengingat ujaran penutur jati bahasa yang dipelajarinya sehingga terbentuk kebiasaan-kebiasaan baharu yang berlainan daripada kebiasaan-kebiasaan bahasa asalnya. Golongan rasionalis sebaliknya tidak melihat kelainan-kelainan antara bahasa-bahasa sebagai sebab untuk menerima peniruan dan hafalan sebagai asas pemerolehan bahasa asing, kerana mereka percaya akan adanya parameter yang menjadi asas sistem pelbagai bahasa, iaitu tata bahasa sejagat yang kemudian dipindahkan dalam bentuk khusus bagi sesuatu bahasa. Tambahan pula golongan rasionalis lebih melihat bahasa sebagai suatu kreativiti, bukan peniruan dan penghafalan bentuk-bentuk tertentu.

Jika golongan strukturalis-empirisis berpegang pada lima slogan, golongan rasionalis pula mengemukakan lima proposisi dasar, iaitu:

- a. Bahasa yang hidup dicirikan oleh kreativiti berasaskan rumus.
- b. Rumus-rumus data bahasa secara psikologinya merupakan hakikat Bahasa.
- c. Manusia secara istimewa dilengkapi keupayaan mempelajari bahasa.
- d. Bahasa yang hidup ialah bahasa yang dapat menjadi wadah untuk manusia berfikir.

(K.C. Diller, 1978:23)

Tentang proposisi yang pertama, de Saussure (1929), kira-kira 30 tahun sebelum Chomsky, berhujah bahawa orang dewasa yang pintar jarang dapat menguasai suatu bahasa asing tanpa mempelajari prinsip-prinsip asas (secara fungsional) yang mengatur struktur bahasa tersebut dan yang memungkinkan dia membuat generalisasi untuk menghasilkan beribu-ribu bentuk lain. Katanya lagi,

keupayaan mengingat ayat-ayat dalam sesuatu bahasa tidak sama dengan mengetahui bahasa itu. Kecuali untuk tujuan mengungkapkan petikan, tidak ada orang yang melahirkan ayat hanya dengan berdasarkan ayat yang pernah didengarnya daripada orang lain. Mengetahui sesuatu bahasa bererti berupaya menghasilkan “ayat-ayat baharu” dalam sesuatu bahasa. Chomsky (1966) memperkukuh pandangan de Saussure dengan mengatakan bahawa tingkah laku linguistik yang normal bebas daripada faktor rangsangan dan bersifat inovatif.

Berkaitan dengan proposisi kedua, golongan rasionalis menegaskan bahawa setiap kali berbahasa manusia menggunakan rumus-rumus tertentu sebagai suatu proses psikologi. Mereka dengan keras menentang kepercayaan strukturalis-empiris-behavioris bahawa manusia berbahasa kerana telah memperoleh sehimpunan kebiasaan melalui pelaziman. Diller (1978:26-29) beranalogi bahawa pemain catur hanya mampu bermain kerana menguasai aturan permainan tersebut, bukan kerana memiliki kebiasaan. Dalam hal ini, golongan rasionalis menjawab keraguan lawannya yang mempersoalkan keupayaan pengguna bahasa menyatakan rumus-rumus (jika benar ia menggunakan rumus-rumus ketika berbahasa) dengan menjelaskan bahawa pengguna bahasa tahu akan rumus-rumus itu “secara fungsional”, sebagaimana pemain catur menguasai aturan permainan ketika bermain catur. Tegasnya, pengetahuan tentang rumus-rumus bahasa dimiliki oleh pengguna bahasa tanpa semestinya rumus-rumus itu dapat dinyatakannya. Rasionalis menegaskan bahawa “rumus” dan “penyataan rumus” adalah dua hal yang berbeda. Pemilikan rumus bahasa memberikan implikasi bahawa manusia berbahasa dalam kesedaran intelektual, bukan sebagai proses automatis sebagaimana yang berlaku pada haiwan.

Proposisi ketiga golongan rasionalis menyentuh kesediaan manusia untuk mempelajari bahasa berasaskan adanya fakulti yang ternurani dalam akalanya. Hal ini tidak akan dikupas lagi kerana telah dibincangkan lebih awal dalam beberapa bahagian sebelum ini. Sekadar menambah suatu rumusan lagi, proposisi ini menimbulkan implikasi bahawa bahasa ialah suatu unsur yang bersifat dalaman, iaitu sedia ada atau merupakan bahagian dalam diri manusia, bukan sesuatu yang didatangkan dari luar diri melalui proses rangsangan-gerak balas dan proses pelaziman menurut pegangan strukturalis-empiris-behavioris. Maka itu dalam pendidikan bahasa murid tidak boleh dianggap sebagai tempayan kosong, dan cukup hanya dengan dilatih tubi untuk menguasai bahasa.

Akhirnya, proposisi keempat menegaskan pentingnya bahasa yang hidup sebagai wadah untuk manusia berfikir. Bagi golongan rasionalis, penguasaan bahasa bukan kemampuan meniru dan mengingat bentuk-bentuk yang ada dalam sesuatu bahasa, tetapi penggunaan bahasa untuk mengungkapkan dan menanggapi pemikiran. Memang bukan semua proses berfikir menggunakan bahasa, sebagaimana yang dibuktikan oleh Lennerberg (1967) dalam kes seorang budak

lelaki berusia enam tahun yang pekak tetapi memiliki daya taakul dan konsep bukan verbal yang sama dengan kanak-kanak normal yang sebaya dengannya. Namun sebahagian besar pemikiran abstrak manusia dilakukan dengan menggunakan bahasa (Diller, 1978:35), apatah lagi jika konsep bahasa itu tidak disempitkan pada representasi fonetik (atau grafem dalam bentuk bahasa tulisan), kerana ada jenis bahasa dalaman (*innere sprachform*) seperti yang ditegaskan oleh Von Humboldt.

Proposisi terakhir ini berkaitan rapat juga dengan proposisi ketiga tadi, iaitu bahawa rumus bahasa bersifat hakiki secara psikologinya. Maksudnya ialah bahawa penguasaan rumus-rumus bahasa (sebagai suatu proses psikologi) memungkinkan manusia mengubahsuaikan pemilihan sesuatu rumus menurut situasi dan keperluan tertentu, dan proses pengubahsuaian ini membayangkan peranan tata bahasa dan bahasa dalam perkembangan dan perubahan pemikiran. Peranan bahasa yang demikian itu hanya mampu terlaksana apabila bahasa dilihat sebagai suatu proses atau aktiviti akal, bukan proses yang mekanis dan automatis.

Siri kontroversi dalam tradisi linguistik Barat kemudian disusuli oleh kontroversi antara golongan rasionalis dengan golongan fungsionalis. Pemikiran tentang fungsionalisme sebagai reaksi terhadap rasionalisme-generatifisme secara nyata mula berkembang pada akhir tahun 1960-an (Brown, 1987:22) dengan berasaskan upaya untuk menyelami hakikat bahasa yang lebih mendalam. Golongan rasionalis-generatif dianggap oleh golongan fungsionalis baru mencecah aspek bentuk bahasa dan belum sampai di peringkat bahasa yang paling dalam, iaitu aspek makna dalam konteks fungsi bahasa. Linguistik generatif dikatakan tidak berhasil menangani aspek fungsi bahasa dan terbatas pada rumus-rumus yang mengawal bentuk bahasa semata-mata.

Dell Hymes yang merupakan salah seorang pemuka pendekatan ini sepanjang tahun 1960-an menyelidik cara bagaimana ujaran-ujaran dapat ditakrifkan untuk menepati konteks sosial yang khusus. Ia menganalisis komponen-komponen khusus “peristiwa-peristiwa pertuturan” (1967) untuk menunjukkan bagaimana faktor seperti peserta (*participant*), latar (*setting*), babak (*scene*), bentuk mesej, topik, tujuan, dan pemilihan kod saling berinteraksi dalam pelahiran pertuturan. Pendekatan analisis bahasa yang berasaskan etnografi ini kemudian menimbulkan gagasan *keupayaan komunikatif* (*communicative competence*) yang dianggap oleh golongan fungsionalis sebagai jauh lebih penting dan bermakna daripada gagasan *keupayaan linguistik* yang dicetuskan oleh Chomsky (Brumfit, 1994:25). Hal ini demikian, kerana di sisi meliputi keupayaan formal tentang bentuk bahasa, keupayaan komunikatif menjangkau pengetahuan tentang rumus-rumus penggunaan bahasa, yang tanpanya rumus-rumus tata bahasa dianggap tidak ada gunanya sama sekali (Hymes, 1971:15).

Seorang lagi tokoh yang sentiasa dikaitkan dengan fungsionalisme ialah M.A.K. Halliday. Di samping menolak dikotomi keupayaan berbahasa dan pelaksanaan bahasa yang digagaskan oleh Chomsky, Halliday berpendapat bahawa isu pokok dalam kajian bahasa perlu tertumpu pada situasi-situasi penggunaan bahasa (Halliday, 1970:145) yang dengan perkataan lain merujuk kepada fungsi bahasa dalam penggunaan. Pada hemat golongan fungsionalis, hakikat bahasa yang sesungguhnya tidak lain daripada fungsi komunikatifnya, dengan segala variabilitinya (Brown, 1987:24). Bahasa tidak boleh dianggap sebagai hanya suatu sistem unsur-unsur formal yang bebas daripada fungsi-fungsi khususnya. Halliday (1973) menggariskan tujuh fungsi bahasa yang berlainan dalam memenuhi keperluan hidup manusia, iaitu:

- a. fungsi instrumental yang digunakan untuk memanipulasi persekitaran bagi menyebabkan peristiwa-peristiwa berlaku. Ayat seperti *"Mahkamah mendapati kamu bersalah"*, *"Di atas garisan, sedia, mula!"*, atau *"Jangan sentuh dapur itu"*, dikatakan berfungsi instrumental. Ayat-ayat itu merupakan lakuan komunikatif yang menyatakan sesuatu keadaan tertentu.
- b. fungsi pengaturan (*regulatory function*) yang merupakan kawalan peristiwa, boleh jadi dalam bentuk pengesahan, penolakan, kawalan tingkah laku, atau pernyataan aturan dan undang-undang. Jika ayat *"Saya dapati kamu bersalah dan kamu dijatuhi hukuman penjara tiga tahun"* termasuk dalam fungsi instrumental, maka ayat *"Oleh sebab berkelakuan baik, kamu akan dibebaskan sesudah menjalani hukuman penjara sepuluh bulan"* tergolong dalam fungsi pengaturan.
- c. fungsi perwakilan (*representational function*) yang merupakan pernyataan fakta dan maklumat yang mewakili sesuatu hakikat atau realiti, seperti *"Bumi bulat"* dan *"Perdana Menteri berucap dalam majlis itu"*.
- d. fungsi interaksi (*interactional function*) yang berperanan memastikan pengekalan masyarakat. Fungsi ini terlaksana jika pengguna bahasa menguasai pengetahuan tentang slanga, jargon, jenaka, cerita rakyat, kesantunan, dan unsur-unsur sosial lain dalam bahasa masyarakatnya atau dalam bahasa yang digunakannya.
- e. fungsi persendirian (*personal function*) yang memungkinkan seseorang melahirkan perasaan dan reaksi.
- f. fungsi heuristik yang berkaitan dengan penggunaan bahasa untuk pemerolehan ilmu, khususnya yang melibatkan jenis ayat tanya.
- g. fungsi imaginatif yang memungkinkan bahasa digunakan untuk seseorang menghasilkan puisi, cereka, jenaka, ramalan, dan sebagainya.

Sebagai kesimpulannya, golongan fungsionalis menolak pendekatan melihat bahasa hanya sebagai sistem yang membayangkan keupayaan bahasa penutur unggul sesuatu bahasa penutur unggul sesuatu bahasa yang menjadi tumpuan perhatian golongan rasionalis, dan sebaliknya menekankan aspek makna dan fungsi bahasa dalam penggunaan menurut situasi dan konteks.

Siri kontroversi yang mewarnai pemikiran Barat tentang bahasa dan pendidikan bahasa itu secara langsung memberikan implikasi kepada munculnya strategi, kaedah, dan teknik pengajaran bahasa. Kaitan antara pendekatan melihat bahasa (teori bahasa) dengan kaedah dan teknik pengajaran bahasa dapat digambarkan dalam Jadual 5.1 yang berikut:

Pendekatan	Kaedah	Teknik
Tradisional	Tatabahasa – Deduktif	Terjemahan, Penerangan rumus (Penekanan kepada bahasa tulisan)
Struktural Empirisis	Kaedah langsung Dengar ajuk Kaedah askar Kaedah fonik Induktif	Latih tubi (Penekanan kepada bahasa lisan)
Genaratif	Kod kognitif	Kreativiti daripada rumus
Rasionalis		
Fungsionalis	Komunikatif	Main peranan, simulasi, sumbang saran, penyelesaian masalah

JADUAL 5.1 Pertalian antara Pendekatan dengan Kaedah dan Teknik Pengajaran

Golongan fungsionalis sebenarnya bukan sahaja menolak pendekatan rasionalis, bahkan turut menolak pendekatan strukturalis-empirisis dan tradisionalis. Kesemua pendekatan tersebut, bersama-sama dengan kaedah dan teknik pengajarannya dilabelkan sebagai “model pengajaran kemahiran” (*the skill learning model*) yang dianggap terhad, tidak memenuhi matlamat pengajaran bahasa yang sesungguhnya, dan tidak alamiah. Sebagai alternatif, golongan tersebut mengemukakan “model pengajaran alamiah” (*the natural learning model*) yang memasukkan pengajaran bahasa dalam dunia komunikasi yang realistik (Littlewood, 1985:3-5).

Sebagai suatu anjakan paradigma daripada sukatan pelajaran yang berkerangkakan kandungan sistem bahasa, sebagaimana yang digarap oleh golongan-golongan yang terdahulu, golongan fungsionalis mengemukakan sukatan pelajaran bahasa yang berkerangkakan sistem sosial. Dengan berdasarkan tujuh fungsi bahasa yang digariskan oleh Halliday, Van Ek dan Alexandar (1975, dalam Brown, 1987:204) menyenaraikan 70 fungsi bahasa yang perlu diajarkan, antaranya termasuklah:

1. Ucapan, perpisahan, undangan, penerimaan
2. Penghargaan, tahniah, pujian, pujukan, menarik perhatian, bangga
3. Mencelah
4. Menanya, meminta
5. Menghindari, berbohong, memindahkan bidasan, menukar subjek
6. Mengkritik, menegur, memperkecil-kecilkan, menghina, mengancam, memberikan amaran
7. Mengadu
8. Mendakwa, menafikan
9. Setuju, tidak setuju, berhujah
10. Memujuk, mendesak, menyarankan, mengingatkan, menegaskan, menasihati
11. Melaporkan, menilai, mengulas
12. Mengarahkan, memerintahkan, meminta
13. Menyoal, menyiasat
14. Menyatakan simpati
15. Mohon maaf, memberikan alasan

Sebagai rumusan, epistemologi Barat telah menyebabkan berlakunya kontroversi yang berpanjangan dan berterusan tentang hakikat bahasa, kaedah penelitian dan pengajaran bahasa serta matlamat kajian dan pendidikan bahasa. Empat ciri disiplin ilmu yang bersumberkan epistemologi Barat sebagaimana yang telah dikemukakan pada bahagian awal kertas kerja ini ternyata telah benar-benar mewarnai disiplin linguistik sedunia, termasuk linguistik Melayu. Yang pertama ialah kecenderungan berkonflik hanya disebabkan kelainan teori; kedua, kecenderungan menghargai teori yang lahir terkemudian dari teori sebelumnya; ketiga, pengasingan konsep atau fahaman tertentu seperti keterikatan kepada sumber ilmu yang tertentu sahaja; keempat, kehilangan matlamat yang hakiki dalam melaksanakan kerja-kerja ilmiah tentang bahasa.

Disiplin Linguistik Bersandarkan Epistemologi Islam

Sudah sampai waktunya bahawa disiplin-disiplin ilmu di alam Melayu, termasuk linguistik, ditanggap dan diberi orientasi yang lebih cocok dengan keperibadian kita. Bahasa Melayu di alam Melayu berhak dihuraikan dengan berdasarkan pandangan sarwa yang telah ratusan tahun membentuk falsafah dan pemikiran, bahkan budaya umat di rantau ini, iaitu pandangan sarwa yang dicetuskan oleh agama Islam. Islam telah memberikan rupa dan jiwa baharu tamadun Melayu dan telah membentuk bahasa Melayu baharu yang kita warisi hingga kini (al-Attas, 1972), selewat-lewatnya sejak abad ke-13, daripada bahasa yang sebelumnya begitu asing bentuk dan citranya dalam zaman kuno.

Dengan gagasan ini, tidak sama sekali dimaksudkan bahawa segala yang datang dari Barat perlu dihindari atau diperangi. Teori, kaedah dan dapatan yang bermanfaat dan tidak pula bertentangan dengan pandangan sarwa kita tentu sahaja perlu diterima dan dikembangkan, sebagaimana para saintis menerima temuan saintis Barat dalam hal ehwal yang berkaitan dengan fakta alam, seperti hakikat cakerawala, lapisan bumi dan perihal segala hidupan di dunia. Maka demikianlah juga kita harus menerima wujudnya subdisiplin linguistik seperti dialektologi, linguistik sejarah, tatabahasa, semantik, sosiolinguistik, psikolinguistik dan yang lain-lain lagi kerana kesemuanya itu dapat membantu kita meneroka kekayaan bahasa sebagai unsur penting pada manusia sebagai makhluk istimewa ciptaan Tuhan. Demikian juga kita tidak perlu menolak teori linguistik Barat yang telah memberi kita jalur pemikiran dan kaedah penelitian yang sistematik, baik dalam subbidang linguistik mana pun.

Yang ditekankan dalam pembicaraan ini ialah keperluan kita mengolah huraian bahasa dalam pelbagai subdisiplin linguistik itu menurut kerangka epistemologi Islam. Sebagai contoh, kita tidak perlu terperangkap oleh epistemologi Barat yang menyebabkan timbulnya kontroversi yang melampau dalam mempertentangkan teori-teori yang ada sedangkan ada aspek-aspek tertentu dalam setiap teori itu yang dapat dipadukan untuk manfaat kehidupan manusia. Tuhan justeru menciptakan pelbagai bangsa manusia dengan pelbagai bahasa untuk tujuan saling mengenal (al-Hujurat, 13). Demikian juga, tidak seharusnya kita mengikat sikap kita demikian ketatnya dalam menentukan sumber ilmu yang dalam tradisi Barat tergambar dalam bentuk dikotomi yang cukup terasing dan terpisah tanpa kompromi, iaitu sama ada rasionalisme atau empirisme. Maka itu, gagasan yang amat relevan dalam rangka memenuhi judul pembicaraan ini ialah keperluan kita mengetengahkan linguistik menurut perspektif Islam setelah sekian lama kita bermaklum kepada linguistik Barat, setidak-tidaknya sebagai suatu alternatif. Gagasan itu berkaitan erat dengan gagasan pengislaman ilmu yang melibatkan upaya meletakkan segala ilmu, termasuk linguistik dalam orientasi, objektif, dan fokus yang berasaskan tasawwur atau pandangan sarwa Islam.

Istilah *linguistik Islam* dalam konteks ini tidak harus dilihat sebagai suatu usaha mewujudkan konflik baru dalam linguistik, iaitu antara linguistik Barat dengan linguistik Islam. Penggunaan istilah *linguistik Islam* tidak harus dicarikan antonimnya seperti linguistik bukan Islam, linguistik sekular, linguistik Kristian, apatah lagi linguistik kafir. Penggunaan istilah linguistik Islam dalam pembicaraan ini tidak lain daripada usaha membina suatu kerangka falsafah dan pemikiran yang menayangkan ilmu bahasa atau linguistik yang mendukung epistemologi Islam, sesuai dengan gagasan pengislaman ilmu itu. Sekali lagi, tidak harus timbul salah faham bahawa dengan mengutarakan gagasan linguistik yang berteraskan epistemologi Islam kita perlu menyirnakkan konsep-konsep

sejagat tentang bahasa yang selama ini dihuraikan dalam tradisi linguistik Barat, baik tentang unit-unit bahasa seperti fonem, morfem, kata, frasa, klausa, ayat dan wacana mahupun tentang pelbagai konsep seperti dialek, laras, gaya dan sebagainya.

Keperluan terhadap gagasan linguistik Islam lebih-lebih lagi nyata dengan meluas dan mendalamnya pengaruh sekularisme yang disemaikan oleh kebudayaan Barat melalui semua disiplin ilmu, hatta ilmu-ilmu yang berkaitan dengan agama. Linguistik Barat, sebagaimana disiplin-disiplin ilmu yang lain telah terperangkap dalam sekularisme sebagai kesan pembebasan ilmu daripada kewibawaan gereja sejak Zaman Kebangkitan (*Renaissance*), baik dengan berlandaskan rasionalisme mahupun empirisme. Sehingga demikian, linguistik dikaji sebagai disiplin yang bebas daripada pertaliannya dengan aspek keagamaan, dan penelitian terhadap bahasa tidak dihubungkan dengan matalamat mempelajari “tanda-tanda” kebesaran Pencipta alam sarwajagat sebagaimana yang diisyaratkan dalam al-Qur’an (Surah Fussilat, ayat 53). Demikian juga, konsep-konsep dasar yang berkaitan dengan hakikat bahasa tidak diasaskan pada rujukan agama atau sumber naqli, melainkan diasaskan pada spekulasi atau dapatan daripada kajian deskriptif.

Mohammad Akram A.M. Sa’Adeddin (1995:371) memberikan takrif yang tegas tentang linguistik Islam, iaitu “Kajian saintifik bahasa atau bahasa-bahasa Islam dan bakal bahasa atau bakal bahasa-bahasa Islam (*‘the scientific study of Islamic and would be Islamic language[s]’*)”. Ia menegaskan bahawa takrif ini sama sekali berlainan daripada takrif linguistik sebagai kajian saintifik tentang bahasa yang dikemukakan oleh John Lyons (1964) dalam syarahan perdana penerimaan gelar profesor linguistik umum yang berbunyi “kajian saintifik bahasa bermakna penyelidikan yang dibuat berasaskan pemerhatian secara empiris dan dengan merujuk kepada teori struktur bahasa yang umum” (Lyons, 1995:248). Katanya lagi, berbeda daripada linguistik teoritis - deskriptif Barat, linguistik Islam mencakup aspek deskriptif dan preskriptif sekaligus. Linguistik Islam memberikan perhatian kepada aspek deskriptif kajian bahasa untuk memperoleh maklumat tentang ciri-ciri bahasa Islam, sementara aspek preskriptif diberi perhatian untuk menentukan strategi dan alat bagi penghasilan wacana Islam yang padu dan koheren.

Dengan kata-kata lain, sementara linguistik teoritis Barat menumpukan perhatian pada aras-aras konvensional dalam analisis linguistik, iaitu fonologi, morfologi, sintaksis, dan semantik, linguistik Islam berfokus pada akulturasi Islam, dengan memindahkan pusat perhatian daripada representasi permukaan bahasa kepada asas ilmu dalaman masyarakat Islam yang membayangkan pengalaman budaya mereka hingga ke peringkat pengungkapannya (Sa’Adeddin, 1995: 372). Sementara dapat bersetuju dengan takrif Sa’Adeddin daripada segi

semangatnya, pengkaji berpendapat bahawa linguistik Islam tetap dapat diterapkan untuk penelitian bahasa-bahasa manapun, tidak terhad pada “bahasa-bahasa Islam” sahaja. Hal ini demikian, kerana yang lebih utama dalam linguistik Islam ialah asas falsafahnya, iaitu bagaimana kita melihat dan menanggapi bahasa itu. Korpus linguistik Islam haruslah bersifat sejagat, sesuai dengan hakikat kepelbagaian bahasa sebagai suatu sunatullah, sebagaimana yang diisyaratkan dalam al-Qur’an (Surah al-Hujurat, ayat 13). Dengan demikian pengkaji mengemukakan suatu takrif lain tentang linguistik Islam yang berbunyi “suatu kajian saintifik tentang bahasa berdasarkan tasawwur atau pandangan hidup Islam”.

Hal pokok yang secara langsung berkaitan dengan linguistik Islam ialah hakikat bahasa itu sendiri. Pada hemat pengkaji, persoalan hakikat bahasa merupakan isu dasar dalam perbincangan tentang falsafah bahasa dan pendidikan bahasa. Tanpa pemahaman yang jelas tentang hakikat bahasa, pendidikan bahasa tidak mungkin dapat berlangsung di atas landasan yang tepat. Strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa yang berkesan tidak akan berhasil mencapai matalamat pendidikan bahasa.

Persoalan hakikat bahasa, sebagaimana yang telah dipaparkan dalam bahagian yang lebih awal, telah dibincangkan sejak bermulanya tradisi ilmiah. Bahkan persoalan tersebut menjadi salah satu inti sari kajian falsafah sejak awal pertumbuhannya beberapa abad sebelum Masihi di kalangan ahli-ahli falsafah Yunani. Namun demikian falsafah dan linguistik Barat hingga kini belum dapat menampilkan penjelasan yang memuaskan tentang hakikat bahasa dan terus-menerus dengan pencarian yang tidak berhujung. Oleh sebab itu penting sekali diusahakan perumusan hakikat bahasa menurut perspektif Islam dengan berasaskan sumber-sumber ilmu yang diiktiraf sah dalam tradisi ilmiah Islam. Dalam konteks ini, sumber ilmu yang paling autentik ialah al-Quran yang merupakan kalam Allah dan wahyu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w untuk dijadikan pedoman oleh sekalian manusia. Firman Allah:

“Alif Lam Mim. Kitab al-Quran ini tidak ada sebarang syak padanya, maka itu menjadi petunjuk bagi orang yang bertakwa.”

(Surah al-Baqarah, ayat 2)

Linguistik Barat moden, baik yang berasaskan empirisisme mahupun yang berasaskan rasionalisme melihat bahasa sebagaimana adanya dan tidak menghubungkannya dengan gagasan sunatullah atau ketentuan Allah. Dengan perkataan lain, bahasa tidak dilihat sebagai salah satu tanda kebesaran dan kekuasaan Allah yang ada pada diri manusia, sebagaimana yang dinukilkan dalam al-Qur’an (Surah Fussilat, ayat 53). Lebih-lebih dalam linguistik empiris, bahasa malahan dilihat daripada sudutnya yang zahir semata-mata, iaitu yang

disebut sebagai bentuk yang tampak, yang dapat dikaji dan dianalisis binaannya daripada unsur yang terkecil kepada unsur yang terbesar (daripada fonem kepada ayat). Bentuk zahir bahasa itu pula dihadkan pada pertuturan sehingga bahasa pada tanggapan mereka tidaklah lain daripada pertuturan. Persoalan makna dan persoalan bagaimana bahasa beroperasi dalam akal dianggap persoalan bukan linguistik. Otak atau akal dianggap sebagai kotak gelap yang tidak dapat dikaji. Oleh sebab itu, pada umumnya takrif bahasa yang dikemukakan oleh ahli-ahli linguistik Barat, sebagaimana yang dirumuskan dalam pelbagai kamus linguistik tertumpu pada bahasa sebagai “lambang bunyi-bunyi yang sewenang-wenang”, seolah-olah bahasa itu hanya bunyi-bunyi atau pertuturan. Chomsky sendiri yang melihat bahasa sebagai suatu proses mental apabila menakrifkan bahasa tetap melihat bahasa pada tahap permukaannya, iaitu sebagai sesuatu yang dapat diperhatikan (*observable*). Katanya, bahasa ialah suatu himpunan ayat (terhad dan tidak terhad) yang terhad panjangnya dan tersusun dengan menggunakan sehimpunan unsur yang terhad (Chomsky, 1957:13).

Linguistik Barat yang berasaskan rasionalisme pula walaupun ternyata lebih luas perspektifnya tentang bahasa masih belum menyentuh hubungan bahasa dengan “konsep diri”. Chomsky, misalnya, telah mengemukakan gagasan yang menarik dan rasional tentang bahasa sebagai suatu aspek mental. Ia telah sampai di pertengahan jalan tentang hakikat bahasa apabila ia mengemukakan teori kenuranaan bahasa. Namun Chomsky tidak pernah memperkatakan *innate* bahasa manusia sebagai suatu kurniaan Tuhan. Ahli-ahli linguistik mentalis sering mengungkapkan frasa “secara semula jadi” bagi sifat kenuranaan bahasa. Sikap demikian tidak lain daripada pandangan sekularis yang tidak melihat objek kajian ilmiah sebagai sesuatu yang berkaitan dengan agama, tuhan, dan persoalan keruhanian. Asas sekularisme dalam tanggapan ilmiah Barat ini memang telah terasas sejak awal pertumbuhan falsafah mereka. Ahli-ahli falsafah Milesian sebagai pelopor falsafah Barat beberapa abad sebelum Masihi bertolak daripada andaian bahawa segala peristiwa alamiah perlu dibincangkan dalam hubungannya dengan kuasa-kuasa alamiah, bukan dengan tindakan tuhan atau campur tangan kuasa yang tidak alamiah. Anggapan dasar mereka ialah bahawa alam bersifat alamiah (*the nature is natural*).

Linguistik Islam mengkaji hakikat bahasa sebagai suatu fakulti ternurani (*innate faculty*) yang menjadi ciri umum dan sejagat bagi semua manusia, tidak kira apa masyarakatnya, bangsanya, maju atau mundur, dan di bahagian dunia mana manusia itu tinggal. Al-Qur’an sebagai sumber induk ilmu mengungkapkan firman Allah tentang kurniaan bahasa kepada manusia (dengan terjemahannya) sebagai yang berikut:


“Tuhan yang Maha pemurah yang mengajarkan Qur’an. Dia menciptakan manusia, mengajarnya pandai berbahasa.”

(Surah al-Rahman, ayat 1-4)

Jelas daripada ayat-ayat itu bahawa Allah menciptakan manusia dengan mengurniainya fakulti bahasa. Dengan perkataan lain, fakulti bahasa yang disebut juga potensi berbahasa ini telah sedia ada pada setiap manusia apabila lahir ke dunia. Menurut Chomsky, alat atau organ bahasa ini telah tumbuh pada peringkat embrio (Lee, 1995). Fakulti atau potensi ini, atau yang dinamai Chomsky sebagai *language acquisition device* (LAD) inilah yang memungkinkan manusia memperoleh bahasa daripada pengalaman dan pendidikan, bermula dalam agen sosialisasi yang awal, iaitu keluarga dan kemudian melalui agen-agen sosialisasi yang lain, iaitu rakan sebaya, institusi sekolah, dan masyarakat umum. LAD ini menurut Chomsky dilengkapi Tata Bahasa Sejagat yang memberikan cara membunyikan kata, menjalin kata-kata menjadi ayat, dan memperoleh makna daripada kata-kata, yang dalam istilah linguistik dikenal sebagai fonetik, sintaksis, dan semantik.

Fakulti ternurani atau potensi bahasa ini bukanlah mana-mana bahasa yang tertentu, melainkan suatu keupayaan untuk mempelajari bahasa. Tidak pula dimaksudkan bahawa dengan manusia telah sedia memiliki potensi berbahasa itu bererti bahawa setiap bayi yang lahir telah dilengkapi kosa kata, tata bahasa, sistem sebutan, sistem ejaan, dan laras bahasa. Sistem bahasa yang tersebut itu diperoleh kemudian dalam pengalaman hidup bermasyarakat dalam bahasa tertentu. Oleh itu, tidak kira dalam bahasa apa pun seseorang dilahirkan, manusia yang normal akan mampu menguasai bahasa itu. Anak Inggeris akan mampu menguasai bahasa Inggeris. Anak Arab akan mampu menguasai bahasa Arab. Demikianlah juga, anak Melayu akan mampu menguasai bahasa Melayu.

Yang memungkinkan si anak itu mampu menguasai bahasa masyarakatnya ialah fakulti ternurani atau potensi berbahasa yang telah disediakan oleh Allah sewaktu manusia diciptakan. Menurut uraian Chomsky (1981), LAD atau Tatabahasa Sejagat terletak dalam otak (akal) manusia dan bersifat lentur sehingga dapat disesuaikan dengan sifat-sifat khusus bahasa tertentu. Kelenturan Tatabahasa Sejagat inilah yang memungkinkan mana-mana bahasa dipelajari dan dikuasai oleh bukan penutur jati bahasa itu. Lee (1995) dalam menjelaskan uraian Chomsky itu menampilkan rajah kelenturan Tatabahasa Sejagat yang dapat disesuaikan untuk mana-mana bahasa manusia, sebagai yang berikut:



RAJAH 5.1 Tatabahasa Sejagat dalam Bahasa Manusia
(Sumber: Lee, Bock-mi, 1995)

Haiwan, oleh sebab tidak dikurniai fakulti tersebut, tidak akan mampu menguasai bahasa sekalipun haiwan itu lahir dan dibesarkan dalam satu keluarga manusia. Kucing yang lahir di rumah satu keluarga Inggeris dan seterusnya dipelihara oleh keluarga itu tidak akan mampu berbahasa Inggeris kerana tidak memiliki fakulti berbahasa atau alat pemerolehan bahasa (APB/LAD) sebagaimana yang dimiliki manusia.

Hakikat bahawa Allah hanya memberikan potensi berbahasa dan bukan sesuatu bahasa tertentu dijelaskan-Nya dalam firman yang terjemahannya berbunyi:

“Wahai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu daripada seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling mengenal”
(Surah al-Hujurat, ayat 13)

Ayat di atas menjelaskan bahawa Allah sengaja menciptakan manusia berbangsa-bangsa dan bersuku-suku, dengan pengertian wujudnya juga pelbagai bahasa dan dialek bagi manusia. Ayat tadi dengan sendirinya juga menolak dakwaan bangsa tertentu tentang wujudnya gagasan bahasa agung, iaitu sebagaimana orang Yunani mengisytiharkan bahasa mereka sebagai bahasa tertinggi berbanding dengan bahasa-bahasa lain atau bangsa Yahudi meletakkan bahasa mereka sebagai bahasa Tuhan dan bahasa syurga (Sayyid Muhammad

Syeed, 1989: 545). Hal ini tentu berbeda pula daripada hakikat bahasa Arab yang diberi taraf yang istimewa oleh Allah sebagaimana yang disebut dalam al-Qur'an (Lihat, misalnya surah al-Zumar, ayat 28 dan surah al-Fussilat, ayat 1-2). Dan kelebihan bahasa Arab itu tidak pula sampai menafikan peranan unggul setiap bahasa yang lain, kerana Allah berfirman juga (terjemahannya):

“Dan Kami tidak mengutus seorang rasul, melainkan dengan bahasa kaumnya supaya ia dapat memberikan penjelasan dengan terang kepada mereka....”

(Surah Ibrahim, ayat 4)

Maksudnya, Allah tetap mengiktiraf mana-mana bahasa pun termasuk bahasa rasul-rasul sebelum Nabi Muhammad s.a.w. Tambahan pula, sesuai dengan ayat 53 surah Fussilat yang telah dibincangkan sebelum ini, wujudnya kepelbagaian bahasa manusia adalah tanda kebesaran dan kekuasaan Allah, sebagaimana yang disebut dalam al-Qur'an (terjemahannya):

“Dan antara tanda-tanda kekuasaannya termasuklah menciptakan langit dan bumi dan berlain-lainan bahasamu dan warna kulitmu. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang tahu.”

(Surah al-Rum, ayat 22)

Menurut huraian Sayyid Muhammad Syeed (1989), al-Qur'an bukan sahaja mengiktiraf wujudnya kepelbagaian bahasa manusia sebagai manifestasi kebesaran dan kekuasaan Allah, malahan al-Qur'an menyajikan kemungkinan untuk manusia melakukan penelitian dan pemahaman terhadap kepelbagaian itu.

Pengurniaan fakulti ternurani atau potensi bahasa kepada manusia oleh Allah s.w.t. berkaitan rapat dengan pembinaan konsep *diri* manusia dan *pengilmuan* manusia. Al-Attas dalam beberapa banyak tulisan dan syarahannya yang sebahagiannya terangkum dalam kumpulan tulisan beliau tentang metafizik Islam (1995) menjelaskan bahawa bahasa menjadi faktor yang menimbulkan identiti bagi manusia. Dengan perkataan lain, bahasa menjadi asas penting dalam pembinaan konsep *diri* manusia. Kata al-Attas (1995:121-122), kita menakrifkan manusia sebagai “haiwan rasional”, dengan istilah *rasional* itu merujuk kepada istilah *natiq*, iaitu suatu fakulti ternurani (*innate faculty*) yang berkaitan dengan ilmu, fakulti yang memahami makna alam semesta dan yang merumuskan makna segala sesuatu. Perumusan makna yang melibatkan pertimbangan, pembedaan, dan penjelasan inilah yang menjadi asas kerationalan manusia.

Istilah rasional (*natiq*) dan proposisi “memiliki kuasa untuk merumuskan makna” (*dhu nutq*), kata al-Attas lagi, terbit daripada akar kata yang sama yang

menimbulkan makna asas ‘pertuturan’. Dengan demikian kedua-dua istilah itu membayangkan suatu kuasa dan keupayaan ternurani pada manusia untuk mengungkapkan kata-kata atau bentuk-bentuk pelambangan dalam pola-pola yang bermakna. Daripada akar kata yang sama (*nutq*), terbit kata nama untuk ilmu wacana yang dikenal sebagai *al-mantiq* atau logika, iaitu ilmu yang menggarap soal pembentukan hujah, perumusan kaedah-kaedah perdebatan, penemuan kepalsuan, teori pengelasan dan penakrifan, fikiran asas tentang silogisme, pengkonsepsian bukti dan demonstrasi, dan kerangka umum kaedah intelektual dalam pencarian kebenaran.

Dengan istilah *haiwan rasional*, manusia dapat juga dikatakan “haiwan berbahasa” (*al-hayawan al-natiq*), dan kemampuan manusia melahirkan lambang-lambang linguistik dalam pola-pola yang bermakna (seperti kata, frasa, klausa, dan ayat) dimungkinkan oleh adanya suatu hakikat dalaman yang tidak dapat dilihat, yang dikenal sebagai intelek (*al-‘aql*). Istilah ‘*aql*’ atau akal itu pada asasnya bererti ‘suatu bentuk ikatan’ yang menunjukkan hakikatnya sebagai suatu satuan yang aktif dan sadar, yang mengikat dan menampung objek-objek ilmu melalui bentuk-bentuk pelambangan (kata-kata). Hakikat akal ini merujuk kepada hakikat yang sama bagi kalbu, ruh, dan diri. Akal atau intelek ini merupakan substansi abstrak yang menjadi alat bagi ruh rasional mengenal kebenaran dan membedakan kebenaran daripada kepalsuan. Akal, dengan demikian, menurut al-Attas, merupakan hakikat yang mendasari takrif *diri* manusia. Bahasa yang menyatu dalam konsep akal atau intelek itu, dengan demikian, merupakan bahagian yang penting dalam pembinaan *diri* manusia dan sekaligus menjadi asas pengilmuan diri manusia.

Pengurniaan potensi bahasa yang berkaitan rapat dengan pengilmuan diri manusia telah berlaku di alam arwah, iaitu sebelum ruh ditiupkan ke jasad manusia. Prof al-Attas, (1995:174) dengan memetik uraian al-Junayd, al-Kalabadhi dan lain-lain, menggambarkan bagaimana diri manusia ketika masih di alam arwah telah berkomunikasi dengan Allah berkenaan dengan asas ilmu tauhid. Ayat al-Qur’an yang menggambarkan hal tersebut berbunyi (terjemahannya):

“Dan ingatlah, ketika Tuhanmu mengeluarkan keturunan anak-anak Adam dari sulbi mereka dan Allah mengambil kesaksian terhadap jiwa mereka seraya berfirman: ‘Bukankah Aku ini Tuhanmu?’ mereka menjawab: ‘Benar Engkau Tuhan kami, kami menjadi saksi’. Kami lakukan yang demikian itu agar pada hari kiamat kamu tidak mengatakan: “Sesungguhnya kami (bani Adam) adalah orang yang alpa tentang keesaan Tuhan.”

(Surah al-A’raf, ayat 172)

Terang daripada ayat itu bahawa manusia telah memiliki potensi untuk berbahasa sebelum lahir ke dunia, walaupun komunikasi mereka dengan Allah itu tentu bukan dalam bentuk bahasa khusus yang ada di dunia kerana komunikasi itu berlaku di alam roh. Selain itu, pengurniaan potensi bahasa itu turut membayangkan proses pengilmuan yang berlaku, iaitu bagaimana manusia menerima ilmu asas tauhid yang berkaitan dengan pengesaan Allah. Maksudnya, sejak di alam arwah lagi diri manusia telah memiliki ilmu ketuhanan - ia kenal akan Allah sebagai Pencipta, ia tahu akan dirinya sebagai ciptaan Allah, dan ia memiliki ilmu untuk memahami sesuatu. Pentingnya asas tauhid sebagai ilmu terawal yang dimiliki manusia ini dapat dihubungkan dengan hadith yang bermaksud “Awal-awal agama ialah mengenal Allah” dan kata hikmat sufi Islam “Barangsiapa mengenal dirinya, maka ia mengenal Tuhannya”, malah dapat dikaitkan juga dengan soalan pertama malaikat Munkar dan Nakir di alam barzakh, iaitu “Siapakah Tuhanmu?” Selanjutnya hal ini berkaitan juga dengan hadith nabi yang menyebut bahawa sesiapa yang pada akhir hayatnya dapat mengungkapkan kalimah syahadah akan menjadi ahli syurga. Demikianlah bagaimana eratnya pertalian antara pengurniaan bahasa kepada manusia dengan pembinaan konsep *diri* manusia dan proses pengilmuan diri itu.

Ayat lain dalam al-Qur'an yang menunjukkan pertalian kemampuan berbahasa yang dianugerahkan Allah dengan proses pengilmuan manusia terdapat dalam surah al-Baqarah, ayat 31, yang terjemahannya berbunyi:

“Dan Allah telah mengajar Adam tentang nama (hakikat) segala kejadian....”

Penganugerahan ilmu tentang nama segala kejadian di alam semesta ini kepada Nabi Adam oleh Allah s.w.t bukan sekadar pengenalan tentang nama sesuatu, bahkan turut meliputi sifat-sifat, kegunaan, dan maklumat-maklumat lain yang berkaitan dengan kejadian atau ciptaan itu. Ayat ini turut memberikan pengertian bahawa keturunan Adam, iaitu manusia dikurniai Allah ilmu bahasa atau ilmu pengenalan yang berkaitan pula dengan penguasaan ilmu dalam cabang-cabang yang lain. Demikianlah rapatnya penguasaan ilmu bahasa dengan penguasaan ilmu-ilmu lain, yang dalam konteks kajian ini diterjemahkan melalui gagasan pendidikan bersepadu, termasuk kesepaduan antara penguasaan bahasa dengan penguasaan ilmu-ilmu lain, dan pendekatan bersepadu dalam pendidikan bahasa.

Dengan mengambil epistemologi Islam sebagai dasar huraian, maka disiplin linguistik memperoleh citra dan dimensi yang lebih jelas daripada sudut:

1. hakikatnya sebagai disiplin yang mengkaji bahasa sebagai tanda kebesaran Pencipta alam dan segala isinya, termasuk manusia dan bahasa, dengan pengertian bahawa semakin mendalam penelitian atau

- kajian seseorang tentang pelbagai aspek bahasa, semakin tinggi tahap imannya;
2. hakikatnya sebagai disiplin yang tidak seratus peratus autonom atau bebas berasaskan akal dan diteliti hanya sebagai kegiatan atau latihan ilmiah dalam rangka melaksanakan kerjaya semata-mata, kerana bahasa sebahagiannya bersangkutan dengan ketentuan naqli dan berkaitan dengan matlamat membina adab manusia.
 3. hakikatnya sebagai disiplin yang mengkaji bahasa sebagai unsur penting kurniaan Tuhan kepada manusia sebagai makhluk teristimewa, dalam (a) pembentukan konsep “diri” manusia, (b) sebagai alat pengilmuan manusia (individu dan masyarakat (melalui proses pemerolehan dan pengembangan ilmu), (c) sebagai wahana penyaluran dan pewarisan sistem nilai, falsafah, pandangan sarwa dan seluruh aspek kebudayaan masyarakat;
 4. hakikat bahawa setiap bangsa dikurniai bahasanya masing-masing (juga dengan pengertian wujudnya pelbagai dialek daerah dan dialek sosial dalam pelbagai kelompok sesuatu masyarakat), yang menyedarkan kita betapa tidak benarnya mitos bahawa kemajuan sesuatu bangsa bergantung pada sesuatu bahasa tertentu yang dianggap bahasa unggul dunia.
 5. luwesnya pendekatan dalam penelitian bahasa, yang tidak bergantung semata-mata pada kaedah empiris yang bersandarkan pancaindera semata-mata untuk memenuhi syarat “dapat diperhatikan dan dapat diuji” (*observable and testable*), kerana pada hakikatnya ada unsur bahasa yang memerlukan dapatan deskriptif dan ada pula yang qat’i. Contohnya, penakrifan kata-kata dan istilah-istilah yang bersumberkan ilmu wahyu, seperti konsep *ilmu, adil, benar, sah, batil, zalim, hukum, wahyu, ilham, bahagia, aurat* dan ribuan lagi tidak sewajarnya ditangani dengan berdasarkan kaedah deskriptif yang memerlukan pengiraan kadar kekerapan penggunaan yang tinggi dalam masyarakat kerana semua konsep itu telah ditetapkan dalam syariat. Demikian juga, peranan intuisi dalam penggunaan bahasa tidak dapat ditolak sebagai sumber data yang tidak sah atau tidak bernilai ilmiah kerana sebahagian data penggunaan bahasa anggota masyarakat tetap lahir daripada intuisi, perasaan dan bahkan khayalan juga.
 6. tugas dan tanggungjawab ahli bahasa bukan sekadar merakam penggunaan bahasa oleh masyarakat, atas alasan untuk bersikap objektif, tetapi dalam konteks tertentu menjadi pemimpin masyarakat dalam penggunaan bahasa yang beradab, santun dan yang dapat meningkatkan akal budi dan daya pemikiran masyarakat. Dengan demikian, ketentuan norma penggunaan bahasa masyarakat tidak diasaskan semata-mata pada penggunaannya secara massa meskipun diakui bahawa penggunaan bahasa masyarakat massa itu merupakan ragam bahasa

masyarakat juga tetapi bukan sebagai penentu kesahan norma bahasa. Hassan al-Bana, pemimpin reformis Islam Mesir memasukkan dalam wasiatnya kepada para da'i agar memelihara dan mempertahankan bahasa Arab fusha (bahasa Arab baku) kerana itulah ragam bahasa Arab yang dapat mempertahankan nilai-nilai luhur agama Islam.

Gagasan untuk menyemak dan menilai pemahaman, sikap dan amalan kita dalam disiplin linguistik diketengahkan dengan penuh kesedaran bahawa kita perlu memberikan orientasi dan membuat pengolahan yang sesuai bagi segala bidang ilmu, termasuk linguistik. Kita telah demikian lamanya berada dalam jalur pemikiran, falsafah dan pandangan sarwa Barat yang asasnyanya menerbitkan beberapa kejanggalan dan kepalsuan dalam pembinaan tanggapan dan sikap kita terhadap bahasa. Penulis mengulang berkali-kali dari awal hingga akhir pembicaraan ini bahawa yang dimaksudkan dengan ijtihad dan tajdid dalam pembaharuan iktikad kita terhadap ilmu tidak sekali-kali berkaitan dengan khayalan untuk menolak fakta-fakta dan dapatan-dapatan yang telah demikian banyaknya menyerlahkan hakikat bahasa dan penggunaannya sebagaimana yang telah digarap dalam pelbagai subdisiplin linguistik yang ditangani dengan gigihnya oleh orang Barat. Kita memang banyak berhutang budi kepada Barat dalam hal penerokaan pelbagai aspek dan dimensi bahasa, baik dalam klasifikasi dan pembinaan anatomi bidang linguistik mahupun dalam penelitian tentang kategori dan fungsi bahasa. Banyak yang dapat terus kita lanjutkan selama semua itu tidak bercanggah dengan epistemologi Islam yang menjadi pegangan hidup kita. Kita tidak perlu, misalnya, menolak dan meninggalkan hasil analisis terhadap pelbagai dialek dan variasi bahasa yang wujud dalam masyarakat yang memang dipelopori oleh para ahli dialektologi Barat. Kita tidak perlu juga menolak analisis kategori dan fungsi bahasa sebagaimana yang terdapat dalam bidang tatabahasa. Kita tidak juga wajar menolak analisis yang memaparkan hakikat dan sifat bahasa, baik yang berkaitan dengan morfologi, sintaksis, fonologi mahupun semantik sesuatu bahasa, biar dengan menggunakan teori apa pun.

Yang sesungguhnya memerlukan penyemakan dan penilaian ialah dasar-dasar yang berkaitan dengan epistemologinya. Epistemologi amat rapat kaitannya dengan sistem kepercayaan dan daripada sudut Islam, epistemologi (yang bersangkutan dengan hakikat ilmu, sumber ilmu, kaedah dan matlamat ilmu) telah dijelaskan dalam ajaran agama, sama ada yang secara langsung disebut dalam al-Qur'an dan hadith mahupun yang dihuraikan oleh ahli tafsir dan ulamak muktabar. Dalam pembicaraan ini, saya telah berusaha menunjukkan seperangkat prinsip atau premis epistemologi Islam. Dalam hubungannya dengan linguistik, telah dihuraikan hakikat bahasa, kelahiran dan pemerolehan bahasa pada manusia, peranan bahasa (dalam pembentukan diri manusia dan pengilmuan manusia serta pengembangan dan pewarisan sistem nilai dan kebudayaan

masyarakat), kepelbagaian bahasa manusia, paduan antara deskriptisme dengan preskriptisme sebagai pendekatan menemukan norma bahasa dan peranan ahli bahasa. Antara dasar epistemologi Barat yang telah dihuraikan dan yang menurut hemat penulis perlu dinilai termasuklah kekaburan dalam menjelaskan hakikat bahasa, kecenderungan membina dikotomi yang terlalu ketat, terpesona oleh pembaharuan dan terpengaruh oleh fahaman kenisbian, terikat oleh pendekatan autonom ilmiah saintifik yang mengekang iltizam peneliti dan bersandar pada bahasa masyarakat massa sebagai asas norma yang dianggap sah.

Kesimpulan

Penulis banyak mengimbas kembali upaya mencari akar falsafah dan pemikiran bagi peradaban Melayu, bukan untuk bernostalgia atau menggurui para ilmuwan tetapi untuk menghimbau semua penggerak ilmu dan pendidikan agar menetapkan iltizam untuk mengisi kerangka falsafah dan pemikiran Melayu yang sebenarnya telah ada, iaitu yang berakar pada epistemologi dan falsafah pendidikan Islam. Apabila kita bercakap tentang teori alam Melayu bagi pengajian bahasa, kesusasteraan, kebudayaan, sejarah dan disiplin yang lain, asasnya telah ada dan bukan bermula dalam zaman Za'ba atau zaman pasca-Za'ba, melainkan telah wujud sejak beberapa abad silam sejak bermulanya proses pengislaman di rantau alam Melayu ini. Naratif peradaban Melayu sebenarnya ialah **naratif abadi**, naratif yang tidak memisahkan ehwal dunia daripada ehwal akhirat, yang tidak memisahkan ilmu daripada iman, dan yang tidak memisahkan sains daripada wahyu.

Perihal gagasan tentang universiti yang menayangkan kesepaduan ilmu duniawi dan ukhrawi sebenarnya telah dicetuskan oleh Za'ba lebih satu abad lalu. Katanya:

“Maka pelajaran ini tidaklah dapat dicapai perjalanan dan perhinggaaan yang sempurna melainkan dengan dibangunkan di negeri ini satu atau dua Madrasah Besar yang layak dihimpunkan segala jenis pelajaran dunia dan akhirat yang telah melintasi di hati manusia.”

(Utusan Melayu, 10 Mei 1917)

Pada kesempatan ini, secara ringkas saya ungkapkan dambaan untuk menyaksikan dan merealisasikan cita-cita agar peradaban Melayu dinilai dan ditangani sebagai bidang yang luas, yang merangkum bukan hanya sisi bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan, bahkan seluruh bidang kehidupan manusia Melayu (teknologi, seni bina, sains, perubatan, kesenian dalam pelbagai cabangnya, falsafah, pemikiran, sejarah, etnik). Dengan bidang tujahan yang luas itu, mudah-mudahan dapat direncanakan inventori penyelidikan dan penerbitan bagi peradaban Melayu (dalam konteks negara Malaysia dan juga dalam konteks

supranasional yang meliputi seluruh negara yang mendukung peradaban Melayu atau yang ada waris Melayunya).

Menjadi dambaan saya juga bahawa peradaban Melayu yang berdasarkan fakta dan hakikat sejarah menjadi mercu tanda peradaban rantau ini terus dinobatkan sebagai teras peradaban negara. Pada tahun 1971, Kongres Kebudayaan Kebangsaan telah merumuskan teras Kebudayaan Kebangsaan yang meletakkan “kebudayaan asal rantau ini” (yang pada hakikatnya merujuk kepada kebudayaan Melayu) sebagai teras pertama. Teras ketiga, iaitu “Islam sebagai unsur penting” menjadi kembar bagi teras pertama peradaban kebangsaan iaitu kebudayaan Melayu, kerana Melayu dan Islam merupakan hakikat yang menyatu. Pengiktirafan akan “unsur-unsur kebudayaan lain yang wajar dan sesuai” sebagai teras kedua membuktikan keterbukaan umat Melayu Islam menerima kebudayaan lain selama unsur-unsur itu wajar dan sesuai dengan sistem nilai yang murni.

Pengiktirafan kepada peradaban Melayu secara sah menurut undang-undang negara sebenarnya telah dimaktubkan, terutama dalam Perlembagaan Persekutuan, khususnya empat perkara pokok yang disebut kontrak sosial bagi masyarakat Malaysia yang berbilang keturunan. Perkara itu ialah Islam sebagai agama Persekutuan, kedudukan Raja-Raja Melayu, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan hak istimewa orang Melayu dan Bumiputera (serta hak yang sah bagi keturunan lain). Pancang-pancang kenegaraan itu, yang berteraskan peradaban Melayu tidak wajar dibiarkan diganggu gugat atau dirosakkan oleh anai-anai perosak negara atas kepentingan politik mana-mana pihak. Kalangan pemimpin Melayu Islam perlu mempunyai azam politik dan iltizam yang teguh lagi tekal untuk mempertahankan dan melestarikan pancang-pancang kenegaraan yang berteraskan peradaban Melayu itu. Para ilmuwan pula perlu berdiri teguh mempertahankannya dengan hujah ilmiah di ruang kuliah mahupun di luar ruang kuliah, melalui wacana lisan mahupun wacana tulisan.

Bab 6

Bitaranya Teori Kepemimpinan Malayonesia Dalam Bahasa Melayu Berbanding Dengan Bahasa Inggeris

Shaharir Mat Zain

Pengenalan

Kebitaraan teori kepemimpinan di sini dibicarakan dalam aspek bahasa, sejarah, dan aksiom kepemimpinan itu sendiri. Aspek peranan bahasa dalam ilmu (terutamanya bukan sastera), boleh dikatakan tidak sungguh hati, kalau bukan tidak pernah, ditimbulkan di negara kita ini kerana kesilapan sarjana kita terhadap tabii pembentukan atau pembinaan ilmu. Di sini ditunjukkan saratnya pengaruh bahasa dalam bidang kepemimpinan yang dimulai oleh Shaharir (2005). Sepatutnya, ini berupa perkembangan yang bersahaja sahaja jika kita teringat kepada teori atau falsafah bahasa sejak abad ke-19 M oleh von Humboldt (lihat bicaranya dalam Mueller-Vollmer 2011, selain beliau sendiri vo Humboldt 1999) yang diperkukuhkan oleh ramai sarjana berkenaan hingga dalam abad ini pun. Di Malaysia, hal ini dijuarai oleh A.Y. Datuk Dr. Hassan Ahmad sejak 1990-an (karya terakhirnya, Hassan 2016) dalam bidang sastera (khususnya peribahasa dan pantun), tetapi tiadalah sesiapa pun yang membicarakan mauduk ini dalam bidang bukan sastera yang lebih bermakna lagi seperti kepemimpinan (sebelum Shaharir 2005), apatah lagi bidang matematik dan sains (termasuklah sains sosial), melainkan Shaharir yang dimotivasikan oleh dasar PPSMI 2002 lalu membuktikan kebitaraan sesuatu bahasa termasuk bahasa Melayu dalam penghasilan sains matematik yang dapat dilihat hasilnya sejak itu hingga kini dalam makalahnya yang mutakhir ini (Shaharir 2017a). Aspek sejarah juga tidak pernah dibicarakan, terutamanya secara yang dibicarakan di sini, walaupun agak ramai sarjana pengajian Melayu yang berminat terhadap manuskrip Melayu Jawi dalam bidang yang rapat dengan kepemimpinan, dinamai ketatanegaraan. Kebitaraan teori kepemimpinan pula (di sini dalam bentuk aksiom kepemimpinan), yang dibicarakan di sini, adalah ekor dari kepimpinan teori ini akibat peranan bahasa Melayu dan sejarah perkembangan ilmu ini. Sebelum membicarakan perkara-perkara ini dirasakan perlu dibicarakan kaedah penyelidikan kepemimpinan yang dilakukan oleh penulis ini sejak hampir dua dasawarsa ini.

Kaedah Penyelidikan Kepemimpinan Malayonesia

Pertama-tamanya dilakukan kajian terhadap istilah-istilah penting dalam bidang kepemimpinan termasuklah perkataan pimpin, pemimpin, kepemimpinan, kepimpinan, Malayonesia, bahasa dan bangsa suku kaum Malayonesia, khususnya bahasa Melayu (yang juga memang perlu dijelaskan maknanya terutamanya dalam konteks kaedah penyelidikan ini). Perkataan-perkataan lain lagi perlu ditetapkan maknanya apabila diperlukan untuk dijadikan konsep asas dalam bidang ini. Penentuan takrif sesuatu perkataan adalah satu daripada jujuk dalam kaedah sains yang dikenali sebagai kaedah deduksi atau istidlal, atau kaedah rasmi atau formal, atau kaedah aksiom (yang tidak asing lagi bagi seseorang ahli sains matematik; perinciannya dalam Shahrir 2010a). Dalam kaedah ini setelah takrif ditetapkan maka diusahakan mendapat perkara-perkara asasi terhadap hal yang diminati; iaitu bagi keperluan di sini, hal pemimpin, diusahakan mendapat sifat-sifat asasi seseorang yang dianggap menjadikan pemimpin yang terbaik. Sifat-sifat itu mestilah tidak bersandar antara satu dengan lainnya dan sedapat mungkin senarainya tidaklah banyak, biasanya kurang daripada sepuluh seperti yang masyhurnya sifat asasi geometri ialah lima sahaja, dan sifat asasi ayat bernahu dalam bahasa-bahasa seluruh dunia ialah pilih atur SKO (S= subjek, K=kata kerja, O=objek) yang bermakna sifat asasi ayat bernahu dalam dunia ini ada enam sahaja. Namun memang ada sifat asasi sesuatu perkara yang melebihi sepuluh pun seperti sifat asasi sesuatu aljabar berjumlah sebelas, dan sifat asasi ayat bernahu mengikut teori Chomsky (yang mutakhirnya) nampaknya menjangkau lebih daripada sepuluh juga (Fazal 2010).

Daripada judul beberapa buah buku mutakhir kepemimpinan dalam bahasa Inggeris terbayang seolah-olah aksiom dalam bidang ini memang banyak bilangannya. Umpamanya, mengikut judul buku Rossman (2014) nampaknya ada 14 prinsip (aksiom?) kepemimpinan yang hebat; Maxwell dan Covey (2007) nampaknya menegaskan adanya 21 hukum (aksiom?) kepemimpinan yang tidak terefutasikan; manakala McCloud (2017) seolah-olah memperakukan 100 cara terbaik (aksiom?) kepemimpinan yang terbukti berjaya. Semua ini sebenarnya perlulah diteliti kembali jika pendekatan aksiom hendak dilakukan kepada karya-karya ini. Sifat-sifat asasi bagi sesuatu perkara inilah yang dinamakan aksiom dan bagi perkara kepemimpinan ialah aksiom kepemimpinan (aksiom keadaan pemimpin). Jika ditukar mauduknya kepada perolehan sifat memimpin terbaik maka sifat-sifat asasi memimpin itu layak dinamai aksiom kepimpinan (aksiom keadaan memimpin). Sesuatu set aksiom tidaklah mutlak atau maksum, walaupun biasanya, aksiom yang bagus memakan masa yang lama untuk dibuktikan silapnya atau kurang tepatnya. Aksiom geometri itu memakan masa lebih seribu tahun untuk dibuktikan silapnya! Sudah tentu aksiom dalam bidang sains sosial seperti aksiom kepemimpinan pastinya tidak akan memakan masa yang lama untuk dibuktikan kelemahannya nanti. Malah aksiom kepemimpinan

yang dipaparkan nanti dalam makalah ini adalah ada sedikit perbezaan dengan aksiomnya tujuh tahun yang lepas.

Untuk meneruskan kajian pemerolehan aksiom kepemimpinan, mulanya perlunya ditetapkan siapa yang dimaksudkan dengan “pemimpin” itu khusus pada zaman Asia Tenggara ini (di sini diistilahkan sebagai Malayonesia yang sebabnya dijelaskan kemudian ini) sebelum abad ke-20 M, iaitu zaman kajian ini ditumpukan? Hasil kajian tabii keadaan pemimpin itulah menerbit ilmu kepemimpinan, sedangkan hasil kajian cara atau gaya seseorang memimpin menerbitkan ilmu kepimpinan.

Oleh itu untuk mendapat ilmu kepemimpinan itu seseorang perlulah mengkaji tindakan, harapan dan sebagainya seseorang “pemimpin” yang hebat dahulu yang biasanya dapat diketahui menerusi tulisan (bagi rantau ini umpamanya, zaman praislam, tulisan di prasasti; zaman Islam, hampir semuanya berupa manuskrip) dalam sesuatu bahasa dominan pemimpin itu, disini dipilih “bahasa Melayu”, atau oleh sejarawan. Ini membawa kepada kajian unsur kepemimpinan dalam sastera lisan: Pantun, peribahasa dan cerita rakyat/penglipur lara dalam “bahasa Melayu”. Ini memerlukan bicara makna “bahasa Melayu” terutamanya maknanya sebelum abad ke-13 M. Kepemimpinan juga dapat difahami lagi menerusi kajian tulisan yang dijangka mempengaruhi “pemimpin” itu akibat pentelaahannya terhadap karya-karya tulisan berkenaan (yang tidak semestinya dalam “bahasa Melayu”).

Langkah seterusnya ialah untuk mendapatkan sifat-sifat asasi pemimpin dengan sebilangan sifat yang sedikit mungkin tetapi mampu menjana sifat-sifat lain lagi daripadanya; dan senarai sifat-sifat asasi itu mestilah tidak bersandar antara satu dengan yang lain. Inilah takrif lengkapnya sesebuah aksiom kepemimpinan. Contohnya, katalah ada orang menyatakan pemimpin yang bagus mestilah seorang Islam yang beriman, bertawadhu dan bertaqwa. Adakah empat sifat pemimpin ini perlu dianggap semuanya mesti disenaraikan, atau hanya perlu disenarai sebagai “Islam” sahaja kerana sifat lain itu sudah ada dalam “Islam”, atau “beriman” sahaja, atau “Islam dan beriman” sahaja, atau kemungkinan lain lagi? Contoh lain lagi, mungkin ada orang menyatakan pemimpin yang baik ialah yang “berhati-hati dan adil” dan yang “mementing hasil penyelidikan”. Adakah perlu hanya satu daripada sifat ini sahaja kerana yang satu lagi itu terkandung di dalamnya?

Penetapan Makna Istilah Yang Penting

Seperti yang telah disebut di atas, penetapan istilah dalam perolehan sesuatu ilmu menjadi satu daripada ciri kaedah deduksi/rasmi/istidlal. Bagi orang Islam mungkin kaedah ini diperkuatkan lagi kebenarannya menerusi kisah Nabi Adam

A.S bahawa Allah mengajar Nabi Adam A.S setiap nama benda. Istilah yang amat penting yang perlu ditakrifkan ialah “pemimpin”. Amatlah bersahaja, terutamanya sebelum abad ke-20 M dan bagi rantau Asia Tenggara ini, rasanya pemimpin ialah seorang raja yang memerintah mana-mana tanah jajahannya. Yang diminati dalam makalah ini ialah pemimpin Malayonesia (ditakrifkan di bawah ini), iaitu raja mana-mana rantau ini dan oleh sebab rantau ini banyak suku kaumnya, raja yang dimaksudkan ialah raja yang menggunakan “bahasa Melayu” (juga akan dijelaskan maknanya nanti) sebagai bahasa rasminya.

Malayonesia ialah nama rantau yang menggunakan satu daripada bahasa yang rumpunnya diberi nama Austronesia (rumpun bahasa Melayu). Nama ini diambil daripada nama yang diberi oleh ahli etnografi Briton, George Earl, Malayonesia, dalam tahun 1860-an; beliau jugalah sebelumnya itu menamakan rantau yang sama sebagai Indunesia (yang diambil oleh pejuang pembebasan Hindia Timur Belanda menjadi Indonesia). Rantau ini pernah dikenali sebagai Dunia Melayu (mungkin sekali terjemahan the Malay World), Nusantara, Gugusan Pulau-Pulau (Pepulau/Kepulauan) Melayu (terjemahan daripada the Malay Archipelego, nama yang diberi oleh flora-faunawan Briton, Wallace, yang datang ke rantau ini dalam tahun 1860-an untuk memungut spesies flora-fauna bagi membina teori asal-usul spesies tajaan tuannya/mestri-nya (master-nya), Charles Darwin yang kemudiannya terkenal sebagai bapa Teori Evolusi itu tetapi kini sudah dipersoalkan betapa tidak adilnya nama Wallace disisihkan, apatah lagi nama Ahmad yang disanjung Wallace sebagai pembantunya yang cekap dan berkebolehan itu). Rantau yang sama dinamai Malaisie oleh ahli etnografi Perancis abad ke-19 M yang kemudiannya diinggeris menjadi Malaysia (bukan Malaysia sejak 1963), kemudian (dan lebih popular kini) Dunia Melayu-Indonesia dan Gugusan Kepulauan Melayu-Indonesia (dengan sempang itu bermaksud “dan”). Perinciannya ada dijelaskan dalam Shahrir (2010b).

Bahasa yang dominan bagi kerajaan di Malayonesia ialah yang kini dikenali sebagai “bahasa Melayu” kerana bahasa ini menjadi lingua franca rantau ini sejak abad ke-7 M (Ragman 2003) dan bahasa kecendekiawanan beberapa abad selepas wujudnya kerajaan di beberapa subrantaunya mulai tahun 78 M (tahun ini bermulanya tahun Malayonesia yang dikenali sebagai tahun Saka) yang dibuktikan oleh prasasti pertama dalam bahasa Melayu Lama, Prasasti Dong Yun Chau di Vietnam bertarikh sekitar pertengahan abad ke-4 M itu dan pada prasasti abad ke-7 hingga ke-10 M di serata rantau Malayonesia (Indonesia dan Filipina sekarang) seperti yang disenaraikan pada Lampiran 1. Kemuncak kemasyhuran bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa yang sama tarafnya dengan Perancis dan Latin di Eropah ialah berlaku sekurang-kurang sehingga akhir abad ke-18 M seperti yang diperihalkan oleh penulis Belanda, Valentyn (1726).

Istilah “bahasa Melayu” perlu diperjelaskan di sini kerana maksudnya agak berbeza daripada makna sekarang bukan kerana adanya bahasa Indonesia yang semakin saling tidak mahu diiktiraf oleh kedua-dua umat dari negara bangsa baharu kini, Malaysia dan Indonesia, meskipun dahulunya (sebelum wujudnya negara-bangsa Indonesia 1945 dan negara-bangsa (Federation of) Malaya atau (Persekutuan) Tanah Melayu 1957 dan Malaysia 1963) merekalah pentakrif bahasa yang sama, mengongsi bahasa, persuratan dan kesusasteraan bahkan amnya ilmu yang sama, tetapi kerana bahasa yang dimaksudkan itu berlaku pada zaman dahulu bermula pada abad ke-4 M lagi (iaitu tarikh prasasti tertua dalam bahasa ini, Prasasti Dong Y(u)en Chau yang dijumpai di barat laut dari Trà Kiệu, tidak jauh dari ibukota lama Kerajaan Campa (Champa) bernama Indrapura, di Vietnam sekarang. Bahasa pada prasasti ini dikelaskan oleh ahli bahasa sebagai bahasa Melayu Purba atau Kuno (Kuna di Indonesia), atau yang penulis ini lebih berkenan menamainya bahasa Melayu Lama atau bahasa Melayu-Campa pra-Islam. Aksara yang digunakan ialah dari Hindia (Brahmi Selatan). Para ilmuwan sejarah Campa mendapati sekurang-kurangnya 109 buah prasasti dalam bahasa seperti ini, dan 29 buah campuran dengan bahasa Sanskrit (Shaharir 2010b) dan hampir semuanya sudah dikumpul dan diterjemah ke dalam bahasa Melayu kini oleh Zahrin dan Alinor (2017). Bahasa jenis ini pada zaman kerajaan Sriwijaya (abad ke-7 hingga abad ke-13 M) juga dijumpai dan berjumlah 26 buah, semuanya beraksara Pallava dari Hindia kecuali sebuah beraksara Jawi dan sebuah lagi campuran Pallava dan Jawi (lihat di Lampiran 1).

Bahasa Melayu Purba/Kuno/pa-Islam versi bahasa Campa dan Sriwijaya ini (kecuali dua buah itu) diistilahkan oleh penulis China dahulu sebagai bahasa Kunlun. Bahasa Kunlun ini bermakna bahasa (Orang) Gunung, jika dianggap (Shaharir 2010b) Kunlun itu sebutan China terhadap perkataan ‘gunung’ sekarang yang dahulunya berbentuk ‘vnam’ atau ‘bnam’ (yang juga dikatakan berupa perkataan Khmer Lama yang dalam Khmer sekarang ialah pnom atau phnom yang menjadi sebahagian daripada nama ibu kota Kemboja sekarang, Phnom Penh iaitu Gunung Banang); atau bahasa (Orang Perahu) Koleh (iaitu kemungkinan kunlun ialah sebutan China pada perkataan kolek seanalogue dengan sebutan orang Yunani abad ke-1 M dahulu sebagai kolan yang juga sudah dibicarakan dalam Shaharir 2010b). Mengikut Tee (2016), seorang pengkaji tamadun Sriwijaya terutamanya daripada perspektif China, dari Univ. Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur, Kunlun atau Kun-lun dalam bahasa China Lama dahulu bermakna Gunung yang, mengikut ajaran agama Buddhanya, menjadi pusat dunia; oleh itu katanya Bahasa Kunlun bermaksud bahasa Orang Gunung (yang jauh darinya) yang sesuai pula dengan maksud Orang Funan kerana Funan itu (panggilan orang China juga) bermaksud Gunung juga. Ini kebetulan sama dengan hipotesis/terkaan penulis ini dahulu dalam Shaharir (2010b) itu yang disebut di atas.

Namun mengikut penjelasan beberapa situs di internet, Kunlun, selain bermakna banjaran gunung di barat China bermula di Tibet hingga 1600 km ke timurnya dari sempadan Hindia, maknanya yang kedua yang ada unsur Kunlun mengikut pengertian bahasa Melayu Lama ini, iaitu “Orang Hitam dari Asia Tenggara” (istilah asalnya, Kunlun ren, bagi membezakannya dengan Kunlun nu dari Afrika), dan istilah ini muncul sejak zaman Dinasti Dong Jin 317-420 M (Internet Kunlun). Oleh itu tidak hairan China merujuk bahasa Funan di Kemboja (kerajaannya wujud dari sekitar abad ke-1 hingga ke-7 M) itu juga sebagai bahasa Kunlun tetapi sehinga sekarang pun ahli bahasa belum menemui bahasa Funan walaupun Billard dan Eade (2006) ada menyenaraikan lebih daripada dua puluh buah prasasti bertarikh zaman kewujudan kerajaan Funan itu (lihat Lampiran 2); kemuncak kerajaannya merangkumi Kampuchea menjangkau ke sebahagian Vietnam, Thailand, Laos dan Myanmar sekarang (Vickery 2003), tetapi bahasa pada prasasti itu dikelaskan sebagai bahasa Khmer Lama. Mungkin sahaja bahasa Khmer Lama itulah bahasa Funan! Satu lagi bahasa di Indochina yang baharu sahaja dikelaskan sebagai bahasa Austronesia, sama seperti bahasa Funan dan Campa, ialah bahasa Mon (Cooler 2016; Internet Mon).

Kemuncak kerajaan Mon wujud sekitar abad ke-5 hingga ke-11 M di rantau Thailand selatan dengan Myanmar Timur sekarang dan dikenali sebagai kerajaan Dvaravati atau Siam, dan oleh itu bahasa ini juga mungkin sekali dirujuk oleh China pada masa itu sebagai bahasa Kunlun. Namun kami belum memungut sebarang prasasti dalam bahasa Mon ini, walaupun Shaharir (2011) telah mentelaah sebuah kamus Mon-Inggeris oleh Shorto (1971) dan mendapati sekurang-kurang 19% daripadanya (yang bukan istilah keagamaan dan nama tempat) dapat dicami sama dengan perkataan dalam bahasa Melayu kini, dan mentelaah buku Sharan (1974) dan Guillon (1999) tentang pencapaian ilmu orang-orang Mon dalam zaman kegemilannya yang standing dengan pencapaian ilmu orang-orang Campa sezamannya.

Ada banyak teori asal-usul bangsa dan bahasa yang kini dikenali sebagai “Melayu” (terutama di Malaysia) atau “Indonesia” (terutamanya di Indonesia). Yang masyhurnya ialah teori Yunan (teori yang dimulai dalam tahun 1889 oleh R.H. Geldern dan disokong oleh beberapa orang sarjana termasuklah bahasawan-sejarawan Indonesia masyhur, Slamet Muljana 1964), dan teori Taiwan (Bellwood 1985; Barnard 2004). Sementara itu ada pula “teori di sini selamanya” dan oleh itu dinamai teori Nusantara yang dipelopori oleh Crawford (1814; dan perihalnya yang kritis dlm. Muller 2014), Keraf (1991) dan selalu disebut, Muhammad Yamin (1951). Antara pengukuhan teori ini segi bahasanya ialah teori Iban oleh Collins (1998) dan Collins dan Awang Sariyan (2006) yang menegaskan bahasa Melayu terawal ialah Bahasa Iban di Sarawak; dan mutakhir ini muncul teori yang cukup sensasi berasaskan DNA oleh Oppenheimer (2002, 2003, 2004, 2006, 2009, 2012a,b) dan HUGO (2009) yang disimpulkan bahawa

teori penghijrahan bangsa berlaku sebaliknya, iaitu bangsa Malayonesia (sama seperti bangsa-bangsa lain yang genetik terawalnya dari Afrika) bermula dari tanah besarnya berpusat di Jawa yang diberi nama Tanah Sunda, berhijrah ke merata tempat di Asia, Australia dan New Zeland.

Teori ini dirangkul hebat oleh para gomoetnik (etnosentrik) Malayonesia dengan mengabaikan para pengkritik akademiknya sehingga ada yang gomoetnik itu berpandangan bahawa semua peradaban di dunia ini berasal dari Malayonesia! Teori Oppenheimer sebenarnya menegaskan semua bangsa di dunia ini dari Afrika (biasa dirujuk sebagai teori (keluar) Afrika) dan bangsa Malayonesia tidak terkecuali, sehingga bangsa Malayonesia ini ada surih DNA semua bangsa termasuk Yahudi, walaupun tidaklah sebanyak DNA Hindia dan China! Persoalannya terhadap teori ini ialah di mana letaknya teori Islam (dan Yahudi dan Nashara/Kristian) bahawa Nabi Adam adalah manusia pertama dan semua nabi dari Timur Tengah dan tiada dari Afrika! Ada beberapa buah teori lain lagi yang kurang dikenali seperti teori Tan Malaka (1926) bahawa bangsa Indonesia berasal dari Indochina. (Beliau menggunakan istilah Indonesia, walaupun negara Indonesia belum wujud, tetapi itulah impian bangsa di Hindi Timur Belanda menerusi “Soempah Pemoeda” mereka 1922). Teori lainnya lagi ialah teori Majumdar (1941, 1944) yang berpandangan secara tak langsungnya bangsa-bangsa yang berbahasa Austronesia (bahasa Melayu satu daripadanya) berasal dari Hindia, kemudian menyebar ke Indo-China terus ke daerah Malayonesia ini; teori Kern (1889) yang menegaskan bahawa bahasa Austronesia berasal dari bahasa Campa di Vietnam, oleh itu bahasa Melayu berasal daripada Campa; dan banyak lagi teori sebegini yang dibicarakan hampir tuntasnya oleh Tsang (t.t).

Seperti yang disebut sebelum ini, bahasa Melayu ini sebelum kedatangan Islam dirujuk oleh penulis China sebagai bahasa Kunlun yang terdiri daripada bahasa rasmi kerajaan Sriwijaya (berpusat di Palembang), Campa (di Vietnam), Funan (di Kemboja) dan Mon (di selatan Thai dan Myanmar) tetapi ahli bahasa Melayu moden menamakannya bahasa Melayu Kuno/Kuna walaupun yang sepatutnya dinamai bahasa Melayu Lama atau bahasa Melayu pra-Islam. Apabila Islam bertapak di Malayonesia dan akasara penulisannya ditukar dari aksara Pallava (dari Hindia) kepada aksara Jawi (dari Arab), bahasa Kunlun bertukar kepada nama baharunya, bahasa Jawi. Istilah “bahasa Melayu” muncul dalam abad ke-19 M sahaja (oleh penulis Petani/Fatdany) dengan ejaan Jawinya, ملايو dan dibaca Milayu (mengikut Wan Mohd Saghir 2001 yang mentransliterasi karya Ahmad al-Fathani 1898).

Ejaan Rumi “Melayu” hanya muncul dalam tahun 1860-an; sedangkan sebelum itu ejaannya ialah Malayu (dan tidak pernah Milayu) walaupun mengikut sebutan penulis China tentang istilah ini agak pelbagai, dan yang terkenalnya ialah Moloyu atau Mo-lo-yu/Mo-Lo-Yu tetapi tidak merujuk kepada nama

bahasa. Penulis-penulis Petani abad ke-19 M juga memperkenalkan istilah Malayuwiyyah atau Milayuwiyyah bagi maksud rantau Asia Tenggara ini yang mereka impikan menjadi sebuah negara-bangsa Islam, mungkin Ahmad al-Fathani (1898) jugalah yang memulakannya.

Kemusykilan sejauh mana benar-tidaknya istilah “bahasa Melayu” tidak digunakan sehinggalah abad ke-19 M, dapat dilerai dengan mengkaji kewujudan istilah “Melayu” itu sendiri, dan inilah yang dilakukan di bawah ini.

6.1. Etimologi “Melayu”

Asal-usul istilah “Melayu” memang banyak dibicarakan dalam Shahrir (2010b, 2017b) tetapi di sini dipaparkan lagi maklumat baharu lagi sebagai tambahannya. Yang agak masyhurnya “Melayu” itu dan nama negeri, Bhūmi Mālayu, tertulis pada Prasasti Padang Roco 1286 M, Sumatera, yang merujuk kepada kerajaan Dharmasraya yang wujud sebelum Sriwijaya lagi; dan juga dari daripada Malaya, nama negeri di Palembang, Malayapura, yang tertulis di Prasasti Amoghapasa 1347 M (Slamet Muljana 1981, pp. 223). Mengikut sumber Wikipedia (lihat situsnya di Rujukan), malaya dan pura itu perkataan Pali (bukannya yang biasa disebut sebagai perkataan Sanskrit atau Tamil) yang masing-masingnya bermakna gunung/bukit dan negara atau negeri.

Burhanuddin Elhulaimy (1950), ahli politik Malaya (Semenanjung Malaysia sekarang) yang warna-warni dan masyhur, menjadi Presiden PKMM dan PAS, ada menyatakan perkataan Melayu” datang daripada “mala” (bermakna mula) dan “yu” (bermakna negeri), oleh itu bererti “negeri yang mula”. Istilah “yu” terkenal ialah dalam perkataan Ganggayu (di Perak dahulu kala) yang berarti Negeri Gangga atau Gangganegara. Beliau mengaitkan “Melayu” dengan cerita rakyat, Si Kelambai yang mendiami negeri ini amatlah berkuasa sehingga apa sahaja yang disentuhnya nescaya akan mendapat keajaiban (seperti mitos Yunani, Midas yang menerbitkan ungkapan “sentuhan Midas” itu). Ini menunjukkan “Negeri Mala”, iaitu Malayu (yang kemudiannya berubah ejaannya kepada Melayu) ini berperadaban tinggi (Internet BurH).

Mengikut Rashid dan Amat Juhari (2006), “Melayu” daripada “Melaju”, iaitu gabungan imbuhan me- dengan perkataan “laju” sesuai dengan lajunya bangsa ini di perairan (tamadun sungai dan laut), kononnya! Ini sama statusnya dengan pendapat oleh penulis upahan Belanda, Kapitan Sulaiman (1779) bahawa “melayu” itu daripada “layu” yang diimbuh dengan awalan me- yang dibicara dalam Shahrir (2010b) bersekali dengan kononnya “Melayu” itu berasal daripada perkataan Jawa mlayu yang bermaksud lari itu. Semua ini mungkin rekaan atau khayalan yang hendak disesuaikan dengan sebuah cerita daripada Tom Pires (1523) yang diperihalkan di bawah ini nanti (seksyen 3.2), walaupun

“pendapat Rashid dan Mat Juhari (2006) itu berkemungkinan besar diambilnya daripada catatan Valentyne (1726) yang diperihal dalam seksyen 3.2. Manuskrip asal karya Kapitan Sulaiman itu belum kami peroleh tetapi hasil perumiannya oleh Panuti (1996) dan dipetik oleh Tee (2010) bahagian yang relevan di sini dan oleh itu diperturunkan di sini:

“Pasal pada menyatakan adapun arti Melayu itu, adalah ia melayukan dirinya. Yaitu seperti yang diibaratkan orang dahulu kala daripada arti “Melayu” adalah seumpama pucuk kayu yang melayukan dirinya, dan bukan layunya itu karena kena panas atau api. Bahawanya dengan sahaja-sahaja ia jua yang melayukan dirinya, yakni ia merendahkan dirinya dan tiada ia mau membesarkan dirinya, baik daripada adab-tertibnya, atau daripada bahasa peraturannya atau daripada adab makan-minumnya, dan perjalanannya dan kedudukannya. Sama ada di dalam majelis...atau pada tempat yang lain. Maka daripada segenap perkara itu tiada diperbuatannya itu dengan mamang, melainkan adalah dengan perangnya yang lemah-lembut; tiada dengan berlebih-lebihan dan dengan kekurangan. Itulah adalah hamba terima daripada Tuan Haji Abdul Arib di dalam negeri Riau adanya. Intaha’l-kalam daripada segenap perkara. Itulah arti “Melayu” yang dibahagikan orang dahulu-dahulu.” (Panuti 1996, pp. 142-143). Satu daripada kelemahan teori menggunakan imbuhan me- kepada pembentukan perkataan “Melayu” itu ialah betapa baharunya imbuhan ini kerana dahulunya berbentuk mar- (lihat prasasti Sriwijaya, Kedukan Bukit dll dalam Noriah 1999).

6.2. “Melayu” pada penulis Eropah

Dalam Geographia oleh Ptolemy/Batlameus/Batlamiyus ada disebut Maleu-kolon (dipercayai daripada Sanskrit *malayakolam* or *malaikurram*) bagi tempat yang sekarang terletakanya rantau yang mengandungi semenanjung Malaysia. (Mengikut Wikipedia, maklumat ini ada dalam Gerini 1974, pp. 101).

Dalam rakaman pelayaran Marco Polo ada menyatakan beliau singgah di Malaiur, sebuah kerajaan di Semenanjung Malaysia (Mengikut Wikipedia, maklumat ini ada dalam Cordier 2009, pp. 105; dan Wright 2004, pp. 364–365), sedangkan selama in kerajaan ini dikatakan merujuk pada Malayapura di Palembang itu. Apabila disemak lagi kisah ini seperti dalam versi terjemahan oleh Ary Kristanti (2016), Malaiur itu sebuah pulau yang terletak 90 mil (kira-kira 135 km) ke tenggara pulau Pentan (Bentan?), dan nama Malaiur itu sempena nama pemimpinnya. Ini pun bertentangan dengan “fakta” baharu di atas itu.

Pegafetta (1525), pencatat pelayar Magellan, yang menulis dalam Bahasa Italia, mencatatkan Malaiu sebagai ejaan terhadap “Melayu”, tetapi Malaea dalam bahasa Italia sekarang (mengikut Milner 2010, pp. 22), atau mungkin variasinya sejak zaman Pegafetta lagi. Namun kamus Pegafetta yang selalu disebut sebagai “kamus Italia-Melayu” itu sebenarnya bertajuk *Vocabuli de que/ti populi morj* atau terjemahan Inggerisnya, *Words of those Moro People*, iaitu Perkataan Orang Moro; tiada Malaiu atau variasinya yang disebut di situ yang menunjukkan orang di Selatan Filipina ketika itu pun tidak merujuk bahasa yang mereka pakai itu, *linqua franca* di situ, sebagai “bahasa Melayu”).

Mengikut Wikipedia (situsnya di Rujukan), “Melayu” mengikut ejaan Sepanyol dan Belanda dahulu ialah *Malayo* (sekarang ejaan Belanda: *Maleier*) dan *Malaio* mengikut ejaan Portugis (hingga sekarang pun), sehingga ada tiga mazhab asal-usul perkataan Inggeris, *Malay*: daripada Portugis dan pendapat lainnya daripada Belanda (Wikipedia), malah ada yang mengatakan terus daripada perkataan asalnya, *Malayu* (Harper 2001-2016). Mengikut sumber yang sama, *Malai(se)* mengikut ejaan Perancis untuk “Melayu” (ejaan Perancis kini ialah *malais(e)*). Sebelum abad ke-15 M, istilah yang sekarang dieja “Melayu” ini dikatakan sebagai toponim (nama tempat) lama bagi rantau sekitar Selat Melaka (Barnard 2004, pp.3), dan ini dikira jelas terjadi demikian kerana rantau yang dimaksudkan itu adalah di bawah pemerintahan kerajaan Malayapura di Palembang itu.

Tom Pires (1523) mengatakan *Malaqa* (ejaan beliau terhadap “Melaka”) itu berasal daripada perkataan Jawa *malaqa* (yang berasal daripada perkataan Jawa, *malayo* yang bermakna lari) yang bermaksud “pelaraian yang bersembunyi” (iaitu merujuk kepada sekumpulan pengikut seorang raja yang lari dari Singapura kerana dia membunuh raja yang bertakhta di negeri itu). Ini bertentangan dengan pendapat al-Attas (2011) tentang istilah *malaqa* (asal mulanya perkataan “Melaka” sekarang) yang dikatakannya daripada bahasa Arab, daripada *laqiya* yang bermakna pelabuhan dan sebagainya.

Mengikut de Eredia (1613), *Malaca* (ejaan beliau terhadap “Melaka”) daripada perkataan *Malayo* (mengikut istilah de Eredia) sedangkan *Malaya*, bagi de Eredia, merujuk kepada bahasa orang *Malayo*, iaitu “bahasa Melayu”. Bagi de Eredia, orang asal tanah yang diistilahkan sebagai *Ujontana*, iaitu wilayah yang terletak di antara tropika Kanser/Sartan dengan Khatulistiwa; dan dijelaskannya lagi, dari Tanjung Ujon Calan pada 8 darjah utara sehingga Hujung Ramonia bertentangan dengan *Pedra Branca* (Pulau Batu Puteh sekarang) di selatan. Beliau menyatakan orang di wilayah ini memang merujuk diri mereka sebagai *Malayo*. Segi asal keturunannya pula, de Eredia menjelaskan perkataan *Malaya* itu berasal daripada *Attayos* atau *Attay*, satu kaum *Seryca* dari *Scyths*, pada zaman de Eredia disebut sebagai *Cattayos*. Kelompok ini tersebar dari utara

ke selatan sehingga semenanjung dan oleh sebab itu Malayo (“orang Melayu”) adalah keturunan Attayos atau Cattayos. Pendapat ini disahkan oleh persamaan rupa jasmani “orang Melayu” yang bertamadun dengan Attayos atau Cattayos, iaitu berwarna kulit lebih cerah berbanding “orang Melayu” yang kurang bertamadun, berkulit coklat gelap. Penduduk asal semenanjung adalah orang Banuas (orang Benua; mungkin sekali orang Benua ini bermaksud Sakai) yang bersifat makarang (makan orang), berambut kerinting negro. De Eredia membezakan Malayo dengan Orang Selat (istilah de Eredia sendiri, Saletes): penduduk asal di perairan “Melaka”.

Mengikut Valentyn (1726), atau ejaan asalnya Velentijn (kerana dia seorang Belanda), “orang Melayu” distilahkan sebagai Maleyers, manakala bahasa orang ini diistilahkan sebagai Malajoe. Mengikut Valentyn ini lagi, Malajoe ini bukan sahaja lingua franca di Asia Tenggara ini malah di seluruh Hindia (India), dan bahasa ini juga digunakan dan difahami di Parsi. Ini katanya bertaraf seperti bahasa Perancis atau Latin di Eropah pada masa itu (awal abad ke-18 M). Mengikut Valyntyn lagi, Maleyers (“orang Melayu”) dahulunya tinggal di pulau Sumatera (ejaan beliau ialah Sumatra) yang dahulunya dikenali sebagai Andalas (Andelis, mengikut ejaan Valentyn) atau Minangkabau (Maningcabo, mengikut ejaan Valentyn) sehinggalah diketahui bahawa Minangkabau adalah sebuah daripada kerajaan di pulau itu, dan terdapat lebih lagi terutamanya di kerajaan Palembang (Palimbang, mengikut ejaan Valentyn) yang terletak di sebelah dalam pantai barat pada latitud 8 darjah, bertentangan dengan pulau Bangka (Banca, mengikut ejaan Valentyn), di Sungai Malayu (ejaan asalnya Malayoo, Malajoe, Mallajoo dan Maladjoo) yang mengalir mengelilingi gunung Mahameroo, kemudian turun ke Sungai Tatang kemudian ke laut.

Menurut Valentyn lagi, orang akan menyangka bahawa Malajoe (“Melayu”) mendapat namanya dari nama sungai Malayu (ejaan asalnya Malayoo, Malajoe, Mallajoo dan Maladjoo) itu dan ada juga yang menyangka sungai tersebut mendapat namanya dari sifat bangsa ini, iaitu sanggup berjerih, rajin, pantas dan terburu-buru yang sama maknanya dengan melaju (ejaan asalnya, maladjoo, mengikut sistem ejaan Belanda). Valentyn memilih pendapat yang pertama itu. Inilah rasanya yang dipetik oleh Rashid dan Ahmad Juhari (2006) tentang asal “Melayu” yang dibicarakan dalam seksyen 3.1 di atas.

Orang Malajoe di bawah raja pertamanya bernama Siri Toori Bowana (Sri Tri Buana) menyeberang ke Semenanjung atau Hujung Tanah (Hoedjough Tanah, mengikut ejaan Valentyn), dikenali sebagai Zir baad oleh ahli geografi yang bermaksud ‘bawah angin’ dalam bahasa Parsi. Kawasan ini secara umumnya dikenali sebagai Tanah Malayu sejak dari itu, meliputi daerah-daerah secara umumnya hingga ke Tenasserim (Tanassery, mengikut ejaan Valentyn);

namun secara khususnya, pada zaman Valentyn, kawasan Melaka sekarang dan sekitarnya, dianggap sebagai tempat orang Malajoe yang asli manakala mereka yang berada di Patani, Pahang, Perak (Pierah, mengikut ejaan Valentyn), Kedah (Keidah, mengikut ejaan Valentyn), Johor (Djohor, mengikut ejaan Valentyn), Bintan, Lingga, Kampar (Gampar, mengikut ejaan Valentyn), Haru, dan lain-lain di negeri yang sama atau yang di pulau Bintang, Lingga (selatan “Melaka”), atau di Sumatera. Setiap satunya disebut Malajoe (ejaan Belanda terhadap Malayu) tetapi diakhiri dengan nama negeri asal mereka seperti contoh Malajoe-Djohor atau Malajoe-Patani dan sebagainya.

6.3. *“Melayu” pada China di Tanah Besarnya*

Mengikut I’Ching (abad ke-7 M/2005: pp xl-xli) yang juga dipetik dalam Melayu Online (2005) menyatakan adanya kerajaan Mo-lo-yu/Mo-Lo-Yu di Palembang. Ramai yang berpendapat istilah ini merujuk kepada Sg Musi di Jambi kerana catatan China pada zaman itu tentang nama kerajaan Sriwijaya ialah She-li-fo-se (merujuk kepada kerajaan Sriwijaya) atau San-fot-se (merujuk kepada kerajaan di Palembang yang dikenali sebagai Dharmasraya atau Malayapura itu yang wujud sebelum kerajaan Sriwijaya dan terus wujud berselang-seli dengan kewujudan Sriwijaya ketika kerajaan ini lemah).


Dalam abad ke-13 dan ke-14 M (zaman Dinasti Yuan dan Dinasti Ming) ada disebut Ma-La-Yu dalam teks sejarahnya, yang merujuk kepada kerajaan berdekatan dengan laut selatan. Tulisan biksu-biksu China tentang nama ini pula ialah "Bok-la-yu", "Mok-la-yu", Ma-li-yu-er, Oo-lai-yu, dan Wu-lai-yu (Wikipedia). Dalam tulisan sejarah Dinasti Yuan ada disebut kerajaan Ma-li-yu-er yang berhadapan dengan perluasan kerajaan Siam Sukhothai ke selatan (Mengikut Wikipedia maklumat ini ada dalam Guoxue 2003; dan Hall 1981, pp. 190), oleh itu Ma-li-yu-er ditafsirkan sebagai Semenanjung Malaysia ini.

Istilah “bahasa Melayu” dalam judul kamus susunan zaman Dinasti Ming diistilahkan sebagai Man La yang berupa sebutan Cina terhadap Malaka (nama penuh judul kamus Cina-Melayu itu ialah Man La Jia Guo Yi Yu iaitu Senarai Perkataan Negeri Melaka yang ada dalam buku Liang Liji 1996). Ini tidak menghairankan kerana nama seluruh Semenanjung Malaysia, Singapura, Riau dan Petani (selatan Thai sekarang) pada masa itu hingga sekurang-kurangnya abad ke-18 M dikenali sebagi Malaka sahaja (Lihat peta-peta lama di Rajah 6.1-6.3).



RAJAH 6.1 Peta lama Melaka (Ancient Malacca on map)

http://1.bp.blogspot.com/_U9_BTQesB4/S49pW2xc8_I/AAAAAAAAACGg/tStmGPMtdtA/s400/melaka.jpeg




RAJAH 6.2 Peta abad ke-16/ke-17 M.

https://farm9.staticflickr.com/8602/16426605678_77b77e467f_z.jpg

Bagi penjelasan peta ini, lihat juga “Mapping the Known World, and Interpreting Maps”.

<https://parentheticalpilgrim.wordpress.com/2015/02/22/mapping-the-known-world-and-interpreting-maps/>



RAJAH 6.3 Peta *Malacca* bertarikh 1770 M.

<http://www.printsoldandrare.com/asia/232asia.jpg>

Untuk penjelasan lagi tentang peta ini sila lawati “Prints Old & Rare”.

<http://www.printsoldandrare.com/asia/index.html>

6.4. “Melayu” pada orang Hindia di Tanah Besarnya

Istilah *Malaya Dwipa/Dvipa* ada diperihal dalam kitab Hindu *Vayu Purana*, dan istilah ini merujuk kepada *Sumatera* (mengikut Wikipedia, maklumat ini ada dalam Deka 2007, pp. 57), walaupun ada juga beberapa orang sarjana Hindia yang berpendapat istilah itu sepatutnya merujuk kepada Semenanjung Malaysia sekarang kerana *Sumatera* lebih sesuai dipadankan dengan *Suvarnavdipa* (Ahir 1995, pp. 612; Gopal 2000, pp. 139; Mukerjee 1984, pp. 212; Pande 2005, pp. 266; Sarkar 1970, pp. 8). Mengikut Wikipedia lagi, perkataan *Malayur* tertera pada dinding Kuil *Brihadeeswarar* di *Tamil Nadu* yang dinyatakan sebagai nama sebuah kerajaan yang ada “sebuah bebukit yang kukuh bagi bentengnya/kubunya

yang terletak di Semenanjung Malaysia sekarang, dan jatuh ke tangan Chola dalam abad ke-11 M”.

Kebitaraan Teori Kepemimpinan Kerana Bitaranya Makna Pimpin

Pertamanya, perlulah dibuktikan bahawa kata “pimpin” itu asli Austronesia atau lebih baik lagi suku bahasa Austronesia yang masyhur, bahasa Melayu Lama atau Kunlun. Ini telah dilakukan oleh Shaharir (2010b) dan ingin disalin sahaja di sini tetapi dengan penambahan beberapa fakta lagi. Mengikut kamus bahasa suku kaum Indonesia oleh Sugiarto (1993) dan kamus bahasa Austronesia oleh Tryson (1994), perkataan “pimpin” dalam bahasa Jawa dan Sunda dengan sebutan “pingpin”; dan dalam bahasa Minang dalam sebutan “bombing”. Sebagai tambahan, orang Klate (Kelantan), Terengganu dan Petani (Pattani) menyebutnya “pipei-ng”. Menariknya lagi perkataan “pimpin” ada dalam kamus Iban oleh Vinson dan Sutlive (1994).

Bentuk perkataan ini memang tidak mengesyorkan asalnya dari perkataan yang lumrah ada dalam bahasa Melayu atau suku kaum Malayonesia, perkataan Sanskrit, malah perkataan ini tiada dalam senarai perkataan Sanskrit yang dikumpul oleh de Casparis (1997) dan Gonda (1973); dan bukan juga daripada perkataan Arab (satu lagi sumber bahasa Melayu yang lumrah) kerana pemimpin dalam bahasa Arab (mengikut Zaidi 2017) ialah amir, hakim, imam, khalifah, mudabbir, mudir, malik, mursyid, naqib, qaa'id, ra'is, raa'in, sayyid, syaykh, sulthan, dan wali. Semua ini menunjukkan “pimpin” adalah asli perkataan Austronesia, bahkan perkataan dari suku kaum yang menjadi benih bahasa Melayu, bahasa Iban.

Dalam Kamus Dewan (KD) dan Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI), pimpin bermakna memegang tangan seseorang seiring atau paling hampir dengan orang yang memegang itu dengan tidak putus-putusnya tetapi tetap di hadapan untuk dibawa bersama menuju tempat yang dikehendaki. Ini pun sudah menunjukkan bukannya tindakan pemimpin Malayonesia (berbahasa Melayu Malaysia atau Indonesia) yang beretorik jauh daripada orang bawahannya atau rakyatnya sehingga dia (atau juak-juaknya) bermadah pula “ikut saya (dia) kata, jangan turut apa yang saya (dia) buat”, atau berlakunya “cakap tidak serupa bikin”. Pemimpin Malayonesia semestinya bersama orang bawahannya walaupun ada “tempat lain” yang ingin dibawanya. Makna pimpin mengikut kamus bahasa Iban yang disebut di atas itu lagi menarik diiktibari sebagai makna memangan/inheren, bahkan intrinsik pemimpin Malayonesia, kerana maknanya “menyeberangi dari kiri ke kanan, arah burung terbang ketika menerima sesuatu alamat buruk” ; manakala mengikut legenda Iban (Guang 2005?), “pimpin” adalah sebahagian daripada gelaran seorang ketua Iban zaman awal penghijrahannya ke kawasan yang

sekarang dikenali dengan nama Sarawak, iaitu Pimpin Bragah Ngindang, yang bermaksud “burung sewah yang berlaga”.

Ini memberi konotasi bahawa “pimpin” itu mempunyai kawasan yang luas untuk meninjau dan melihat untuk menghadapi konflik dan perjuangan; iaitu pemimpin semestinya berwawasan. Daripada kajian asal usul makna “pimpin” ini sudah mengesyorkan satu daripada sifat intrinsik dan inheren pemimpin Malayonesia yang unggul dan bitara iaitu “berwawasan dalam kebersamaan”. Berlainan sekali dengan makna *lead* yang menjadi akar *leader* dan *leadership* dalam bahasa Inggeris itu sehingga timbulnya ungkapan terkenal kononnya oleh Presiden Amerika Syarikat, John F Kenendy, “Buatlah seperti yang saya kata, bukannya seperti yang saya buat”.(Mengikut Dictionary.com <http://www.dictionary.com/browse/do-as-i-say>, kata-kata itu pertama kali diucapkan dalam John Selden's Table-Talk sekitar tahun 1654 yang dikatakan berupa kata-kata agamawan): Inilah yang menjadi satu daripada punca lagi bitaranya teori kepemimpinan Malayonesia dalam bahasa Melayu berbanding dengan dalam bahasa Inggeris.

Kebitaraan Aksiom Kepemimpinan Malayonesia Pra-Islam

Kepemimpinan Malayonesia pra-Islam banyak dipengaruhi oleh karya-karya kepemimpinan Hindu-Buddha kerana para raja dan bakal raja kerajaan awal Malayonesia berbahasa Melayu, Funan (abad ke-1 hingga abad ke-6 M), Campa (abad ke-2 hingga abad ke-15 M, walaupun rajanya wujud hingga abad ke-19 M) dan Sriwijaya (abad ke-7 hingga ke-13 M) mentelaah karya-karya berkenaan dari Hindia. Ini satu daripada kebitaraan kepemimpinan Malayonesia berbanding dengan kepemimpinan berbahasa Inggeris kerana dalam abad-abad tersebut tiadalah raja atau bakal raja England dilaporkan ada mentelaah karya kepemimpinan dari mana-mana tamadun di Eropah atau luar Eropah, kerana zaman itu dinamai Zaman Gelap Eropah yang menjangkau hingga ke kurun ke-12 M. Pada abad ke-6 M hingga ke-12 M itu malah sudah ada terjemahan karya-karya dari Hindia oleh sarjana-sarjana Malayonesia, walaupun sehingga kini belumlah dijumpai karya terjemahan itu (Alinor 2016). Hal sebegini tidak berlaku dalam tamadun berbahasa Inggeris kerana terjemahan ilmu dari tamadun lain ke dalam bahasa Inggeris hanya dilakukan mulai abad ke-17 M. Untuk mengetahui pengaruh kepemimpinan Hindia ke alam Malayonesia maka kajian kepemimpinan daripada karya-karya yang ditelaah oleh raja-raja dan bakal-bakal raja Malayonesia itu perlulah dicungkil. Inilah yang hendak dilakukan di bawah ini.

Apakah karya asing dan besar zaman pra-Islam yang mempengaruhi kepemimpinan (pemerintahan raja-raja) Malayonesia? Ada dua buah karya besar oleh seorang sarjana Buddha (dari Hindia) bernama Nagarjuna (yang hidup skit.

150 – skit. 250 M) yang dilaporkan oleh Maspero (1922) dan I'Ching (abad ke-7 M), iaitu Arya Ratnavali yang dikatakan sekurang-kurangnya ditelaah di istana kerajaan Funan sehingga abad ke-6 M; dan Suhrillekha yang ditelaah di istana kerajaan Sriwijaya. Karya Nagarjuna yang kedua ini telah ditelaah oleh Zahrin (2014) yang intipatinya akan diapaparkan di sini nanti dalam bentuk aksiom kepemimpinannya. Arya Ratnavali itu, setakat yang diketahui penulis ini, belum dikaji lagi (aspek kepemimpinannya) dan itulah sebabnya dilakukan di sini. Kedua-dua karya ini digunakan untuk mendapatkan aksiom kepemimpinan Nagarjuna dan sekali gus mengenalpasti pengaruhnya di dalam sebuah karya kepemimpinan Malayonesia di prasasti yang dijumpai di Campa dan bertarikh 1010 Saka yang telah pun dikaji oleh penulis ini (Shaharir 2010b) dan oleh sebab kandungannya ialah berkenaan dengan ciri-ciri pemimpin agung, bahkan dinamainya cakravantin (terjemahan harfiahnya, tok batin dunia) maka prasasti ini dinamai Prasasti Cakravantin.

Karya Nagarjuna yang pertama itu mungkin sekali pernah diterjemah ke dalam bahasa Melayu Lama (bahasa Kunlun) kerana dalam awal abad ke-6 M sarjana Funan bernama Paramartha telah menterjemahnya juga ke bahasa China, Pai Hsing Wang Chen Lun, (mengikut Alinor 2016) atau Rin Chen Phreng Ba (mengikut Zahrin 2014) dan mengikut mereka berdua ini terjemahan ini masih ada sekarang di perpustakaan di Jepun, Taisha Shinshu Daizokyo (dan katanya yang di China sudah hilang atau disorokkan). Buku Nagarjuna yang kedua, Suhrillekha itu diterjemah ke bahasa China oleh Biksu/Sami/Tokca(i) Buddha dari China yang masyhur itu, I'Ching, berjudul Lung Shu P'u Sa Ch'üan Chieh Wang Sung yang menemui karya ini di Palembang (Pusat Sriwijaya) semasa Biksu itu berada di situ selama 7 tahun tetapi tidaklah jelas tempat I'Ching (I-Ching, I-Tsing, Yijing dan variasi lain lagi) melakukan terjemahan karya ini seperti yang diperihal oleh Zahrin (2014).

1. Aksiom kepemimpinan daripada Suhrillekha oleh Nagarjuna

Berikut ialah aksiom kepemimpinan daripada Suhrillekha itu (versi terjemahan Inggerisnya oleh Samuel Beal pada tahun 1892 terhadap versi dalam bahasa China itu) yang ditelaah oleh Zahrin (2014) yang katanya diperoleh dari internet sahaja, dan kini dicungkil intipatinya oleh penulis makalah ini pula:

NS1. Menghayati sepuluh perbuatan mulia yang berkaitan dengan jasmani, lisan dan fikiran.

[Sepuluh perbuatan mulia dalam tradisi Buddha adalah seperti berikut:

Jasmani: tidak membunuh nyawa, tidak mencuri dan tidak melakukan perbuatan asusila

Lisan: tidak berdusta, tidak memfitnah, tidak berkata-kata dengan kasar, tidak bercakap kosong

Fikiran: tidak bersikap serakah, tidak berniat jahat / berdendam, mengelak daripada pandangan yang salah]

NS2. Mengerjakan enam kesempurnaan atau sadparamita: 1) kedermawanan (dana paramita), 2) moral (sila paramita), 3) kesabaran (ksanti paramita), 4) ketekunan (virya paramita), 5) meditasi (Dhyana/samadhi paramita) dan 6) hikmah (prajna paramita). Perinciannya dalam bukunya itu.

NS3. Mengamalkan Lapan Jalan Kebenaran: pandangan, kehidupan, usaha, keprihatinan, samadhi, tutur, tindakan, dan pemikiran yang setiap satunya yang benar

NS4. Menghindar kronisme dan nepotisme

2. Aksiom Kepemimpinan daripada Ratnavali oleh Nagarjuna

Setelah mencungkil 26 perkara yang dinasihat kepada raja oleh Nagarjuna di dalam bukunya, Arya Ratnavali, versi terjemahannya ke dalam bahasa Inggeris, *The Precious Garland of Advice for a King*, terbitan Shambhala 2007, berikut ialah intipatinya yang layak menjadi aksiom kepemimpinan yang sesuai dinamai aksiom kepemimpinan Ranavali:

NR1. Menghayati Dharma (termasuk Empat Kebenaran Mulia dan Lintasan 8-Lipatan Mulia menuju ke Nirvana)

[sehingga berkhidmat deminya, menjauhkan diri drp mengejar kemasyhuran atau objek keinginan nafsu; dan mendelegasikan kerja kepada orang yang tidak mengacau/intrusif di dalam mandala Dharma, di samping tidak tamak-haloba (covetousness), pintar, bijak, asyik berbakti kepada kebaikan dan takut membuat salah].

NR2. Menghayati empat landasan mutu berjasa (meritorious quality): tiada kebohongan, melepaskan kekayaan tetapi menghindari kedhaifan dan rasuah, ketenangan yang mendalam, dan kebijaksanaan

NR3. Saksama

NR4. Amanah

NR5. Prihatin pada keselamatan

NR6. Cakna rakyat/orang bawah/makhluk amnya

[Menganggap dirinya seperti pokok rendang/bayang penerbit-buah dan burung berkicau; menjadikan dirinya bak saudagar yang berkira-bicara dengan penderitaan atau hak istimewa; Memastikan kemoralan, pemberian, dan daulah/kebesaran (majesty) menjadi bak juadah-kueh-mueh (confection) penuh perisa dengan bitaranya); menyedia keadaan yang membolehkan seseorang membuat keputusan dengan berhati-hati; bertawadhuk, kesucian, dan syafakat/belas-kasihan (compassion)]

NR7. Pemotivasi yang betul

NR8. Menjadi bodhisattva (melepasi tahap kesian-belas tertinggi, berjaya mengamal sadparamita, berjaya melalui 10-Bhumi dan Pertapaan)

- NR9. Tidak mudah makan dipuji tetapi cepat memberi pujian dan penghargaan kepada yang selayaknya
- NR10. Menerima nasihat dan wacana kenyataan berdaya refleksi
- NR11. Mengambil iktibar daripada kebaikan
- NR12. Menghormati orang yang lebih tua, keluarga adi/superior dan dapat membeza-jelas betul-salah, orang yang tidak suka kepada perbalahan.
- NR13. Beraura dan berkarisma [merujuk kepada Buddha sendiri]

3. Aksiom kepemimpinan Nagarjuna

Berikut ialah aksiom kepemimpinan daripada dua buah karya Nagarjuna di atas, Suhrillekha dan Arya Ratnavali:

- AN1= NS1: Menghayati Sepuluh Perbuatan Mulia yang berkaitan dengan jasmani, lisan dan fikiran.
- AN2=NS2: Mengerjakan Enam Kesempurnaan atau Sadparamita
- AN3 = NR1: Menghayati Dharma
- AN4 = NR2: Menghayati Empat Landasan Mutu Berjasa (Meritorious Quality): tiada kebohongan, melepaskan kekayaan tetapi menghindari kedhaifan dan rasuah, ketenangan yang mendalam, dan kebijaksanaan
- AN5=NR3: Saksama
- AN6=NR4: Amanah
- AN7=NR5: Prihatin pada keselamatan
- AN8=NR6: Cakna rakyat/orang bawah/makhluk amnya
- AN9=NR7: Pemotivasi yang betul
- AN10=NS4: Menghindar kronisme dan nepotisme
- AN11=NR9: Tidak mudah makan dipuji tetapi cepat memberi pujian dan penghargaan kepada yang selayaknya
- AN12=NR10: Menerima nasihat dan wacana kenyataan berdaya refleksi
- AN13=NR11: Mengambil iktibar daripada kebaikan
- AN14=NR12: Menghormati orang yang lebih tua, keluarga mulia dan dapat membeza-jelas betul-salah, orang yang tidak suka kepada perbalahan.
- AN15=NR13: Tokoh beraura dan berkarisma [asalnya bersesuaian dengan tokoh Buddha]

Aksiom ini diperoleh setelah mencerapi bahawa “NS3. Mengamalkan lapan jalan Kebenaran” adalah termasuk dalam “NR1: Menghayati Dharma”; “NR8. Menjadi bodhisattva” ada dalam “NS2. Mengerjakan enam kesempurnaan atau sadparamita”. Untuk mengetahui pengaruh kepemimpinan Nagarjuna ke atas kepemimpinan Malayonesia, kajian kepemimpinan daripada prasasti Malayonesia pra-Islam dalam bahasa Melayu perlulah diperoleh terlebih dahulu seperti di bawah ini.

Kebitaraan aksiom kepemimpinan Malayonesia pra-Islam

Sumber teori kepemimpinan Malayonesia pra-Islam dalam bahasa Melayu dapat diperoleh daripada prasasti Campa dan Sriwijaya. Sepatutnya prasasti Funan dan Mon juga perlu dikaji tetapi adalah terkenal tiadanya prasasti Funan walaupun ada agak banyak juga prasasti Khmer Lama (Kemboja) yang bertarikh sebelum abad ke-7 M (lihat Lampiran 2), dan kami belumlah beroleh prasasti Mon. Mon sebagai satu daripada bahasa Austronesia baharu sahaja diisytiharkan oleh Cooler (2016) dan sekumpulan sarjana di Humboldt, Jerman (Internet Mon), dan kajian Shaharir (2011) terhadap sebuah kamus bahasa Mon-Inggeris oleh Shorto (1971) juga mengukuhkan dakwaan ini kerana kajian itu menunjukkan ada sekitar 19% perkataan Mon dalam kamus tersebut yang dapat dikenali sebagai sama dengan perkataan dalam bahasa Melayu kini.

Apa pun satu daripada unsur bitaranya teori kepemimpinan pra-Islam dalam bahasa Melayu ialah betapa lamanya karya tersebut terdahulunya daripada bahasa Inggeris, iaitu telah ada pada abad ke-7 M ketika belum adanya tulisan dalam bahasa Inggeris, dan sebuah lagi yang lebih komprehensif lagi bertarikh abad 1088 M pun jauh lebih tua daripada karya kepemimpinan pertama dalam bahasa Inggeris yang berupa terjemahan sekali pun, iaitu terjemahan terhadap karya sarjana Italia, Machiavelle, *Il Principe* dalam tahun 1640 dengan judul yang kita akrab *The Prince*; karya asli dalam bahasa Inggeris yang pertamanya pun berlaku dalam tahun 1651, oleh Hobbes, berjudul *Leviathan* (diterbitkan semula 1996) pun amat baharu bebanding dengan karya asli dalam bahasa Melayu itu.

Kedua-dua karya dalam bahasa Inggeris ini terkenal dengan aksiom kepemimpinan sekular, anti-agama (Kristian yang dapat diperluaskan pada semua agama) atau ateis, iaitu dalam buku Mechiavelle itu terungkapnya prinsip kepemimpinan yang keramat “faedah membenarkan kaedah”; manakala dalam buku Hobbes itu diperakukan kepada pemimpin supaya menyedari bahawa agama adalah kuasa subversif yang perlu dikawal atau dihindari langsung. Kedua-dua aksiom kepemimpinan Malayonesia pra-Islam yang asli ini dibicarakan di bawah ini yang sekali gus kemudian digunakan untuk mengkaji pengaruh teori kepemimpinan Nagarjuna di dalamnya. Ini satu lagi kebitaraan kepemimpinan Malayonesia, iaitu pemimpinnya cita-agama, manakala Barat (menerusi karya terawalanya) adalah anti-agama atau ateis.

1. Aksiom kepemimpinan daripada prasasti Sriwijaya abad ke-7 M
Berikut ini ialah aksiom kepemimpinan Sriwijaya yang diperoleh daripada prasastinya (dalam versi bahasa Melayu Lama, atau sebuah versi Kunlun di Palembang, Sumatera), Prasasti Kedukan Bukit bertarikh 605 Saka (=683 M) dan Prasasti Talang Tuwo bertarikh 606 Saka (=684 M)

berdasarkan terjemahan prasasti ini oleh Noriah (1999) dan Coedes dan Damais (1992):

PSw1: Agamawan (agama Buddha)

PSw2: Citahambawanisme (hambawanisme, drpd perkataan “hamba” jauh lebih luas dan mengakar daripada feudalisme seperti yang dijelaskan oleh Shahrir 2016)

PSw3: Citasubahagia rakyat/orang bawahan/pekerja. [Menerusi dasar ekonomi/pembangunan subahagia: memastikan banyak parlak (taman botani pemerintah yang ada pelbagai buah-buahan untuk makanan semua makhluk), keterlestarian ilmu dan rohani, sektor pertanian menjadi, segala pekerja sihat, rakyat tiada ditimpa bencana, tiada seksaan/pidana, tiada penyakit termasuk swapnawighna/insomnia, awet muda/ajara, tiada kecurian, berpekerjaan yang baik, tiada kecurangan, tiada pembunuhan, tiada penzinaan/paradara, baik hati/tyaga, marsila (mengikut sila/fadilah/mahmudah), sabar/ksanti, dianugerahi kekuatan pandangan/dhairyyamani, rajin, tahu seni/samisrana, beroleh sahabat yang bijaksana/kalyanamitra, citawaropaya (cita melakukan cara terbaik dalam semua perkara menerusi madyamaka yang sepadan dengan pekerjaan secara wusta), dan mengharap semua mencapai tahap kecerahan/aufklami yang sempurna mengikut ajaran buddha. Semua ini dibicara dengan perincinya oleh Shahrir dan Alinor (2014)]

PSw4: Citabodhisattva

PSw5: Citawidya (boleh disesuaikan dengan Citailmu sekarang)

PSw6: Citawaropaya/Citamadyamaka (sepadan dengan Citawusta dalam kepemimpinan Malaysia Islam nanti)

2. Aksiom kepemimpinan daripada prasasti Cakravantin, Campa abad ke-11. Ini pula lima aksiom kepemimpinan yang dicungkil daripada prasasti Campa (satu versi bahasa Kunlun, bahasa Melayu Lama) di Vietnam yang menceritakan 32 sifat yang ada pada seseorang cakravantin (pemimpin dunia atau tok batin dunia) bertarikh 1010 Saka (=1088 M) oleh itu dinamai Prasasti Cakravantin (Shahrir 2010b):

PCV(i). Tokoh yang beraura dan berkarisma.

PCV (ii). Agamawan (asalnya agamawan Buddha).

PCV (iii). Berilmu, berbudi dan berhikmah termasuk dalam ketahanan negara.

PCV (iv). Benilai/bersila adi atau mahmudah

PCV(v). Berstrategi (termasuk merasuah/meng-upapradana)

3. Aksiom Kepemimpinan Malayonesia pra-Islam

Gabungan aksiom kepemimpinan prasasti Sriwijaya dan Cakravartin di atas menerbitkan aksiom kepemimpinan Malayonesia praislam yang berikut:

PMPI(i). Tokoh yang beraura dan berkarisma.

PMPI (ii). Agamawan (asalnya agamawan Buddha)

PMPI (iii). Citahambawanisme

PMPI (iv). Citasubahagia rakyat/orang bawahan/pekerja

PMPI (v). Berilmu/Berwidya, berbudi dan berhikmah termasuk dalam ketahanan negara.

PMPI (vi). Citabudhisattva

PMPI (vii). Memiliki nilai/sila mulia atau mahmudah (mengikut ajaran Buddha)

PMPI (viii). Berstrategi (termasuk merasuah/meng-upapradana)

PMPI (ix) Citawaropaya/Citamadyamaka (sepadan dengan Citawusta)

4. Kajian pengaruh teori kepemimpinan Nagarjuna di dalam kepemimpinan Malayonesia pra-Islam

Pengaruh teori kepemimpinan Nagarjuna dalam kepemimpinan Malayonesia pra-Islam ialah keperluan pemimpin itu seorang agamawan (Buddha), menghayati nilai-nilai mulia di sisi ajaran Buddha yang tersirat di dalam “PMPI(v). Cita Bodhisattva” dan “PMPIvii). Memiliki nilai/sila mulia atau mahmudah (di sisi ajaran Buddha)”; di samping adanya nilai kebuddhaan baharu dalam senarai “PMPIiv). Citasubahagia” itu termasuklah bertoleransi rasuah, dan memeluk hambawanisme. Aksiom berwidya atau berilmu (mengikut acuan Buddha) itu juga kesinambungan aksiom kepemimpinan Nagarjuna.

Aksiom kepemimpinan Malayonesia-Islam

Aksiom kepemimpinan Malayonesia-Islam yang terbaik diperoleh menerusi kajian aksiom kepemimpinan yang ada dalam karya-karya besar dalam bahasa Melayu Jawi (termasuk sebuah prasasti, Batu Bersurat Terengganu 1309 M); dan peribahasa yang dikumpul oleh Abdullah dan Ainon (1993) dalam Rumi (yang dianggap dicipta dalam zaman Malayonesia Islam, atau telah diislamkan menerusi bahasa Melayu Jawi, tetapi yang tertua dikumpul dalam Bahasa Melayu Jawi mungkin sekali oleh Shellabear 1909, Kitab Kiliran Budi (pnyut. bersama dengan Sulaiman bin Muhammed Nur), terbitan Methodist Publishing House, Singapore, diikuti oleh karya Muhamad Adnan M.A. 1933, Tikaman Bahasa yang diterbitkan semula dalam Jawi oleh DBP 1993). Karya besar yang ditelaah untuk

keperluan ini ialah Hikayat Raja Pasai (abad ke-15 M), Taj al-Salatdin oleh Bukhary al-Jawhary/Jauhari al-Jauhari (1603 M), Sulalaht al-Salatdin (nama baharunya, oleh orientalis, Sejarah Melayu) oleh Tun Seri Lanang (1612 M), dan Bab 4 daripada Bustan al-Salatdin oleh Nur al-Dyn al-Ranyry/Nuruddin al-Raniri (1638 M). Semua ini telah dilakukan oleh Shaharir (2010b, 2013, 2017c) yang semuanya mendahului karya-karya kepemimpinan dalam bahasa Inggeris yang telah disebut dahulu; dan hasilnya seperti berikut, dirujuk sebagai aksiom kepemimpinan dari pribahasa, PPribaS:

PPribaS1: Citasyura.

PPribaS2: Citailmu dan citaselidikan.

PPribaS3: Bijaksana

PPribaS4: Bertatasusila dalam ketegasan

PPribaS5: Berhati-hati dan adil

PPribaS6: Citawusta

PPribaS7: Bertanggungjawab

PPribaS8: Citahambawanisme

Kini disedari PPribaS2 terkandung dalam PPribas5; dan perlunya ditambah satu lagi aksiom di atas, iaitu:

PPribaS9: Budiman

Dalam konteks “budi” dalam peribahasa yang ada, setakat ini, sebanyak 24 buah (lihat Lampiran 3) terutama budi bahasa, budi bicara, budi pekerti, dan akal budi sehingga keseluruhannya membentuk orang Malayonesia berbahasa Melayu berfikir atau membuat keputusan yang baik, atau mempengaruhi seseorang berasaskan budi lalu membentuk mantik/lojik budi seperti yang diperkatakan oleh Lim (2003) dan Hassan (2003).

Batu Bersurat Terengganu (BBT) bertarikh 1309 M (Ahmad Adam) atau 1303 M (al-Attas) berupa karya dalam bahasa Melayu Lama dalam tulisan Jawi yang tertua dan Shaharir (2013) telah mencungkil aksiom kepemimpinan daripada BBT (al-Attas 1303 M) itu:

PBBT1: Mengakui pemimpin hanya sebagai bayangan Allah di bumi (Zilal al-Llah fi al-Ardh).

PBBT2: Tidak radikal atau revolusioner

PBBT3: Pragmatis

PBBT4: Menegak keadilan

PBBT5: Berjiwa rakyat

Sekarang perlulah dibandingkan aksiom kepemimpinan daripada peribahasa di atas dengan aksiom kepemimpinan daripada BBT itu dan seterusnya dipersuakan lagi dengan aksiom kepemimpinan daripada karya besar dalam bahasa Melayu Jawi dengan tujuan memperbaiki lagi senarai aksiom itu. Sebelum itu, kita perlu menyatukan aksiom kepemimpinan daripada karya-karya besar itu dengan aksiom daripada peribahasa itu. Pertamanya, diperoleh aksiom kepemimpinan daripada Hikayat Raja Pasai (HRP) (abad ke-15 M) yang telah pun dicungkil oleh Shahrir (2010b), iaitu:

(PHRP1): Pemelihara amal ma'aruf; (PHRP2): Tidak tamak; (PHRP3): Tidak minat perkara yang tiada manfaat akhirat; (PHRP4): Ikhlas; (PHRP5): Adil; (PHRP6): Syura; dan (PHRP7): Penyabar.

Jelaslah aksiom (PHRP2) terkandung dalam PPribS6, (PHRP5) dan (PHRP6) masing-masingnya ada dalam PPribaS5 dan PPribaS1. Ini mengesyorkan penambahbaikan aksiom kepemimpinan daripada peribahasa itu boleh dan patut dilakukan dengan menambah kepadanya (PHRPm), $m=1,3,4$ dan 7.

Selanjutnya, aksiom PPribaSm dan (PHRPm) $m=1-4,7$ itu perlulah dipersuakan dengan aksiom kepemimpinan daripada Sulalahaht al-Salatdin (Sejarah Melayu) oleh Tun Sri Lanang 1612 yang berikut (Shahrir 2010b): PTSL1) Khilafah (berpemerintahan Islam dengan ketua pemerintah bergelar khalifah atau setaranya)

PTSL2) Bersyura

PTSL3) Menjaga maruah orang yang dipimpin (orang bawahan)

PTSL4) Tiada toleransi terhadap kritikan terbuka

Seperti yang dibincangkan dalam Shahrir (2017c), aksiom PTSL1) dan PTSL2), memang merangkumi hampir kesemua aksiom kepemimpinan berasaskan peribahasa di atas, PPribaSm, $m=1$ hingga 8 di atas, kecuali aksiom kedualapan, PPribaS8. Namun aksiom PTSL4), hampir-hampir menyamai, atau menggalakkan, berlakunya aksiom PPribaS8 itu; manakala istilah khilafah itu bukan sahaja terlampau umum bahkan terlampau mengunggul-unggulkan tugas kepemimpinan zaman Kesultanan Melaka sahaja. Tambahan pula mengikut al-Ranyry (1638) gelaran khalifah hanya layak untuk Khalifah al-Raasyidin sahaja dan ini terbukti pula dengan pemerintah-pemerintah zaman 'Uthmaniyah yang tiada seorang pun digelar khalifah secara rasminya, tetapi digantikan dengan gelaran Sultan sahaja (walaupun sejarawan Barat-Inggeris menggunakan istilah Caliph, penginggerisan khalifah, sahaja). Aksiom ketiga, PTSL3), juga meletakkan keadian (kesuperioran) pemimpin yang mudah disalahgunakan oleh pemimpin sendiri.

Oleh itu tidak hairanlah aksiom kepemimpinan PTSLm) seluruhnya tidak sesuai menjadi amalan terbaik dahulu pun, malah itulah yang menjadi satu daripada punca kejatuhan kesultanan Melaka seperti yang dipaparkan dalam buku Tun Sri Lanang itu sendiri yang menggambarkan ketiadaan penghayatan PTSLm), $m=1,2,3$ itu. Selanjutnya, “PPribaS2: Citailmu dan citaselidik” dan “PTSL3: Menjaga maruah orang yang dipimpin (orang bawahan)” ada dalam “PPribaS5: Berhati-hati dan adil”. Dengan perbincangan di atas, jelaslah hanya PTSL3) sahaja yang perlu digabungkan dengan aksiom kepemimpinan daripada peribahasa itu lalu menghasilkan aksiom kepemimpinan yang berikut (bertambah satu aksiom lagi. aksiom terakhir itu, berbanding dengan aksiom ini dalam Shahrir 2017c):

PPSL1: Citasyura.

PPSL2: Bijaksana

PPSL3: Bertatasusila dalam ketegasan

PPSL4: Berhati-hati dan adil

PPSL5: Citawusta

PPSL6: Bertanggungjawab

PPSL7: Citahambawanisme.

PPSL8: Budiman (mengikut konteks budi dalam peri bahasa, budi yang bermakna aqal/intelek yang ada dalam Kamus Winstedt 1972, dan unsur mantik yang diperihal oleh Lim 2003)

Sementara itu Shahrir (2017c) menerbitkan 5 aksiom kepemimpinan Bukhary al-Jawhary/Bukhari al-Jauhari (1603) dalam Taj al-Salatdin-nya itu, yang berikut:

(PaJ1) Berhemat

(PaJ2) Ulil albab atau budiman

(PaJ3) Berilmu qiyafah dan firasah

(PaJ4) Sakhawah atau dermawan, dan ihsan

(PaJ5) Wafa’ atau setia dan ‘ahd atau berpegang janji

Ini mengambil kira makna “berhemat” mengikut Bukhary al-Jawhary yang agak berbeza dengan kefahaman sekarang, iaitu sebagai termasuklah cermat, teliti, tegas, berjiwa rakyat, adil, melestarikan agama, tawadhuk, menjaga kesihatan, memuliakan ilmuwan dan budiman dan tidak makan dipuji, dan turut berjuang di medan perang (bertindak sebagai jeneral); dan ulil albab atau budiman (tidak sama dengan budiman sekarang) mengikut beliau juga sebagai yang memenuhi semua sifat ilmuwan dalam 17 ayat al-Qur’an tentang ulil albab itu, dan oleh itu bersesuaian pula dengan tafsiran Ali Syari’ati (1984) tentang ulil albab ini sebagai cendekiawan awam (Islam). Di samping itu budi ini boleh ditambah maknanya sehingga merangkumi budiman dalam PPSL8 di atas.

Shaharir (2017c) juga menghasilkan aksiom kepemimpinan al-Ranyry seluruhnya daripada Bab 4 Bustan al-Salatdin-nya 1638 dan versi baharunya 1639 seperti berikut:

- (PaRS1) Sabar
- (PaRS2) Ikhlas dan penuh adab
- (PaRS3) berjiwa rakyat (diperincikan dalam Bab 6 karya al-Ranyry itu)
- (PaRS4) Pemaaf
- (PaRS5) Penegak hukum Allah
- (PaRS6) Tidak lalai dengan hal keduniaan
- (PaRS7) Citailmu
- (PaRS8) Adil
- (PaRS9) Tawadhu' (merendah diri kepada Allah dan manusia)
- (PaRS10) Teliti dalam segala pekerjaan
- (PaRS11). "Terlebih berani dengan hatinya" (diperincikan dalam Bab 6 karya al-Ranyry itu)
- (PaRS12) Taqwa.

Sementara itu lagi, gabungan aksiom kepemimpinan al-Jawhary, (PaJm), dan aksiom kepemimpinan al-Ranyry, (PaRSn), menghasilkan set 8 aksiom kepemimpinan Malayonesia al-jawhary-al-Ranyry yang berikut (Shaharir 2017c):

- PaJaR1 = (PaJ1): Berhemat
- PaJaR2: Ulil albab dan budiman (Ini berbeza dengan PaJaR2 dalam Shaharir 2017c kerana kehadiran "dan" menggantikan "atau" akibat takrif budi yang baharu yang dijelaskan sebelum ini)
- PaJaR3 = (PaJ3): Berilmu qiyafah dan firasah
- PaJaR4 = (PaJ4): Sakhawah atau dermawan, dan ihsan
- PaJaR5 = (PaJ5): Wafa' atau setia dan 'ahd atau berpegang janji
- PaJaR6 = (PaRS1): Sabar
- PaJaR7 = (PaRS2): Ikhlas dan penuh adab
- PaJaR8 = (PaRS4): Pemaaf

Perhatikan aksiom kepemimpinan HRPm, m=1 dan 3 ada di dalam PaJaR2 sehingga aksiom HRP yang masih relevan hanyalah HRPm, m=4 dan 7; tetapi aksiom kepemimpinan HRPm, m= 4 dan 7, sama sahaja dengan PaJaRm, m=6,7 sehingga menjadikan aksiom kepemimpinan HRP seluruhnya tidak relevan lagi.

Tentang aksiom kepemimpinan Malayonesia Islam terawal daripada Batu Bersurat Terengganu, PBBT di atas, juga sudah diatasi oleh aksiom kepemimpinan al-Jawhari dan al-Ranyry, PaJaRm, malah PBBT1 dan PBBT2

ada dalam PaJaR1; PBBT3 ada dalam PaJaR2; PBBT4 ada dalam PPSL4; manakala PBBT5 ada dalam PaJaR4.

Sekarang, gabungan etimologi “pimpin” (seksyen 3), aksiom PaJaR_m, m=1 hingga 8 (kepemimpinan al-Jawhary dan al-Ranyry), dengan PPSL_n, n=1 hingga 8 (kepemimpinan peribahasa dan Tun Sri Lanang) dan pengislaman aksiom kepemimpinan Malayonesia pra-Islam menghasilkan aksiom kepemimpinan Malayonesia yang bitara:

AKPiM0= (Pengislaman PMPI(i)) = beraura dan berkarisma

AKPiM1= PPSL1: Citasyura.

AKPiM2 = PPSL3: Bijaksana

AKPiM3 (PPSL4 dan PaJaR7 = (PaRS2)): Bertatasusila/penuh adab dan ikhlas dalam ketegasan

AKPiM4 (PPSL5 dan PaJaR1= (PaJ1)): Berhemat (mengikut pengertian al-Jawhary)

AKPiM5 = PPSL6: Citawusta

AKPiM6 = PPSL7: Bertanggungjawab

AKPiM7: Berwawasan dalam kebersamaan (terbit daripada makna “pimpin”)

AKPiM8 = PaJaR2 = (PaJ2): Ulil albab dan budiman (dengan makna “budi” yang luas)

AKPiM9 = PaJaR3 = (PaJ3): Berilmu qiyafah dan firasah

AKPiM10 = PaJaR4 = (PaJ4): Sakhawah atau dermawan, dan ihsan

AKPiM11 = PaJaR5 = (PaJ5): Wafa’ atau setia dan ‘ahd atau berpegang janji

AKPiM12 = PaJaR6 = PaRS1: Sabar

AKPiM13 = PaJaR8 = PaRS4: Pemaaf

AKPiM14 = (Pengislaman PMPI (iii)) = citasubahagia

AKPiM15= (Pengislaman PMPI(Viii)) = Berstrategi

Aksiom di atas diperoleh dengan menyedari bahawa “berhemat” dalam PaJaR1= (PaJ1) adalah mengikut al-Jawhary, dan “budiman” dalam (PaJaR2) adalah penambah-baikkan (PaJ2) supaya termasuklah makna budiman mengikut al-Jawhary (1603), Ali Syari’ati (1984), Lim (2003), Hassan (2003) dan “budi” dalam seluruh peribahasa, dan Winstedt (1972); manakala “PPSL7: Citahambawanisme” sudahpun dihapuskan oleh al-Jawhary dan al-Ranyry, dalam aksiom kepemimpinan mereka itu. Aksiom kepemimpinan Malayonesia pra-Islam yang layak diislamkan hanya aksiom pertama, keempat dan kedualapan kerana yang lain itu begitu sarat dengan kehinduan dan kebuddhaan yang telah pun digantikan atau terganti dengan aksiom-aksiom keislaman yang sedia ada dalam AKPiM yang lain itu.

Kebitaraan aksiom kepemimpinan Malayonesia

Kebitaraan aksiom kepemimpinan Malayonesia (terbaik setakat ini) yang disenaraikan di atas adalah kerana pemerolehannya yang berasaskan pada takrif perkataan asasi bidang ini dalam bahasa Melayu (seperti pimpin, berhemat, dan budi) dan karya-karya asli dalam bahasa Melayu yang cukup berbeza dengan makna perkataan itu dalam bahasa Inggeris lalu menghasilkan aksiom kepemimpinan yang bitara berbeza; dan semua ini berlaku mendahului karya dalam bahasa Inggeris. Aksiom yang diperoleh ini jika digabungkan dengan aksiom kepemimpinan Tamadun Islam (2017c) juga dibuktikan lebih tepat dan komprehensif berbanding dengan aksiom kepemimpinan mutakhir dalam bahasa Inggeris seperti aksiom Kepemimpinan Kirkeby (2000): Eubolia, Euforia, Hipomon, Prolepsis, Epibol dan Maieutik. Namun dengan ketiadaan bersamanya aksiom kepemimpinan Tamadun Islam, sejauh mana aksiom kepemimpinan Malayonesia Islam di atas mampu menyaingi aksiom Kirkeby ini?

Dalam eubolia (kebolehan berfikir dengan litirnya dan memerincikan dengan menyeluruhnya) itu tiadalah tertonjolnya kepentingan kebolehan pemimpin yang lebih komprehensif lagi yang ada dalam “AKPiM8: Ulil albab dan budiman”, “AKPiM7: Berwawasan dalam kebersamaan”, dan, “AKPiM9 =: Berilmu qiyafah dan firasah”. Euforia memang tiada dalam mana-mana aksiom AKPiMs di atas tetapi aksiom ini dianggap terlampau mengikut emosi dan pengawalannyalah yang penting seperti yang tersirat dalam “AKPiM4: Berhemat”. Hipomon (kemampuan bersabar) memang sama dengan “AKPiM12: Sabar”. Prolepsis (mengantisipasi, mencerminkan kemampuan memperkayakan pengetahuan lazim dengan kuasa pengalaman peribadi) memang sukar dipadankan dengan mana-mana aksiom AKPiMs, s=0 hingga 15, kerana prolepsis memerlukan pemimpin yang bijak menghadapi krisis semasa dan kelakis (futuristic); tetapi ini mungkin boleh termanifestasi menerusi “AKPiM2: Bijaksana” dan “AKPiM15” Berstrategi”. Epibol (hampir setara dengan berdaya intuisi atau wijdan) termanifestasi menerusi “AKPiM2: Bijaksana”; dan Maieutik hanya satu kecenderungan memperoleh pengetahuan baharu menerusi kaedah soal-jawab bersiri bagi mencapai kecemerlangan sedangkan tiadalah sebabnya kaedah ini yang perlu ditonjolkan sedangkan banyak kaedah lain lagi yang diamalkan oleh para bijaksanawan (“AKPiM2: Bijaksana”), budiman “AKPiM8: Ulil albab dan budiman”, dan “AKPiM15: Berstrategi” itu.

Bagaimana kedudukan aksiom AKPiMs itu jika dibandingkan dengan aksiom kepemimpinan dalam bahasa Inggeris yang laris jualannya karya Covey (1989, snt ke-15 terbitan 2004 dan ada yang dicetak semula pada 2013 oleh Simon & Schuster untuk ulang tahun ke-25-nya). Segi kepemimpinan, buku ini menonjolkan tiga aksiom kepemimpinan yang berkesan (aksiom kepemimpinan Covey), iaitu proaktif, mulakan dengan pengakhiran dalam minda/akal-budi, dan

fikirkan menang-menang. Persoalannya, adakah aksiom ini tersirat, atau serasi dengan dalam 13 aksiom kepemimpinan Malayonesia Islam, AKPiM, di atas? Secara amnya aksiom kepemimpinan berkesan Covey ini tersirat dalam aksiom “AKPiM4: Berhemat”, “AKPiM7: Berwawasan dan kebersamaan”, dan “AKPiM8: Ulil albab dan budiman”, dan yang lebih penting lagi “AKPiM15: Berstrategi” kerana tiga aksiom Covey ini memerlukan aqal budi berstrategi.

Berdasar pada beberapa buah karya bidang kepemimpinan yang laris jualan 2011 hingga 2017, ada 4 aksiomnya, iaitu:

- (PLJ1) Pemimpin yang sanggup berkorban keselesaan termasuk kemandiriannya bagi tujuan kebaikan orang bawahannya (Sinek 2017),
- (PLJ2) Pemimpin yang mampu membentuk pasukan bekerjasama yang saling mempercayai dalam perkara yang difokus pada hal yang sama dibenci dan yang sama disukai (Sinek 2016),
- (PLJ3) Pemimpin yang sentiasa menyoal “kenapa?” kepada dirinya dan organisasinya supaya menginspirasi anak buahnya melakukan tindakan (Sinek 2011), dan
- (PLJ4) Pemimpin sebagai pemotivasi yang menghayati tiga unsur motivasi: autonomi, kemesterian (mastery), dan kasad pada orang bawahannya (Pink 2011).

Adakah 4 aksiom ini ada atau serasi dengan AKPiMs di atas? Secara amnya, (PLJs), $s=1$, dan 3 boleh dipadankan dengan AKPiM8 dan AKPiM15 terutamanya untuk (PLJ3); dan (PLJs), $s=2$ dan 4 dengan AKPiM1 dan AKPiM4, dan lebih penting lagi AKPiM15.

Kesimpulan

Kepemimpinan Malayonesia sebelum abad ke-20 memanglah bitara berbanding dengan kepemimpinan Inggeris dalam tiga aspek, iaitu aspek kedahuluanya, pengaruh bahasanya, dan matan aksiom kepemimpinannya yang bersifat keagamaan (Buddha dan Islam), dan malah masih boleh menandingi aksiom kepemimpinan Inggeris kini juga.

Lampiran

Prasasti dalam Bahasa Melayu Purba/Kuno/Lama/Pra-Islam

1. Prasasti Dong Yen Chau di Đông Yên Châu, Vietnam (dahulunya Campa/Champa), akhir abad ke-4 (paling tua)
2. Prasasti Sojomerto, Desa Sojomerto, Kecamatan Reban, Batang, Jawa Tengah, awal abad ke-7.
3. Prasasti Kedukan Bukit, Palembang, Sumatera Selatan, 16 Juni 682 M
4. Prasasti Talang Tuwo, Palembang, Sumatera Selatan, 23 Maret 684 M
5. Prasasti Kota Kapur, Kota Kapur, Bangka 686 M
6. Prasasti Bukateja, Bukateja, Purbalingga, Jawa Tengah, abad ke-6 M atau ke-7 M
7. Prasasti Karang Brahi, Karangbrahi, Jambi, abad ke-7 M
8. Prasasti Telaga Batu, Palembang, Sumatera Selatan, abad ke-7 M
9. Prasasti Palas Pasemah, Palas, Lampung, abad ke-7 M
10. Prasasti Mañjuçrighra, Candi Sewu, Prambanan, Klaten, Jawa Tengah, 2 Nov. 792 M
11. Prasasti Raja Sankhara, Sragen, Jawa Tengah, abad ke-8 M (kini hilang)
12. Prasasti Kayumwungan, Karangtengah, Temanggung, Jawa Tengah 824 M (dwibahasa, Melayu Kuno dan Jawa Kuno)
13. Prasasti Gandasuli I dan II, Candi Gondosuli, Desa Gondosuli, Kecamatan Bulu, Temanggung, Jawa Tengah 832 M
14. Keping Tembaga Laguna, Manila, Filipina 900 M
15. Prasasti Kebon Kopi II, Ciampea, Bogor, Jawa 932 M
16. Prasasti Hujung Langit, Hujung Langit, Lampung, Sumatera 997 M
17. Prasasti Dewa Drabya, Dieng, Jawa Tengah (zaman Kerajaan Mataram Kuno)
18. Prasasti Padang Roco, Dharmasraya, Sumatera Barat, 1286 M (dwibahasa, Melayu Kuno dan Sanskerta)
19. Prasasti Rambatan, Rambutan, Tanah Datar, Sumatera Barat, 1291 M
20. Prasasti / Batu Bersurat Terengganu, Trengganu (Malaysia), 1309 M (Satu-satunya prasasti dalam Bahasa Melayu Lama tetapi dalam Jawi dan berunsur Islam)
21. Prasasti Akarendra, Suruaso, Sumatera Barat, 1316 M (dwibahasa, Melayu Kuno dan Sanskerta)
22. Prasasti Bukit Gombak, Pagaruyung, Sumatera Barat, 1356 M (dwibahasa, Melayu Kuno dan Sanskerta)
23. Prasasti Suruaso, Suruaso, Sumatera Barat (dwibahasa, Melayu Kuno dan Sanskerta), zaman Adityawarman, raja pertama Pagaruyung 1347-1375.
24. Prasasti Lubuk Layang, Rao Selatan, Sumatera Barat (bahasa campuran Melayu Kuno dan Jawa Kuno), zaman Adityawarman, raja pertama Pagaruyung 1347-1375.

25. Prasasti Minyetujuh, Minye Tujuh, Aceh, 1380 M
26. Prasasti (Batu Bersurat) Pengkalan Kempas, Port Dickson, Negeri Sembilan 1463 M (Satu-satunya prasasti dalam Bahasa Melayu Lama dalam Pallava dan Jawi)

Beberapa buah prasasti zaman Funan dan Funan-Chenla

(yang diperoleh daripada Billiard dan Eade (2006), hasil usaha Zahrin M.A. 2015). Tahun pada prasasti ini (dalam Saka = tambah 78 tahun lagi untuk tahun Masihi) kebanyakannya dalam perkataan sahaja (tiada simbol/lambang angkanya).

Dipilih berasaskan adanya angka dalam teksnya.

- 520 Saka · Prasasti Robang Romas · K.151
- 533 Saka · Prasasti Angkor Borei · K.600
- 535 Saka · Prasasti Vihear Tranh · K.748
- 536 Saka · Prasasti Prei Veng · K.1028
- 542 Saka · Prasasti Toch · K.128
- 546 Saka · Prasasti Phnom Bayang · K.13
- 546 Saka · Prasasti Thma Kre · K.926
- 548 Saka · Prasasti Vat Chakret · K.60
- 549 Saka · Prasasti Sambor Prei Kuk · K.604
- 561 Saka · Prasasti Khao Rang · K.505
- 561 Saka · Prasasti Phu-hu'u · K.9
- 565 Saka · Prasasti Tanpa Nama (dari Takeo?) · K.79
- 573 Saka · Prasasti Tuol Ang Srah That · K.910
- 579 Saka · Prasasti Tuol Kok Prah · K.493
- 589 Saka · Prasasti Tuol Tramung · K.582
- 602 Saka · Prasasti Prei Thnäl · K.451

Zaman Funan-Chenla/Chenla-Angkor

- 656 Saka · Prasasti Phum Kömrîen · K.154
- 725 Saka · Prasasti Vat Thasar Moroy · K.124

Peribahasa yang mengandungi perkataan “budi”

(dipetik daripada Shaharir 2013, Istilah dan Konsep Pengukuran Tradisional Alam Melayu. Pulau Pinang: Penerbit USM)

*Akal budi; Baik budi; Bayar budi; Bertanam/Tanam budi; Budi bahasa; Budi pekerti; Busuk budi;
Hancur badan dikandung tanah, budi yang baik dikenang juga;*

Hidup berkerelaan, mati bertongkat budi (semasa hidup pemimpin boleh pilih penggantinya, tetapi apabila dia mati pengganti hendaklah dipilih mengikut adat);

Hilang bini boleh dicari, hilang budi badan celaka; Hina budi; Hutang budi; Hutang emas dapat dibayar, hutang budi dibawa mati (wang tidak dapat membayar budi);

Makan budi (menerima kebaikan orang);

Mati ikan kerana umpan, mati saya/sahaya kerana budi (manusia boleh binasa kerana menerima budi; kalah kerana termakan budi);

Membalas budi; Menabur budi; Nasi habis budi bersua (kawan yg disedari khianat);

Orang berbudi kita berbahasa

Putih tulang dikandung tanah, budi baik dikenang juga (selepas mati, yg dikenang ialah jasa baik);

Sebab budi badan kedapatan/Sebab budi boleh akal kedapatan (susah akibat perbuatan sendiri);

Seorang budi-budian, seorang tabung seruas (dua org berlainan perangai, satu jujur satu berahsia);

Tabur budi; Tanggung budi (tak dapat membalas budi); Terhutang budi (tak berdaya balas budi);

Terima budi; Termakan budi

Bab 7

Penolakan Teori Melayu Berasal dari Yunnan, Selatan China

Wan Hashim Wan The

Bidang-Bidang Antropologi

Antropologi merupakan satu cabang ilmu yang amat luas bidangnya sama ada dari segi skop kajian mahupun dari segi jangka masa manusia yang dikaji. Di peringkat awal kelahirannya, salah satu bidang yang mendapat perhatian khusus ialah tentang asal usul manusia, ciri-ciri khas manusia dibandingkan dengan makhluk yang hampir serupa, perbandingan di antara kebudayaan manusia dari pelbagai kelompok, mengklasifikasikan manusia kepada ras terbesar serta kumpulan etnik, serta persoalan kehidupan masyarakat masa kini khususnya komuniti kecil sama ada di desa mahupun di bandar. Secara ringkas, bidang antropologi boleh dipecahkan kepada empat sub-bidang terbesar seperti berikut:

- Antropologi Fizikal
- Antropologi Sosial dan Budaya
- Linguistik
- Arkeologi

Manusia Kuno di Alam Melayu

Dalam kajian antropologi tentang ‘manusia kuno’ atau saya istilahkan sebagai *makhluk menyerupai manusia*, (sebelum *Homo sapiens sapiens*), terdapat sekurang-kurangnya tiga jenis makhluk manusia paling awal ditemui iaitu AUSTRALOPITHECUS berusia antara 1 hingga 3 juta tahun yang lalu, PITHECANTHROPUS atau *Homo erectus* yang berusia kira-kira sejuta tahun yang lalu dan yang paling hampir sifat-sifatnya dengan manusia moden atau *homo sapiens sapiens* ialah MANUSIA NEANDERTHAL berusia kira-kira 100,000 – 40,000 yang lalu. Salah satu ciri penting yang membezakan di antara ketiga-tiga makhluk ini dengan manusia moden ialah ukuran (size) tempurung otaknya.

Saiz bagi Australopithecus Cuma 1/3 daripada saiz manusia moden iaitu kira-kira 500cc; saiz Pithecanthropus ialah antara 800-1200cc dengan purata 1,000cc; manusia Neanderthal ialah hampir sama saiznya dengan manusia moden

iaitu 1,250cc manakala saiz tempurung otak bagi manusia moden puratanya ialah 1,400cc.

Perbezaan juga terdapat pada *bentuk kepala*, *bahagian kening* dan *dagu*, *saiz dagu*, *saiz gigi* dan *bentuk tulang rangka*. Ketiga-tiga jenis makhluk sebelum manusia moden pernah ditemui di Alam Melayu iaitu berpusat di Pulau Jawa, selain di tempat dan kawasan lain seperti China, Afrika, Australia, Timur Tengah dan Eropah. Ini membuatkan beberapa sarjana pernah membuat kesimpulan bahawa ‘besar kemungkinannya bahawa di kawasan Asia Tenggara dan bukan di Timur Tengah merupakan kawasan wujudnya tamadun awal manusia’.

Hakikat ini menunjukkan bahawa sejak 2 hingga 3 juta tahun yang lalu:

- Ketiga-tiga *makhluk menyerupai manusia* atau pra-homo sapiens ini pernah mendiami di Alam Melayu ini.
- Alam Melayu merupakan di antara kawasan yang sesuai didiami oleh manusia dan makhluk lain sejak lebih sejuta tahun yang lalu.

Selain penemuan arkeologi dan kajian antropologi fizikal manusia kuno di Pulau Jawa atau *Java man*, tentunya banyak lagi tinggalan manusia kuno dan manusia moden yang terdapat di bahagian Pentas Sunda dan Pentas Sahul yang kini telah ditenggelami air laut. Carigali arkeologi juga telah bertemu dengan kesan-kesan kehidupan manusia moden (*Homo sapiens sapiens*) di Alam Melayu ini yang wujud sejak lebih 35,000 tahun yang lalu. Di sini penulis membuat kesimpulan dalam bentuk rumusan spekulatif bahawa:

- Manusia kuno atau *makhluk menyerupai manusia* itu telah wujud di Alam Melayu ini antara 3 juta tahun sehingga 40,000 tahun lalu. Manusia kuno ini lebih merupakan makhluk yang dekat ciri-ciri manusia moden serta mempunyai keupayaan yang terhad untuk menghasilkan reka cipta dan menempa kemajuan dalam kehidupan mereka seperti yang mampu dilakukan oleh manusia moden (*Homo sapiens sapiens*).
- Manusia moden yang wujud sejak sekitar 70,000 tahun dahulu di Alam Melayu ini mempunyai kesempurnaan dari segi fizikal dan keupayaan menggunakan mindanya untuk berdaya cipta serta kemudiannya menempa pencapaian yang tinggi dalam pelbagai aspek kehidupan seperti ekonomi, sains dan teknologi. Sekumpulan penyelidik di Universiti Sains Malaysia bersama-sama Stephen Oppenheimer dan Zafarina mendapati melalui kajian MtDNA mereka bahawa ras Melayu telah tiba di Alam Melayu ini sekitar 64,000 tahun yang lalu.
- Hasil carigali arkeologi telah mengemukakan bukti bahawa sebelum tenggelamnya Pentas Sunda di peringkat akhir zaman air batu kira-kira 10,000 SM di kenali sebagai *Holosen*, telah wujud manusia di Alam

Melayu ini yang hidup bermasyarakat dan yang tergolong ke dalam kategori manusia moden atau manusia keturunan Adam.

Pembahagian Manusia Kepada Kelompok Ras Terbesar

Semasa mengikuti kuliah tahun pertama di University of Queensland Australia pada tahun 1970 dahulu, pensayrah saya Prof. Peter Lawrence (buku *Road Belong Cargo*) menyampaikan kuliah Pengenalan Antropologi dengan membahagikan umat manusia kepada lima kelompok berdasarkan kepada beberapa ciri fizikal seperti warna kulit, bentuk kepala, tekstur rambut, warna mata, genetik, saiz badan, wilayah asal, saiz gigi dan beberapa ciri sampingan lainnya. Lima kelompok itu adalah seperti berikut:

- **CAUCASOID**; ras ‘kulit putih’ yang wilayah asalnya di Eropah, utara benua Asia (negara Soviet Union, Timur Tengah dan sebahagian India);
- **NEGROID**; ras ‘kulit hitam’ yang wilayah asalnya benua Afrika;
- **MONGOLOID**; ras ‘kulit kuning’ yang wilayah asalnya adalah benua Asia (Cina dan Mongolia) dan Asia Tenggara (Melayu dan Polynesia);
- **AUSTRALOID**; wilayah asalnya ialah Alam Melayu dan Benua Australia;
- **RED INDIAN**; ras ‘kulit merah’ iaitu pribumi Amerika Utara dan Selatan yang diandaikan berasal dari Benua Asia tetapi telah berpindah ke Amerika Utara dan Amerika Selatan melalui Bering Straits antara Jepun, China dan Kanada. Teori saya tentang kelompok pribumi benua Amerika ini adalah mereka sebahagian dari rumpun Polinesia yang asalnya dari Kepulauan Pasifik atau Lautan Teduh?

Pembahagian ini meletakkan ras Melayu-Polinesia ke dalam kategori Mongoloid di benua Asia dan mungkin ini salah satu faktor kenapa para pengkaji di akhir abad ke-19 dan awal serta pertengahan abad ke-20 mengandaikan bahawa rumpun Melayu-Polinesia adalah berasal dari selatan China? Teori atau hipotesis ini akan kita tolak dengan pembuat andaian (teori baru) bahawa asal usul rumpun Melayu adalah di Alam Melayu ini dan mereka berhijrah secara langsung dari Asia Barat secara berasingan dari ras (rumpun) Negroid yang berasal dari Afrika yang tiba sekitar 10,000 tahun lebih awal dari rumpun Melayu.

Pembahagian lima ras di atas tidaklah memuaskan. Penulis berpendapat bahawa Melayu-Polinesia, kerana mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri kini jumlahnya menghampiri 400 juta dan tinggal dalam satu wilayah yang berasingan sejak sekian lama harus dikategorikan ke dalam satu kelompok ras yang berasingan sebagai ras *Melayu-Polinesia* (Austronesian) iaitu ras kulit ciku

masak atau *the brown race*. Pembahagian ras dunia kepada lima kelompok terbesar seharusnya bertambah menjadi enam iaitu:

- NEGROID
- AUSTRALOID
- CAUCASOID
- MONGOLOID
- MELAYU-POLINESIA

Pada lima ras terbesar perlu diberi pengiktirafan satu lagi kelompok ras Melayu Polynesian, berwarna coklat (*brown race*) yang mendiami di Asia Tenggara atau Semenanjung dan Kepulauan Alam Melayu hingga tersebar luas ke kepulauan Pasifik di selatan dan timur serta barat lautan Hindi hingga ke Madagascar. Para pengkaji sebelumnya meletakkan Melayu Polynesia dalam kategori yang sama dengan ras Mongoloid. Perkara ini dirasakan kurang kewajarannya kerana dari segi warna kulit, bentuk mata, hidung, mulut dan rambut terdapat perbezaan antara dua kelompok ini dan bahasa asal pertuturan mereka adalah *Austronesian*.

- PRIBUMI AMERIKA

Kemungkinan mereka tergolong dalam ras/rumpun Melayu Polynesia, sesuatu yang perlu dikaji secara lebih mendalam khususnya dari sudut fizikal yang lebih mirip rumpun Melayu-Polynesia dan linguistik.

Harus diakui bahawa terdapat kelompok tertentu yang kurang sesuai dimasukkan ke dalam mana-mana kategori ini dan mereka boleh diklasifikasikan sebagai 'kelompok marginal'. *Johann Friedrich Blumenbach* (1752-1840) seorang doktor Jerman, pakar fisiologis dan ahli antropologis, antara yang pertama meneroka kajian manusia sebagai satu aspek sejarah asal usul, ajaran anatomi dan perbandingan yang telah digunakan untuk pengkelasan bangsa-bangsa manusia. Walaupun konsep bangsa Melayu mula dicadangkan oleh beliau, bangsa Melayu mula wujud beribu tahun lebih awal daripada ia mula dikaji oleh Johann Friedrich Blumenbach melalui kertas kerjanya pada 1775 yang bertajuk *De generis humani varietate nativa (On the Natural Varieties of Mankind)*.

Seperti dinyatakan Blumenbach, kepulauan Sunda adalah kumpulan di sebelah barat maritim Asia Tenggara dan dibahagi kepada dua kumpulan;

Variasi Melayu: Warna kuning keperangan, berambut hitam, lembut, kerinting, lebat muka kurang lebar, dahi sedikit mengembang, hidung penuh agak lebar; mulut besar, bahagian atas dagu ketara dengan bahagian muka bila dilihat dari tepi tapi dapat dipisahkan dari satu dengan yang lain. Ciri-ciri terakhir ini

juga menggolong masyarakat kepulauan Pasifik bersama mereka dari Marianna, Filipina, Maluku, Sunda dan Semenanjung Malaya.

Penulis memilih untuk memanggil mereka **Melayu** kerana kebanyakan lelaki yang termasuk dalam kategori ini, lebih-lebih lagi yang tinggal di kepulauan Hindia (Indonesia) berhampiran Semenanjung Melaka dan juga pulau-pulau Sandwich, Society dan Friendly serta Malambi di Madagaskar hingga kepada penduduk Pulau Easter yang menggunakan bahasa Melayu.

Ternyata Blumenbach walaupun membuat kesilapan meletakkan Melayu Polinesia dalam kategori ras Mongoloid tetapi menerima hakikat bahawa Melayu Polinesia mempunyai ciri-ciri fizikal tersendiri.

Mengenai pribumi Amerika Utara dan Amerika Selatan, penulis ini berpandangan bahawa berkemungkinan penduduk asal Amerika Selatan adalah daripada rumpun Melayu-Polinesia kerana terdapat beberapa ciri persamaan fizikal dan budaya di antara mereka dan penduduk di kepulauan Lautan Pasifik yang berdekatan. Mereka berhijrah ke Amerika Selatan melalui Australia, New Zealand, Antartika melalui Pentas Sahul yang masih timbul sebelum 10,000 SM (B.C.). Dari selatan benua Amerika Selatan, mereka berhijrah menuju utara. Teori Pribumi Amerika dari rumpun Melayu-Polinesia ini berasaskan dapatan kajian bahawa terdapat beberapa persamaan dalam aspek fizikal dan budaya antara penduduk di Pulau Paskah (*Easter Island*) dari rumpun Polinesia dengan penduduk di Panama, Colombia, Ecuador dan Peru. Peter Bellwood juga meletakkan Pribumi Amerika ke dalam kelompok ethnolinguistik 'Mongoloid Selatan' atau RAS Melayu-Polinesia.

Teori Klasik Migrasi Manusia ke Alam Melayu

Teori migrasi manusia ke Alam Melayu dari wilayah selatan China telah berusia lebih 100 tahun manakala kesangsian terhadapnya pernah disuarakan sejak awal dekad 70-an, kira-kira 20 tahun yang lalu. Dalam bukunya, '*Taman Indera*', Mubin Sheppard pernah menulis:

"The theory put forward by Professor R. Von Heine-Geldern and others that the mainland of South East Asia was populated by waves of different people who migrated south from the region now known as Yunnan, at least ten millennia ago, is no longer acceptable, and it is probable that most of the mainland of South East Asia has been occupied by indigenous people since human habitation began.

In the course of many millenia the people whom we now known as Chinese, Thais, Khmers, Vietnamese and Malays, developed their

individual identity, their different languages, distinctive cultures and forms of government, while living continuously in portions of their own area of the South East Asian mainland.”

Terjemahan;

"Teori yang diketengahkan oleh Profesor R. Von. Heine-Geldern dan lain-lain bahawa tanah besar Asia Tenggara didiami pelbagai golongan kaum berlainan keturunan yang berhijrah ke selatan dari kawasan yang sekarang dipanggil Yunan bermilennia tahun dulu tidak lagi boleh diterima dan besar kemungkinan kebanyakan tanah besar Asia Tenggara didiami masyarakat asli sejak bermulanya tamadun manusia.

Dalam tempoh beberapa millennia mereka yang kita kenali sebagai Cina, Thai, Khmer, Vietnam dan Melayu membangunkan identiti tersendiri, bahasa sendiri, budaya sendiri serta sistem pentadbiran masing-masing sambil tinggal berterusan di kawasan masing-masing di tanah besar Asia Tenggara”.

Teori bahawa manusia Melayu berasal dari Yunan, Selatan China, atau dari Vietnam Utara berasaskan kepada pendapat yang dikemukakan oleh dua sarjana etnografi, iaitu Sarasin Bersaudara (P dan F) pada tahun 1892-93, kira-kira 100 tahun lalu. Menurut mereka, suku-suku penduduk asli yang dinamakan Vedda sudah berada di Alam Melayu sejak lebih 5,000 tahun dulu.

Kononnya kira-kira antara 3,000 dan 2,500SM sehingga 1,500SM, mereka didesak oleh penghijrahan gelombang pertama kelompok **Melayu Proto** yang berhijrah ke Alam Melayu dari Selatan China, iaitu Yunnan. Kelompok Melayu Proto ini masih di tahap kebudayaan batu lama dan pertengahan. Mereka tinggal di tepi-tepi laut dan sungai kerana mudah mendapatkan makanan dan keperluan asas lainnya. Kira-kira 1,000 tahun kemudian, di sekitar 1,500SM dan 300SM meningkat ke zaman 300 A.D. berlakunya penghijrahan gelombang kedua **Melayu Duetro** sehingga mereka dapat mengambil alih daerah orang Melayu Proto.

Teori penghijrahan *Sarasin Bersaudara* ini diperkukuhkan lagi oleh Van Heine-Geldern (1932) yang menggunakan penyebaran alat-alat berupa kapak batu yang dicipta di zaman Neolitik. Kawasan-kawasan yang ditemui artifak budaya ini dikaitkan dengan fenomena penghijrahan dari utara ke selatan. Hal ini akhirnya membawa kepada satu kesimpulan oleh Peacock bahawa pada zaman pra-sejarah, Semenanjung Tanah Melayu adalah lorong atau corong pelbagai berhijrah gelombang demi gelombang dari utara ke selatan.

Sebelum berlaku penghijrahan ras Melayu-Polinesia (P Bellwood: 'Southern Mongoloid') dikatakan telah terlebih dahulu berhijrahnya kelompok Australoid, Negritoes dan Melanesian 40,000 tahun yang lalu dari benua Asia ke selatan. Kelompok yang lebih awal ini dikategorikan sebagai ras Australoid yang sebahagian besarnya berpindah dan menetap di benua Australia dan New Guinea. Mereka tidak tergolong ke alam kelompok etnolinguistik Melayu-Polinesia.

Penolakan Teori Migrasi Berdasarkan Bukti Arkeologi

Adalah dipercayai bahawa dapatan arkeologi yang menunjukkan bahawa kira-kira antara 5,000 - 15,000 tahun yang lalu, iaitu di Zaman Kebudayaan Hoabinhian, telah wujud budaya yang relatifnya tinggi dan mungkin lebih tinggi daripada yang pernah dicapai oleh penduduk di Asia Barat, India dan juga di negeri China. Pada masa yang sama, di Benua Sunda atau Alam Melayulah dipercayai bermulanya tamadun awal tinggal menetap untuk bercucuk tanam dan memelihara pelbagai jenis ternakan.

Kesan-kesan tinggalan manusia Zaman Kebudayaan Hoabinhian telah ditemui di beberapa tempat seperti Gua Cha (Kelantan), Gua Kepah (Seberang Perai), Gua Bintong (Perlis) dan di Teluk Intan (Perak). Ini membuatkan seorang ahli sejarah dari Sri Lanka, Benjamin de Silva membuat rumusan seperti berikut;

"The first domestication of plants was done by people of the Hoabinhian culture, somewhere in South East Asia, probably as early as 15,000 B.C. The Neolithic (late stone age) cultures of North China developed out of the Hoabinhian culture of South East Asian origin. *It might have been South East Asia rather than West Asia as the cradle of human civilization.*

Benjamin de Silva akhirnya menyatakan keyakinan bahawa 'Asia Tenggara sebagai pusat kelahiran Tamadun Manusia' *'rather than West Asia as the cradle of Human civilization'*. Penemuan artifak arkeologi seperti yang dirumuskan oleh de Silva telah menunjukkan banyak percanggahan fakta. Katanya, pada zaman yang dikatakan berlakunya migrasi secara besar-besaran, suatu kebudayaan telah muncul di dunia Alam Melayu ini, malah bukan sekadar sezaman dengan berlakunya perpindahan tetapi lebih awal dari itu.

Mengenai perkara yang sama, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman telah membuat kenyataan terbaru seperti berikut:

'Teori migrasi penduduk dari Yunnan atau mana-mana tempat di Asia ke Alam Melayu di zaman prasejarah mengikut gelombang iaitu gelombang Proto-Melayu dan gelombang Deutro-Melayu yang dipercayai umum pada hari ini tidak dapat dibuktikan. Sejak daripada 60,000 tahun dahulu

manusia telah mendiami Alam Melayu berasaskan kepada bukti-bukti arkeologi.

Pada tahap 60,000 tahun ke 11,000 tahun dahulu, manusia di Alam Melayu yang berasal dari satu baka mengamal kebudayaan yang sama. Ini kerana di waktu itu Alam Melayu merupakan sekeping tanah besar. Pentas Sunda dan Pentas Sahul timbul kerana dunia pada waktu itu berada pada zaman air batu (Pleistosen) dan paras air laut turun. Manusia boleh bergerak di Alam Melayu tanpa memerlukan perahu. Pada 14,000 ke 5,000 tahun, corak hidup dan teknologi manusia di seluruh Alam Melayu tidak banyak berbeza daripada zaman sebelumnya.

Walaupun manusia di Alam Melayu telah terpisah-pisah akibat daripada kelahiran zaman panas (holosen) dan kenaikan paras laut yang menenggelami Pentas Sunda dan Sahul, tetapi selepas 14,000 tahun dahulu, corak hidup dan pencapaian teknologi lebih maju.'

Mengikut catatan China, zaman awal Kurun Masihi menunjukkan munculnya beberapa kerajaan Melayu kuno sepanjang pesisiran pantai timur Semenanjung Indo-China dan Semenanjung Tanah Melayu. Dari segi lojik sejarah, kalau manusia Melayu itu masih dalam keadaan berpindah randah, tidak mungkin mereka mampu membina tamadun awal untuk menubuhkan kerajaan, iaitu suatu kehidupan berorganisasi yang kompleks. Hakikat ini juga bercanggah dengan teori migrasi itu. Jika ditinjau kedudukan rumpun bangsa Polinesia yang kini tersebar luas di sekitar Lautan Pasifik, para pengkaji merumuskan mereka adalah berasal dari Alam Melayu.

Mereka dikatakan telah berhijrah ke sana kira-kira 2,000 hingga 4,000 tahun yang lalu, iaitu pada zaman sebelum Masihi. Malah sebelum tenggelamnya Pentas Sunda dan Pentas Sahul 11,000 tahun yang lalu yang menghubungi Australia dan Asia Tenggara, kelompok Melayu Proto didapati telah pun menduduki kawasan ini. Fakta ini juga bercanggahan dengan teori migrasi yang berpendapat migrasi dari utara ke selatan berlaku di antara 3,000 SM sehingga awal kurun Masihi atau sekadar ratusan tahun sebelumnya.

Penolakan Teori Migrasi Berdasarkan Fakta Etnolinguistik dan Fenomena Migrasi

Hubungan dalam bentuk 'bangsa serumpun' yang dikategorikan ke dalam satu ras besar Melayu-Polinesia di antara penduduk sub-ras Polinesia di Kepulauan Pasifik, di Pulau Formosa (Taiwan) dan di Madagaskar, antara Iainnya adalah berdasarkan kepada faktor linguistik di mana satu senarai yang agak panjang kosa kata Melayu terdapat dalam bahasa-bahasa asal kelompok ini. Kesempatan

penulis berkunjung ke wilayah Yunnan pada awal 1994 telah digunakan untuk meneliti artifak budaya dan bahan-bahan kajian yang sedia ada untuk mencari, jika ada, persamaan atau unsur-unsur 'kemelayuan' di wilayah yang dikatakan tanah tempat asal usul bangsa Melayu itu. Suatu aspek yang selalu dijadikan bukti pertalian antara rumpun-rumpun dalam satu kelompok ras yang sama ialah etnolinguistik. Sebuah buku yang disunting oleh Ma Yin bertajuk *China's Minority Nationalities* menjelaskan terdapat 56 kelompok etnik atau suku bangsa di negeri China yang kesemuanya berjumlah 1,1031,882,551 pada tahun 1982.

Dari 56 suku bangsa yang kini mendiami tanah besar China dan Taiwan (Formosa), cuma satu kelompok sahaja, iaitu suku bangsa Goashan yang mendiami pulau Taiwan tergolong dalam kelompok bahasa Melayu Polinesia atau Austronesian. Yang lainnya ialah kelompok majoriti Hui bertutur dalam bahasa Han (China), 29 kelompok bertutur bahasa China-Tibet, 17 dalam bahasa Altaic, 3 dalam bahasa Asia Selatan dan 2 dalam bahasa Indo-Eropah. Umumnya sudah diketahui bahawa rumpun Melayu adalah sebenarnya pribumi bagi Pulau Taiwan serta juga bagi wilayah Champa yang kini sebagai Vietnam. Kawasan ini merupakan sempadan utara bagi wilayah Dunia Melayu Polinesia yang mana rumpun Melayu sudah kini sudah menjadi kelompok minoriti.

Bagi penduduk di wilayah Yunnan pula, dari 26 kelompok etnik yang mendiami wilayah Yunnan hari ini, **tiada satupun di antara mereka ini yang tergolong dalam kelompok etnolinguistik Melayu-Polinesia atau bahasa Austronesia**. Kumpulan etnik atau suku bangsanya ialah 1. Han (China-majoriti), 2. Yi, 3. Lisu, 4. Hani, 5. Nashi, 6. Bai, 7. Lahu, 8. Jinuo, 9. Tibetan, 10. Achang, 11. Jingpo, 12. Dulong, 13. Nu, 14. Pumi, 15. Miao, 16. Yao, 17. Dai, 18. Zhuang, 19. Bunyi, 20. Shui, 21. Mongol, 22. Wa, 23. Deang, 24. Bulang, 25. Manchu, dan 26. Hui (Muslim).

Jika diteliti sebilangan yang begitu besar kelompok manusia (ras atau etnik) yang pernah berhijrah meninggalkan kawasan asal mereka sejak lebih seribu tahun yang lalu sehinggalah ke hari ini, kelompok yang berhijrah ini mempunyai kelompok induknya ditinggal di belakang. Atau sekurang-kurangnya terdapat kelompok etnolinguistik yang sama terus kekal di tempat yang asal kalau pun ia tidak terus kekal sebagai masyarakat dominan. Apa yang telah diperhatikan ialah di wilayah Yunnan yang penulis kunjungi, tidak ada satu pun daripada 26 suku bangsa yang mendiami di sana mempunyai pertalian bahasa atau budaya dengan rumpun Melayu Polinesia di Alam Melayu. Jika benar bahawa rumpun Melayu berasal dari Yunnan, adalah mustahil untuk difikirkan atau diterima hakikat bahawa kesemua kelompok Melayu ini telah berhijrah ke selatan dengan tidak pun meninggalkan saki bakinya. Atau saki bakinya ada tetapi telah mengalami kepupusan? Kedua-dua faktor ini tidak mudah diterima sebagai sesuatu yang logik dan boleh berlaku.

Akhirnya, sekitar ekologi dan geologi Wilayah Yunnan itu merupakan satu kawasan tinggi yang agak tertutup dan tidaklah mudah untuk berlaku satu penghijrahan beramai-ramai keluar dari kawasan itu. Lagipun, ia merupakan satu kawasan yang subur dan sesuai untuk kegiatan pertanian sara diri serta komersial. Tidak ada faktor alamiah yang mendesak mana-mana kelompok untuk meninggalkan tanah asal mereka di Yunnan.

Terdapat sarjana yang menyebut faktor tekanan dari bangsa Han yang menyebabkan kelompok Melayu berhijrah meninggalkan tanah air mereka. Perkara ini juga kurang tepat kerana tekanan dan penguasaan bangsa Han di wilayah selatan pada zaman sebelum Masihi dan awal kurun Masihi iaitu dalam masa dikatakan berlakunya migrasi, masih tidak begitu kuat dan berkesan. Bangsa Cina Han ketika itu belum kuat dari sudut ketenteraan dan kadangkala terpaksa berhadapan dengan puak Mongol di utara negeri Cina. Kalaupun ini diandaikan benar, kenapa kelompok Melayu sahaja yang berpindah manakala lebih 20 kelompok lainnya masih kekal tinggal di Yunnan?

Mengenai pembahagian penduduk asal di Malaysia kepada dua kelompok, *Proto-Malays* atau 'Melayu Lama' dan *Deutro-Malays* atau 'Melayu Baru' oleh pengkaji barat, adalah dirasakan bahawa perbezaan antara dua kelompok ini adalah perbezaan antara budaya dan bukannya perbezaan kerana satu kelompok berpindah lebih awal (*Proto Malays*) daripada kelompok kedua (*Deutro Malays*). Perbezaan budaya disebabkan oleh berbezanya darjah kontak, pendedahan dan interaksi sesuatu kelompok dengan dunia luar. Kelompok 'Melayu moden' yang tinggal di kawasan kuala sungai dan pesisiran pantai berjaya membina tamadun yang lebih tinggi. Ini kerana akibat terdedahnya mereka kepada kelompok manusia di dunia luar yang lebih lama dan intensif berbanding dengan kelompok 'Melayu lama' bersama-sama Orang Asli yang kehidupan budayanya di pedalaman, masih tertutup dan secara relatif terpisah dari dunia luar yang lebih tinggi tamadunnya.

Dalam konteks teori antropologi tentang *difusionisme* budaya, kelompok manusia yang sering terdedah kepada pengaruh budaya dan dunia luar memiliki kebudayaan yang relatifnya tinggi dan mempunyai kedimikianya dibandingkan dengan kelompok yang hidupnya terpisah dari dunia luar.

Kesimpulan

Bab ini telah membentangkan secara ringkas fakta mengenai kehadiran manusia kuno atau 'ape-man' yang saya istilahkan sebagai 'makhluk menyerupai manusia' dan manusia moden atau *homo-sapiens* di zaman prasejarah di Alam Melayu sejak lebih ribuan tahun yang lalu dengan membuat saranan bahawa kelompok **Melayu Polinesia** wajar diterima sebagai salah satu ras besar di dunia

seperti, **Caucasoid, Negroid, Mongoloid, Pribumi Amerika dan Australoid.** Makalah ini juga mengambil pandangan beberapa orang sarjana yang mempelopori dan mengetengahkan Teori Migrasi ras Melayu Polinesia dari benua Asia ke Alam Melayu melalui dua gelombang, Melayu Proto dan Melayu Deutro. Kemudian dikemukakan pula fakta dan pandangan yang menolak teori itu berasaskan kepada kajian dan penemuan arkeologi sepanjang kira-kira 20 tahun yang lalu.

Berasaskan kepada fakta etnografi yang diperolehi semasa kunjungan ke wilayah Yunnan oleh pengkaji serta pembantunya Rawi Nordin yang mengumpul bahan untuk tesis sarjana beliau, penulis membuat kesimpulan bahawa tidak terdapat bukti jelas yang menyokong teori bagi menyatakan ras Melayu berasal dari Yunnan atau mana-mana wilayah di selatan negeri China.

Dengan itu, kesimpulannya ialah Melayu bukannya dari subset ras Mongoloid. Sesungguhnya, Benua Sunda atau Alam Melayu ini merupakan tempat asal usul atau 'TANAH RANAH' bagi rumpun *Bangsa MELAYU*, dan bukannya berasal dari Yunnan atau selatan negeri China.

Postkrip

Ketika membentangkan makalah ini dalam sesi Polemik Sejarah Malaysia di Arkib Negara pada 18 Oktober 1994, salah seorang peserta mengemukakan soalan:

"Jika benar orang Melayu bukan berasal dari wilayah Yunnan atau selatan negeri China, dari manakah asal usul Melayu itu?"

Jawapan saya secara spontan adalah seperti berikut:

'Seperti yang telah saya katakan, rumpun Melayu tidak berhijrah dari utara (Yunnan dan selatan China) ke selatan, iaitu 'ke benua' atau Alam Melayu ini. Kemungkinan adalah di sebaliknya, iaitu penghijrahan dari tanah ranah mereka di Alam Melayu ke utara'.

Apa pula buktinya?

Pertama, mereka sendiri iaitu rumpun Melayu di Champa (sekarang Vietnam) dan Kemboja mengaku bahawa mereka adalah berasal dari selatan. Penghijrahan ke Semenanjung Indo-China berlaku ribuan tahun dahulu, mungkin sama masanya ketika pengembaraan rumpun Polinesia ke Lautan Teduh (*Pacific Ocean*).

Kedua, dan fakta etnografi ini agak penting, bahawa sistem sosial etnik Champa adalah Adat Papatih di mana masyarakat induknya adalah di wilayah Sumatera Barat. Besar kemungkinannya rumpun Melayu Champa itu beradun (*admixture*) dengan perantau atau 'migran' dari Pulau Sumatera. Seperti yang kita sedia maklum, suku etnik Minangkabau juga mempunyai tradisi khusus, iaitu *merantau*.

Seperti suku-suku bangsa Melayu lainnya, rumpun Champa juga mempunyai tradisi persuratan yang sudah maju. Ini dibuktikan oleh kewujudan dua karya besar mereka iaitu *Akayet Dowa Mano* (Hikayat Dewa Muda) dan *Nai Nai Mang Makah* (Tuan Puteri dari Kelantan) yang telah diterjemah ke dalam bahasa Melayu oleh Pusat Penyelidikan Timur Jauh Perancis di Kuala Lumpur (EFEU).

Berbalik kepada soalan tadi, dari perspektif Islam, kita semua menerima hakikat bahawa umat manusia (istilah antropologi *homo sapiens* atau 'manusia moden') adalah dari keturunan Nabi Adam dan Hawa. Mereka diturunkan ke dunia dari syurga, di Pulau Sri Lanka atau di Semenanjung Arab atau di Afrika? Saya percaya, dan dalam sains sosial ini diistilahkan sebagai **teori spekulatif**, kita rumpun Melayu juga berasal dari wilayah ini.

Terdapat dua gelombang penghijrahan, **pertama** dari utara Afrika yang merupakan kelompok ras *Negroid* yang kemudian berpecah kepada Melanesian dan Australoid di benua Australia. Ini disusuli oleh **gelombang kedua** penghijrahan ke Alam Melayu oleh ras *Melayu-Polinesian* yang berasal dari Semenanjung Arab atau Laut Mediterranean. Mereka adalah kelompok dari keturunan anak cucu Nabi Nuh Alaihissalam sesudah berlakunya banjir besar yang mungkin melanda seluruh dunia. Saya labelkan mereka ini sebagai *the brown race* atau berkulit ciku masak (sawo matang) dan bukannya *the yellow race* atau *the black race* berasal dari Afrika.

Berbeza dari rumpun-rumpun lain seperti ras Mongoloid, Aryan dan Dravidian yang terpaksa merentasi bukit bukau dan hutan belantara, ras atau rumpun Melayu-Polinesia mengikut jalan laut melalui persisiran pantai benua India. Mereka tiba lebih awal dan telah membina tamadun lebih awal dari ras Mongoloid di utara atau *the yellow race*.

Bab 8

Sumbangan Tokoh Falak Dalam Penentuan Waktu Solat di Alam Melayu

Kassim Bahali

Pengenalan

Ilmu falak atau hari ini lebih dikenali sebagai astronomi ialah suatu bidang ilmu yang mengkaji tentang jasad cakerawala, ruang angkasa dan alam semesta secara pencerapan dan secara teori. Menurut Collins Dictionary of Astronomy, astronomi ialah suatu bidang ilmu yang tertua, yang mengkaji tentang jasad samawi, ruang angkasa dan seluruh alam semesta. Ilmu ini telah berkembang secara berperingkat-peringkat melalui perkembangan ilmu fizik, matematik dan teknologi serta kemajuan perkakasan. Astronomi terdiri daripada beberapa cabang ilmu seperti astrometri, mekanik samawi, astrofizik, kosmologi, radioastronomi dan beberapa cabang lain lagi. Ilmu ini juga dikatakan sebagai suatu bidang pengetahuan yang mempelajari lintasan objek langit seperti Matahari, Bulan, bintang dan objek langit yang lain dengan tujuan untuk mengetahui kedudukan objek langit itu serta kedudukannya dari objek-objek langit yang lain (Susiknan Azhari, 2008). Menurut Kassim (2015), ilmu falak ialah suatu cabang ilmu sains yang mengkaji tentang objek samawi dan alam semesta dari segi sifat-sifat fizikal, asal-usul, pergerakan, dan saling tindak antara jasad.

Menurut King (2004), pada zaman pertengahan Islam perkembangan ilmu falak lebih bertumpu kepada penjagaan masa (timekeeping) dalam menentukan waktu ibadat, terutamanya dalam menentukan lima waktu solat fardu berdasarkan pergerakan Matahari yang disebut sebagai ilmu miqat. Ilmu miqat ialah suatu cabang ilmu falak. Miqat dari segi bahasa bermaksud tempat atau waktu. Ramai sarjana falak pada zaman itu telah menghasilkan karya mereka, terutamanya dalam bidang ilmu miqat. Menurut kamus Al-Mu'jam Al-Arabi (1988), ilmu miqat ialah ilmu untuk mengetahui waktu ibadat serta kiblat dan arah. Dalam Encyclopaedia of Islam, miqat (mawwaqit, kata jamak) ialah penentuan waktu atau ketepatan waktu.

Hal yang berkaitan dengan miqat ada disebut di dalam al-Quran seperti dalam ayat 189 Surah al-Baqarah yang bermaksud:

“... Mereka bertanya kepadamu; Apakah hilal? Katakanlah hilal ialah tanda-tanda waktu bagi manusia dan ibadat haji.”

(Surah al-Baqarah 2:189)

Menurut fikah pula, miqat ialah hal yang berkaitan dengan waktu solat dan tempat berniat ihram bagi mereka yang mengerjakan haji atau umrah. Dari sudut astronomi, ilmu miqat ialah sains astronomi tentang penentuan masa (timekeeping) mengikut Matahari dan bintang dan ilmu untuk menentukan waktu solat fardu yang lima. Menurut Aydin Sayili (1960), ilmu miqat ialah ilmu sains pengukuran waktu yang merupakan salah satu cabang ilmu astronomi yang menonjol. Ilmu miqat merupakan suatu bidang ilmu yang berguna untuk melaksanakan kewajipan agama dengan lebih mudah. Bahkan, ilmu ini mendapat galakan dan sokongan dalam Islam. Disebabkan cabang ilmu ini sangat bermanfaat, meletakkan falak pada suatu status yang istimewa dalam ilmu Islam.

Falak Dalam Tamadun Islam

Kemunculan tamadun Islam dari abad ke-7M hingga abad ke-14M telah menyaksikan banyak sumbangan diberikan oleh para sarjana Muslim dalam pelbagai bidang sains, terutamanya dalam bidang falak dan matematik. Perkembangan tamadun Islam berlaku selari dengan perkembangan Islam, yakni menerusi dakwah baginda Rasulullah SAW yang bermula pada tahun 632M. Seterusnya, Islam telah berkembang dari Semenanjung Arab hingga ke Asia Tengah, India dan China serta Sepanyol dan Utara Afrika. Perkembangan Islam bergerak bersama-sama dengan kemajuan ilmu pengetahuan.

Antara sumbangan tamadun Islam kepada dunia ialah kemajuan dalam ilmu falak. Kemunculan tamadun Islam telah menyebabkan perkembangan pesat ilmu falak. Tempoh 700M-825M merupakan peringkat awal tamadun Islam dan merupakan tempoh asimilasi dengan ilmu falak daripada tamadun yang lebih awal seperti tamadun India dan Parsi. Semasa tempoh ini, banyak karya dari India dan Parsi diterjemahkan ke dalam bahasa Arab. Antara karya yang terkenal ialah Zij al-Sindhind yang diterjemahkan oleh Muhammad ibnu Ibrahim al-Fazari dan Yaqub ibnu Tariq pada tahun 777M. Sebuah lagi karya ialah Zij al-Shah, yang telah diterjemahkan daripada bahasa Parsi. Karya ini mengandungi jadual-jadual astronomi.

Dalam tempoh 825M-1025M, kegiatan keilmuan berlaku dengan sangat pesat, yang bermula semasa pemerintahan Khalifah al-Makmun (786M-833M). Semasa pemerintahan baginda selama 20 tahun (813M-833M), baginda telah

membangunkan sebuah pusat ilmu yang dinamai Baitul Hikmah, yang di dalamnya terdapat sebuah perpustakaan. Antara aktiviti yang dijalankan di sini ialah penterjemahan bahan-bahan saintifik dan falsafah. Pada setiap minggu diadakan pertemuan antara para penterjemah dengan kumpulan ahli sains. Antara ahli sains yang pernah berkhidmat di Baitul Hikmah ialah al-Khawarizmi. Beliau telah menghasilkan jadual falak yang mengandungi pergerakan Matahari, Bulan dan lima planet yang dikenali pada masa itu. Pada tahun 850M, al-Farghani telah menulis kitab *Fi Jawani*, yang kandungannya memerihalkan sains bintang-bintang. Beliau juga telah membaiki nilai ekliptik, nilai apogi Matahari dan Bulan serta nilai ukur lilit Bumi. Buku ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Latin.

Tempoh 1025M-1450M merupakan zaman kebangkitan ahli astronomi Islam. Mereka mengkritik model Ptolemy. Pada tahun 1070M, Abu Ubayad al-Juzjani telah menerbitkan buku *Tarik al-Afak*, yang membincangkan masalah dalam model Ptolemy dan telah mengemukakan cadangan penyelesaiannya. Ahli-ahli falak lain yang membicarakan kelemahan dan kesilapan model Ptolemy termasuklah Muayyad al-Din Urdu (1266M), Nasir al-Din al-Tusi (1201M), Qutb al-Din al-Shirazi (1311M), Sadr al-Sharia al-Bukhari (1347M), Ibn al-Shatir (1375M) dan Ala al-Qushji (1474M).

Dalam tempoh tersebut tamadun Islam telah banyak memberikan sumbangan dalam bentuk karya ilmu falak. Menurut Ilyas (2003), antara sumbangan dan karya sarjana Islam dalam ilmu falak semasa abad ke-14M ialah penterjemahan karya besar daripada tamadun sebelum Islam seperti tamadun Greek, Latin dan Hindu, ciptaan peralatan astronomi yang digunakan dalam aktiviti mereka seperti sukuan dan astrolab, serta penghasilan karya asli, terutamanya jadual falak yang dinamai *Zij*. Selain itu, para sarjana Islam turut menyumbang dalam pembangunan balai cerap seperti Balai Cerap Maraghah yang dibina pada tahun 1259M, yang terletak di selatan Tabriz, Iran. Sumbangan para sarjana Islam, termasuk karya utama mereka, adalah dianggarkan terdapat 10,000 manuskrip astronomi Islam dan hampir 1,000 peralatan astronomi Islam yang disimpan di perpustakaan dan muzium di Eropah, Amerika dan di Timur sebagai hasil daripada perkembangan pesat ilmu astronomi. Keadaan ini menunjukkan betapa banyaknya sumbangan sarjana Islam untuk diwarisi oleh generasi kemudian.

Sumbangan Tokoh Falak Alam Melayu

Ilmu falak di Alam Melayu ialah ambilan daripada ilmu falak tamadun Islam, khususnya ilmu miqat. Ilmu miqat merupakan warisan ilmu Islam yang disebarkan oleh tokoh falak yang terdiri daripada golongan ulama Melayu pada abad ke-19M. Ilmu ini tersebar menerusi penubuhan institusi pendidikan pondok. Ulama yang mengajar di institusi pendidikan pondok ini merupakan golongan

ulama Melayu yang mendapat pendidikan agama di Mekah (Nurulhuda, 2012). Ilmu miqat ini dipelajari di Mekah dan seterusnya apabila pulang ke tanah air, mereka menyalurkan ilmu ini menerusi penubuhan sekolah pondok yang menyediakan pendidikan agama secara formal.

Sekembalinya dari Mekah para tokoh falak telah mengembangkan ilmu miqat melalui karya mereka seperti Umar bin Nuruddin (1924M) dalam kitabnya *Shamsyul-Fatiyyah* yang menjelaskan perihal ilmu miqat, yang menurut beliau ialah:

“Ilmu yang diketahui dengan dia segala masa bagi segala hari dan malam dan segala halnya. Dan kelebihanannya iaitu ada baginya kemuliaan yang besar daripada sekira ada ketahui dengan dia segala waktu sembahyang dan kiblat”.

Menurut Syeikh Ahmad Abdul Latif al-Khatib dalam kitabnya *Al-Jawahir al-Naqiyyah fi al-Amal al-Jayybiyah*, ilmu miqat ialah ilmu yang tinggi lagi mulia untuk kita mengikutinya, dan ilmu ini berkaitan dengan tempoh masa siang dan malam, yang dengannya diketahui waktu-waktu solat dan banyak waktu lain dalam ibadat umat Islam.

Menurut Baharrudin (2009) pula, kandungan utama ilmu falak Alam Melayu ialah pengukuran waktu, penentuan arah kiblat, takwim, jadual falak dan penggunaan sukuan sinus (Rubu' Mujayyab). Pengukuran waktu terbahagi kepada penentuan waktu awam dan waktu solat. Penentuan arah kiblat adalah dengan menggunakan kaedah sains rakyat dan penghitungan trigonometri dengan penggunaan alat. Penyusunan takwim Hijri termasuk takwim buruj telah digunakan di Alam Melayu. Jadual falak Alam Melayu merupakan ambilan terus daripada tamadun Islam yang diubah suai untuk kegunaan di Alam Melayu.

Baharrudin (2009) telah menyenaraikan tokoh falak Alam Melayu dan karya-karya mereka. Terdapat seramai tidak kurang daripada 40 orang tokoh falak dan karya-karya mereka yang berkaitan dengan ilmu miqat. Antara mereka ialah Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari dengan kitabnya *Sabilil al-Muhtadin* yang mengandungi aplikasi falak dalam ibadat. Tokoh yang lain ialah Syeikh Abbas Kutakarang dengan kitab *Sirajuz Zhalam* yang mengandungi kaedah takwim dan Syeikh Ahmad Abdul Latif al-Khatib dengan kitabnya *Al-Jauharun Naqiyah fil A'amali Jaibiyah*, Haji Umar Ismail Nuruddin dengan kitabnya *Syamsul Fattiyah* yang mengandungi kaedah penghitungan falak, dan Haji Muhammad Nur Ibrahim dengan kitabnya *Pilihan Mastika* yang mengandungi kaedah pengitungan falak yang menggunakan sukuan sinus.

Antara tokoh falak yang paling menonjol ialah Syeikh Muhammad Tahir bin Jalaluddin dengan kitab Pati Kiraan yang mengandungi kaedah penghitungan waktu solat dan arah kiblat. Syeikh Muhammad Tahir bin Jalaluddin mendapat pendidikan di Mekah dan Mesir. Beliau pergi ke Mekah pada tahun 1880M ketika berusia 11 tahun dan menetap di sana selama 13 tahun sehingga tahun 1893M. Kemudian, beliau menyambung pengajian ke Mesir. Menurut Mohamad Amin (2012), Syeikh Muhammad Tahir bin Jalaluddin dikatakan sebagai pelajar pertama dari Alam Melayu yang melanjutkan pengajian secara formal ke peringkat ijazah di Universiti Al-Azhar Mesir, dari tahun 1310H/1893M hingga tamat pada tahun 1314H/1897M. Di sini beliau telah mempelajari pelbagai ilmu seperti kajian Arab, Syariah, Matematik dan Ilmu Falak. Selain menguasai bahasa ibundanya, yakni bahasa Melayu, beliau juga menguasai bahasa Arab, bahasa Inggeris dan bahasa Belanda dengan baik. Beliau menuntut di Universiti Al-Azhar selama empat tahun sehingga berjaya mendapat Shahdah al-Alamiyyah, iaitu anugerah akademik tertinggi daripada Universiti Al-Azhar.

Anugerah ini dikatakan menyamai ijazah kedoktoran pada hari ini. Di Al-Azhar, Syeikh Muhammad Tahir bin Jalaluddin mendapat bimbingan dalam ilmu falak daripada tokoh falak Mesir yang terkenal, iaitu Hussein Zaid. Tokoh ini mengakui bahawa Syeikh Muhammad Tahir bin Jalaluddin merupakan anak murid yang pintar dan cepat menguasai ilmu falak yang dipelajarinya. Syeikh Muhammad Tahir bin Jalaluddin dianggap sebagai orang Jawi (Melayu) pertama yang mempunyai kelayakan dan kepakaran dalam ilmu falak dan hisab. Walaupun sebelumnya terdapat ramai ulama yang mahir tentang ilmu falak, tetapi penguasaan mereka masih lagi menggunakan metode lama dan tradisional. Hal ini telah menempatkan Syeikh Muhammad Tahir bin Jalaluddin sebagai seorang ahli falak yang hebat apabila beliau pulang ke tanah air. Penguasaan beliau yang luar biasa dalam disiplin ilmu falak menyebabkan beliau lebih dikenali dengan gelaran Syeikh Tahir Jalaluddin al-Falaki. Beliau merupakan antara tokoh falak yang paling menonjol dan berpengaruh di Nusantara dan beliau telah memberikan sumbangan yang besar terhadap perkembangan ilmu falak.

Selain daripada Syeikh Muhammad Tahir bin Jalaluddin, ada lagi beberapa orang tokoh falak Alam Melayu yang menuntut ilmu di Timur Tengah, terutamanya di Mekah. Antaranya ialah Umar bin Nuruddin dan Syeikh Jamil Jambek. Sekembalinya ke tanah air, mereka telah memperluas ilmu falak dan memperkenalkan penentuan waktu solat dengan kaedah hitungan. Dari sini bermulalah penggunaan jadual waktu solat di Alam Melayu yang sebelum ini waktu solat ditentukan dengan berdasarkan pencerapan tanda-tanda alam.

Perkembangan ilmu falak di Alam Melayu mempunyai hubungan dengan sumber karya tokoh falak dalam era kegemilangan tamadun Islam. Hal ini dapat dilihat daripada kitab yang digunakan dalam pengajian di Mekah seperti kitab


Risalah al-Mardini wa as-Syalbi fi al-Falak, At-Taqrirat an-Nafisah fi Bayan al-Basithah wa al-Kabisah dan Ar-Rub' al-Mujayyab oleh Sibt al-Mardini (1406M) atau nama sebenarnya Muhammad bin Ahmad al-Ghazzal ibnu Badr al-Dint, seseorang tokoh falak yang terkenal dalam kurun ke-14M. Antara ulama yang mengajar kitab Risalah al-Mardini ialah Syeikh Abdul Rahman ad-Dahlan (meninggal dunia pada tahun 1919M), sementara Ar-Rub' al-Mujayyab diajar oleh Syeikh Ja'far al-Lubni (meninggal dunia pada tahun 1921M) (Ahmad Fauzi, 2017).

Sumbangan Tokoh Falak Dalam Penghitungan Waktu Solat

Pada permulaan Islam, waktu solat ditentukan berdasarkan pemerhatian tanda alam seperti yang disebut di dalam al-Quran dan as-Sunnah. Penentuan awal waktu solat dibuat dengan berpanduan tanda alam seperti terbit fajar bagi waktu Subuh, Matahari gelincir ke barat bagi waktu Zuhur, panjang bayang sama dengan tinggi objek bagi waktu asar, terbenam matahari di ufuk barat bagi waktu Maghrib dan hilang mega merah bagi waktu Isyak.

Dengan perkembangan Islam, ilmu pengetahuan turut berkembang, terutamanya ilmu falak. Waktu solat tidak lagi ditentukan melalui pemerhatian tanda alam tetapi ditentukan secara hitungan, yakni hitungan berdasarkan pergerakan Matahari yang bertepatan dengan tanda awal waktu solat yang lima. Waktu solat yang dihitung dipaparkan dalam jadual untuk tempoh tertentu bagi sesuatu lokasi yang tertentu. Penggunaan jadual waktu solat telah mula digunakan sejak abad ke-9M. Pada zaman itu ahli falak yang dinamai muwaqqit mempunyai pengetahuan dan kemahiran teknikal yang berkaitan dengan waktu solat dan bertanggungjawab membuat jadual waktu solat. Mereka juga mahir menggunakan peralatan tradisional falak seperti astrolab, sukuan sinus (rubu' mujayyab) dan jam matahari bagi menentukan waktu solat.

Penentuan waktu solat ditentukan dengan kaedah hitungan dengan menggunakan rumus matematik yang tertentu. Menurut falak tanda waktu solat berdasarkan kepada pergerakan harian Matahari ketara. Pada kedudukan tertentu, Matahari menunjukkan tanda waktu solat. Kedudukan tertentu tersebut dapat ditentukan berdasarkan sudut zenit Matahari. Sudut zenit adalah sudut yang diukur dari titik zenit sehingga kepada kedudukan Matahari yang bertepatan dengan tanda waktu solat. Titik zenit adalah titik yang tepat di atas kepala pencerap. Ketika Matahari berada di titik zenit, sudut zenit adalah sifar. Sudut zenit untuk lima solat seperti dalam Rajah 8.1.



RAJAH 8.1 Sudut zenit bagi waktu solat fardhu

Di antara sumbangan penting tokoh falak Alam Melayu ialah penghitungan waktu solat. Mereka telah menghasilkan karya berkaitan dengan falak termasuk waktu solat dan penghitungannya. Mereka telah menyebarkan ilmu yang mereka perolehi di timur tengah melalui karya-karya mereka, termasuk karya falak. Antara karya atau naskah yang dihasilkan oleh tokoh falak Alam Melayu ialah Pati Kiraan oleh Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin, Pedoman Bahagia oleh Salih Kemboja dan Natijah Umur oleh Umar bin Nuruddin. Dalam penghitungan waktu solat seperti waktu Subuh, kebanyakan mereka menggunakan nilai sudut -19° yang dinyatakan di dalam karya falak mereka seperti dalam Jadual 8.1. Sementara Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin yang menggunakan sudut -20° bagi penghitungan waktu Subuh dalam kitabnya Pati Kiraan. Sementara Zubair Umar al-Jailani menggunakan sudut -18° dalam kitabnya Al-Khulasahah al-Wafiiyyah fi al-Falak bi Jadawil al-Lugharithmiyyah.

Bil.	Tokoh Falak	Sudut Waktu Subuh	Karya Falak
1	Syeikh Ahmad Abdul Latif al-Khatib Minangkabau (w. 1334H/1915M)	-19°	<i>Al Jawahir an Naqiyah fi al amal al-Jaibiyah</i>
2	Muhammad Mukhtar bin Ahmad Bogor (w. 1349H/1930M)	-19°	<i>Taqrib al-Maqdad fi al 'Amal bi ar-Rub' al-Mujayyab</i>

3	Muhammad Ma'shum bin Ali (w. 1352H/1953M)	-19°	<i>Al-Sa al-Falakiah</i>
4	Hasan Yahya Jambi (w. 1940M)	-19°	<i>Nail al-Marhlub fi A'mal al Jayib</i>
5	Muhammad Tahir Jalaluddin (w. 1376H/1956M)	-20°	<i>Pati Kiraan</i>
6	Muhammad Yasin bin Isa Padang (w.1410H/1990M)	-19°	<i>Syarh Tsamarat al-Wasilah al-Musamma bi al-Mawahib al-Jazilah fi Azhar al-Khamilah</i>
7	Zubair Umar al-Jailani (w. 1411H/1990M)	-18°	<i>Al-Khulasahah al- Wafiyyah fi al-Falak bi Jadawil al-Lugharitmiyyah</i>
8	Muhammad Salih bin Harun Kemboja	-19°	<i>Pedoman Bahagia</i>
9	Tengku Muhammad Ali Irsyad (w. 2003M)	-19°	<i>Ad-Dhahwah al-Kubra fi ilm al-Miqat</i>

JADUAL 8.1. Penggunaan Sudut Waktu Subuh Dalam Karya Falak Alam Melayu
Sumber: Arwin (2018)

Menurut Baharrudin (2015), beberapa naskhah falak nadir oleh tokoh falak negeri Kelantan juga menunjukkan bahawa nilai sudut yang digunakan bagi penentuan waktu Subuh ialah -19° sebagaimana dalam Jadual 8.2. Mereka mengekalkan penggunaan sudut ini seperti dalam kebanyakan kitab miqat sebelumnya yang menggunakan sudut -19° .

Bil.	Tokoh Falak	Sudut Waktu Subuh	Sumber
1	Haji Umar bin Nurudin (W.1947)	-19°	<i>Syamsul Fatiyah</i>
2	Haji Muhammad Nur Ibrahim (W.-1987)	-19°	<i>Pilihan Mastika</i>
3	Muhammad Saleh bin Haji Harun Kemboja	-19°	<i>Pedoman Bahagia</i>
4	Haji Abdul Kadir Wan Ngah	-19°	<i>Kaifiat Membetulkan Jam dengan Sukuan Sinus</i>
5	Ismail bin Abdul Rahman	-19°	<i>Cara Menerbitkan Waktu Sembahyang</i>

6	Hj Ismail Hamali	-19°	<i>Bantuan Anak Bangsa pada Menyatakan Kiblat dan Masa</i>
7	Haji Sulaiman bin Haji Ngah Alwi	-19°	<i>Tangga Falakiah</i>
8	Anama	-19°	<i>Jadual Amaliyat</i>
9	Haji Abdul Rahman Saleh	-19°	<i>Qawaidul Miqat</i>

JADUAL 8.2 Penggunaan Sudut Waktu Subuh oleh Tokoh Falak Kelantan
Sumber: Baharrudin (2015)

Penghitungan waktu Subuh di alam Melayu, khususnya negeri di Tanah Melayu, dihitung berdasarkan sudut waktu subuh atau sudut tunduk matahari – 19° di negeri Kelantan dan –20° di negeri lain. Jadual waktu solat sebelum merdeka dihitung oleh ahli falak Alam Melayu seperti Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin. Beliau menggunakan nilai sudut –20° di bawah ufuk bagi waktu Subuh seperti yang dinyatakan di dalam kitab *Pati Kiraan* yang dikarangnya. Sementara itu, terdapat beberapa tokoh falak Alam Melayu menyatakan bahawa sudut bagi awal waktu Subuh ialah –19° seperti yang disebut Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani di dalam kitab *Risalah fi al-A'mal bil Rubu' al Muiyyab* (1882M), Syeikh Ahmad bin Abdul Latif al-Khatib di dalam kitab *Al-Jauharun Naqiyahi* (1892M), Syeikh Muhammad Ma'sum bin Ali di dalam kitab *Ad-Durusul al-Falakiyyah* (1930M) dan Syeikh Mahyuddin bin Abdul Mukmin al-KerANJI di dalam kitab *Tashilil Mabtadin* (1936). Syeikh Mahyuddin juga seorang pembuat jam matahari. Nilai sudut –19° yang mereka gunakan termasuk di negeri Kelantan dipercayai merupakan ambilan terus daripada kitab tokoh falak Zaman Pertengahan Islam, terutamanya tokoh falak yang menerima pengajian di Mekah dan Timur Tengah.

Selain itu, terdapat beberapa lagi tokoh falak Alam Melayu dengan karya falak termasuk penghitungan waktu solat yang mereka hasilkan. Antaranya ialah Saadoe'ddin Djambek (w. 1379H/1977M) yang menghasilkan beberapa kitab, yang antaranya ialah kitab *Waktu dan Jadual, Arah Kiblat, Perbandingan Tarikh*, dan *Hisab Awal Bulan*. Sa'edoeddin, yang dilahirkan di Bukit Tinggi Sumatera pada tahun 1911M, pada awalnya mempelajari ilmu falak daripada ayah beliau, Syeikh Muhammad Jamil Djambek (w. 1366H/1947M). Ayah beliau juga seorang tokoh falak dengan karyanya *Mukhtashar Mathla' As-Sa'id*. Kemudian, Sa'edoeddin mendalami ilmu falak di Fakultas Ilmu Pasti dan Ilmu Alam Institut Teknologi Bandung pada tahun 1954M-1955M (Hendri, 2019). Tokoh falak yang lain ialah Muhammad Mansur Abdul Hamid Betawi (w. 1388H/1968M) dengan karyanya *Sullam al-Nayyirain*. Beliau mendapat pendidikan awal tentang ilmu falak daripada ayahnya, Abdul Hamid Bin Damirial-Betawi. Kitab *Sullam al-Nayyirain* mengandungi tiga bahagian. Bahagian pertama ialah kaedah ijtima

bagi penentuan awal bulan hijri, bahagian kedua ialah kaedah menghitung gerhana Bulan dan bahagian ketiga memuatkan kaedah menghitung gerhana matahari. Kitab ini dikarang berdasarkan kitab *Zij Ulugh Beg* oleh Sultan Ulugh Beg al-Samarqandi (w. 1420M) (M. Teguh, 2014). Seterusnya, tokoh falak Zubair Umar al-Jailani (w. 1401H/1990M), dari Salatiga Jawa Tengah dengan judul karya *Al-Khulasatul Wafiiyyah fil Falak bi Jadwalil Lugaritmiyyah* yang cetakan pertamanya terbit pada tahun 1354H/1935M. Kitab ini cukup lengkap, kerana mengandungi penghitungan takwim secara urfi, teori falak, pergerakan Bumi, Bulan serta planet-planet, perhitungan waktu solat, penentuan arah kiblat, penghitungan awal bulan, gerhana bulan dan gerhana matahari (Alimuddin, 2013).

Dikalangan tokoh falak Alam Melayu, pengaruh Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin tersebar luas di Alam Melayu melalui kelas pengajian yang dijalankan di Tanah Melayu dan Indonesia, dan juga pengajian falak yang diteruskan oleh anak muridnya. Menurut Mohamad Amin Abu Bakar (2012), Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin mengajar dalam kelas pengajian falak di beberapa lokasi, yang antaranya di Kuala Kangsar pada tahun 1930-an, di Jabatan Agama Johor pada tahun 1939M, di Bangkok Thailand pada tahun 1948M, di Pontian Kechil pada tahun 1950M dan di Kota Ampat Angket, Sumatera Barat pada tahun 1956M.

Menurut Mohamad Amin (2012), beberapa orang murid Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin meneruskan perjuangannya mengembangkan ilmu falak di Alam Melayu. Antaranya ialah Mohd. Khair Taib (1922M-1989M), Syeikh Mohd. Jamil Jambek (1862M-1947M) dan Raja Hj Muhammad Arif atau Engku Cik (w. 1963M). Mohd. Khair Taib pernah berguru dengan Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin selama dua tahun selepas Perang Dunia Kedua di Kuala Kangsar. Beliau pernah menjadi Karyawan Tamu di Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia dari tahun 1981M sehingga tahun 1984M dan menerbitkan sebuah buku yang berjudul *Takwim Hijriah Khairiah*. Syeikh Muhammad Jamil Jambek pula seorang ulama Minangkabau Sumatera Barat yang juga telah berguru dengan Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin di Mekah. Sekembalinya dari Mekah, beliau telah mengembangkan ilmu falak di Indonesia dan beliau dikatakan sebagai orang yang kedua memperkenalkan ilmu falak moden di Indonesia selepas Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin. Bermula dari tahun 1911M, Syeikh Muhammad Jamil Jambek telah menyusun jadual waktu solat dan imsakiah bagi Indonesia. Beliau telah mewariskan ilmu falak kepada anaknya Sa'edoedin Jambek yang akhirnya menjadi seseorang tokoh falak di Indonesia.

Seorang lagi murid yang berguru dengan Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin bagi mendalami ilmu falak ialah Raja Haji Muhammad Arif. Beliau berasal daripada keturunan kerabat Diraja Riau. Menurut Mohamad Amin

(2012), sebelum ini Raja Haji Muhammad Arif belajar ilmu falak asas daripada bapa saudaranya, Raja Ali bin Raja Muhammad Tengku Nong, yang merupakan kawan karib kepada Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin. Raja Haji Muhammad Arif telah menyebarkan karya gurunya, Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin, dengan menerbitkan kitab *Natijat al-Umur* pada tahun 1346H (1927M-1928M).

Pandangan Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin tersebar melalui beberapa karya yang diterbitkan. Terdapat tiga karya utama beliau, iaitu kitab *Natijat al-Umur* (1936M), *Pati Kiraan: Pada Menentukan Waktu yang Lima dan Hala Kiblat dengan Logarithma* (1938M) dan *al-Qiblat Fi Nusus al-Shafi'iyah Fima Yata'allaq bi Istiqbal al-Qiblat al-Syar'iyat Manqulat min Ummahat Kutub al-Mazhab* (1951M). Menurut Baharrudin (2009), sebuah lagi kitab karya Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin ialah *Nukhbat at-Taqrirat* (1954). Kitab-kitab ini menjadi rujukan pengajian ilmu falak dan tersebar di Alam Melayu. Dengan tersebar luasnya kitab-kitab tersebut, pengaruh Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin memberi kesan kepada penerimaan kaedah penghitungan waktu solat di Tanah Melayu dan Indonesia, terutamanya penggunaan sudut -20° bagi waktu Subuh. Menurut Susiknan (2013), ahli falak Saadoddein Djambek dan Abdur Rachim yang berpengaruh di Indonesia dikatakan dipengaruhi oleh pandangan Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin yang menggunakan sudut tunduk matahari -20° bagi penghitungan waktu Subuh.

Sementara itu, tokoh falak Kelantan dan Pattani yang tidak sehaluan dengan pandangan Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin mengekalkan penggunaan sudut tunduk matahari -19° seperti yang terdapat di dalam kitab miqat bagi penghitungan waktu Subuh di negeri Kelantan dan di selatan Thailand. Antara tokoh falak Kelantan yang menggunakan sudut -19° ialah Almarhum Dato' Muhammad Nur Ibrahim, Mufti Negeri Kelantan (1968M-1987M). Beliau merupakan antara tokoh falak dan ulama negeri Kelantan yang mendapat pendidikan di Mekah. Antara karya falak beliau ialah *Pilihan Mastika* (1931). Penghitungan waktu solat yang beliau gunakan termasuk penghitungan waktu subuh bagi negeri Kelantan dipercayai menerima pakai sudut tersebut semasa pengajiannya di Mekah. Setelah kembali ke tanah air, beliau terus menggunakan sudut tersebut dalam penghitungan waktu Subuh bagi negeri Kelantan.

Kesimpulan

Penghitungan waktu solat telah dilakukan oleh ramai tokoh falak sejak dari abad ke-9M hingga abad ke-19M (abad ke-4H hingga abad ke-13H). Mereka telah menggunakan rumus matematik dengan parameter yang tertentu seperti waktu istiwa dan sudut zenit. Antara sumbangan utama tokoh falak alam Melayu ialah penentuan waktu solat. Mereka telah menterjemahkan dari kaedah asal penentuan waktu solat dengan pencerapan tanda alam kepada kaedah penghitungan. Kaedah

penghitungan waktu solat yang mereka lakukan dapat dilihat melalui karya falak yang mereka hasilkan. Dalam penghitungan waktu solat subuh ada dua nilai sudut yang digunakan iaitu sudut -19° di negeri Kelantan dan -20° di negeri lain pada ketika itu. Dengan penghitungan waktu solat yang dilakukan oleh tokoh falak telah memudahkan umat Islam melaksanakan ibadat solat tanpa perlu bergantung kepada pencerapan tanda alam. Dengan cara demikian umat Islam dapat mengetahui waktu awal dan akhir setiap waktu solat dengan lebih tepat.

Bab 9

Karya Agung / Adi Karya

Noriah Mohamed

Pengenalan

Pengungkapan agung pastinya membawa konotasi besar, rasa hebat dan apabila dikaitkan dengan karya pula akan memberi suatu semangat kepada bangsa yang memilikinya. Karya bentuk ini kadangkala dikenali sebagai Adi Karya yang terungkap di dalamnya pelbagai pemikiran, pandangan dan falsafah hidup berkekalan dalam ingatan sesuatu bangsa dan menjadi pegangan untuk membangun bangsa. Bila dikaitkan dengan karya pastinya berbentuk tulisan yang menjadi tunggak keintelektualan sesuatu bangsa dan melalui tulisan sahaja dapat dikenal pula segala maklumat yang terdekam di dalamnya yang menggambarkan kehebatan bangsa tersebut.

Daripada tulisan ini dapat dikenal keindahan bahasa yang digubah dan jalinan fikir yang diungkap. Karya agung dianggap sebagai karya yang dapat membentuk jati diri sesuatu bangsa sehingga dapat memantulkan kembali ketamadunan bangsa tersebut pada bila –bila masa sebagaimana kita mengenal ketamadunan Greek, Yunani, Cina, India dan Mesir. Daripada hasil karya mereka inilah dapat dikenal pemikir-pemikir atau seniman-seniman yang menghasilkan karya- agung tersebut. Melalui karya-karya. Disebabkan karya ini mengandungi segala khazanah kekayaan fikiran sesuatu bangsa seringkali pula karya jenis ini menjadi rujukan dan menjadi suatu landasan buat sesuatu bangsa itu mengorak langkah kemajuan yang mahu di terokai.

Karya Agung Melayu

Karya jenis ini adalah karya yang ditulis menggunakan bahasa Melayu sama ada berdialek Melayu Semenanjung atau dari daerah –daerah Melayu di tempat lain seperti Sumatra, Sulawesi, Kalimantan, Sumbawa dan Lombok. Daerah-daerah ini lebih dikenali dengan nama “Nusantara” (Mohad Taib Osman,1997). Karya jenis ini ditulis menggunakan tulisan Jawi (aksara Arab berbahasa Melayu) yang mencakup pelbagai bidang seperti pemikiran, falsafah dan pandangan hidup yang diguna pakai turun temurun. Lebih tepat karya agung Melayu adalah karya besar berupa warisan budaya bangsa Melayu. Bahasalah yang menentukan sesebuah

karya itu Melayu atau tidak kerana terdapat juga aksara Jawi digunakan dalam karya Jawa terutama yang bersangkutan dengan persoalan agama sama ada Islam dan Kristian .Kelompok ini hanya dapat di ketagorikan sebagai karya Dunia Melayu kerana pernah diiktirafkan oleh Yayasan Karyawan bahawa karya agung Jawa seperti Serat Chenthini dan Kekawin Negara Kretegama selain I la Galigo yang dihasilkan oleh pemikir Bugis adalah karya agung etnik-etnik ini (Hassan Ahmad,2000:8)

Sumber Karya Agung Melayu

Bahasa Melayu mulai kuat setelah kedatangan Islam dan mulai saat itulah beberapa institusi dalam masyarakat Melayu mengorak langkah memartabatkan bahasa Melayu dengan menampilkan ide-ide bernas yang berkaitan dengan pandangan hidup budaya Melayu yang mencakup pelbagai bidang. Dari institusi beraja atau istana muncullah karya agung istana yang isinya memaparkan sistem pemerintahan beraja seperti karya-karya hasil tulisan Nuruddin Al Raniri, Shamsuddin Al Sumatrani, Abd Rauf Singkel, Raja Ali Haji dan sebagainya, menakala dari Pesanteren atau pondok lahirilah karya-karya alim ulamak Melayu seperti karya Tok Kenali, Haji Arshad AlBanjari dan sebagainya.

Suatu bukti nyata ialah karya Raja Ali Haji yang berjudul Thamarat al Mahammah dan Intizam Wazalif al Malik telah digunakan sebagai panduan bagi raja-raja dalam mengendalikan pentadbiran negara mengikut lunas-lunas Islam. Raja Ali Haji adalah dari golongan istana (Andaya &. Matheson,1982:108)

Ciri-Ciri Karya Agung Melayu

Setiap karya agung mempunyai ciri-ciri khusus sebagai garis pemisah untuk membuktikan sesebuah karya itu benar-benar agung kerana setiap karya penulisan tidak lepas daripada mempamerkan pemikiran budaya sesuatu bangsa yang dilahirkan oleh pengarangnya. Sealur dengan inilah beberapa ciri disediakan sebagai berikut:

1. Lambang dan pesanan yang hendak disampaikan
2. Nilai budaya dan pandangan hidup
3. Nilai ilmu
4. Teknik kepengarangan
5. Seni bahasa

(Hassan Ahmad,2000:20)

Lambang dan Pesanan yang hendak disampaikan

Karya agung Melayu tidak lepas cuba mengungkap hasrat bangsa melalui pengarang atau penyusun sesebuah karya dan gambaran ini amat ketara pada mukaddimah sesebuah karya seperti Sejarah Melayu atau Sulala al Saalatin (1967). Pada bahagian ini dikatakan sang raja menyuruh Tun Seri Lanang menulis kembali karya Melayu yang dibawa dari Goa sebagai kahazanah buat generasi akan datang. Hal yang sama digambarkan Sri Sultan telah menitahkan penyusun teks Sulalat al Salatin supaya "... diperbuatkan hikayat didengar oleh anak cucu kita yang kemudian dari kita dan diketahuinyalah segala perkataan, syahadan beroleh faedahlah mereka itu daripadanya" (Sulalat al Salatin, edisi Karya Agung, 1997:3-4).

Dengan penyebutan '...beroleh faedah...' sudah cukup pembuktian bahawa sesebuah adi karya diolah kembali sebagai suatu warisan yang akan berterusan digunapakai oleh bangsa Melayu. Dalam Sejarah Melayu selain kegemilangan Melaka ditonjolkan, diselit pelbagai cerita ibarat dan ketinggian Melayu sehingga Melayu dapat duduk sama tinggi dan rendah dengan bangsa besar lain di dunia.

Cerita ibarat dapat dilihat daripada beberapa episod seperti 'Singapura dilanggar todak' yang telah memaparkan sikap dengki dan serakah manusia sehingga Hang Nadim, seorang anak kecil dibunuh kerana kepintaran otaknya. Begitu juga dengan episod 'Peminagan Puteri Gunung Ledang' juga memaparkan ibarat sikap kepentingan diri sang raja yang berfikir hanya untuk dirinya sendiri.

Nilai Budaya dan Pandangan Hidup

Sebagai karya yang memuatkan amanat buat pembangunan bangsa, Sejarah Melayu sebagai contoh memuatkan beberapa ajaran yang berlandaskan Islam seperti wasiat-wasiat yang diberikan oleh Sultan-sultan Melaka sebelum mereka mangkat kepada anak-anak mereka. Wasiat ini terpapar sewaktu Sultan Mansur Syah memberi ingatan kepada anaknya:

"Ketahui olehmu hai anakku, bahawa yang dunia ini tiada akan kekal adanya. Yang hidup itu sedia akan mati juga sudahnya Iman yang sempurna dan pekerti yang baik, itulah yang kekal, disebut orang selamalamanya. Adapun peninggalanku ini hai anakku, hendaklah engkau berbuat sabar serta adil sangat-sangat, dan jangan tamakkan harta orang, kerana makan hak sama Islam itu terlalulah besar dosanya tiada diampuni Allah subhanahu wataala, melainkan dengan izin tuannya..."

(Sejarah Melayu, 1967:126)

Petikan tersebut merupakan salah satu cara penyampaian nilai luhur yang harus dikekalkan terutama yang berkaitan dengan Islam. Sehubungan dengan itu juga terdapat cerita yang berlandaskan seperti ‘Singapura dilanggar Todak’ di dalam Sejarah Melayu. Peristiwa ini disebabkan terbunuhnya Tuna Jana Katib (seorang ulama’ di Singapura yang dibunuh Sultan kerana dikatakan cuba menunjukkan kepandaianya membelah pinang di hadapan permaisuri. Terungkaplah nilai hidup bahawa sesuatu perkara berlaku kerana ada sebab atau dapat disamakan teori sebab dan akibat atau Hukum Karma.

Satu nilai yang jelas dipaparkan dalam karya agung Melayu ialah sikap taat setia yang dibebani kepada rakyat. Walau bagaimana pun pihak raja juga harus memikirkan juga kebajikan rakyat sebagaimana yang terungkap dalam perjanjian di antara Sang Sapurba dengan Demang Lebar Daun (Sejarah Melayu 1967 :17&18) Cerita yang berkaitan ini terdapat pada episod pembunuhan anak bendahara yang dibunuh sewaktu sedang bermain sepak raga dan destar terpelanting kerana terkena bola yang ditendang. Bendahara melarang untuk menderhaka dan anak Sultan Melaka telah di halau dari bumi Melaka (Sejarah Melayu, 1967) Justeru itu amat banyak ungkapan “Pantang anak Melayu durhaka” dilontarkan di dalam Hikayat Hang Tuah.

Nilai Ilmu

Pengarang Karya Agung Melayu secara sedar ingin menampilkan mesej berat bahawa ilmu amat penting dalam kehidupan dan gambaran ini jelas dipaparkan dalam karya agung seperti Sejarah Melayu, Hikayat Hang Tuah dan lain-lain. Sehubungan dengan itu (Sulastin Sutrisno 1983) bahawa pengarang Hikayat Hang Tuah adalah seorang yang banyak membaca. Secara tidak langsung memaparkan adi karya ini ingin menunjukkan betapa pentingnya ilmu dan selaras dengan itulah dikatakan Hang Tuah mempelajari 12 bahasa dan mencintai ilmu sejak kecil lagi:

...Telah berapa lamanya Hang Tuah mengaji Quran, maka pengajian itu pun tamatlah. Maka Hang Tuah mengaji nahu pula. Telah sudah tamat pengajiannya, maka dia berkata kepada bapanya,” Ayo, bapaku, pada bicara hamba, hendak mengaji pada lebai Keling pula, supaya hamba tahu bahasanya.” Maka kata Hang Mahmud, “Benarlah seperti bicara anakku itu.” Maka Hang Tuah pun mengaji pada seorang lebai Keling. Hatta, beberapa lamanya, maka tamatlah dengan bahasa Keling itu, habislah diketahuinya. Maka Hang Tuah pun berkata pula pada bapanya hendak mengaji pada lebai Siampula supaya diketahuilah bahasanya. Setelah sudah diketahuinya bahasa Siam, maka Hang Tuah pun mengaji pula pada seorang lebai Cina. Dengan tiada berapa lamanya maka iapun tamatlah mengaji bahasa Cina itu. Maka Hang Tuah pun mengaji pada lebai Jawa

hendak diketahuinya akan bahasa Jawa itu. Kalakian setelah habislah rata diketahuinya dua belas bahasa itu, maja Hang Tuah pun pulanglah ke rumahnya...”

(Hikayat Hang Tuah,1997:24)

Mempelajari bahasa bukan sekadar bahasa tetapi budaya sesuatu bangsa sehingga Hang Tuah dapat menyesuaikan dirinya dalam sesuatu kelompok yang digaulinya. Gambaran ini diperjelaskan dari episod Hang Tuah yang ke merata negara sebagai diplomat yang berwibwa sehingga bila Hang Tuah di India dia diberi tugas sebagai utusan. Apabila dia ke Cina juga dia dapat memperdaya kebolehan orang Cina sehingga dia dapat melihat rupa Raja Cina.

Mempelajari pelbagai ilmu merupakan satu elemen penting dalam kehidupan dan gambaran ini dibuktikan dengan gaya Hang Tuah lima bersaudara sentiasa mencari guru yang boleh ditimba ilmunya seperti di Melaka dan Jawa. Pengarang karya Agung Melayu amat peka atas nilai ilmu yang harus diterapkan oleh masyarakat Melayu.

Keilmuan daripada karya agung bukan setakat mempelajari bahasa tetapi dalam pelbagai bidang terutama yang bersangkutan soal kehidupan berbudaya seperti bagaimana harus berintraksi dengan golongan –golongan tertentu terutama cara panggilan dan berbahasa, berpakaian yang selaras dengan kedudukan,mentadbir negara, hukum hakam yang dikendalikan, cukai pendapatan yang diperoleh dan kebolehan dalam dalam bidang berkarya sama ada membuat rumah, istana, kapal dan sebagainya (Sejarah Melayu:1967) Yang penting di dalam keilmuan ini adalah akal budi Melayu yang amat sering ditekankan sehinggakan dalam peribahasa Melayu diungkapkan:

Harimau mati meninggalkan belang,
Manusia mati meninggalkan nama.

Jangan seperti jagung makin tua makin meninggi
Biarlah seperti padi, makin tua makin runduk.

Biarlah seperti ular menyusur akar takkan hilang bisanya
Diam besi berkarat, Diam ubi berisi.
Jangan menjadi gendang kosong, brbunyi kuat, berisi tidak

Teknik kepengarangan, Pengarang / Penyalin Melayu

Pengarang Melayu kadangkala dikenali sebagai penulis, penyusun dan penyalin kerana setiap individu mempunyai kebebasan untuk menokok tambah dan mengurang isi teks-teks yang digarapnya. Tidak menghairankan terdapat

beberapa versi pada setiap karya agung sehingga teks Sejarah Melayu pun ada yang daripada versi Shellabear, Raffles dan A. Samad Ahmad. Pengarang Melayu lazimnya mempunyai kebebasan mutlak untuk mewarnakan tulisannya dengan tujuan tertentu. Namun untuk Sejarah Melayu atau Sulalat al Salatin pengarang diberi tugas untuk memikul tanggung jawab ini. Pengarang/penyusun (Tun Seri Lanang) tanpa sebarang bantahan dan dengan akur beliau terus menyempurnakan tugas yang diberikan dengan memperkenalkan dirinya sebagai seorang fakir.

“Setelah fakir mendengar demikian, jadi beratlah atas anggota faqir alladzi huwa murakkabun ‘ala ‘l-jahli Tun Muhammad namanya, Tun Seri Lanang timang-timangnya, Paduka Raja gelarannya Bendahara anak Orang Kaya Paduka Raja, cucu bendahara Seri Maharaja... Melayu bangsanya dari Bukit Siguntang Mahameru.”

(Sejarah Melayu ,1967:2)

Daripada petikan tersebut tergambar sikap kerendahan hati dan budi pengarang atau penyusun Melayu lebih-lebih lagi karya yang dikarang adalah tergolong sebagai adi karya. Penggunaan kata ‘fakir’ bukan sahaja terdapat dalam karya agung malah menjadi suatu gaya penulisan di waktu itu pengarang amat sering merendah diri seperti karya yang dikarang di abad ke 19 (Syair Nasihat Perempuan, 1903 :1)

Dengarkan tuan segala madah,
Dikarangkan fakir berhati gundah,
Sungguh rencana tiada indah,
Membaca mendengarnya banyak faedah.

Gaya seperti itu seolah-olah memperlihatkan pengarang sebagai pengantara di antara golongan pemerintah dan rakyat. Secara tidak langsung memperlihatkan juga bahawa pengarang Melayu yang menulis Adi Karya Melayu terdiri dari golongan istana dan contoh jelas ialah Tun Seri Lanang sendiri.

Pengarang-pengarang adi karya Melayu selain Tun Sri Lanang ialah Shamsuddin Al Sumatrani, Raja Ali Haji, Abdul Rauf Singkel, Nuruddin Al Raniri dan ramai lagi yang menggelapkan nama kerana karya dianggap kepunyaan bersama. Contoh Hikayat Hang Tuah hingga kini khalayak tidak tahu siapa pengarangnya namun yang nyata pengarang ialah seorang yang berpengalaman luas: Contoh:

Pengarang Hikayat Hang Tuah pada zamannya termasuk orang yang berpengalaman luas. Ia pasti banyak membaca dan mendengar. Ia tahu dengan baik dari sejarah sastera, tata cara serta keadaan semua negara yang

berhubungan dengan Melaka dalam perjalanan sejarah. Dalam dunia rekaannya ia menciptakan keadaan atau kenyataan fiksional yang menggambarkan Melaka merebut supremasi dunia, maka ia memberikan penafsiran literer. Ada dugaan bahawa ia banyak menggunakan sumber-sumber yang bertulis, terbukti dengan terdapatnya unsur Panji, Hikayat Seri Rama. Bustanu' ssalatin, Hikayat Pandawa Lima, Hikayat Hang Tuah dan sebagainya.

(Sutrisno,1983:66)

Keintelektualan pengarang Melayu sering terpancar dari hasil buah penanya walaupun di permulaan hikayat diungkapkan ...yang empunya cerita atau kata sahibul hikayat dan semuanya ini memaparkan kerendahan hati budi pengarang namun fikiran dan kreativitinya melangkawi sempadan yang luas dan tidak terduga.

Seni Bahasa

Karya agung yang dipersembahkan dalam wadah bahasa yang berbobot, penuh dengan pemikiran kritis pengarang yang disampaikan secara halus dan bersahaja. Penceritaan bukan sekadar berbentuk prosa sahaja namun terselit sumbi emas di sana sini seperti peribahasa, gurindam, syair, pantun dan bahasa berirama sebagai perindah bahasa yang menjitukan kata yang ingin disampaikan. Segala metafor, “hiperbola”, dan “superlatif” digunakan sebagai teknik memaparkan reality, yang kebanyakannya bersumber daripada keindahan alam sebagaimana ungkapan ini:

Tengah malam sudah terlampau
Dinihari belum lagi tampak
Budak-budak dua kali jaga
Orang muda pulang bertandang
Orang tua beralih tidur
Embun jantan rintik-rintik
Berbunyi kuang jauh ke tengah
Sering lanting riang dirimba
Melenguh lembu di padang
Sambut menguak kerbau di kandang
Berkokok mandung, merak mengigal
Fajar sidik menyinsing naik
Kicau-kicau bunyi murai
Tabtibau melambung tinggi
Berkuku balam di hujung bendul
Terdengut puyuh panjang bunyi
Puntung sejengkal tinggal sejari,
Itulah alamat hari nak siang.

(*Hikayat Malim Deman*:4)

Segala-segala yang dibuat sering memaparkan keagungan, kepintaran dalam menyulam kata sehingga jalinan ini menonjolkan satu ikatan makna yang membawa makna berat dan hanya dimengerti oleh masyarakat yang mewarisinya. Sebagai contoh dapat dilihat untaian gambaran ragam rias dan teknologi pembinaan yang amat hebat sehingga sukar untuk dibayangkan kini seperti gambaran kota yang dibina dalam Syair Bidasari. Pengarang bukan sekadar pintar bermain kata-kata tetapi mahir dalam kreativiti khayalan yang khalayak harus sama berkhayal dalam gambaran tersebut.

Seterusnya baginda menyuruh wazirnya mendirikan sebuah kota di tengah-tengah hutan. Terlebih dahulu wazir memulakan pembinaan tiga lapis tembok yang berpintu besi, tembaga dan perak Pintu besi dijaga oleh jin-jin, raksasa dan orang-orang Zanggi yang ganas; pintu tembaga dijaga oleh pasukan mambang dan peri; manakal pintu perak dijaga oleh tentera yang tidak terkira jumlahnya. Di balik ketiga-tiga tembok itu, istana-istana emas meninggi ke langit dan taman-taman yang indah berdesir dalam tiupan angin...

(Braginsky,1994:135 dan Jamilah Hj Ahmad,1989)

Bukan sekadar alam dan pembinaan yang menjadi alat dalam pemaparan suasana dan kegunagan malah tokoh-tokoh tertentu yang memainkan peranan dalam karya turut dilukiskan seperti yang terdapat dalam karya Lipur Lara Melayu terutama yang menyangkut gambaran kecantikan puteri-puteri raja dan ketampanan putera-putera raja sebagaimana yang dipaparkan di bawah ini:

“Minum air berbayang-bayang,
Santap sirih berkaca-kaca,
Jika bersandar di tiang, tiang terus oleh cahayanya, tiadalah tolok bandingnya
kepada zaman ini”

(*Hikayat Malim Deman* :3)

Pengarang adi karaya/karya agung amat sering mempermain bahasa sebagai satu teknik menarik khalayak dan khalayak turut sama dalam arus pemikiran pengarang.

Kesimpulan

Karya agung adalah karya yang dapat meninggalkan pelbagai kesan positif kepada bangsanya dalam pelbagai perspektif sama ada pemikiran, falsafah kehidupan, kepintaran dalam segala pembinaan dan sealur dengan akal budi yang menjadi landasan mewujudkan jati diri bangsa yang bermaruah. Karya agung adalah wadah warisan agung sesuatu bangsa yang dapat mempamerkan

ketinggian bangsa tersebut dalam waktu kegemilangannya dan warisan ini akan menjadi wadah pembelajaran yang amat ampuh.

Bab 10

Tiang Seri Adat Perpatih Melalui Tambo Alam Minangkabau

Mohd Rosli Saludin

Pengenalan

Bab ini adalah tentang Tiang Seri Adat Perpatih Melalui Tambo Alam Minangkabau yang manuskripnya bertarikh 1822 berdasarkan watermarknya. Mempunyai 18 lembaran yang bersambung. Tiap-tiap lembaran 18 inci panjangnya dan dengan ini Panjang keseluruhannya ialah 252 inci bersamaan 21 kaki panjangnya. Asalnya terletak dalam buluh dan bergulung dengan baik. Setelah itu Encik Khairuddin Haji Khudri meletakkan di dalam bekas kedap udaranya lainnya. Bersamaan manuskrip ini diletakkan surat pengenalannya sekali. Surat ini sangat penting sebagai Langkah pengenalannya. Jika mengikut kertas ini banyak penulisan bawah daripada 1830 yang menggunakan kertas seperti manuskrip ini. Ia juga ada menyebut beberapa kerajaan yang terpenting di Alam Melayu.

Manuskrip Tambo Alam Minangkabau ini dipunyai oleh Encik Khairuddin Haji Khudri yang pengkaji kenali dalam emel. Emelnya telah pengkaji jawab dan menghubunginya melalui panggilan telefon dan sempat berbincang sepintas lalu tentang manuskrip tersebut. Pengkaji telah bertemu dengan Encik Khairuddin Haji Khudri di Pejabat Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Pertemuan ini telah mewujudkan perbincangan yang lanjut dan telah dipanggil Encik Bazri Moktar untuk memeriksa manuskrip ini dan akhirnya berlaku soal jawab untuk mengenali manuskrip ini dengan lebih lanjut lagi.

Asalnya Manuskrip Tambo Alam Minangkabau ini oleh Haji Khudri Haji Tahir iaitu ayah kepada Encik Khairuddin yang semasa kecilnya telah dihantar ke Al Junaid Singapura untuk menyelamatkan diri dari pada ancaman Belanda pada masa tersebut. Kampung asalnya adalah di Sibolga dan keturunannya ada yang berasal dari Pariaman dan Bangkahulu dan dalam kiraan manuskrip ini asalnya daripada keturunannya sendiri. Dato Hitam yang dari keturunannya pernah menjadi penguasa di Sibolga dan bernama Abdul Mutalib.


Penyalin manuskrip ini berada di Padang dan jelas adalah asal Minangkabau. Dato Hitam berkahwin dengan orang Minangkabau dan sering

berulang alik dari Padang Pariaman. Haji Khudri ketika berumur 18 tahun telah dicari oleh Belanda untuk menjadi penguasa di suatu jabatan di Sibolga. Demi keselamatan beliau mengikut Syeikh Ibrahim Samanhudi ke Pahang atas jemputan Sultan Abu Bakar.



GAMBAR 10.1 Manuskrip Encik Khairuddin Haji Khudri
Sumber: Mohd Rosli Saludin

Syeikh Saman telah dilantik menjadi Pengetua Kuliyyah Abu Bakar dan Haji Khudri menjadi guru kanan serta penterjemahnya. Syeikh Ibrahim kemudiannya telah dilantik menjadi mufti Pahang atas kepakaran dan ilmu dalam bidangnya. Haji Khudri pula telah berkahwin dan telah menjadi kesayangan kepada Tengku Sulaiman. Tambo seperti ini ada di Naning, Melaka bertarikh 1897. Jadi nampak jelas asal-usulnya manuskrip tambo ini dan diketahui akan salasilahnya sejak asalnya lagi dan memang layak untuk dijadikan rujukan terutama dalam Adat Perpatih di Negeri Sembilan untuk menjejaki asal adatnya.



GAMBAR 10.2 Butiran Dalam Tambo Dikaji
Sumber: Mohd Rosli Saludin

Jati Diri Adat Perpatih Negeri Sembilan Dalam Tambo

Menurut manuskrip ini Raja Iskandar Zulkarnain telah berkahwin dengan Puteri Raja Rom dan telah melahirkan tiga orang putera. Maharaja Dipang telah beregerak dan menjadi raja di negara China. Maharaja Alif menjadi raja di Eropah terutama di Rom dan Maharaja Diraja pula menjadi raja di Tanah Jawi iaitu sebelah Alam Melayu. Di Tanah Jawi kapalnya terdampar berdekatan gunung Merapi dan dititahkan sesiapa yang dapat baiki kapal ini ia akan berkahwin dengan puterinya. Pengikutnya yang setia seperti Anjing Mualim, Harimau Champa, Kambing Hutan, Kucing Siam sentiasa mendampingi baginda. Pengiring tadi nama sahaja binatang tetapi kerana kehebatannya maka gelarannya seperti itu. Bagi yang ke Luak Agam berteraskan anak harimau, manakala yang ke 50 Koto pula ialah anak kambing dan yang ke Candung Lasi anak kucing. Melalui keadaan ini berkembang luas keturunan ini (Manuskrip, 1822: 5-8).

Jadi perkembangan nama-nama tempat banyak berdasarkan dari cerita Tambo Alam Minangkabau di atas. Mereka berkembang dari dahulu lagi sehinggalah ke anak cucu cicit sekarang ini. Membentuk masyarakat dan adatnya sendiri dalam masyarakat Alam Minangkabau itu sendiri. Sampai suatu tahap mereka merantau hinggalah ke Negeri Sembilan terutama dalam adad ke 14 Masihi. Kesampaian mereka terus ke Naning dan berpercah ke Rembau, Johol, Ulu Muar, Gunung Pasir, Terachi dan ke Jempol. Ketika di Negeri Sembilan mereka menamakan suku yang dianuti berdasarkan dari tempat mereka datang. Merantaunya mereka ini berdasarkan teromba yang mengatakan:

Keretau medang di hulu
Berbuah berbunga belum
Merantaulah bujang dahulu
Di kampung berguna belum
(Nordin Selat, 1976: 101)


Masyarakat Minangkabau yang menganut Adat Perpatih di Negeri Sembilan melazimkan hidup bersuku-suku dan perkataan suku itu bermakna keluarga atau kaum. Dahulukala apabila Adat Perpatih mula disusun dan dikuatkuasakan di Minangkabau penduduk negeri itu terpaksa di bahagikan kepada empat pecahan iaitu Bodi, Caniago, Koto dan Piliang. Tiap-tiap satu daripada pecahan-pecahan yang empat itu di panggil suku atau seperempat dari yang seluruhnya. Jadi ke empat-empat Suku Bodi, Caniago, Koto dan Piliang itu merupakan suku-suku asal Minangkabau. Suku Bodi dan Caniago cenderung kepada Adat Perpatih dan Suku Koto dan Piliang cenderung kepada Adat Temenggung. Semua orang yang sesuku hidup sebagai adik beradik, anak beranak dan bersanak saudara belaka antara satu dengan yang lain (Abdul Rahman Hj Mohammad, 1964: 27-28).

Sebelum menjalani Luak-Luak Nan Tigo Dato' Perpatih sudah memperluaskan daerah pusat kerajaan Dusun Tuo dengan membentuk persukuan-persukuan baru arah ke timur Dusun Tuo serta melantik penghulunya. Di antara suku yang diwujudkan ialah Suku Sungai Napar, Suku Jambah, Suku Sumagek, Suku Mandaliko, Suku Bodi Supanjang, Suku Kampai, Suku Balai Gamba, Suku Singkuang, Suku Sumpu, Suku Kuti Anyie (Himpunan Tambo Minangkabau dan Bukti Sejarah, 1978: 24-25)

Jelaslah menunjukkan bahawa suku di Minangkabau ini cukup banyak dan tumbuh mengikut keadaan dan masanya. Bukan semua suku di Minangkabau ini ada di Negeri Sembilan kerana sebahagian sahaja yang merantau sampai di Negeri Sembilan membentuk suku-suku yang ada seperti hari ini., suku-suku itu juga sentiasa berkembang hinggalah ke hari ini dan bukannya tertakluk kepada empat suku yang dijelaskan pada peringkat awalnya.

Kepimpinan Adat Perpatih Dalam Tambo

Kepimpinan Adat Perpatih dalam manuskrip tambo ini ada menceritakan tentang penghulu iaitu seperti sabda Nabi Muhammad S.A.W pada segala umatnya barangsiapa memerintah segala kaumnya makai a adalah penghulu. Jadi pesanan ini ditujukan kepada semua yang dikatakan pemimpin dan apatahlagi yang menjawat jawatan penghulu.




GAMBAR 10.3 Empat Jenis Penghulu

Sumber: Mohd Rosli Saludin

Adapun penghulu ada empat perkara:

1. Pertama penghulu namanya
2. Kedua pengalah namanya
3. Ketiga penguluh namanya
4. Keempat pengalih namanya

Jadi erti penghulu memerintah segala kaumnya seperti nabi kasih kepada umatnya, pengalah jikalau kata nabi sekalipun disalahi juga, pengalah mengikut atau mengikat kata sahaja dan pengalih tiada teguh akan janji sesama Islam. Maka adapun sebenar-benar penghulu menyuruhkan berbuat baik dan menegahkan berbuat jahat.



GAMBAR 10.4 Wujudnya Jawatan Penghulu

Sumber: Mohd Rosli Saludin

Penghulu yang benar-benar memegang fungsi dan tugasnya akan menyelamatkan negeri dan membuat keamanan dalam negeri. Keamanan ini sangat penting. Zaman dahulu para penghulu benar-benar memegang tugasnya dengan taatnya sehingga keamanan dapat diwujudkan. Maka pada zaman dahulu tidak diperlukan polis untuk menjaga keamanan tidak juga diperlukan tentera (H. Datoek Toeah, 1976: 63).

Falsafah Penghulu, Pemerintah, Raja
Adam bapa kepada umat
Diangkat Allah menjadi Khalifah
Wakil Allah di atas bumi
Mandiri melulus hokum Syari'
Ingatlah kamu wahai penghulu
Kecil besar luas kuasamu
Tetap ditanggung disoal dihisab
Jangan diakhirat menangis meratap
Penghulu negeri raja alam
Penegak halal pemusnah haram
Ketahuilah semua manusia
Penghulu penguasa kamu semua
Firman Allah perintahnya dengarlah
Carilah taatlah segala perintah
Taatilah segala perintah Rasulullah
Taati ulamak serta pemerintah
Ulamak Penghulu Raja mengurus
Mengikut syariat dengan telus
Taatilah mereka selagi lurus
Walaupun kanak-kanak berhingus
Siapa Penghulu jika ditanya
Jawablah sabda pada umatnya
Barangsiapa memerintah kaum
Beliaulah penghulu dia sayyidun
Adapun penghulu empat perkara
Empat jenis empat cara
Pertama penghulu kedua pengalah
Ketiga penguluh keempat pengalih
Penghulu memerintah segala kaumnya
Seperti nabi kasih umatnya
Pengaluh jika kata benar
Disalahi erti dibuat onar
Pengalah mengikut kata sahaja
Tiada bantah pendapat tiada
Pengalih tiada teguh berjanji
Sesame Islam tidak dipercayai
Adapun sebenar-benar penghulu
Beliaulah khalifah beliaulah abdu
Menyuruh manusia kepada kebaikan
Menegah kita daripada kejahatan
Muhasablah diri perhatilah penghulu
Apa jenismu yang mana satu

Semua masih mempunyai waktu
Rakyat penghulu ulamak Bersatu

Jihad Penghulu

Ingatlah penghulu penguasa raja
Semua perkara mesyuarat bersama
Sebagaimana dato bertiga bermuafakat
Di balai ruang Panjang bermesyuarat
Dato Ketemenggungan berserta pula
Dato Perpatih Sebatang juga
Simaharaja lengkap bertiga
Membelah lautan daratan bersama
Turunlah ke Sungai Suluk bertiga
Sebelum Tiku Paryaman dinamakan
Kerana terdengar Olando Syaitan
Di Pulau Payang tiba berlabuhan
Maka berlayar Dato nan tiga
Bertemu Olando Syaitan celaka
Tiada gentar tiada gusar
Cucu cicit belajarliah berikhtibar
Maka menyeru Dato nan tiga
Kepada olando Syaitan semua
Agar mahu semua mengata
Melafas kalimah kunci syurga
Ashadualllah illlah haillaullah
Waashaduan ana muhamadurasullulah
Beginilah cara berdakwah berjihad
Menyeru tauhid serta syariat
Maka menyahut Olando Syaitan
Dengan helah serta hujahan
Dikatanya kita seibu sebapa
Dipujuknya jangan berkelahi bernista
Ingatlah semua jangan keparat
Kafir laknat munafik b erdekat
Tipu memecah janji membelah
Hanya agama menyatu ummah
Maka peranglah di tengah laut
Serang menyerang sahut menyahut
Empat bulan sepuluh hari
Sabilillah pertahan addini negeri
Maka merah laut mengeri
Oleh darah kafir harbi
Buat ingatan sedarlah diri

Daulah Islamiyyah tanah air kami
Kisah jihat Dato bertiga
Jadikan wasiyyat cucu semua
Tiada mengalah demi agama
Tiada berlembut jika dicuba
Jangan sekali memberi muka
Tipu helah janji dikata
Tiadalah redha musuh kita
Hatinya busuk mencari laba
Beringatlah ulamak penghulu raja
Pelbagai hikmat nikmat dijaja
Semua dipersoal raja segala raja
Janganlah kamu taghaffal melupa saja
Ingatan juga buat kami semua
Dari yang muda ketua merenta
Biarlah putih tulang tak apa
Jangan berputih mata hina merana

Dalam manuskrip ini juga ada di ceritakan perkahwinan Iskandar Zulkarnain dengan Puter Raja Rom dan akhirnya melahirkan Maharaja Dipang, Maharaja Alif dan Sultan Seri Maharaja Diraja. Maharaja Dipang telah mentadbir di negara China, Maharaja Alif di Eropah terutama di Rom dan Sutan Seri Maharaja Diraja telah sampai ke Pulau Jawi iaitu tanah yang kita duduk sekarang ini. Baginda telah diiringi oleh 16 orang pengiring antaranya ialah Anjing Mualim, Kucing Siam, Harimau Campa dan Kambing Hutan. Dalam pelayaran kapal baginda telah terdampar di Gunung Merapi dan dengan kuasa Allah binatang tersebut jadi manusia dan telah membantu dan me merintah ditempat masing-masing. Paling menarik Kambing Hitam dan pengikutnya telah membuka 50 Koto dan dari 50 Koto inilah mereka datang meneroka di Negeri Sembilan pula mewujudkan Adat Perpatih dengan nama suku mengikut tempat mereka dating. Wujudlah Suku Seri Melanggang, Suku Paya Kumbuh, Suku Tiga Batu, Suku Batu Belang, Suku Batu Hampar, Suku Tiga Nenek, Suku Seri Lemak, Suku Mung kal dan Suku Tanah Datar dari Tanah Datar, Suku Anak Acheh dari Acheh, Suku Anak Melaka dari Melaka dan Suku Biduanda asal dari Negeri Sembilan.

Duli Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan juga iaitu Raja Melewar, Raja Hitam dan Raja Lenggang adalah dijemput dari tanah Minangkabu. Undang-undang Adat yang diamalkan di Negeri Sembilan adalah Undang-Undang Adat Perpatih dan Adat Temenggung yang dibawa dari Minanangkabau dan undang-undang ini juga ada di Naning Melaka. Negeri-negeri lain di Malaysia adalah mengamalkan Adat Melayu mengikut negeri dan bukannya Adat Temenggung. Paling menarik dalam tambo ini ada ditunjukkan cop mohor yang mempunyai lapan kelopak dan itu adalah gambaran Pagar Ruyong. Yang menariknya ada

tanda rubu'hizb dan rupanya pun sama lapan kelopak tapi berbucu lapan. Jelas nama dalam cop tersebut adalah Sultan Maharaja Diraja Sultan Abdul Jalil.

Dalam manuskrip tambo ini juga ada diceritakan bahawa setiap pemimpin menerima amanah Allah sebagai pemimpin ialah dari Nabi Allah Adam yang merupakan wakil Allah di muka bumi ini. Raja yang baik dan amanah adalah wakil Allah di muka bumi ini. Inilah sebenarnya Daulat yang dipikul oleh raja yang baik dan amanah.

Rata-rata dalam manuskrip tambo ini menggelarkan pembina Undang-Undang Adat Perpatih ialah Dato Perpatih Sebatang dan inilah yang bergabung dengan Dato Ketemenggungan. Adat Perpatih berjinjang naik dan Adat Temenggung bertangga turun. Adat Perpatih ini bersifat mat rilinel dan adat yang diamalkannya bermaksud tatacara kehidupan yang berbentuk perlembagaan yang nampak dan tidak nampak. Dato Perpatih sebatang ini bermaksud ia seorang sahaja dan bila ia berkata sudah pasti akan diterima oleh semua orang. Dato Perpatih Nan Sebatang pula wujud ramai dan timbul dalam abad selepasnya. Adat yang diamalkan adalah adat yang sebenar adat, adat yang diadatkan, adat yang teradat dan adat istiadat. Semuanya adalah berpaksi kepada Adat bersendi syarak dan syarak bersendi kitabullah (Shafary Othman, 2021).

Dato Ketemenggungan yang berasal dari Minangkabau bukan pengasas undang-undang adat bagi masyarakat Melayu, Aceh, Bugis dan sebagainya. Beliau hanya pengasas undang-undang adat masyarakat Minangkabau dan seterusnya dikenali sebagai Adat Temenggung. Undang-Undang Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka adalah contoh undang-undang Melayu itu sendiri. Undang-undang Melayu terbahagi dua iaitu:

1. Undang-undang adat Melayu iaitu semua naskhah yang lahir daripada adat budaya hidup masyarakat Melayu di alam Melayu termasuk Aceh, Bugis dan lain-lain lagi yang diamalkan adat Melayu.
2. Undang-Undang Adat Minangkabau, iaitu semua naskhah yang berasaskan adat budaya hidup masyarakat alam Minangkabau yang diasaskan Dato' Perpatih (Adat Perpatih) dan Dato' Ketemenggungan (Adat Temenggung), sama ada ditulis di Minangkabau atau di luar Minangkabau. Termasuk dalam kumpulan ini adalah Adat Perpatih dan Adat Temenggung yang menjadi amalan masyarakat di Negeri Sembilan dan lain-lain daerah yang mengamalkan adat Minangkabau di Sumatera (Jelani Harun, 2008: 134-135).

Dalam tambo ini juga terdapat Undang-Undang Sembilan Pucuk yang menjadi panduan dalam Adat Perpatih dan elok dihayati secara tersurat dan tersirat untuk dijadikan sebagai panduan.

1. Pertama undang-undang takluk kepada raja
2. Kedua undang-undang takluk kepada kepala atau penghulu
3. Ketiga undang-undang takluk kepada sekelian alim dan ulama yang bertugas sebagai hakim dan kadhi
4. Keempat undang-undang takluk kepada segala jenis permainan atau disiplin olahraga
5. Kelima undang-undang takluk kepada bunyi-bunyian
6. Keenam undang-undang takluk kepada sekelian keramaian
7. Ketujuh undang-undang takluk kepada yang bertugas dalam bidang apapun di bawah kolong langit ini
8. Kelapan undang-undang takluk kepada kebesaran
9. Kesembilan undang-undang takluk kepada segala manusia

Sekelian peraturan dan undang-undang dalam segala bidang apapun sudah termasuk dalam pembahagian yang sembilan itu. Bila manusia mematuhi yang sembilan ini akan damailah masyarakat dan tenteram dalam masalah apapun juga. Undang-Undang Sembilan Pucuk ini setiap undang-undangnya mengandungi 500 pula anaknya. Setiap undang-undang ini sangat berguna dalam Adat Perpatih kerana ia boleh membentuk masyarakat Adat Perpatih menjadi beradab, berbudi, bersopan dan juga bersantun. Tegasnya Undang-Undang Sembilan Pucuk ialah:

1. Takluk kepada raja dinamai tambo
2. Takluk kepada alim dinamakan suluh bendang
3. Takluk kepada orang banyak dinamakan pusaka
4. Takluk kepada penghulu dinamakan adat Lembaga
5. Takluk kepada hakim dikatakan cupak gantang
6. Takluk kepada wanita dinamakan cupak yang tidak boleh penuh, gantang yang tidak boleh luak

Segala peraturan itu tidak disuratkan hanya diturunkan sahaja kepada anak cucu sampai ke akhir zaman tetapi sepatah tidak boleh berubah, setitik tidak boleh bertukar (H. Datoek Toeah, 1976: 89).

Dalam manuskrip tambo ini juga ada dijelaskan tentang Dato' Perpatih dan Dato' Ketemenggungan yang banyak mendidik anak buah dan orang yang dipimpinnya secara Bersama. Misalnya suatu ketika Dato' Ketemenggungan dan Dato' Perpatih telah melawat ke daerah-daerahnya. Sebagaimana kebiasaan pemimpin bila singgah di tempata lawatannya telah memberi amanat kepada rakyat. Di Koto Anau dan di Selayo mereka memberi amanat. Petaruh yang harus dipegangkan oleh penghulu dalam tiap-tiap negeri dan rakyat harus menanamkan perasaan kasih sayang di dalam hatinya. Kasih itu ada bermacam pula ragamnya, iaitu:

1. Pertama kasih kepada isi negeri. Maksudnya ialah supaya hidup dalam rukun dan damai, tidak berselisih dan turut menurut
2. Kedua kasih kepada negeri. Maksudnya ialah cinta kepada tanah air. Tanah air kampung halaman wajib dibela bermati-matian bila keadaan me mintanya dan dipelihara kampung halaman itu menurut, adat, syarak dan undang-undang
3. Ketiga kasih saying kepada orang kaya-kaya. Ertinya orang kaya-kaya itu bukannya unt uk dibenci dan dijauhi tetapi harus dirapati dan dijadikan sahabat supaya dapat terbuka hatinya sehingga mereka mahu memberikan bantuan dan sumbangannya untuk kemakmuran dalam negeri.
4. Keempat kasih kepada orang tua-tua. Maksudnya orang tua-tua itu sudah banyak memberikan jasa baktinya kepada negeri dan rakyat, mereka sudah lama hidup, banyak pengalaman dan pengetahuannya. Petua-petua mereka berharga dan mereka tidak boleh disingkirkan begitu sahaja. Mana yang tidak mampu wajib diberikan bantuan seperlunya.
5. Kelima kasih kepada orang alim. Maksudnya kita harus cinta kepada ilmu pengetahuan dunia dan akhirat.
6. Keenam kasih kepada orang besar-besar. Ertinya rakyat harus mematuhi perintah orang besar-besar bilamana mereka memberi perintah atas jalan yang lurus dan benar.
7. Ketujuh kasih kepada penghulu yang benar, ertinya harus mematuhi perintah penghulu dalam semua kaum
8. Kelapan kasih kepada orang yang berbicara. Maksudnya nasihat-nasihat orang yang baik harus disimpan dan dilakukan sebaik-baiknya.

Bagaimana pula supaya rakyat malu kepada kita. Hendaklah dipegang enam perkara iaitu:

1. Pertama kuat berpegang atas kebenaran dengan jalan memberikan pelajaran dan nasihat-nasihat yang berguna bagi Masyarakat
2. Kedua kuat berbelanja atas jalan kebaikan bukannya berfoya-foya atas biaya negara atau mengeluarkan biaya-biaya yang kurang perlu untuk pekerjaan yang sebenarnya tidak berharga atau membazir.
3. Ketiga memperbaiki parit dan pagar dalam negeri.
4. Keempat kuat mengusahakan pekerjaan sosial dalam kampung.
5. Kelima tahu akan benar dan salah
6. Keenam kuat menyelesaikan yang kusut dalam negeri.

Amanat yang harus dipegangkan oleh orang yang memegang bicara dalam negeri ada pula empat perkara iaitu:

1. Pertama janganlah berdengki-dengkian
2. Kedua janganhina menghinakan

3. Ketiga jangan bertolong-tolongan atas kerja maksiat
4. Keempat jangan jadi batu api orang berkelahi dan berbantah

Seseorang yang ingin menjadi manusia yang terpuja dan terhormat dalam masyarakat lebih banyak lagi syarat-syaratnya iaitu dua belas macam:

1. Pertama suka memberi makan isi kampung, maksudnya tangan terbuka untuk menolong supaya rakyat mendapat pekerjaan dan membantu mereka ketika kesusahan
2. Kedua kuat mengerjakan kerja kebajikan dan meninggalkan kejahatan
3. Ketiga banyak harta, tetapi banyak harta ini bukan didapati dari hasil rasuah, penyeludupan, penganiayaan, penipuan dan sejenisnya, melainkan dari hasil keringat sendiri secara baik
4. Keempat banyak memberi pengajaran yang baik-baik
5. Kelima berhati suka kepada orang banyak atau bersifat ramah tamah, kaya senyum dan pintar bergaul
6. Keenam lebihkan membuat pekerjaan yang mendatangkan kebaikan
7. Ketujuh semuanya lebih, ertinya terkemuka dalam segala hal pengalaman dan pengetahuan
8. Kelapan belanjanya lebih, maksudnya bukan hidup mewah melainkan menolong orang
9. Kesembilan tidak suka dipuji orang dan tidak marah diumpat orang
10. Kesepuluh kasih sayang kepada rakyat dalam negeri
11. Kesebelas pandai berbicara
12. Keduabelas fasih berbicara

Semua bentuk peringatan di atas patut kita jadikan peraturan dan undang-undang yang perlu dihayati dalam Adat Perpatih kerana semuanya adalah untuk membawa masyarakat ke arah kebaikan dan cemerlang dunia dan akhiratnya. Jika kita menjadi rakyat atau pemimpin maka peringatan inilah yang perlu dikuasai dan diamalkan secara ikhlas dan beramanah. Kekuatan Adat Perpatih nayak menerima pengaruh daripada dua naskah induk Adat Perpatih iaitu Undang-Undang Minangkabau dan Tambo Minangkabau. Kedua-dua mengandungi pelbagai aspek amalan, kepercayaan dan falsafah hidup masyarakat Adat Perpatih termasuk dalam hal pemerintahan dan penentuan hukum (Edwar Djamaris, 1981: 46).

Pada suatu ketika pula melalui manuskrip tambo Minangkabau ini Dato' Ketemenggungan telah mengadakan rapat yang besar dengan dihadiri oleh semua rakyat dari berbagai lapisan. Sudah tentu lengkap dengan malim, manti dan dubalang dari kedua kelasan Koto Piliang dan Bodi Caniago. Paling menarik pesannya bahawa jangan bermusuhan dengan Bodi Caniago kerana mereka sudah mengisi cukai menurut adat lembaganya. Mereka sudah banyak

mendirikan kerajaan, membangunkan balairung adat tempat raja dan rakyatnya bermuafakat. Yang mendirikan dan mengembangkan payung di atas Koto Piliang ialah Bodi Caniago. Jasa Bodi Caniago ini terlalu banyak untuk disebut satu persatu.

Terhadap undang-undang Minangkabau ini menyatakan amalan hukum berasaskan dua sumber utama iaitu hukum adat dan hukum syarak. Hukum syarak bersumberkan Al Quran dan Hadis, sementara hukum adat adalah warisan daripada Dato' Ketemenggungan dan Dato' Perpatih Sebatang. Sekiranya disusun semula sejarah awal undang-undang adat ini dari Mercur Gunung Merapi dapat diandaikan undang-undang tersebut sudah bermula sejak sebelum kedatangan Islam. Ciri-ciri keaslian undang-undang begitu ketara melalui pepatah -petitih adat yang diungkapkan, tersusun dalam aturan cupak, gantang, kata pusaka dan sebagainya. Hal tersebut tersurat dalam Edwar Djamaris (1981: 46), "Adapun hukum dua perkara pertama hukum adat, kedua hukum syarak. Adapun hukum pada adat itulah nan kita terima daripada nenek kita Dato' Ketemenggungan dan Dato' Perpatih Sebatang ialah enam perkara satu cupak yang asli, kedua cupak buatan, ketiga kata pusaka, keempat kata muafakat, kelima kata dahulu ditepati, keenam kata kemudian kata bercari."

Di ceritakan juga dalam manuskrip tambo ini bila mana anak tidak mahu menjadi landasan perahu maka anak buah yang mahu berkorban supaya perahu Dato' Perpatih sebatang boleh belayar maka setelah belayar diputuskan bahawa yang bakal menerima harta pusaka nanti adalah anak buah yang sanggup berkorban. Anak sendiri menganggap perkara ini tidak penting maka tiada pengorbanannya, jadi ia tidak layak mendapat harta pusaka dan keputusan yang diambil ini juga setelah diminta pendapat cerdik pandai iaitu Cati Bilang Pandai dan bukan keputusan sendiri sahaja. Ertinya ada muafakat untuk mencari suatu keputusan yang terbaik dan inilah yang menjadi panduan dalam membahagikan harta pusaka kemudiannya.

Cadangan ini dilihat selari dengan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959 kerana apa yang perlu ditinjau adalah teras yang ada di Negeri Sembilan itu sendiri dan bukan yang dibawa masuk dari luar. Sedangkan teras Negeri Sembilan itu sahaja cukup banyak jika digali, walaupun pengkaji akur Adat Perpatih datang dari Minangkabau. Jika hendak diambil teras dari Minangkabau ia cukup sekadar untuk membuat perbandingan sahaja untuk mencari kekuatan. Pengkaji bawakan bukti Bab 8- Syarat Am fasal 32 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959 bahawa perlu diselongkar adat yang ada di Negeri Sembilan itu sendiri dan diperkukuhkan.

“Dikecualikan sebagaimana yang ada dinyatakan dalam ini, maka bahagian ini tiadalah menyentuh aturan dan adat Negeri Sembilan zaman perbakala itu mana-mana yang tidak berlawanan kehendak dengan bahagian ini akan berjalan seperti dahulu juga.”

Apa yang diusulkan dalam bab ini menyentuh kuasa dan wibawa dewan. Kebenaran dari dewan adalah perlu. Jika ada kebenaran mohon lampirkan suratnya. Jadi sebab itu pengkaji katakana jangan diambil teras Minangkabau secara bulat-bulat tanpa ada analisis perbandingan dengan Teras Adat Perpatih, Negeri Sembilan. Pengkaji sarankan bahawa membongkar teras yang ada di Negeri Sembilan itu sudah cukup hebat dan hal ini tidak pernah di bukukan dan jika adapun adalah dalam bentuk eceran sahaja. Sedangkan pengkaji sendiri mengkaji soal tanjak Dendam Tak Sudah dan siapakah yang layak memakainya secara ilmiah tanpa ada kebenaran Dewan Keadilan dan Undang pun sudah ribut pentadbir adat di Negeri Sembilan. Pihak kepimpinan adat di Negeri Sembilan pun mahu bezakan bahawa Adat Perpatih di Negeri Sembilan tidak sama dengan Adat Minangkabau. Jadi pengkaji nasihatkan perlu berhati-hati dalam soal ini. Dato’ Undang Sungai Ujong sendiri dan pemimpin adatnya menyatakan Sungai Ujong tidak mengamalkan Adat Perpatih. Dato’ Abu Samah Mahat pula menjelaskan Luak Johol mengamalkan Adat Benarv dan bukan Adat Perpatih. Pengkaji sarankan supaya dibuat analisis secara ilmiah kerana jelas berdasarkan suku-suku yang ada di Luak Johol amalannya adalah Adat Perpatih.

Mengapa harus diambil teras Minangkabau sebagai panduan sedangkan Negeri Sembilan mempunyai sumber asli peraturan adatnya yang cukup banyak yang boleh dijadikan panduan untuk membentuk teras Adat Perpatih Negeri Sembilan yang unik dan sebagai identiti warisan bangsa. Bahan-bahan tersebut banyak bersifat manuskrip dan baharulah dapatan kajian ini boleh dibanggakan oleh Negeri Sembilan dan bukan hanya sekadar salin atas menyalin sahaja. Manuskrip tersebut setaraf dengan Sulalatus Salatin, Hikayat Merong Mahawangsa dan Hikayat Hang Tuah. Di antara manuskrip yang dimaksudkan ialah Undang-Undang Minangkabau oleh Edmar Djamaris 1981. Tokoh ini telah terbitkan naskhah tersebut. Di dalamnya terkandung:

1. Keterangan tentang pusaka Koto Piliang dan Bodi Caniago
2. Fasal tentang orang berdakwa
3. Keterangan tentang adat
4. Pembahagian nagari dan orang yang memerintah
5. Fasal saksi
6. Hukum adat dan hukum syarak
7. Martabat raja, penghulu, Menteri, hulubalang, orang muda, fakir dan lain-lain lagi
8. Hutang Menteri

9. Hukum dan hutang hakim
10. Keterangan tentang dakwa dan mendakwa
11. Keterangan tentang dunia, adat dan syarak
12. Undang-undang adat, pusaka, gadai, kisas dan lain-lain lagi

Perlu juga ditinjau Undang-Undang adat Seri Menanti, Sejarah Raja-Raja Negeri Sembilan, Tambo Johol, Tambo Kuala Pilah, Tambo Naning, Buku-buku lama tulisan orientalis Barat. Malahan ada juga penulisan dari tokoh sejarah Jepun yang pernah menyatakan jika hendak mencari syurga datanglah ke Naning. Ada juga buku-buku lama penulisan tokoh-tokoh zaman SITC, Tanjong Malim, Perak, teras Adat Perpatih ini juga banyak pada kelisanan dan juga kes-kes adat yang pernah berlaku terdahulu yang boleh dijadikan contoh dan bahan bukti. Bahan dari tambo- hukum adat dan hukum syarak tambo lama dan undang-undang adat cukup banyak yang belum diselongkar lagi.

Kekuatan Adat Perpatih banyak menerima pengaruh daripada dua naskhah induk Adat Perpatih iaitu Undang-Undang Minangkabau dan Tambo Minangkabau. Kedua-duanya mengandungi pelbagai aspek amalan, kepercayaan dan falsafah hidup masyarakat Adat Perpatih termasuk dalam hal pemerintahan dan peraturan hukum (Kajian Edwar Djamaris, 1981: 46). Terhadap undang-undang Minangkabau ini menyatakan amalan hukum berasaskan dua sumber yang utama iaitu Hukum Adat dan Hukum Syarak dan perlu juga dimasukkan Akalbudi.

Hukum Syarak bersumberkan Al Quran dan Hadis dan sementara hukum adat adalah warisan daripada Dato' Ketemenggungan dan Dato' Perpatih Sebatang. Sekiranya disusuli semula sejarah awal undang-undang adat ini dari mercu Gunung Merapi, dapat diandaikan undang-undang tersebut sudah bermula sejak sebelum kedatangan Islam lagi. Ciri-ciri keaslian undang-undang begitu ketara melalui pepatah-petitih adat yang diungkapkan tersusun dalam aturan cupak, gantang, kata pusaka dan sebagainya. Hal ini tersurat dalam 1981: 46.

“Adapun hukum dua perkara pertama hukum adat, kedua hukum syarak. Adapun hukum pada adat itulah nan kita terima daripada ninik kita Dato' Ketemenggungan dan Dato' Perpatih Sebatang ialah enam perkara, satu cupak yang asli, kedua cupak buatan, ketiga kata pusaka, keempat kata muafakat, kelima kata dahulu ditepati, keenam kata kemudian kata mencari”

Undang-Undang Minangkabau dan Tambo Minangkabau dua naskhah induk Adat Perpatih yang memiliki kedudukan yang tersendiri sebagai karya Agung Melayu. Kedua-duanya berperanan sebarikan Adat Perpatih ke seluruh pelosok Negeri Sembilan. Ada lagi contoh:

1. Undang-Undang nan Sembilan pucuk
2. Undang-Undang Minangkabau di Perak
3. Undang-Undang Keturunan Guru Haji Abdul Kahar tersurat undang-undang, hukum adat, hukum syarak, bercupak, bergantung dan lain-lain lagi

Diceritakan perselisihan Dato Perpatih Sebatang dan Dato Ketemenggungan dalam bentuk pantun:

Buah pala bunganya hitam
 Kayu kelat berangkai-rangkai
 Kepala ia sama hitam
 Pendapat berbagai-bagai

Kayu kelat berangkai-rangkai
 Rumput seruta di kendang kuda
 Sungguh pendapat berbagai-bagai
 Suratnya ke pusaka jua

Dari pantun ini kiasannya permasalahan adat balik kepada pusaka jua yang banyak tersurat dan tersirat di Negeri Sembilan. Saya ulang balik bahawa ada manuskrip Aturan Seri Menanti, Sejarah Raja-Raja Dan Adat Istiadat Negeri Sembilan, Teromba Kuala Pilah, Terombo Johol dan Undang-Undang Sungai Ujong. Penulis bawakan bukti ini kerana banyak bahan di Negeri Sembilan yang sudah tersusun dan kenapakah masih hendak diambil dari Minangkabau. Tidak selari dengan yang dikatakan Negeri Sembilan ada kelainan dengan Minangkabau yang selalu dicanangkan.

Sudah ada penjelasan tentang Adat yang sebenar adat, Adat yang diadatkan, Adat yang teradat dan Adat Istiadat. Saya bawakan penjelasan yang lebih jelas untuk penulis faham. Penerangan perlu terus kepada maksud supaya mudah difahami. Masalah adat merupakan masalah yang punya peranan penting di dalam hidup bermasyarakat kerana adat itu adalah tatacara hidup dalam Menyusun hubungan antara anggota masyarakat. Semua adat ini bersendi syarak dan berpedoman pada hukum-hukum Islam dan adat ini sentiasa dipertahan kerana tidak lapuk oleh hujan dan tidak lekang oleh panas. Ada 4 pedoman masalah adat yang perlu dijadikan teras iaitu:

1. Adat yang sebenar adat
2. Adat yang diadatkan
3. Adat yang teradat
4. Adat Istiadat

1. Adat yang sebenar adat ialah peraturan yang seharusnya menurut alur dan patut, menurut Agama Islam (Syarak), menurut perikemanusiaan, adil dan beradab. Adat yang ini datangnya dari ayat Allah dan banyak dipelajari dari Alam terkembang. Bermula sejak Nabi Adam lagi misalnya dalam soal perkahwinan dan juga dalam soal mengurus kematian dan lain-lain lagi.
